PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)

TAJUK : PROJEK PENTERNAKAN BABI SECARA MODEN YANG DIRANCANGKAN OLEH KERAJAAN NEGERI SELANGOR

1. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Sila sebutkan status projek tersebut.

b) Apakah masalah yang dihadapi untuk menjayakan projek tersebut?

c) Jangkaan keuntungan yang dapat dihasilkan setelah projek ini dijalankan?

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri masih di dalam peringkat menyenarai pendek syarikat yang layak untuk membangunkan 'Modern Pig Farming' (MPF). Pemilihan syarikat perlu dijalankan dengan teliti kerana syarikat perlu mempunyai peruntukan kewangan yang kukuh untuk membuat pengambilan balik tanah di bawah KTN 3(i)(b)-pengambilan balik tanah bagi maksud ekonomi.

b) Terdapat dua (2) masalah utama di dalam melaksanakan 'Modern Pig Farming'(MPF) iaitu masalah tanah untuk dijadikan tapak MPF dan peruntukan yang tinggi untuk membangunkan MPF. Masalah tanah kini telah dapat diselesaikan dan bagi mengatasi masalah kewangan maka Kerajaan Negeri hanya akan memilih syarikat yang mempunyai peruntukan kewangan yang kukuh sahaja.

c) Keuntungan projek ini dapat dilihat dari dua (2) sudut iaitu dari segi ekonomi permintaan daging babi akan mempunyai pasaran untuk dieksport dan bukan tertumpu kepada pasaran tempatan sahaja. Ini bermakna penternak akan mendapat tambahan pendapatan daripada aktiviti ternakan babi. Sementara itu, dari sudut alam sekitar, masalah pencemaran alam yang telah sekian lama menghantui penduduk sekitar akan dapat diatasi.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)

TAJUK : PERBEDAAN KEMAJUAN DI BAWAH PBT DAN PEJABAT DAERAH

2. Perbezaan ketara dari segi kemajuan kawasan di bawah pentadbiran PBT dengan pentadbiran di bawah pejabat Daerah melalui penghulu dan ketua-ketua kampung.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Tidakkah perbezaan pentadbiran di atas menjadikan kawasan kampung terus ketinggalan?

b) Mengapakah tidak disatukan kedua pentadbiran, agar penduduk kampung mendapat kemudahan yang didapati oleh penduduk di PBT?

c) Apakah faktor kemiskinan menyebabkan penduduk kampung tidak dapat diberi kemudahan yang sama kepada mereka seperti penduduk di taman-taman di bawah PBT?

JAWAPAN :

Pentadbiran PBT adalah tertakluk kepada peruntukkan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) yang menyatakan mana-mana kawasan yang ditawarkan di bawah Akta ini menjadi tanggungjawab PBT tersebut untuk mentadbir dan mengurus kawasannya. Walau bagaimanapun, untuk mentadbir dan mengurus kawasannya bergantung pada kemampuan PBT tersebut dari segi sumber kewangan yang diperoleh dan sumber manusia yang ada. Bagi mengatasi masalah tersebut, PBT membahagikan kawasan operasi bermaksud kawasan yang diberi perkhidmatan (kerana dikenakan cukai) dan kawasan luar operasi yang tidak diberi perkhidmatan (tidak dikenakan cukai).

a) Untuk makluman, kawasan kampung tidak akan ketinggalan dari aspek pembangunan kerana dari segi perancangan telah mengambil kira kawasan perbandaran dan luar bandar. Yang membezakan adalah dari segi pengurusan sahaja yang dibahagikan iaitu kawasan operasi (dikenakan cukai) dan kawasan luar operasi (tidak dikenakan cukai).

b) Kawalan secara dasarnya merangkumi semua kawasan termasuk bandar dan luar bandar seperti mana yang digariskan di dalam undang-undang sedia ada. Cuma yang membezakan adalah **perkhidmatan perbandaran** sahaja yang tidak diberikan kerana **cukai taksiran tidak dikenakan**. Sekiranya penduduk kampung bersetuju untuk dikenakan cukai taksiran agar perkhidmatan, maka pihak PBT akan memberikan perkhidmatan sewajarnya. Walau bagaimanapun perkara ini perlu mendapat persetujuan kesemua kampung yang terlibat di dalam kawasan yang dicadangkan untuk perluasan kawasan operasi yang mana akan melibatkan pembayaran cukai taksiran seperti mana rumah kediaman di kawasan bandar.

c) Faktor kemiskinan penduduk kampung sama sekali **tidak dijadikan asas** untuk pemberian perkhidmatan pembandaran. Faktor utama yang diambil kira adalah **cukai taksiran yang dibayar** oleh pemegang harta kepada PBT untuk menanggung kos perkhidmatan yang diberikan seperti yang telah diperuntukkan di dalam Akta 171.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)

TAJUK : KEMAJUAN SUKAN NEGERI

3. Semakin hari kemajuan atlet-atlet yang mewakili Selangor bertanding dalam acara-acara sukan semakin berkurangan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

a) Apakah usaha bagi memastikan mereka semua bangkit semula?

b) Kemajuan teknologi dan bakat muda tidaklah harus di persiakan. Apakah strategi dan inisiatif yang dirangka oleh pihak yang berwajib bagi memastikan mereka berterusan berusaha gigih bagi membaiki rekod dan pencapaian individu?

JAWAPAN :

a) Pencapaian atlet Negeri Selangor buat masa ini berada di tahap yang amat membanggakan dan jika dilihat di peringkat antarabangsa khasnya kebanyakan atlit yang mewakili negara adalah atlit yang berasal dari Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, sebagai badan yang dipertanggungjawabkan untuk memastikan kecemerlangan sukan di Negeri ini, Majlis Sukan Negeri Selangor sentiasa peka atas perkara tersebut dan telah mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memastikan atlit-atlit ini terus mempamerkan kecemerlangan khususnya ketika bertanding. Kebanyakan atlit yang bertanding di peringkat kebangsaan adalah atlit yang masih di dalam program pembangunan bertujuan memberikan pendedahan kepada mereka untuk mempertingkatkan prestasi masing-masing. Manakala atlit-atlit elit kebanyakannya telah diserapkan di dalam program kebangsaan dan memberikan tumpuan sepenuhnya untuk kejohanan antarabangsa. Oleh yang demikian, pihak Majlis akan sentiasa melahirkan bakat-bakat baru untuk diketengahkan melalui program-program pembangunan sukan yang telah dijalankan bersama persatuan-persatuan sukan negeri dan juga program Pelapis Majlis Sukan Negara.

b) Sukan pada ketika ini boleh diklasifikasikan sebagai sukan prestasi tinggi yang menuntut kepada pendekatan yang lebih saintifik dan sistematik. Ini memerlukan pelbagai gabungan tenaga dan pengetahuan yang tinggi dalam usaha untuk memperbaiki rekod dan pencapaian individu terutamanya dalam sukan. Pendekatan ini bermula dari peringkat akar umbi untuk menentukan potensi bakat-bakat muda ini, pendekatan sains sukan digunakan untuk melihat kemampuan atlit-atlit ini supaya boleh memilih sukan yang sesuai berdasarkan kecenderungan sistem genetik dan komposisi tubuh badan masing-masing. Rekod-rekod akan diambil dan dianalisis sepenuhnya untuk menentukan keseragaman yang di perlukan untuk melahirkan atlit yang cemerlang. Melalui unit sains sukan dan kejurulatihan juga, telah menggunakan kaedah saintifik dan peralatan berteknologi tinggi dalam proses melahirkan atlit dan memperbaiki prestasi pencapaian atlit. Penggunaan teknologi ini juga tidak terhad kepada proses untuk meningkatkan prestasi malah turut digunakan untuk mencegah kecederaan dan membantu proses pemulihan dengan lebih cepat untuk meningkatkan pencapaian dengan kadar yang segera.

Walau bagaimanapun, disebabkan penggunaan teknologi yang tinggi ini turut meningkatkan kos yang lebih tinggi dan penggunaan perancangan sistematik dalam membentuk atlit-atlit adalah lebih sesuai dan telah menunjukkan hasil yang amat ketara semenjak pendekatan sains sukan diperkenalkan di negeri ini. Perancangan sistematik ini termasuklah sistem latihan dan pemulihan yang mana hasilnya hampir sama terutamanya dalam melahirkan bakat-bakat baru. Ianya turut memberi kesan yang mendalam ke atas atlit-atlit tersebut dan meningkatkan motivasi yang tinggi untuk memperbaiki pencapaian masing-masing.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)

TAJUK : INFRASTRUKTUR

4. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Berapakah jumlah peruntukan untuk menyelenggara jalan-jalan kampung di Negeri Selangor yang disalurkan oleh Kerajaan Pusat sepanjang tahun 2008 mengikut pecahan daerah?

b) Bilakah jalan utama Parit 6 menuju ke Main Canal akan dinaiktaraf secara menyeluruh?

c) Bilakah Jalan Cross Bund 1 Parit 7 menuju ke Parit 8 yang rosak dan berlekak–lekuk sepanjang kira-kira 1 kilometer akan diperbaiki untuk kemudahan para petani?

JAWAPAN :

a) Sebanyak RM 19,623,064.13 peruntukan telah disalurkan oleh Kerajaan Pusat ke sembilan daerah bagi tujuan menyelenggara jalan-jalan kampung di Negeri Selangor sepanjang tahun 2008. Jumlah peruntukan mengikut pecahan daerah adalah seperti berikut:

JUMLAH PERUNTUKAN PERSEKUTUAN 2008 BAGI PENYELENGARAAN JALAN KAMPUNG MENGIKUT DAERAH DI NEGERI SELANGOR

BIL.	DAERAH	JUMLAH (RM)
1.	Petaling	2,300,000.00
2.	Klang	2,306,000.00
3.	Gombak	2,530,000.00
4.	Hulu Langat	1,403,000.00
5.	Sepang	3,130,000.00
6.	Kuala Langat	2,385,000.00
7.	Kuala Selangor	2,210,000.00
8.	Hulu Selangor	1,385,976.73
9.	Sabak Bernam	1,973,087.40
JUMLAH KESELURUHAN PERUNTUKAN PERSEKUTUAN 2008 BAGI PROJEK JALAN KAMPUNG DI NEGERI SELANGOR		**RM 19,623,064.13**

Peruntukan tersebut telah disalurkan melalui Pejabat Daerah dan Tanah yang bertindak selaku Pegawai Penguasa Projek. Walau bagaimanapun selepas Mac 2008, peruntukan Kerajaan Pusat tersebut hanya disalurkan melalui Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Selangor dan tidak lagi disalurkan melalui Pejabat Daerah dan Tanah.

Kerajaan Negeri tidak mempunyai maklumat projek-projek yang dilaksanakan Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Selangor selepas Mac 2008.

b) Jalan utama Parit 6 menuju ke Main Canal sepanjang 6 km adalah jalan negeri *single carriageway* dibawah seliaan JKR dan jalan ini masih lagi mampu menampung bilangan trafik yang ada.

Buat masa ini pihak JKR tiada perancangan untuk menaik taraf jalan utama Parit 6 menuju ke Main Canal secara menyeluruh dan kerja menaik taraf adalah bergantung kepada peruntukan sedia ada. Namun kerja-kerja penyelenggaraan telah dan akan di buat dari semasa ke semasa.

c) Jalan Cross Bund 1 Parit 7 menuju ke Parit 8 adalah berstatus jalan pertanian yang telah diturap. Kerosakan berlaku adalah disebabkan jalan tersebut digunakan oleh jentera pertanian serta kenderaan yang memungut hasil pertanian dan ianya bukanlah jalan utama bagi penduduk ke Pekan Sekinchan.

Buat masa ini pihak Kerajaan Negeri tiada perancangan untuk menurap semula kawasan tersebut kerana menyedari kerosakan tersebut akan berulang akibat penggunaan jentera pertanian dan kenderaan yang memungut hasil pertanian. Walau bagaimanapun penyelenggaraan telah dan akan di buat dari semasa ke semasa bergantung kepada peruntukan sedia ada.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)

TAJUK : BAYARAN LANJUTAN TEMPOH PAJAKAN

5. Semasa pembayaran melanjutkan tempoh pajakan tanah kediaman.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Adakah kerajaan mewajibkan pengutipan tabung perkuburan Islam.

b) Jika ya, kenapa?

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri tidak mewajibkan kutipan bayaran caruman kubur bagi tanah bangunan kediaman ke atas pemilik tanah individu yang memohon untuk perlanjutan tempoh pajakan tanah. Kutipan caruman perkuburan bagi tapak kubur Islam dan Bukan Islam hanya disyaratkan dalam keadaan berikut:

1) Syarat tambahan dalam kelulusan permohonan tukar syarat tanah dan pecah sempadan bagi tanah untuk tujuan kediaman atau bercampur berkeluasan kurang daripada 250 ekar. Untuk pembangunan kediaman atau bercampur berkeluasan melebihi 250 ekar, pemilik dikehendaki menyediakan tapak perkuburan Islam dan Bukan Islam.

2) Syarat tambahan bagi kelulusan tukar syarat tanah kepada bangunan kediaman.

3) Syarat tambahan bagi kelulusan pemberimilikan tanah kepada individu/pemaju untuk tujuan bangunan kediaman.

b) Rujuk jawapan di atas.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL
(TAMAN TEMPLER)

TAJUK : HAB / INDUSTRI HALAL

6. Hab atau Industri Halal boleh menjadi tarikan untuk menggalakkan pelabur Timur Tengah dan Eropah datang melabur.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Di manakah taman perindustrian Selangor yang beroperasi untuk dijadikan Hab Halal dan apakah status perkembangannya?

b) Apakah strategi kerajaan untuk mempromosi dan menggalakkan pelaburan berdasarkan Industri Halal?

c) Apakah bentuk inisiatif yang boleh diberikan oleh kerajaan untuk menggalakkan pelaburan dalam Industri Halal di kawasan Hab Halal?

JAWAPAN :

a) Taman perindustrian Selangor yang beroperasi untuk dijadikan Hub Halal dan apakah status perkembangannya adalah seperti berikut;-

1) Selangor Halal Hub, Pulau Indah (SHHPI) yang berkeluasan lebih kurang 1,000 ekar beroperasi di Taman Perindustrian Pulau Indah, Pulau Indah, Pelabuhan Klang terletak bersebelahan dengan Pelabuhan Barat yang dihubungi oleh 120 negara melalui rangkaian sistem syarikat perkapalan ke 500 pelabuhan di dunia.

2) SHHPI di majukan oleh Central Spectrum (M) Sdn Bhd (CSSB) yang merupakan anak syarikat Kumpulan Hartanah Selangor Berhad dan juga ahli Kumpulan Darul Ehsan Berhad.

3) SHHPI telah menerima pengiktirafan Halal Industry Development Corporation (HDC) sebagai HDC Designated Halal Park pada 15 Ogos 2008.

4) SHHPI di majukan dalam 3 fasa; 218 ekar di SHHPI Fasa 1 daripada 220 ekar telah pun di jual kepada 10 pelabur dengan nilai jualan berjumlah RM133 juta.

5) Kilang-kilang yang telah beroperasi di SHHPI Fasa 1 ialah Premium Agro Products Sdn. Bhd. dan Oleon Sdn. Bhd. (Syarikat daripada Belgium). Manakala PML Dairies Sdn. Bhd. (anak syarikat Fraser & Neave Holdings Berhad) dengan nilai pelaburan RM 350 juta sedang dalam pembinaan dan dijangka beroperasi pada tahun 2011.

6) CSSB telah memulakan kerja-kerja infrastruktur bagi Bahagian A SHHPI Fasa 2 (107 ekar) pada bulan Disember 2008 dan dijangka siap pada Jun 2010. Bahagian B SHHPI Fasa 2 (172 ekar) dijangka dimulakan pada Disember 2009 dan dijangka siap pada Disember 2010. Sejumlah 6.22 ekar di SHHPI Fasa 2 telah dijual kepada 5 pelabur.

7) SHHPI Fasa 3 mempunyai keluasan 281 ekar dan Kebenaran Merancang telah diluluskan oleh Majlis Perbandaran Klang (MPK). Pelaksanaan kerja-kerja infrastruktur bagi SHHPI Fasa 3 ini dijangka bermula pada akhir tahun 2010.

b) Strategi kerajaan untuk mempromosikan dan menggalakkan pelaburan berdasarkan Industri Halal melalui misi-misi pelaburan dalam dan luar negeri dengan SSIC Berhad, Malaysia Industry Development Authority (MIDA), Malaysia External Trade Development Corporation (MATRADE) dan Halal Industry Development Corporation (HDC) dan melalui pameran dan promosi Malaysia International Halal Showcase (MIHAS) yang diadakan setiap tahun.

c) Inisiatif yang diberikan adalah dalam bentuk insentif kerajaan melalui Malaysia Industry Development Authority (MIDA), Ministry of Agriculture (MOA) dan Inland Revenue Board (IRB) yang boleh dipohon oleh pelabur-pelabur seperti :-

- 'Pioneer Status / Investment Tax Allowance'
- 'Reinvestment Allowance'
- 'Accelerated Depreciation Allowance'
- 'Tax Deduction'
- 'Import Duty and Sales Tax Exemptions'
- 'R&D Incentive' – memperkayakan kualiti
- 'Double Deduction' – untuk mempromosikan eksport dan jenama Malaysia.
- 'Single Deductions' – pensijilan halal
- 'Incentives for Food Production'
  i) 'Incentives for existing companies which reinvest'
  ii) 'Tax Incentives for 'Halal' Food Production'
- 'Incentives for Reinvestment in Food Processing Activities'.

Dan dengan pengiktirafan SHHPI sebagai HDC Designated Halal Park oleh HDC, pelabur-pelabur yang berada di SHHPI boleh menikmati insentif-insentif seperti berikut :-

1) '*Full income tax exemption for period of 10 years or 100% income tax exemption on capital expenditure for a period of 5 years.'*

2) *'Exemption from import duty and sales tax on equipment, components and machinery used directly in the Cold Room Operation in accordance to prevailing policies.*'

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(SEMENYIH)

TAJUK : PENJUALAN ARAK

7. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

a) Berapakah bilangan lesen yang dikeluarkan untuk premis menjual minuman keras mengikut PBT-PBT?

JAWAPAN :

a) Tiada lesen yang dikeluarkan oleh PBT dalam penjualan Arak berikutan ia di bawah kuasa Kastam Diraja Malaysia yang diluluskan oleh Lembaga Pelesenan Eksais Daerah. Berikut bilangan premis yang berlesen menjual minuman keras di Selangor:

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	BILANGAN PREMIS
1.	Majlis Bandaraya Shah Alam	67
2.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	375
3.	Majlis Perbandaran Klang	185
4.	Majlis Perbandaran Ampang jaya	19
5.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	194
6.	Majlis Perbandaran Selayang	72
7.	Majlis Perbandaran Kajang	136
8.	Majlis Perbandaran Sepang	70
9.	Majlis Daerah Kuala Selangor	7
10.	Majlis Daerah Kuala Langat	4
11.	Majlis Daerah Hulu Selangor	149
12.	Majlis Daerah Sabak Bernam	124
JUMLAH		**1402**

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)

TAJUK : PEMBERIAN KERAJAAN PERSEKUTUAN KEPADA KERAJAAN NEGERI

8. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Senaraikan semua bentuk pemberian atau geran dalam bentuk kewangan daripada Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri dan agensi-agensinya pada tahun 2006 hingga 2009.

JAWAPAN :

a) Jumlah peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Pusat kepada Agensi / Jabatan dan Kerajaan Negeri sehingga 31 Oktober 2009 adalah sebanyak RM428,458,236.35. Anggaran jumlah keseluruhan Pemberian Kerajaan Persekutuan kepada Negeri Selangor pada akhir tahun adalah sebanyak RM502,270,119.42.

Pemberian Geran Jalanraya Berdasarkan Sistem Maklumat Rekod-Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS) ini merupakan Pemberian yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan secara bulanan dalam jumlah RM25,080,525 setiap bulan. Sehingga 31 Oktober 2009, jumlah yang telah diterima oleh Negeri Selangor adalah sebanyak RM225,724,723.

Pemberian Berdasarkan Tahap Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup (Tahap) adalah bertujuan membatu negeri-negeri khususnya Negeri yang tahap pembangunan yang masih rendah rendah berupaya melaksanakan projek-projek pembangunanya dengan matlamat pembangunan sosioekonomi yang seimbang di seluruh negara. Terimaan Pemberiaan Tahap bagi Negeri Selangor adalah berjumlah RM15,959,000.

Pemberian 5% bagi Projek Kerajaan Persekutuan yang Dijalankan oleh Kerajaan Negeri diberikan selaras dengan peruntukan Perkara 80(5), Perlembagaan Persekutuan membenarkan Kerajaan Negeri menuntut sejumlah bayaran perkhidmatan bagi projek-projek Persekutuan yang dilaksanakan. Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan RM8,922,130 sebagai Pemberian 5% Negeri Selangor.

Pemberian Bagi Perbelanjaan Mengurus (50%) Bagi Jabatan-Jabatan Di Bawah Senarai Bersama merupakan bayaran yang membiayai 50% daripada kos pengurusan Jabatan-jabatan dibawah Senarai Bersama dibawah Perlembagaan Persekutuan iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Jabatan Pengaliran dan Saliran. Jumlah terimaan di bawah Pemberian ini bagi tahun 2009 adalah sebanyak RM31,933,253.

Pemberian 50% Peruntukkan Pengurusan Lembaga Muzium Negeri Selangor Dan Perbadanan Perpustakaan Negeri Selangor adalah Pemberian berdasarkan prinsip yang sama seperti Pemberian Bagi Perbelanjaan Mengurus (50%) Bagi Jabatan-Jabatan Di Bawah Senarai Bersama tetapi untuk Lembaga Muzium Negeri dan Perbadanan Perpustakaan Negeri . Pemberiaan ini disalurkan terus kepada kedua Agensi ini melalui KeKWa dan bukan Kerajaan Negeri. Anggaran Pemberian ini bagi tahun 2009 adalah sebanyak RM8,407,528.

Pemberian Khas Negeri Selangor (Pemberian Pampasan Kuala Lumpur Dan Putrajaya) adalah pampasan tahunan Kerajaan Persekutuan kepada Negeri Selangor ke atas kehilangan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Jumlah Perberian tahunan yang diberikan adalah sebanyak RM25,805,638.

Pemberian Bilangan Penduduk (Capitation Grant) adalah Pemberian yang di buat berdasarkan kepada perkara 109(1)(a), Perlembagaan Persekutuan berpandukan jumlah penduduk sesuatu Negeri. Negeri Selangor telah menerima bagi tahun 2009 sebanyak RM72,762,148.

Pemberian Pertambahan Hasil di buat di bawah Akta Pemberian Pertambahan Hasil 1977 dan Akta Pemberian Pertambahan Hasil (Pindaan)1990 berdasarkan prinsip *"revenue sharing"* iaitu apabila terdapat pertambahan di dalam hasil Kerajaan Persekutuan di dalam sesuatu tahun kewangan. Jumlah terimaan Negeri Selangor bagi Pemberian ini adalah berjumlah RM27,156,465.

Pemberian Bantuan 50% Bil Elektrik Pihak Berkuasa Tempatan adalah merupakan bantuan Kerajaan Persekutuan bagi meringgankan tanggungan bil elektrik PBT. Pemberian ini disalurkan terus kepada PBT melalui Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan. Jumlah terimaan bagi tahun 2009 adalah berjumlah RM11,787,351.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)

TAJUK : AHLI MAJLIS

9. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Apakah prestasi Ahli Majlis lantikan selepas Mac 2008 dan adakah KPI's digunakan dalam penilaian tersebut?

b) Senaraikan jumlah peruntukan Ahli Majlis setiap PBT bagi tahun 2008, 2009.

c) Adakah kerajaan bersedia melantik Ahli Majlis sepenuh masa dengan membayar emolumen yang setimpal?

JAWAPAN :

a) Keseluruhan prestasi yang ditunjukkan oleh Ahli-ahli Majlis PBT bagi penggal 2008/2009 telah menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan penuh dedikasi, berkesan serta amat memuaskan. Terdapat hanya segelintir Ahli Majlis sahaja yang kurang aktif dalam penyampaian perkhidmatannya yang mungkin perlu diberi lebih pendedahan mengenai peranan sebagai Ahli Majlis.

Untuk makluman, Kerajaan Negeri telah menetapkan sebelas (11) KPI's bagi menilai prestasi Ahli-ahli Majlis penggal 2008/2009 dan di antara aspek-aspek yang dinilai adalah seperti kehadiran Ahli Majlis ke Mesyuarat di PBT, komitmen, komunikasi, disiplin serta keaktifan seseorang Ahli Majlis dalam menghubungkan di antara Pihak Berkuasa Tempatan dengan penduduk setempat.

b) Jumlah peruntukkan yang diterima oleh setiap Ahli Majlis bagi penggal 2008/2009 mengikut PBT adalah seperti jadual berikut:-

BIL	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	JUMLAH PERUNTUKAN (SETAHUN)(RM)
1	Majlis Bandaraya Shah Alam	40,000.00
2	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	100,000.00
3	Majlis Perbandaran Klang	20,000.00
4	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	50,000.00
5	Majlis Perbandaran Subang Jaya	100,000.00
6	Majlis Perbandaran Selayang	30,000.00
7	Majlis Perbandaran Kajang	10,000.00
8	Majlis Perbandaran Sepang	15,000.00
9	Majlis Daerah Kuala Selangor	10,000.00
10	Majlis Daerah Hulu Selangor	10,000.00
11	Majlis Daerah Kuala Langat	10,000.00
12	Majlis Daerah Sabak Bernam	5,000.00
	Jumlah Keseluruhan	**400,000.00**

Untuk makluman, peruntukkan yang dibekalkan kepada setiap Ahli Majlis adalah bergantung pada kemampuan PBT masing-masing dan pengeluaran peruntukkan adalah berdasarkan permohonan yang dibuat oleh seseorang Ahli Majlis. Peruntukkan tersebut merangkumi perbelanjaan keseluruhan bagi program atau aktiviti yang ingin dijalankan terutamanya yang melibatkan masyarakat setempat.

c) Buat masa ini, Kerajaan Negeri belum mencadangkan untuk melantik Ahli Majlis PBT secara sepenuh masa dengan membayar emolumen yang setimpal sepertimana yang dicadangkan. Pembayaran elaun tetap dan elaun mesyuarat kepada Ahli Majlis yang dilaksanakan sekarang adalah memadai pada masa ini berdasarkan kepada kemampuan kewangan PBT. Dalam pada masa yang sama, Ahli Majlis masih boleh meneruskan kerjaya lain sebagai pendapatan tetap mereka.

LAMPIRAN A

SENARAI KEKOSONGAN KERUSI AHLI MAJLIS
DI PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI SELANGOR

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	ORGANISASI	STATUS KEKOSONGAN	CATATAN	NAMA AHLI MAJLIS
1	Majlis Bandaraya Shah Alam	NGO/Pro	1	-	
2	Majlis Perbandaran Klang	DAP	1	Meletak Jawatan pada 1 November 2008	Encik Yap Beng Lee
3	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	PKR	1	-	
		NGO/Pro	1	Meletak Jawatan pada 1 Januari 2009	Encik Loh Kiat Khiong
		NGO/Pro	1	Meletak Jawatan pada 1 Mei 2009	Encik Azman Shah bin Mohd Yusof
4	Majlis Perbandaran Sepang	NGO/Pro	1	-	
		PKR	1	Meletak Jawatan pada 11 Februari 2009	Puan Norhayati Binti Dato' Hj Zainuddin
		PAS	1	Mohon untuk cari pengganti pada 26 Mei 2009	Mohd Jamal Bin Awang
5	Majlis Daerah Kuala Selangor	PKR	1	Meletak Jawatan pada 12 November 2008	Encik Koo Chin Min
6	Majlis Daerah Hulu Selangor	NGO/Pro	1	-	
		DAP	1	Meletak Jawatan pada 10 Oktober 2008	Encik K Annamalai Ramu A/L Kandasamy
7	Majlis Daerah Kuala Langat	NGO/Pro	1	-	
8	Majlis Daerah Sabak Bernam	PKR	1	Meletak Jawatan pada 26 November 2008	Encik Mohd Roduan Bin Hambali
JUMLAH KESELURUHAN			**13**		

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)

TAJUK : KESIHATAN

10. Kebelakangan ini pejabat ADUN Kota Damansara telah menerima beberapa aduan tentang kebersihan, sampah berbau busuk dan dihurung lalat serta tikus.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Senaraikan denda yang telah dikeluarkan oleh pihak PBT terhadap mereka yang bertanggungjawab tentang kebersihan kawasan dan bangunan.

b) Berapa pegawai kesihatan yang ditugaskan untuk memantau isu-isu kesihatan di kawasan ini?

JAWAPAN :

a) Perkhidmatan pembersihan di kawasan perumahan kos rendah di Kota Damansara dijalankan oleh pihak pengurusan yang dilantik oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Jenis kompaun yang telah dikeluarkan oleh Pihak Majlis Bandaraya Petaling Jaya untuk tahun 2009 adalah seperti berikut:-

BIL	JENIS	BIL. KOMPAUN
i)	UUK 6 PSS MBPJ 09 – Tidak menggunakan tong sampah sempurna. - Kediaman - Premis Perniagaan - Kilang	 25 39 0
ii)	Sek. 47 (1)(A) Akta 133 – Membuang sampah sarap dan sisa binaan seperti simen keras, batu-batu, kayu, jubin dan lain-lain di belakang kedai. - Premis Perniagaan	 10
iii)	UUK 5 PPPSS (MBPJ 2009) – Melonggok sampah sarap, kayu-kayu, perabot lama. - Kediaman - Premis Perniagaan - Kilang	 5 13 0

b) Di bawah Bahagian Kawal Selia, Jabatan Kesihatan Persekitaran, Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menempatkan seorang Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran (Kanan) dengan dibantu seorang Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran dan Pembantu Kesihatan Awam untuk memastikan kerja-kerja pemantauan kebersihan dijalankan di kawasan tersebut.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)

TAJUK : KOSUJA

11. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Bilakah KOSUJA di MPSJ didaftarkan dan apakah matlamat KOSUJA?

b) Sila berikan butir-butir sejak tarikh pendaftaran hingga tarikh semasa seperti rekod kewangan, ahli pengarah, ahli biasa, senarai program dan kos yang telah digunakan serta senarai aset.

JAWAPAN :

a) Koperasi Subang Jaya Berhad (KOSUJA) telah ditubuhkan pada 19 April 2001 di bawah Akta Koperasi 1993 yang didaftarkan oleh Pendaftar Koperasi Negeri Selangor Bil Daftar : B – 3 – 0326.

Matlamat KOSUJA :-

Meningkatkan taraf ekonomi kakitangan dengan pemberian kemudahan secara terus berbentuk dividen kepada kakitangan selaras dengan peruntukan S13, Akta Kerajaan Tempatan 1976 di mana Majlis diberi kuasa untuk menguruskan hal-ehwal perniagaan dan pelaburan sendiri dan dengan kewujudan koperasi ini dapat membantu Majlis untuk menceburi bidang perniagaan sendiri.

b)

	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008
Ahli biasa	160	274	274	278	279	280	291	291
Modal syer	6,400	33,400	36,000	37,000	39,100	39,690	65,820	65,820
Dividen	Tiada	10%	10%	10%	10%	10%	10%	Menunggu AGM

Senarai aset:-

i) Dua (2) `billboard' – RM49,000.00;

ii) Sistem Setinggan – RM40,000.00;

iii) Dua (2) unit komputer – RM4,300.00.

Senarai Program :

1) Sebagai pembekal alat tulis
2) Menjadi konsultan /penyelia Majlis ('Event Management')
3) Mengurus latihan.
4) Mengurus makanan & minuman.
5) Tabung Kebajikan Am - Memberi bantuan kewangan kepada keluarga anggota sebanyak RM500 atas kematian anggota, RM 200 atas kematian waris dan RM300 kepada anggota yang sakit kronik/ditimpa kemalangan/bencana alam.

Senarai aset:-

1) Dua (2) `billboard' – RM49,000.00;
2) Sistem Setinggan – RM40,000.00;
3) Dua (2) unit komputer – RM4,300.00.

Ahli Lembaga

1) Dato' Ahmad Fuad Bin Ismail
2) Dato' Arpah Bt Abd Razak
3) Hj Mohd Fadzil Bin Mahat
4) Hajah Anita Bt Abd Jalil
5) Hj Slamat Bin Hamzah
6) Ainon bt Imbi
7) Azura Bt Mohd Don
8) Sharifah Rohaida Bt Abd Rahman
9) Y.M Raja Amir Iskandar Bin Raja Azlan
10) Hamizun Bt Mohd Basar
11) Aida Bt Omar

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)

TAJUK : SUMBANGAN PNSB KEPADA PEKAWANIS

12. Sejak penubuhannya sehingga Ogos 2009, PNSB telah mengeluarkan sejumlah RM110,557.40 sumbangan kepada PEKAWANIS:

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Bagaimanakah sumbangan ini disalurkan; adakah secara pembayaran langsung atau dimasukkan dahulu ke dalam akaun PEKAWANIS?

b) Apakah proses dan prosedur yang diguna pakai oleh PNSB bagi meluluskan permohonan daripada PEKAWANIS?

c) Apakah garis panduan yang diberikan oleh Kerajaan kepada PNSB agar penyaluran dana daripada PNSB seperti yang telah berlaku kepada BALKIS tidak berulang?

JAWAPAN :

a) Pembayaran sumbangan kepada PEKAWANIS disalurkan dengan tiga cara iaitu :

1) Bayaran dibuat terus kepada PEKAWANIS melalui *'Telegrafic Transfer'* ke dalam Akaun PEKAWANIS.
2) Bayaran dibuat terus kepada pembekal yang telah menyediakan perkhidmatan/bekalan bagi menjayakan program-program PEKAWANIS.
3) Bayaran dibuat secara tunai terus kepada penerima yang dikenal pasti oleh PEKAWANIS. Contohnya: anak-anak yatim / warga emas / ibu tunggal / orang fakir dan miskin.

b) Proses dan prosedur yang diguna pakai oleh PNSB bagi meluluskan permohonan daripada PEKAWANIS adalah seperti berikut:

1) Permohonan akan dibawa ke dalam Mesyuarat Pengurusan PNSB untuk mendapatkan kebenaran untuk menyumbang.
2) Pengurusan PNSB akan memohon kelulusan daripada Ahli Lembaga Pengarah PNSB.
3) Pembayaran hanya akan dibuat setelah dipersetujui oleh Ahli Lembaga Pengarah PNSB.

c) Walaupun tiada garis panduan tertentu yang diberikan oleh Kerajaan, pihak Pengurusan PNSB akan sentiasa memantau bagi memastikan segala bentuk majlis anjuran PEKAWANIS adalah bertepatan dengan sumbangan yang diberikan. PEKAWANIS juga diminta untuk mengemukakan resit penerimaan sumbangan dan menyediakan laporan aktiviti serta butiran dana yang di sumbang oleh PNSB yang telah dibelanjakan dan dianjurkan. Ringkasan terkini (Oktober 2009) bagi sumbangan yang telah di sumbang oleh PNSB kepada PEKAWANIS adalah seperti di Lampiran.

Lampiran 1

PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD
RINGKASAN BAYARAN UNTUK PROGRAM PEKAWANIS

TARIKH	NAMA PROGRAM	NAMA PENERIMA	BUTIR-BUTIR	JUMLAH
7 September 2008	Majlis Berbuka Puasa Bersama	PPIM Rumah Solehah	Sumbangan	5,000.00
	Ibu Tunggal Dan Warga Emas	Adzan Trading	Penyediaan Door gift (biskut raya) kepada ibu tunggal & warga emas	12,400.00
		Ibu tunggal & Warga emas	Sumbangan wang tunai kepada 230 orang	23,000.00
		Kookija Company	Cookire kepada ibu tunggal	3,740.00
		Pemandu bas	Tambang bas (DUN Batu 3, Sri Andalas, Ijok & Meru)	3,850.00
		Ustaz Firdauz	Sumbungan wang tunai kepada imam	500.00
		Ustazah Maznah Daud	Sumbungan wang tunai kepada penceramah agama	300.00
		Bilal	Sumbungan wang tunai kepada bilal	100.00
			Jumlah	**48,890.00**
13 September 2008	Majlis Berbuka Puasa Bersama	Anak-anak yatim	Sumbangan wang tunai kepada 500 anak yatim	15,000.00
	Anak-anak Yatim	Anak-anak yatim	Door gift (coklat, kad raya, MILO drink, biskut tiger & TimTam)	14,034.40
		Pemandu bas	Tambang bas (DUN Taman Medan, Gombak Setia & Kota Anggerik)	2,560.00
		Imam	Sumbungan wang tunai kepada imam	500.00
		Bilal	Sumbungan wang tunai kepada bilal	100.00
		Penceramah	Sumbungan wang tunai kepada penceramah	200.00
		Adik Muawwiz	Penasyid	200.00
		Fahrin PRO	MC	100.00
		Kookija Company	Penyediaan Cenderahati kepada YAB MB & YAM Tg Putri Arafiah	260.00
			Jumlah	**32,954.40**
17 September 2008	Majlis Tadarrus & Khatam Al-Quran	Maahad Tahfiz Zahrah	Sumbangan cek	4,000.00
	Bersama Madrasah Tahfiz	Maahad Tahfiz Hira'	Sumbangan cek	3,000.00
		Maahad Tahfiz AlHusni	Sumbangan cek	3,000.00
		Adzan Trading	Penyediaan giftbox (kek lapis & tamar) kepada para pelajar / tetamu	7,500.00
		Adzan Trading	Penyediaan Cenderahati kepada VVIP	660.00
		Adzan Trading	Penyediaan Cenderahati kepada AJK	840.00
		Mohamad Maharizal	Tambang bas pelajar Maahad Tahfiz	900.00
		Aminah Traditional Kitchen	Penyediaan serunding kepada 300 pelajar / tetamu	3,100.00
		Ustazah Asmah	Sumbungan wang tunai kepada imam	300.00
		Puan Shamsiah	Pengendali Majlis Khatam Al-Quran	200.00
		Tunai	Buku doa	420.00
		Tunai	Sticker	50.00
			Jumlah	**23,970.00**
23 September 2008	Majlis Bersama Rumah Solehah	Tunai	Penyediaan hand bouquet Datin Jasmin	98.00
	Di Sheraton, Subang	Tunai	Pembelian buku-buku sebagai cenderahati	145.00
			Jumlah	**243.00**

TARIKH	NAMA PROGRAM	NAMA PENERIMA	BUTIR-BUTIR	JUMLAH
10 Mei 2009	Majlis Amal "Hi-Tea" Apresiasi Ibu Sempena Hari Ibu	Tunai - tajaan meja	Sumbangan bertujuan mengumpul dana bagi kebajikan Ibu Tunggal dan anak-anak yatim	500.00
			Jumlah	**500.00**
22 Mei 2009	Program untuk warga emas dan Penduduk Blok 10, Desa Mentari 2, Petaling Jaya Selatan Sempena Sambutan Hari Ibu 2009	Mydin Mohamed Holdings	Penyediaan goody bags (bath towel, julie cheese cracker, milo refill) kepada warga emas dan penduduk	3,600.00
		Tunai	Sumbangan wang tunai kepada pelajar cemerlang SPM	400.00
			Jumlah	**4,000.00**
16 Ogos 2009	Majlis kesyukuran sempena menyambut Ramadhan untuk warga OKU dari Kelab Kecacatan Fizikal Klang (KKFK)	Mydin Mohamed Holdings	Penyediaan goody bags (beras, milo, tepung, minyak dan susu) termasuk pengangkutan dari Mydin ke lokasi majlis	3,240.40
			Jumlah	**3,240.40**
24 Ogos 2009	Acara penyampaian sumbangan sempena Sambutan Ramadhan 2009 PEKAWANIS Bersama ADUN Serata Selangor	Mydin Mohamed Holdings	Penyediaan 1323 goody bags (beras, milo, tepung, minyak dan susu) - diagihkan ke 25 kawasan DUN dan 3 kawasan Parlimen Penerima sumbangan adalah golongan ibu tunggal / warga emas	73,570.82
		Mohd Norhaizam Bin A. Rahman	Kos pengangkutan lori bagi menghantar 'goody bags' sumbangan ke lokasi majlis	5,200.00
		Maznah Binti Daud	Membekalkan 1300 buah buku bertajuk Fadilat Ramadhan bagi disumbangkan kepada penerima bantuan.	3,770.00
			Jumlah	**82,540.82**
6 Oktober 2009	Acara penyampaian sumbangan sempena Sambutan Deepavali 2009 PEKAWANIS Bersama Ibu Tunggal Dan Warga Emas Serata Selangor	PEKAWANIS	- Sumbangan dibuat kepada PEKAWANIS untuk membiayai pembelian barangan bekalan harian seperti muruku, beras, tepung, minyak, gula dan milo untuk diagihkan kepada 1358 orang penerima. - Sumbangan juga bertujuan untuk membiayai jamuan makan dan tambang bas untuk membawa penerima ke lokasi yang ditentukan.	55,000.00
			Jumlah	**55,000.00**
			JUMLAH KESELURUHAN	**251,338.62**

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)

TAJUK : TAPAK PERKUBURAN PELBAGAI KAUM DI SELANGOR

13. Tapak perkuburan pelbagai kaum di Selangor semakin berkurangan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Apakah langkah-langkah Kerajaan Selangor untuk mengatasi masalah ini?

b) Berapakah permohonan tapak perkuburan setakat ini?

JAWAPAN :

a) Bagi penyelesaian untuk mengatasi masalah kekurangan tanah perkuburan telah dibincangkan di dalam Retreat Exco Halatuju Perancangan dan Pembangunan Negeri Selangor 2025 pada 29-30 Julai 2008.

Hasil daripada Retreat Exco tersebut, Kerajaan Negeri menyediakan Laporan Halatuju Perancangan dan Pembangunan Negeri Selangor 2025 yang telah di bentang dan diluluskan di dalam Dewan Undangan Negeri Selangor Ke 12 pada Mac 2009.

Laporan Halatuju tersebut telah menetapkan penyediaan ***Integrated Regional Cemetry*** untuk menampung penyediaan tanah perkuburan bagi pembangunan khususnya di Daerah Petaling, Klang, Hulu Langat, Gombak dan Sepang. Kerajaan Negeri akan menentukan lokasi yang sesuai untuk ***Integrated Regional Cemetry*** bagi menampung keperluan tanah perkuburan semasa dan akan datang untuk seluruh daerah di Negeri Selangor.

Bagi pembangunan lot-lot kecil, Kerajaan Negeri mengenakan syarat bayaran caruman sebanyak RM 62.50 bagi setiap satu unit rumah. Bagi pembangunan berskala besar sebagai contoh 250 ekar, pihak pemaju perlu menyediakan tanah perkuburan di dalam cadangan tapak pembangunannya sendiri.

Soalan tambahan kepada soalan a)

Apakah piawaian yang digunakan di Negeri Selangor untuk tapak perkuburan?

Berdasarkan piawaian tanah perkuburan di dalam Manual Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor yang telah diluluskan oleh MMKN ke 28/2007 bertarikh 3 Oktober 2007 untuk pemakaian di semua Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Selangor adalah seperti jadual berikut:

Piawaian Tanah Perkuburan

Hierarki Penempatan	**Bilangan Penduduk**	**Tanah Perkuburan**	
		Islam	**Bukan Islam**
a. Bandar Besar	200,000 +	25 hek (61.8 ek)	15 hek *(37.1 ek)*
b. Bandar kecil atau Pekan	75,000-200,000	10-25 hek (24.7-61.8 ek)	5-15 hek (12.4-37.1 ek)
c. Kawasan Kejiranan	10,000-75,000	2-10 hek (5-24.7 ek))	0.4-1.2 hek (1-3 ek)

Nota : Setiap tambahan bagi penduduk berikutnya, perlu tambahan sebanyak 0.0001 hek (0.0005 ek) kawasan perkuburan.

b) Jawapan seperti di lampiran A.

Lampiran 'A'

NO	DAERAH	TAPAK PERKUBURAN			JUMLAH
		ISLAM	CINA	INDIA	
1.	Sabak Bernam	42	5	3	50
2.	Kuala Selangor	2	1	2	5
3.	Kuala Langat	18	6	2	26
4.	Sepang	16	1	1	18
5.	Klang	15	-	1	16
6.	Hulu Selangor	-	-	-	-
7.	Hulu Langat	12	2	-	14
8.	Petaling	21	1	-	22
9.	Gombak	1	1	-	2
JUMLAH KESELURUHAN		**127**	**17**	**9**	**153**

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)

TAJUK : PENGURUSAN SAMPAH

14. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

a) Berikan penjelasan berhubung perancangan Kerajaan Negeri mengambil alih semula pengurusan sampah / pembersihan sisa pepejal dan bilakah tarikhnya.

JAWAPAN :

a) Untuk makluman semua Ahli Dewan Negeri Selangor, Kerajaan Negeri masih belum membuat sebarang keputusan untuk mengambil alih pengurusan sampah dan pembersihan awam dari Alam Flora Sdn Bhd. Namun begitu Kerajaan Negeri telah mengkaji peruntukan Akta 672 dan telah mengambil langkah proaktif dengan mengemukakan senarai permintaan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan jika sekiranya Akta 672 ini akan dikuatkuasakan kelak. Senarai permintaan ini merangkumi segala aspek pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.

Namun kita masih lagi menantikan maklum balas terhadap senarai permintaan yang telah dikemukakan ini.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN EDWARD LEE POH LIN
(BUKIT GASING)

TAJUK : BEKALAN AIR - SYABAS

15. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

a) Apakah kedudukan atau status terkini berkenaan pembelian semula syarikat SYABAS oleh Kerajaan Negeri?

b) Pernahkah satu penyelidikan dan kajian yang terperinci dilakukan bagi menentukan kualiti air yang dipakai dan diminum oleh rakyat dan kalau ya, apakah penemuan kajian?

c) Adakah Kerajaan Negeri sedar akan kesan-kesan kualiti air pada kesihatan rakyat dan kalau adanya hubungan-hubungan penyakit seperti kanser dan keracunan logam berat dengan kualiti air di Negeri Selangor?

JAWAPAN :

a) Rundingan mengenai penstrukturan semula industri perkhidmatan air di Negeri Selangor telah dibuat semenjak tahun 2008 lagi. Pada 12 Februari 2009, Kerajaan Negeri Selangor telah mengemukakan tawaran awal sejumlah RM5.7 bilion kepada Pemegang Konsesi. Namun demikian, kesemua Pemegang Konsesi Air telah menolak tawaran tersebut atas alasan bahawa nilai yang ditawarkan itu adalah rendah dan tidak cukup untuk menampung obligasi hutang Pemegang Konsesi.

Lanjutan dari penolakan oleh Pemegang Konsesi terhadap tawaran asal tersebut, penstrukturan semula industri perkhidmatan air Negeri Selangor telah mencapai jalan buntu. Bagi mengatasi kebuntuan tersebut, Kerajaan Persekutuan telah memulakan semula rundingan dengan Kerajaan Negeri Selangor. Rundingan semula ini telah bermula pada 25 Mei 2009 di mana satu jawatan kuasa penstrukturan semula industri air negeri Selangor telah diwujudkan di peringkat Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KTTHA). Mesyuarat Jawatan Kuasa penstrukturan tersebut dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KTTHA dan dianggotai oleh agensi Kerajaan Persekutuan iaitu Kementerian Kewangan, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Peguam Negara, Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN). Pasukan dari Kerajaan Negeri Selangor yang diketuai oleh Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri dan anggotanya terdiri dari Y.B. Penasihat Undang-undang, Y.B. Pegawai Kewangan Negeri, Unit Perancang Ekonomi Negeri, Penasihat Kewangan kepada YAB Dato Menteri Besar, Pegawai Penyelidik kepada YAB Dato Menteri Besar, wakil Pejabat kepada YAB Dato Menteri Besar dan Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) adalah turut menjadi ahli di dalam Jawatan Kuasa Penstrukturan peringkat Kerajaan Persekutuan.

Peranan dan Tanggungjawab jawatan kuasa penstrukturan semula industri air Negeri Selangor adalah seperti berikut:-

1) Mengkaji dan menilai cadangan konsep model penstrukturan dan opsyen yang sesuai dan praktikal untuk dilaksanakan selari dengan Akta Industri Perkhidmatan Air (Akta 655).

2) Melaksanakan opsyen yang telah dipersetujui termasuk mengadakan rundingan dengan semua pihak yang terlibat dalam penstrukturan semula ini mengikut opsyen yang telah dipersetujui.

3) Memperakukan hasil rundingan kepada pihak yang membuat keputusan iaitu:

   i) KTTHA memperakukan kepada Kabinet; dan

   ii) Kerajaan Negeri Selangor memperakukan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

4) Menyediakan perjanjian yang berkaitan dengan penstrukturan semula industri perkhidmatan air Negeri Selangor.

Antara 25 hingga 29 Mei 2009, Kerajaan Negeri Selangor telah membentangkan model penstrukturan semula Negeri Selangor ke dalam Jawatan kuasa tersebut. Model yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah pengambil alihan kesemua Syarikat Konsesi Air di Selangor dan seterusnya satu operator yang terdiri dari syarikat milik penuh Kerajaan Selangor akan dilantik *Single Operator* dalam mengendalikan perkhidmatan air secara holistik bermula dari rawatan hingga pengagihan air kepada pengguna di Negeri Selangor.

PAAB turut membentangkan opsyen penstrukturan di mana SYABAS dan Puncak Niaga disatukan sebagai operator yang dilesenkan oleh SPAN untuk agihan dan rawatan manakala ABASS dan SPLASH dikekalkan sebagai operator rawatan dan diberikan *authorisation* oleh SPAN.

Namun Jawatan Kuasa akhirnya bersetuju supaya Model Selangor digunakan di dalam rundingan bersama Pemegang Konsesi. Lanjutan dari persetujuan ke atas Model Selangor, pasukan rundingan dengan Pemegang Konsesi telah mengujudkan Jawatan Kuasa Induk Rundingan dan Jawatan Kuasa Kerja di peringkat Negeri Selangor. Jawatan Kuasa Induk Rundingan diketuai oleh Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor turut dianggotai oleh wakil dari KTTHA adalah berperanan untuk mengemukakan dan merundingkan harga tawaran kepada Pemegang Konsesi. Manakala Jawatan Kuasa Kerja diketuai oleh Penasihat Kewangan kepada YAB Dato Menteri Besar Selangor dan dihadiri oleh wakil dari Syarikat Konsesi Air. Jawatan Kuasa Kerja adalah berperanan untuk membincangkan dengan wakil Syarikat Konsesi secara terperinci dari segi kewangan yang berkaitan dengan harga yang telah ditawarkan tersebut dan seterusnya melaporkan kepada Jawatan Kuasa Induk Rundingan. Rundingan dengan Pemegang Konsesi telah dimulakan oleh Jawatan Kuasa Induk Rundingan dan Jawatan Kuasa Kerja bermula semenjak 10 Jun 2009.

Dalam rundingan bersama Syarikat Konsesi, Kerajaan Negeri telah memaklumkan bahawa pengambilalihan aset-aset air oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah tertakluk kepada syarat-syarat:

1) Penjualan aset-aset air tersebut kepada PAAB secara serentak(*back to back)* oleh Kerajaan Negeri Selangor; dan

2) Pemberian lesen di bawah Akta Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) kepada Kerajaan Negeri Selangor melalui syarikat nomini untuk pengagihan dan rawatan air di Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Pada 25 Jun 2009, Kerajaan Negeri Selangor telah mengemukakan surat tawaran untuk pengambilalihan syarikat konsesi air kepada keempat-empat operator air di Negeri Selangor. ABASS bersetuju menerima tawaran Kerajaan Negeri Selangor, SPLASH setuju dengan syarat Kerajaan Negeri Selangor perlu memberi komitmen kepada kontrak jangka panjang O & M sedia ada, manakala SYABAS tidak dapat menerima tawaran kerana apa jua keputusan SYABAS adalah tertakluk kepada keputusan bertulis dari Kementerian Kewangan yang merupakan Pemegang Saham Emas dalam SYABAS dan Puncak tidak bersetuju dengan kaedah penilaian aset yang diguna pakai dalam menentukan nilai tawaran tersebut.

Selain dari tawaran kepada Syarikat Konsesi Air, Kerajaan Negeri Selangor telah mengadakan perbincangan dengan beberapa syarikat juruaudit bebas bagi tujuan melantik syarikat tersebut untuk melaksanakan proses ketekunan wajar (*due diligence)* dalam langkah untuk mengambil alih syarikat –syarikat konsesi air tersebut. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri Selangor telah berbincang dengan panel peguam bagi tujuan untuk penyediaan dokumen perjanjian yang terlibat dalam pengambilalihan syarikat konsesi tersebut.

Namun demikian, kerana SYABAS dan Puncak tidak bersetuju menerima tawaran Kerajaan Negeri Selangor, Kerajaan Persekutuan melalui KTTHA berpandangan bahawa Kerajaan Negeri Selangor tidak dapat memuktamadkan penstrukturan semula industri perkhidmatan air mengikut Model Negeri Selangor. Lanjutan dari itu, KTTHA telah memaklumkan bahawa Jemaah Menteri telah bersetuju supaya Model yang pernah dikemukakan oleh PAAB dahulu digunakan sebagai Model alternatif dalam melaksanakan penstrukturan semula ini. Model alternatif ini masih lagi di peringkat rundingan Jawatan Kuasa Penstrukturan semula Industri Perkhidmatan Air yang diketuai oleh KTTHA di mana Kerajaan Negeri Selangor adalah merupakan ahli di dalamnya.

b) Kerajaan Negeri Selangor melalui Jabatan Kesihatan Negeri Selangor secara berterusan menjalankan kawalan terhadap kualiti air minuman yang dipengerusikan oleh Pengarah Kesihatan Negeri Selangor. Jawatankuasa ini sentiasa memastikan kualiti air minuman adalah mencapai tahap standard Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO).

Dalam hal ini, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor mempunyai parameter-parameter yang khusus bagi memastikan kualiti air minuman mematuhi standard WHO. Antara parameter yang diambil kira adalah seperti berikut :

Bil.	Parameter	Standard Pematuhan (MG/L max)
1.	Kekeruhan	Kurang 5 N.T.U.
2.	Warna	15 H.U.
3.	pH	6.5 - 9.0
4.	Florida	0.7 - 0.9
5.	Baki Klorin	1.5 - 2.0
6.	Total Disolved Solid	1000
7.	CCE	0.5
8.	Chloride (C1)	250
9.	Anionic Detergent (MBAS)	1.0
10.	Ammonia (as N)	0.5
11.	Nitrate (as N)	10
12.	Iron (as Fe)	0.3
13.	Hardness (as CaCO3)	500
14.	Aluminium	0.2
15.	Manganese	0.1
16.	Mercury	0.001
17.	Cadmium	0.005
18.	Selenium	0.01

Bil.	Parameter	Standard Pematuhan (MG/L max)
19.	Arsenic	0.05
20.	Cyanide	0.1
21.	Lead	0.05
22.	Chromium	0.05
23.	Silver	0.05
24.	Copper	1.0

c) Seperti mana sedia maklum Kerajaan Negeri Selangor mempunyai Jawatankuasa Kawalan Mutu Air Minuman di bawah bidang kuasa Jabatan Kesihatan Negeri Selangor yang mematuhi standard mutu air minuman WHO. Sehingga kini, mutu air minuman di negeri Selangor yang dibekalkan oleh SYABAS adalah di peringkat yang terbaik dan tiada sebarang pelanggaran kualiti yang berkait dengan logam berat. Sehubungan dengan itu, penduduk Negeri Selangor adalah selamat untuk menggunakan pakai air yang dibekalkan pihak SYABAS.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)

TAJUK : PROJEK PENYUSUNAN SEMULA KAMPUNG BARU

16. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Apakah polisi yang ditentukan oleh Kerajaan Negeri dalam kelulusan projek pembangunan semula kampung baru?

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri masih dalam peringkat kajian kawasan-kawasan tertentu yang sesuai untuk dibangunkan semula termasuk kampung-kampung baru yang sesuai. Buat masa ini belum ada satu polisi yang khusus terhadap kelulusan projek pembangunan semula Kampung Baru diluluskan oleh Kerajaan Negeri.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)

TAJUK : SELANGOR *FRUITS VALLEY*

17. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status terkini berhubung projek *Selangor Fruits Valley* di Batang Berjuntai terutamanya yang melibatkan penanaman belimbing.

JAWAPAN :

a) *Selangor Fruits Valley* mempunyai dua komponen utama iaitu tanaman buah-buahan tropika di *Selangor Fruits Valley* dan *Selangor Tropical Fruit Garden* bagi sektor agro pelancongan. PKPS merancang untuk menukarkan jenis tanaman di *Selangor Fruits Valley* daripada tanaman buah-buahan tropika kepada tanaman kelapa sawit. Manakala projek di *Selangor Tropical Fruit Garden* dikekalkan.

Perancangan penanaman kelapa sawit di kawasan *Selangor Fruits Valley* dibuat berdasarkan kepada kelulusan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 4 Julai 2007. PKPS yakin dengan kemampuan serta mempunyai kepakaran dalam sektor perladangan kelapa sawit di samping mempunyai pasaran yang sedia ada serta terbukti lebih menguntungkan. Ini juga selaras dengan saranan oleh Jemaah Ahli PKPS yang menetapkan hala tuju baru PKPS dengan memberi fokus kepada perladangan kelapa sawit. PKPS akan mengekalkan seluas 200 hektar kawasan tersebut untuk penanaman buah-buahan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)

TAJUK : DEWAN ORANG RAMAI DI TAMAN IMPIAN EHSAN

18. Kawasan DUN Balakong kekurangan balai raya dan dewan orang ramai untuk kegunaan aktiviti penduduk taman seperti Taman Impian Ehsan, Taman Seri Timah, Taman Sutera dan lain-lain lagi.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor bercadang memperuntukkan bajet untuk mendirikan balai raya atau dewan orang ramai di taman-taman di kawasan DUN Balakong?

JAWAPAN :

a) Majlis Perbandaran Kajang tidak mempunyai peruntukan bagi pembinaan dewan. Pembinaan dewan sebelum ini menggunakan peruntukan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Kerajaan Negeri.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)

TAJUK : PROJEK PEMBERSIHAN SUNGAI KLANG

19. Projek pembersihan Sungai Klang yang dilancarkan oleh Kerajaan Negeri Selangor pada bulan Julai 2009.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Apakah perkembangan terbaru sehingga hari ini?

b) Apakah masalah yang dihadapi?

JAWAPAN :

a) Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) telah menganjurkan bengkel konsultasi awam dengan NGO dan wakil-wakil penduduk untuk mendapatkan pendapat dan pandangan mengenai Projek Sungai Klang.

Inventori guna tanah masih di dalam proses. Proses ini dibahagikan kepada tiga bahagian, dengan bahagian Klang sudah diselesaikan. Bahagian Shah Alam, Subang Jaya dan Petaling Jaya sedang dalam proses pelaksanaan, manakala bahagian Ampang Jaya akan dilaksanakan tidak lama lagi.

Kerajaan Negeri Selangor juga telah menawarkan dokumen 'Request for Business Proposals' (RFP) kepada syarikat-syarikat swasta. Sebanyak 37 syarikat telah membeli dokumen ini, dan 12 daripada syarikat-syarikat tersebut telah menghantar cadangan mereka. Cadangan-cadangan ini sedang dalam proses penilaian oleh *Taksforc*e Projek Sungai Klang dan pakar-pakar untuk pemilihan projek.

Pada masa yang sama, satu pasukan perancang profesional juga sedang dalam proses untuk membuat 'vision plan' projek ini. Pada peringkat ini, pelan sedang dibuat untuk kawasan Klang.

Program yang melibatkan orang awam akan diadakan tidak lama lagi. Kerajaan Negeri sedang bekerjasama dengan sebuah NGO yang berpengalaman luas berkenaan sungai iaitu Global Environment Centre (GEC) untuk menggalakkan penglibatan orang awam dan komuniti di dalam kerja-kerja pembersihan sungai. Pada peringkat berikutnya, Kerajaan Negeri berharap agar mendapat kerjasama sekolah-sekolah, institusi pengajian tinggi (IPT) dan setiap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) yang berkenaan di sepanjang Sungai Klang.

Berdasarkan jadual kerja yang disediakan oleh Sekretariat Projek, selepas penilaian, cadangan akan dipilih sebelum hujung tahun 2009 dan kerja-kerja pemuliharaan dan pembangunan dijangka akan bermula pada suku pertama 2010.

b) Masalah yang dihadapi:

1) Pencemaran yang datang dari kawasan Kuala Lumpur ialah masalah yang besar. Air Sungai Klang mengalir ke Kuala Lumpur dari Ampang Jaya berada pada tahap Kelas 2. Manakala dari Kuala Lumpur mengalir ke kawasan Petaling Jaya adalah pada tahap Kelas 3 atau 4. Ini menunjukkan bahawa kawasan Kuala Lumpur menyumbang kepada pencemaran kualiti air yang mengalir masuk ke dalam Selangor dan menjadi satu masalah kepada Negeri Selangor.

2) Oleh kerana dana pembangunan tidak disalurkan secara terus kepada Kerajaan Negeri tetapi melalui Pejabat Pembangunan Negeri yang dikawal oleh Jabatan Perdana Menteri, Projek Sungai Klang ini adalah projek yang dilaksanakan sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri. Tanpa dana untuk projek negeri daripada Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri bergantung kepada kerjasama daripada syarikat-syarikat swasta untuk memenuhi objektif untuk membersihkan Sungai Klang.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)

TAJUK : PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI DI BUKIT PANDAN DUN TERATAI

20. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Sila nyatakan status projek tersebut.

b) Adakah projek tersebut diambil alih oleh syarikat lain? Jika ada sila berikan nama syarikat dan latar belakangnya.

JAWAPAN :

a) Untuk makluman Yang Berhormat, projek terbengkalai yang dikenal pasti di Bukit Pandan merupakan dua (2) blok Kondominium 15 tingkat yang dikenali Nusa Mewah Villa Kondominium yang dibangunkan oleh Tetuan Mudi Angkasa Development Sdn Bhd. Projek ini merupakan projek yang telah didaftarkan di bawah Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan no. lesen pemajuan: 8255/06-2006/718 dan di bawah pemantauan KPKT.
Pembangunan projek ini melibatkan pembinaan 360 unit rumah yang dijual pada harga jualan RM 132,000.00 seunit dan semua unit telah terjual. Berdasarkan perjanjian jual-beli yang ditandatangani pembeli pada tahun 2001, tempoh siap pembinaan adalah selama 36 bulan daripada tarikh perjanjian yang mana sepatutnya siap pada pertengahan tahun 2004. Namun demikian, projek ini tidak dapat dilaksanakan mengikut jadual pembangunan yang dirancang disebabkan oleh kenaikan kos pembinaan. Dengan itu, kontraktor asal yang telah dilantik telah ditamatkan kontrak pada tahun 2007 yang mana ketika itu kerja pembinaan telah mencapai 60 % siap. Dalam usaha meneruskan usaha pemulihan projek tersebut, pemaju telah bersetuju melantik kontraktor baru iaitu Passlink Sdn Bhd. pada 1 Ogos 2007 dan dijangka siap pada pertengahan tahun 2008.

Walau bagaimanapun projek berkenaan masih belum dapat dilaksanakan semula sehinggalah pada 13 Mac 2008, Mahkamah Tinggi mengenakan perintah penggulungan ke atas pemaju Mudi Angkasa Development Sdn Bhd dan Mahkamah melantik Ferrier Hodgson MH Sdn Bhd sebagai pelikuidasi (liquidator). Sehingga kini projek masih belum dapat dipulihkan dan masih terbengkalai.

b) Pada masa ini, pelikuidasi iaitu Ferrier Hodgson MH Sdn Bhd memaklumkan bahawa pihaknya sedang berusaha memulihkan semula projek ini berdasarkan proses penstrukturan semula syarikat di bawah peruntukan Seksyen 176 Akta Syarikat 1965. Jangkaan masa untuk mendapatkan perintah Mahkamah tersebut adalah selama 2 bulan dan seterusnya akan mengenal pasti penyelamat bagi tujuan memulihkan projek ini.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)

TAJUK : PENGURUSAN PASIR MASIH BERMASALAH

21. Walaupun usaha dilakukan untuk mengatasi masalah pengurusan pasir, tetapi masalah belum dapat diatasi.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Sejauh manakan peraturan yang dikenakan dapat mengatasi masalah pengurusan pasir?

b) Mengapakah kecurian pasir masih berlaku?

c) Berapakah taksiran kerugian yang dialami kerajaan berbanding dengan dapatan?

JAWAPAN :

a) Sejak dasar baru dilaksanakan melalui penubuhan Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KKSB) masalah kecurian pasir telah dapat diatasi sedikit demi sedikit. Unit Penguatkuasaan Pejabat Tanah di seluruh Negeri Selangor telah mengadakan Operasi Statik untuk mengurangkan masalah kecurian pasir di 'kawasan-kawasan panas'. Setakat ini melalui KKSB, Kerajaan Negeri telah berjaya mengawal lebih kurang 70% daripada pasaran pasir di Negeri Selangor.

b) Masalah kecurian pasir masih berlaku kerana terdapat segelintir tuan tanah enggan bekerjasama dengan KSSB walaupun Kerajaan Negeri telah melaksanakan dasar baru bagi tanah beri milik. Selain itu, hasil pemerhatian mendapati terdapat kecurian pasir berlaku di atas tanah beri milik yang berkeluasan kurang 50 ekar.

c) Taksiran kerugian yang dialami oleh kerajaan adalah sebanyak RM728,000 manakala pendapatan melalui royalti adalah RM4.16 juta bagi tahun 2009.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)

TAJUK : PROJEK PEMBANGUNAN

22. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Senaraikan projek-projek pembangunan yang telah dilaksanakan di DUN Meru sejak tahun 2005 sehingga kini?

b) Senaraikan projek-projek pembangunan infrastruktur yang telah dirancang dan ditangguhkan perlaksanaannya?

c) Senaraikan projek-projek tebatan banjir yang telah dirancang dan belum dilaksanakan di DUN Meru?

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri Selangor sememangnya komited untuk melaksanakan projek-projek pembangunan di Negeri Selangor. Berikut adalah senarai projek-projek pembangunan yang telah dilaksanakan di DUN Meru dari tahun 2005 sehingga kini :

TAHUN	BIL	NAMA PROJEK	KOS PROJEK (RM)
2005	1	SRA Meru II	2,400,000.00
	2	SRA Bukit Kapar Barat	3,500,000.00
	3	SRA Batu Belah (Integrasi)	3,000,000.00
	4	Masjid Pekan Meru	3,000,000.00
	5	Kerja-kerja Menaik taraf Sistem Saliran Kg. Batu Belah Mukim Kapar, Klang JPS/N/Sel/S/19/2005	2,688.888.00
	6	Menaik taraf Jalan Haji Sirat	58,000,000.00
JUMLAH PERUNTUKAN DUN MERU 2005			**69,900,000.00**

2006	7	SRA Bukit Kapar Timur	3,500,000.00
	8	Masjid Bukit Kapar	8,000,000.00
	9	Membina Jejantas di Sek. Men Meru, Batu 7	1,000,000.00
	10	Membina Jambatan Dan Menaik taraf Persimpangan Di Jalan Tap/Jalan Meru	26,169,890.90
JUMLAH PERUNTUKAN DUN MERU 2006			**38,669,890.90**

TAHUN	BIL	NAMA PROJEK	KOS PROJEK (RM)
2007	11	Membina Jambatan Konkrit di Jalan Durian dan di Jalan Limau	4,000,000.00
	12	Melebar, memperkukuh dan Menurap Semula Jalan Bukit Kapar Kuari dan Jalan Iskandar	23,000,000.00
JUMLAH PERUNTUKAN DUN MERU 2007			**27,000,000.00**
2008	13	Membina Jalan Dual Carriageway Di Jln Sg. Puloh	26,340,348.09
	14	Membina Dan Menaik taraf Jalan Pintas (Pekan Kapar) Melalui Jalan Tap Ke Tapak Pelupusan Sampah Jeram	8,650,000.00
JUMLAH PERUNTUKAN DUN MERU 2008			**34,990,348.09**
2009	15	Membina Jalan Penyambung Dan menaik taraf Jalan Haji Abdul Manan Di Antara Kapar Dan Jalan Meru	36,300,000.00
JUMLAH PERUNTUKAN DUN MERU 2009			**36,300,000.00**
JUMLAH KESELURUHAN DUN MERU			**206,860,238.99**

b) Berikut adalah senarai projek-projek pembangunan infrastruktur yang telah dirancang di DUN Meru :

BIL	NAMA PROJEK	KOS PROJEK (RM)
1	SRA Pekan Meru	6,000,000.00
2	SRA Di Zon U13, Setia Alam	6,000,000.00
3	Masjid Di Zon U13, Setia Alam	7,000,000.00
4	Meningkat taraf Sistem Saliran Bukit Kapar, Fasa 2, Daerah Klang.	5,000,000.00
5	Menaik taraf Jalan Limau, Jalan Jambu dan Jalan Nenas Di Meru	5,000,000.00
6	Menaik taraf Jalan Salleh, Jalan Kassim, Jalan Khamis dan Jalan Jabar, Meru	5,000,000.00
7	Menurap Semula Jalan Bukit Kerayong dari Pekan Kapar hingga Sempadan	5,000,000.00
JUMLAH		**39,000,000.00**

Manakala berikut adalah senarai projek-projek pembangunan infrastruktur yang telah ditangguhkan perlaksanaannya di DUN Meru :

BIL	NAMA PROJEK	KOS PROJEK (RM)
1	Rancangan Tebatan Banjir Mendalamkan Sg. Kapar.	15,000,000.00
JUMLAH		**15,000,000.00**

c) Projek Meningkat Taraf Sistem Saliran Bukit Kapar Fasa 2, Daerah Klang, Selangor adalah projek yang telah dirancang dan belum dilaksanakan di DUN Meru. Reka bentuk projek tersebut sudah disiapkan dan akan dilaksanakan pada tahun 2010 dengan anggaran kos berjumlah RM 5,000,000.00.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)

TAJUK : KUTIPAN BAYARAN PARKIR HARAM

23. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

a) Apakah pencegahan dan tindakan penguatkuasaan yang dijalankan oleh pihak PBT bagi mengatasi masalah sesetengah individu yang menjadikan kawasan tertentu sebagai tapak parkir kenderaan (mengambil bayaran) sedangkan kawasan tersebut tidak mempunyai meter parkir kenderaan / booth mengutip bayaran sewa parkir kenderaan?

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri sentiasa memantau melalui Jawatan Kuasa Kerajaan Tempatan mengenai kutipan bayaran parkir haram yang dibuat oleh individu. Tindakan di bawah Undang-undang kecil pelesenan tempat letak kereta boleh di kenakan kepada mana-mana pengusaha yang didapati mengenakan bayaran parkir tanpa mendapatkan lesen sah dari PBT. Selain itu penambahbaikan Undang-undang kecil juga akan dilaksanakan dalam memastikan kesesuaian prosedur pelaksanaan penguatkuasaan oleh penguat kuasa PBT.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)

TAJUK : PROMOSI KEBUDAYAAN NEGERI SELANGOR

24. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Sila nyatakan apakah bentuk promosi kebudayaan dan program-program yang dilakukan oleh Majlis Kebudayaan Negeri sepanjang tahun untuk menarik lebih ramai pelancong asing datang melawat Negeri Selangor?

b) Sila nyatakan apakah jenis dan nama tarian kebudayaan kebangsaan yang sering ditunjukkan dalam acara rasmi di Negeri Selangor?

c) Sila nyatakan apakah jenis tarian Cina, India dan lain-lain yang sering diselitkan semasa pertunjukan promosi kebudayaan Negeri Selangor kepada pelancong asing?

JAWAPAN :

a) Majlis Kebudayaan Negeri Selangor disenaraikan sebagai Badan Berkanun Kerajaan Negeri Selangor dan mendapat Geran Tahunan bagi tujuan pentadbiran dan urusan sehariannya mengkoordinasikan Majlis-majlis Kebudayaan Daerah (9) dan ahli yang sama tujuan dengannya (terdiri daripada : MTS, KEMUDI, PPS, ASFONS, PERGAS, PELAYANG, PSMCS, PESAKA, UiTM, UPM dan UKM).

Walaupun peruntukan yang diperoleh amat terbatas namun promosi dan program-program yang dianjurkan sama ada secara bersendirian dan juga kerjasama ahli-ahlinya yang lain termasuk telah berjaya mempromosikan kebudayaan secara kerjasama bagi menjayakan aktiviti jemputan khas (undangan), program *homestay*, program merakyatkan seni (PMS), acara-acara rasmi sambutan perayaan tahunan dan persembahan di luar Negara khususnya bagi menarik pelancong asing datang ke Selangor melalui bentuk-bentuk PERSEMBAHAN, PERTANDINGAN DAN DEMONSTRASI seperti berikut:


Majlis Kebudayaan Daerah-daerah - persembahan seni tari (Melayu, Cina dan India), seni muzik (kompang, keroncong, kuda kepang, gendang Cina, Gendang India, dabus & cempoling) seni kraf, demonstrasi permainan rakyat/ tradisi (gasing, layang-layang, silat, silambam, tai-chi) deklamasi puisi, penyelidikan seni budaya, penerbitan. MTS - persembahan teater (Menanti Perang Berakhir & Merdeka Terakhir). KEMUDI –penerbitan buku antologi puisi. ASFONS – pameran foto sejarah, bengkel fotografi dan animasi. PPS – penulisan & penerbitan buku (novel & penyelidikan). PERGAS – demonstrasi membuat dan pertandingan gasing. PELAYANG – demonstrasi membuat dan pertandingan wau/ layang-layang. PSMCS – menganjurkan lawatan sambil belajar dan menerbitkan buku sejarah serta jurnal MELAWATI. PESAKA – demonstrasi dan pertandingan Silat Seni dan Silat Olahraga. UiTM, UKM dan UPM – aktiviti berjadual sepanjang tahun.

b) Tarian Inang, Tarian Zapin, Joget Selangor, Tarian Naga/ Singa, Tarian Klasik India, Tarian Moyang (Mahmeri).

c) Jenis-jenis Tarian Cina - Tarian Lilin, Tarian Kipas, Tarian Payung, Joget Sapu tangan, Tarian Naga, Tarian Singa (menggambarkan kebahgiaan, keseronokan, percintaan).

Jenis-jenis Tarian India - Tarian Klasik India (Baratha Natyam).

Jenis-jenis Tarian Suku Kaum Asal – Tarian Sewang dan Tarian Moyang (Mahmeri).



PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)

TAJUK : PENGANGKUTAN AWAM

25. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Memandangkan hal ehwal pengangkutan awam terletak di bawah Kerajaan Persekutuan, apakah cara-cara yang ada pada Kerajaan Negeri untuk mempertingkatkan perkhidmatan pengangkutan awam di Petaling Jaya?

b) Adakah kerajaan telah mengenal pasti tapak-tapak tanah yang akan digunakan oleh Rapid KL untuk pembinaan stesen-stesen LRT yang baru? Jikalau ya, di manakah tempat-tempat ini?

JAWAPAN :

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)

TAJUK : PERTANIAN MODEN

26. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Apakah konsep dan rancangan yang terkandung dalam sektor pertanian moden?

b) Apakah rancangan untuk memajukan atau membantu sektor pertanian konvensional melalui transformasi ke pertanian moden?

c) Berapakah jumlah peruntukan digunakan untuk pembangunan sektor pertanian moden bagi tahun 2008,2009?

JAWAPAN :

a) Konsep pertanian moden di negeri Selangor dilaksanakan khusus mengambil kira beberapa kekangan utama yang dihadapi negeri Selangor dalam meningkatkan hasil pengeluaran pertanian. Kekangan dan teknologi yang digunakan adalah seperti berikut:

- Kekurangan tanah pertanian yang baik untuk diusahakan. Seperti yang diketahui negeri Selangor mempunyai tanah marginal yang kurang sesuai untuk aktiviti pertanian seperti tanah gambut, tanah asid sulfat dan juga tanah jenis pasir lombong. Kaedah pertanian moden yang memerlukan penggunaan peralatan dan mesin moden bagi mengatasi masalah ini. Kaedah pertanian yang moden seperti kaedah pembajaan yang lebih baik serta sistem pengairan moden. Cara pertanian yang moden seperti penggunaan teknik pertanian Fertigasi juga dapat menyelesaikan masalah tanah yang kurang subur.

- Kekurangan tenaga kerja kerana persaingan dari industri lain. Penggunaan jentera dan peralatan pertanian moden dapat mengurangkan kebergantungan kepada tenaga buruh yang tinggi. Penggunaan kaedah pertanian yang lebih cekap bagi meningkatkan pengeluaran bahan makanan bagi setiap kawasan tanaman.

- Penggunaan benih yang baik hasil dari R&D yang lebih cekap juga membantu dalam usaha memodenkan pertanian Negeri Selangor.

b) Rancangan untuk memajukan sektor pertanian moden Negeri Selangor adalah antaranya dengan memberi insentif kepada pengusaha yang mengamalkan kaedah pertanian baik dan lebih moden. Kerajaan Negeri Selangor juga menerapkan kepentingan kaedah pertanian yang lebih moden dalam pelan induk pertanian negeri Selangor. Pengusaha-pengusaha besar yang mampu menggunakan kaedah moden dalam pertanian juga diberi galakan untuk melabur dalam industri pertanian di Selangor.

c) Jumlah peruntukan yang digunakan dalam membangunkan sektor pertanian moden pada tahun 2008 dan 2009 adalah seperti berikut:

Projek	**Tahun 2008 (RM)**	**Tahun 2009 (RM)**
Pembangunan Taman Agroteknologi	2,000.000	3,930,000
Pembangunan Tanaman Makanan	5,450,000	4,720,000
Memajukan Tanaman Industri	683,360	400,000
Pembangunan Industri Bunga	700,000	850,000
Memajukan Industri Asas Tani	800,000	900,000
Pembangunan Perladangan Bersepadu	700,000	1,000,000
Pembangunan Teknologi Maklumat	200,000	200,000
Perkhidmatan Pengembangan dan Perundingan	816,000	700,000
Pengurusan Tanah Bermasalah	400,000	200,000
Jumlah	9,751,360	12,900,000

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)

TAJUK : BELIA DAN SUKAN

27. Sukan amatlah penting kepada golongan belia khususnya membentuk sikap, disiplin, organisasi dan kesabaran.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Apakah pendirian Kerajaan Negeri untuk membentuk golongan belia sebagai bakal pemimpin?

b) Berapa banyak peruntukkan yang disediakan untuk membantu persatuan-persatuan sukan di seluruh Selangor?

c) Apakah program sukan yang disediakan untuk golongan kanak-kanak di bawah umur 12 tahun di seluruh Selangor?

JAWAPAN :

a) Pembangunan belia merupakan satu agenda utama kerajaan negeri kerana golongan belia merupakan pelapis kepada kepimpinan negeri sekarang. Sehubungan itu Kerajaan Negeri giat melaksanakan program-program pembangunan belia di peringkat akar umbi. Kerajaan Negeri turut memastikan peningkatan penglibatan para belia menerusi program-program yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri. Sebagai permulaan Kerajaan Negeri telah menubuhkan Penggerak Belia Tempatan (PeBT) di setiap zon di setiap PBT yang bertindak sebagai pemangkin aktiviti-aktiviti belia di peringkat akar umbi. Ini sejajar untuk memastikan agenda pembangunan belia akan bergerak dengan lebih aktif dan efisien.

b) Majlis Sukan Negeri Selangor dianggotai 45 ahli gabungan yang terdiri daripada persatuan - persatuan sukan negeri. Kesemua ahli gabungan ini diperuntukkan dengan dua jenis peruntukkan yang disediakan iaitu:

1) Pembangunan Persatuan

Peruntukan yang disediakan dalam vot ini adalah untuk :

- Program pembangunan sukan oleh persatuan
- Menyertai kejohanan
- Menganjurkan kejohanan
- Menganjurkan kursus kepegawaian dan teknikal

2) Sukan Malaysia (SUKMA)

Peruntukan yang disediakan dalam vot ini adalah untuk persatuan yang tersenarai dalam Sukan Malaysia dan peruntukan ini adalah untuk :

- Elaun Jurulatih
- Elaun Latihan Atlet
- Menyertai Kejohanan
- Peralatan pertandingan

Bagi tujuan peruntukan kepada pembangunan persatuan, pihak Majlis menyediakan peruntukkan sebanyak RM 25,000.00 setahun. Setiap persatuan boleh melakukan tuntutan mengikut kekerapan program yang dianjurkan berdasarkan prosedur yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis.

Manakala bagi Sukan Malaysia pula, pihak Majlis telah memperuntukkan RM 50,000.00 setiap fasa latihan yang mana terdapat 3 fasa latihan dalam tempoh 2 tahun sebagai persediaan bagi menghadapi Sukan Malaysia. Fasa latihan bergantung kepada prospek pasukan yang menyerlah untuk menyumbangkan pingat kepada kontinjen. Peruntukkan ini diberikan berdasarkan laporan dan pemantauan latihan yang dijalankan secara langsung oleh pihak Majlis Sukan Negeri Selangor.

c) Majlis Sukan Negeri Selangor sentiasa bekerjasama dengan Jabatan Pelajaran Negeri Selangor melalui Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Selangor dan Majlis Sukan Negeri untuk program pembangunan sukan di Selangor khasnya bagi golongan di bawah umur 12 tahun. Dengan kerjasama pihak Majlis Sukan Negara, beberapa program telah dilaksanakan untuk golongan tersebut termasuklah program Kem Bakat, Program *"Talent id"* dan program pelapis untuk sukan di bawah peringkat umur untuk sukan gimnastik dan gimrama. Program-program ini dijalankan secara berterusan di negeri ini bertujuan untuk mencungkil bakat dan mencari golongan pelapis untuk masa hadapan.

Manakala, menerusi Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Selangor, program pembangunan sukar bagi di bawah umur 12 tahun dijalankan sepenuhnya oleh Pihak Majlis Sukan Sekolah-sekolah Selangor secara berterusan sepanjang tahun. Tiga (3) peringkat pertandingan dipertandingkan iaitu sekolah, daerah dan negeri dengan 16 jenis sukan yang bertujuan untuk mencungkil bakat muda.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)

TAJUK : PESTA SUARASA AIDILFITRI

28. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Nyatakan kos untuk Pesta Suarasa Aidilfitri yang diadakan pada Okt 17 - 18 di tempat letak kereta Stadium Shah Alam. Sila berikan butir-butir.

b) Apakah matlamat program ini dan berjayakah Kerajaan Negeri mencapainya? Berikan butir-butir.

JAWAPAN :

a) Berikut adalah perbelanjaan bagi Program Sua Rasa Aidilfitri Negeri Selangor :

BIL	PERKARA	BAJET
1	Penajaan *air time* TV9	RM300,000.00
2	Penginapan krew TV9	RM 8,520.00
3	Mobilisasi (daerah)	RM123,750.00
4	Jamuan	RM 57,800.00
5	Hiasan,dan pembersihan	RM 46,918.00
6	Logistik, khemah,platform dan karpet	RM 67,646.00
7	Persembahan	RM110,600.00
8	Cetakan *flyers*	RM 5,000.00
	JUMLAH	**RM 720,234.00**

Jumlah penajaan sebanyak RM300,000.00 kepada TV9 adalah kos *air time* yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri daripada jumlah kos *air time* sebenar iaitu RM765,250.00. Baki daripada jumlah tersebut ditanggung oleh TV9. Kos *air time* ini melibatkan iklan promosi di TV9 dan TV3 yang menyiarkan logo rasmi Sua Rasa bersama logo rasmi Negeri Selangor serta program-program yang disiarkan secara langsung di TV9 seperti Warna-warni Sua Rasa. Sebanyak 891 kali iklan promosi disiarkan di TV9 daripada 14 hingga 18 Oktober 2009 dengan nilai kos *air time* sebanyak RM304,000. Manakala TV3 pula menyiarkan 212 kali iklan promosi untuk tempoh yang sama dengan nilai kos RM131,000.00.

b) Program Sua Rasa TV9 dengan kerjasama Kerajaan Negeri Selangor telah diadakan pada 17 dan 18 Oktober 2009 di Perkarangan letak kereta, Stadium Malawati, Shah Alam dengan bertemakan Sua Rasa Aidilfitri. Program ini memberi kesan positif hubungan antara Kerajaan Negeri dengan media serta rakyat di samping memberi ruang dan peluang kepada Kerajaan Negeri untuk mempromosikan serta menghebahkan dasar-dasar dan program-program Kerajaan Negeri kepada umum.

Program ini berkonsepkan santai dan riadah bersama keluarga di samping aktiviti ilmiah dan kerohanian, kemasyarakatan, kesihatan, kesenian, kebudayaan, dan persembahan. Selain itu, pembukaan gerai-gerai jualan juga diadakan dapat memberi peluang kepada usahawan IKS Selangor untuk menjana perniagaan serta meningkatkan hasil pendapatan mereka dengan jumlah pengunjung yang dianggarkan melebihi 300,000 orang sepanjang dua hari program diadakan.

Program ini juga dapat dinilai melalui jumlah penonton TV9 (*rating system)* yang menyaksikan beberapa aktiviti yang disiarkan secara langsung di TV9 seperti sesi temu bual bersama Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor, temu bual bersama *EXCO* Kerajaan Negeri, Datuk Bandar MBSA, Naib Cancelor UNISEL, serta aktiviti-aktiviti riadah dan pentas utama. Berikut adalah jumlah penonton TV9 mengikut program yang telah ditetapkan :

BIL	TARIKH	RANCANGAN/PROGRAM	MASA	BIL. PENONTON
1	16/10/ 2009	Nasi Lemak Kopi 'O' - Rakaman promosi Sua Rasa bersama YB. Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali	8 – 10 pagi	182,000.
2	17/10/2009	Warna-Warni Sua Rasa – Siaran langsung bersama YAB. Tan Sri Dato' Abdul Khalid bin Ibrahim, Dato' Menteri Besar Selangor	8 – 10 pagi	228,000.

3	18/10/2009	Warna-Warni Sua Rasa – SiaranLangsung bersama -YB. Dato' Dr. Hasan Mohamed Ali, - EXCO – YB. Rodziah Ismail, YB. Dr. Xavier Jayakumar, YB. Dr. Halimah Ali. - Datuk Bandar MBSA. - Naib Cancelor Unisel. - Usahawan IKS Selangor.	8 – 10 pagi	158,000.
4	18/10/2009	Halaqah Tajuk : Kemaafan Panel : 1. YB. Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali 2. Ustaz Ruslan b. Muhamad 3. Ustaz Zawawi b. Yusof	9.30 – 10.30mlm	333,000.

Selain itu, pembukaan kaunter-kaunter daripada Kerajaan Negeri seperti TAWAS, Mesra Usia Emas, anak masuk universiti, jom daftar pemilih undi, Kumpulan Semesta Sdn.Bhd, Tourism Selangor Sdn. Bhd dan UNISEL juga mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pengunjung. Ini merupakan program pertama diadakan kerjasama antara Kerajaan Negeri dengan TV9.

Kemuncak bagi program ini adalah melalui aktiviti solat Maghrib dan Isyak jemaah perdana dan program Halaqah yang disiarkan secara langsung di TV9 dengan sambutan yang menggalakkan daripada pengunjung kira-kira 10,000 orang peserta.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)

TAJUK : PENTADBIRAN MUKIM DAN KAMPUNG

29. Dalam kawasan DUN yang lebih berorientasi taman-taman perumahan di bawah PBT:

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Apakah peranan yang telah digariskan oleh kerajaan kepada penghulu?

b) Apakah kaedah kerja dan garis panduan yang telah diwujudkan bagi menyelaraskan kerja-kerja penghulu, ketua kampung dan Ahli-ahli majlis PBT?

c) Apakah balai-balai di bawah JKKK yang mendapat peruntukan penghulu melalui Pejabat Daerah masih diletakkan penyelenggaraannya di bawah PBT?

JAWAPAN :

a) Peranan atau tanggungjawab Penghulu-penghulu Mukim adalah menyampaikan dasar-dasar Kerajaan yang terbaru kepada Ketua-ketua Kampung, memantau serta melaporkan segala kerja-kerja yang dijalankan oleh Ketua Kampung kepada Pejabat Daerah serta Kerajaan Negeri.

b) Tiada kaedah kerja atau garis panduan yang spesifik bagi menyelaraskan kerja-kerja Penghulu, Ketua Kampung dan Ahli-ahli Majlis PBT.

c) Segala penyelenggaraan balai-balai JKKK adalah di bawah tanggungjawab Pejabat Daerah. Namun begitu segala peruntukan adalah di bawah pantauan Kerajaan Negeri dan peruntukan penyelenggaraan tersebut akan disalurkan mengikut keperluan sahaja.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)

TAJUK : AJARAN SESAT

30. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

a) Huraikan apakah langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri bagi menyekat fahaman yang bertentangan dengan kehendak agama?

b) Jelaskan secara terperinci semua jenis fahaman sesat di negeri ini dan bidang kuasa jabatan agama

c) Apakah fungsi Jawatankuasa Masjid / Surau dalam membantu memantau aktiviti ini

JAWAPAN :

a)

1) Kumpulan atau ajaran yang disyaki menyeleweng dari ajaran Islam yang sebenar akan difatwakan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor dan diwartakan. Sesuatu ajaran sesat yang telah di fatwa dan diwartakan tindakan penguatkuasaan akan diambil bagi membendung dan membanteras ajaran berkenaan dari terus berkembang.

2) Selain peruntukan undang-undang sedia ada, kaedah alternatif secara psikologi dalam usaha membanteras penyelewengan serta ancaman akidah dilakukan melalui pendekatan berikut :

   i) Memberi pendidikan *(tarbiyah)* serta pembanterasan melalui kempen, penjelasan dan pemahaman kepada masyarakat mengikut fungsi dan bidang kuasa yang sedia ada.
   ii) Mewar-warkan penemuan sesuatu fakta/ maklumat mengenai kumpulan tertentu secara umum di dalam media supaya mereka merasa bahawa pergerakan mereka diketahui atau diawasi oleh pihak berkuasa.
   iii) Meningkatkan kekerapan pemantauan (rondaan) di kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti atau disyaki menjadi markas/ tumpuan kumpulan tertentu, bagi mencapai tujuan gerak saraf dan perang saraf.
   iv) Bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) supaya tanah/ premis markas kumpulan-kumpulan berkenaan boleh diambil tindakan di bawah Akta Kanun Tanah Negara.
   v) Memantapkan jaringan *(networking)* dengan pihak media bagi memudahkan menyalurkan maklumat kepada umum tentang sesuatu isu/ kumpulan tertentu.

3) Majlis penjelasan atau penerangan juga sentiasa di semarak dan di perhebatkan yang meliputi pelbagai peringkat dan lapisan masyarakat serta memberi tumpuan kepada semua daerah dan golongan sasaran termasuk memperbanyakkan penerbitan bahan yang berkaitan ajaran sesat sebagai panduan masyarakat Islam.

4) Bagi memberi panduan kepada umat Islam khususnya kepada mereka yang terlibat dengan amalan tarikat satu garis panduan Amalan Tarikat telah disediakan oleh Jabatan Mufti Negeri Selangor, manakala draf enakmen berkaitan Tarikat Tasawuf sedang disediakan bagi mengawal pengamal-pengamal tarikat di negeri ini.

5) Selain itu, Negeri Selangor telah menubuhkan Pusat Pemurnian Akidah *Baitul Iman* di Ulu Yam Baharu, Hulu Selangor dalam usaha untuk membantu dan mendidik golongan yang pernah terjebak dalam gejala ajaran sesat bagi memberi kefahaman yang sebenar tentang agama Islam dan membimbing kembali mereka kepada ajaran Islam sebenar.

b)

1) Ajaran salah atau sesat ditakrifkan sebagai sebarang ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang Islam atau bukan Islam yang mendakwa ajaran atau amalan yang dibawa itu adalah ajaran Islam atau berdasarkan kepada ajaran Islam sedangkan pada hakikatnya ajaran atau amalan yang dibawa itu bertentangan dengan ajaran Islam yang berdasarkan kepada Al-Quran dan As- Sunnah serta bercanggah dengan aqidah dan syariat Islam.

2) Di negeri Selangor terdapat 25 ajaran, amalan dan fahaman yang telah di fatwa dan diwartakan menyeleweng daripada ajaran Islam sebenar. Daripada jumlah tersebut 8 ajaran masih aktif manakala 17 ajaran daripadanya tidak lagi aktif.

3) **Lapan (8) ajaran sesat yang masih aktif adalah seperti berikut :**

i) Ajaran Kahar B. Ahmad.
ii) Ajaran Islam Jemaah.
iii) Fahaman Syiah.
iv) Ajaran Tarikat Samaniah Ibrahim Bonjol.
v) Ajaran Ilmu Hakikat,Hassan Jonet.
vi) Rufaqa'/Global Ikhwan.
vii) Aurad Ismailiah Ajaran Mahmud Bin Hj. Abd Rahman.
viii) Ajaran Ahmadiah Qadiani.

Manakala tujuh belas (17) ajaran yang tidak aktif adalah seperti berikut:

i) Ajaran Mohamed Nordin bin Puteh.
ii) Ajaran Azhar Bin Wahab.
iii) Ajaran Ilmu Tajalli Ahmad Laksamana.

iv) Ajaran Tijah @ Kahtijah Bt. Ali.
v) Golongan Anti Hadis.
vi) Ajaran Haji Ghazali Bin Othman.
vii) Ajaran Ilmu Hakikat (Jahar Bin Dumin).
viii) Ajaran Sulaiman (Bahtera Nabi Noh)
ix) Ajaran Zamree Bin Ab. Wahab (Ketupat Linux).
x) Ajaran Hj. Banuar Bin Roslan.
xi) Ajaran Martabat Tujuh (Hamzah Bin Embi).
xii) Ajaran Syed Mohd Al Masyor (Tarikatul Islam Muhamad Saw Habibullah Al Hashimi).
xiii) Tarikat Mafarridah (Syeikh Makmun).
xiv) Tarikat Zikrullah Hasan Anak Rimau Ayah Pin
xv) Ajaran Al-Mansor.
xvi) Tarikat Al- Hasaniah
xvii) Al-Arqam

4) Secara umum ajaran, amalan dan fahaman yang telah di fatwa dan diwartakan di atas adalah menyeleweng dari sudut akidah, syariah dan akhlak Islam yang dapat dinyatakan seperti berikut :

Penyelewengan dari sudut akidah

i) Menyentuh kepercayaan kepada Allah iaitu manusia dapat bercantum dengan zat Allah sehingga dapat melihat dan menggambarkan sifat Allah di hadapan mata.
ii) Mengaku diri sebagai Imam Mahadi.
iii) Mengaku diri sebagai Nabi Isa.
iv) Mengaku diri sebagai Rasul setelah kewafatan Nabi Muhammad S.A.W.
v) Mengaku menerima wahyu dari Allah.
vi) Menafikan adanya qada' dan qadar Allah.

Penyelewengan dari sudut syariah

i) Menambah atau mengubah rukun dan syariat sembahyang sebagaimana yang telah ditetapkan oleh syariat Islam atau menyatakan sembahyang hanya cukup dengan niat.
ii) Menafikan kewajipan berpuasa atau melajukan ibadah puasa hanya dengan niat sahaja.
iii) Menafikan kewajipan berzakat atau zakat hanya memadai dengan mengeluarkannya kepada ketua atau guru sahaja.
iv) Tidak perlu mengerjakan ibadah haji, cukup sekadar dengan membayar sejumlah wang yang tertentu kepada ketua atau guru sebagai ganti. Begitu juga dengan menyatakan boleh mengerjakan ibadah haji di tempat selain Mekah.
v) Segala perkara yang diharamkan Allah akan gugur apabila seseorang itu sudah sampai ke tahap atau martabat yang tinggi setelah ia menunaikan syarat-syarat tertentu yang diarahkan oleh ketua atau guru.

Penyelewengan dari sudut akhlak

i) Menghina peribadi dan kedudukan Rasulullah.
ii) Mencerca dan memfitnah para ulama.
iii) Mencabar dan mempertikaikan kewibawaan pihak berkuasa agama.
iv) Tidak mengikut disiplin ilmu-ilmu Islam.

5) Bidang kuasa Jabatan Agama Islam dalam menangani dan membanteras fahaman dan ajaran yang menyeleweng daripada agama Islam di negeri ini adalah tertakluk di bawah peruntukan Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995.

* MAKLUMAT TAMBAHAN

ENAKMEN JENAYAH SYARIAH (SELANGOR) 1995
BERKAITAN DENGAN AJARAN SESAT

BIL	SEKSYEN	PERKARA/KESALAHAN	HUKUMAN/DENDA
1.	4	Pemujaan Salah	Rm3,000 Atau 2 Tahun Penjara Atau Keduanya Sekali
2.	5	Mendakwa Diri Bukan Islam Untuk Mengelak Tindakan	Rm5,000 Atau 3 Tahun Penjara Atau Keduanya Sekali
3.	6	Takfir	Rm5,000 Atau 3 Tahun Penjara Atau Keduanya Sekali
4.	7	Doktrin Palsu	Rm5,000 Atau 3 Tahun Penjara Atau 6 Sebatan Atau Dihukum Dengan Mana-Mana hukuman Itu
5.	8	Dakwaan Palsu	Rm3,000 Atau 2 Tahun Penjara Atau Keduanya Sekali
6.	9	Mempersenda Quran Atau Hadis	Rm5,000 Atau 3 Tahun Penjara Atau Keduanya Sekali
7.	10	Menghina Atau Menyebabkan Dipandang Hina Agama Islam	Rm5,000 Atau 3 Tahun Penjara Atau Keduanya Sekali
8.	11	Memusnahkan Atau Mencemarkan Tempat Ibadat	Rm5,000 Atau 3 Tahun Penjara Atau 6 Sebatan Atau Dihukum Dengan Mana-Mana Hukuman Itu
9.	12	Menghina Pihak Berkuasa DYMM Majlis Mufti	Rm3,000 Atau 2 Tahun Penjara Atau Keduanya Sekali
10.	13	Pendapat Yang Bertentangan Dengan Fatwa	Rm3,000 Atau 2 Tahun Penjara Dan Keduanya Sekali
11.	14	Mengajar Tanpa Tauliah	Rm3,000 Atau 2 Tahun Penjara Atau Keduanya Sekali
12.	16	Penerbitan Agama Yang Bertentangan Dengan Hukum Syarak	Rm5,000 Atau 3 Tahun Penjara Atau Keduanya Sekali
13.	20	Tidak Menunaikan Solat Jumaat	Rm1,000 Atau 6 Bulan Penjara Atau Keduanya Sekali
14.	21	Tidak Membayar Zakat Atau Fitrah	Rm5,000 Atau 3 Tahun Penjara Atau Keduanya Sekali

c) Pegawai masjid yang terdiri daripada Nazir, Imam, Bilal dan Siak mempunyai bidang kuasa untuk menguatkuasakan Enakmen Jenayah Syariah Negeri Selangor di kariah termasuk penjelasan ajaran sesat.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN EDWARD LEE POH LIN
(BUKIT GASING)

TAJUK : PEMBANGUNAN PELANCONGAN DI SEKINCHAN

31. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

a) Pernahkah kawasan Sekinchan dikenal pasti dan diberi pertimbangan sebagai satu kawasan bagi tujuan pembangunan pelancongan?

b) Kalau ya, apakah pelan tindakan untuk membuat sedemikian?

c) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai dana untuk pembangunan sebegini di kawasan yang baru dan kalau ya, berapa banyak yang telah dibekalkan?

JAWAPAN :

a) Pentadbiran Majlis tidak pernah menerima cadangan atau permohonan dari mana-mana agensi kerajaan, persatuan atau kumpulan untuk menjadikan kawasan tanaman padi Sekinchan sebagai sebuah kawasan tarikan pelancongan di daerah ini. Setakat ini, kawasan Sekinchan bukanlah merupakan kawasan utama bagi pelancongan. Namun begitu, telah terdapat usaha-usaha untuk memajukan kawasan berkenaan sebagai satu destinasi tarikan pelancong. Salah satunya ialah melalui kewujudan *Homestay* iaitu di Kampung Parit 7, Sungai Leman atau lebih dikenali dengan nama *Homestay* Papitusulem. Ini merupakan salah satu langkah Kerajaan Negeri melalui kerjasama bersama Tourism Selangor Sdn Bhd dan Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Selangor untuk memastikan pertambahan produk-produk pelancongan sedia ada khususnya bagi program *Homestay.*

   Baru-baru ini, pihak Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) telah meninjau satu lagi kawasan yang berpotensi untuk dimajukan sebagai salah satu daya tarikan pelancong di kawasan Sekinchan iaitu di sekitar pantai berhampiran Bagan Sekinchan. Tinjauan ini bagi melihat dan mengkaji potensi-potensi dan keperluan semasa yang boleh dibangunkan di kawasan berkenaan. Namun, sehingga kini, belum terdapat sebarang keputusan berhubung pembangunan selanjutnya di kawasan yang berkenaan. Namun, kertas cadangan pembangunan sedang disediakan oleh pihak PKNS yang antara lain meliputi pembinaan hotel dan *resort* di kawasan tersebut.

b) Tidak ada sebarang pelan tindakan khusus bagi pembangunan kawasan berkenaan sebagai destinasi pelancongan di Negeri Selangor. Namun, ia masih berpandukan kepada Rancangan Struktur Negeri Selangor (RSN) 2020 yang antara lain turut menyenaraikan zon-zon pembangunan pelancongan di semua daerah di Negeri Selangor termasuk kawasan Sekinchan. Tidak ketinggalan juga di bawah Rancangan Tempatan Daerah Sabak Bernam itu sendiri. RSN dan Rancangan Tempatan Daerah adalah sebagai garis panduan kepada perancangan pembangunan yang akan dilaksanakan termasuklah bagi sektor pelancongan.

Selain itu, di bawah jaringan kerjasama antara Kerajaan Negeri, Tourism Selangor Sdn Bhd dan Pihak Berkuasa Tempatan serta Pejabat Daerah, setiap kawasan / produk pelancongan yang berpotensi akan terus diberikan perhatian supaya ia mampu menjadi alternatif kepada produk pelancongan sedia ada. Kerajaan Negeri sentiasa membuka peluang kepada jabatan / agensi yang berkeupayaan untuk membangunkan semua kawasan / produk yang berpotensi tetapi ia perlulah mengambil kira dan mengkaji semua aspek perancangan pembangunan sedia ada. Ini terutamanya berkaitan dengan isu-isu sensitiviti alam sekitar dan masyarakat setempat. Pembangunan dalam bentuk apa jua sekalipun perlu menekankan konsep tadbir urus yang baik.

c) Kerajaan Negeri tidak mempunyai dana yang khusus terhadap pembangunan kawasan sebegini. Namun pada masa yang sama, Kerajaan Negeri tidak pula meminggirkan dan menolak pembangunan. Ia perlulah sejajar dengan dasar dan polisi kerajaan semasa. Bagi pembangunan kawasan-kawasan / produk pelancongan, kerjasama sentiasa ditingkatkan bersama pihak seperti Tourism Selangor Sdn Bhd (TSSB), Tourism Malaysia, Kementerian Pelancongan dan Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Selangor. Jika terdapat potensi / keperluan sesebuah kawasan pelancongan itu dibangunkan, permohonan peruntukan akan dibuat secara terus kepada jabatan / agensi yang berkaitan. Selain itu, melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri, peruntukan bagi penyelenggaraan dan menaik taraf produk pelancongan sentiasa diberikan setiap tahun. Namun, ia bergantung kepada keutamaan berdasarkan keperluan sesuatu kawasan / produk itu sendiri.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)

TAJUK : KADAR CUKAI PINTU

32. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Apakah kadar cukai pintu yang dikenakan terhadap kawasan industri mengikut PBT di Negeri Selangor daripada tahun 2007-2009?

b) Adakah Kerajaan Negeri akan menilai semula kadar cukai pintu yang sedia ada sama ada membebankan rakyat atau tidak?

c) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi meningkatkan hasil pendapatan PBT selain melalui kutipan cukai pintu?

JAWAPAN :

a) Cukai pintu yang dikenakan ke atas sesuatu pegangan adalah berdasarkan nilaian tahunan iaitu kadar sewa setahun sesuatu premis dan didarab dengan kadar peratusan yang ditentukan oleh PBT. Disebabkan asas nilaian bagi tiap-tiap PBT adalah berbeza di mana terdapat PBT yang asas nilaian masih pada tahun 1987 dan ada juga pada tahun 1997, jadi terdapat perbezaan kadar yang ketara di antara PBT. Jadual di bawah menunjukkan kadar cukai pintu yang dikenakan terhadap kawasan industri mengikut PBT di Negeri Selangor :

PBT	TAHUN		
	2007	2008	2009
MBSA	7.50%	7.50%	7.50%
MBPJ	8.80%	8.80%	8.80%
MPK	3.25% - 11.5%	3.25% - 11.5%	3.25% - 11.5%
MPAJ	6.5%	6.5%	6.5%
MPSJ	6%	6%	6%
MPS	12%	12%	12%
MPKj	4.4% - 11%	4.4% - 11%	4.4% - 11%
MPSp	9.45%	9.45%	9.45%
MDKS	10-12%	10-12%	10%-12%
MDHS	12%	12%	8%
MDKL	7.5% - 13%	7.5% - 13%	7.5% - 13%
MDSB	13%	13%	13%

b) Kerajaan Negeri dalam mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 25/2009 telah bersetuju agar semua PBT di Negeri Selangor menjalankan nilaian semula terhadap semua pegangan di Negeri Selangor bagi menilai sama ada kadar cukai yang dikenakan semasa membebankan rakyat atau tidak. Arahan penilaian semula ini walau bagaimanapun diberi jaminan bahawa tiada kenaikan cukai akan dikenakan kepada rakyat.

c) Kerajaan Negeri maklum bahawa hasil utama bagi PBT adalah melalui cukai pintu, walau bagaimanapun, PBT digalakkan mencari punca hasil lain selain daripada melalui cukai taksiran. Antara kaedah yang boleh diambil oleh PBT untuk meningkatkan hasil adalah melalui penambahan Hasil Bukan Cukai seperti:

1) Menggalakkan pemberian lesen perniagaan, lesen iklan dan sebagainya;
2) Mengoptimumkan hasil sewaan premis milik Majlis,
3) Meningkatkan aktiviti penguatkuasaan seperti mempercepatkan pengeluaran notis peringatan bagi kompaun tidak berbayar, mengambil tindakan menunda kenderaan yang gagal mematuhi peraturan lalu lintas serta menambahkan bilangan pendakwaan terhadap kes-kes kompaun tidak berbayar;
4) Mengenakan yuran caj pembangunan kepada pemaju apabila projek pembangunan yang akan dilaksanakan di kawasan Majlis diluluskan;
5) menambah hasil kutipan letak kereta dengan menambah petak letak kereta di kawasan sedia ada dan melaksanakan kutipan letak kereta di kawasan-kawasan baru;
6) mewajibkan jenis-jenis perniagaan seperti woksyop yang perlu menggunakan petak letak kereta supaya menyewa petak sewa secara tetap dengan majlis.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)

TAJUK : PROJEK PEMBERSIHAN DAN PEMULIHAN SUNGAI KLANG

33. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status terkini berhubung perlaksanaan projek pembersihan dan pemulihan Sungai Klang yang dilaporkan kosnya mencecah RM 10 bilion.

JAWAPAN :

a) Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) telah menganjurkan bengkel konsultasi awam dengan NGO dan wakil-wakil penduduk untuk mendapatkan pendapat dan pandangan mengenai Projek Sungai Klang.

Inventori guna tanah masih di dalam proses. Proses ini dibahagikan kepada tiga bahagian, dengan bahagian Klang sudah diselesaikan. Bahagian Shah Alam, Subang Jaya dan Petaling Jaya sedang dalam proses pelaksanaan, manakala bahagian Ampang Jaya akan dilaksanakan tidak lama lagi.

Kerajaan Negeri Selangor juga telah menawarkan dokumen 'Request for Business Proposals' (RFP) kepada syarikat-syarikat swasta. Sebanyak 37 syarikat telah membeli dokumen ini, dan 12 daripada syarikat-syarikat tersebut telah menghantar cadangan mereka. Cadangan-cadangan ini sedang dalam proses penilaian oleh *Taksforce* Projek Sungai Klang dan pakar-pakar untuk pemilihan projek.

Pada masa yang sama, satu pasukan perancang profesional juga sedang dalam proses untuk membuat 'vision plan' projek ini. Pada peringkat ini, pelan sedang dibuat untuk kawasan Klang.

Program yang melibatkan orang awam akan diadakan tidak lama lagi. Kerajaan Negeri sedang bekerjasama dengan sebuah NGO yang berpengalaman luas berkenaan sungai iaitu Global Environment Centre (GEC) untuk menggalakkan penglibatan orang awam dan komuniti di dalam kerja-kerja pembersihan sungai. Pada peringkat berikutnya, Kerajaan Negeri berharap agar mendapat kerjasama sekolah-sekolah, institusi pengajian tinggi (IPT) dan setiap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) yang berkenaan di sepanjang Sungai Klang.

Berdasarkan jadual kerja yang disediakan oleh Sekretariat Projek, selepas penilaian, cadangan akan dipilih sebelum hujung tahun 2009 dan kerja-kerja pemuliharaan dan pembangunan dijangka akan bermula pada suku pertama 2010.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)

TAJUK : BANDAR PERABOT (KAWASAN PENGELUARAN PERABOT BERPUSAT)

34. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Sejak dilancarkan oleh Kerajaan Negeri, apakah kemajuan-kemajuan yang telah dicapai?

b) Berapa banyakkah syarikat perabot yang telah ditempatkan di Bandar Perabot itu?

c) Berapakah jumlah eksport perabot dan apakah insentif-insentif yang terdapat di Bandar Perabot?

JAWAPAN :

a) Cadangan Projek Bandar Perabot (Kawasan Pengeluaran Perabot Berpusat) ini telah dibentangkan kepada Kerajaan Negeri Selangor untuk pertimbangan dan kelulusan pada 22 Oktober 2009 yang lalu. Kerajaan Negeri telah mencadangkan sebuah jawatankuasa dibentuk bagi membuat perancangan pembangunan dan mengenal pasti kawasan yang sesuai untuk dibangunkan sebagai Bandar Perabot.

b) Dijangkakan seramai 135 pengusaha perabot yang beroperasi di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor menyatakan minat untuk memindahkan operasi perusahaan perabot mereka ke Bandar Perabot yang bakal dibangunkan dengan keluasan tanah yang diperlukan sekitar 651 ekar.

c) Merujuk sumber daripada Malaysia Furniture Promotion Council (MFPC), pada tahun 2008 jumlah eksport barangan perabot di Malaysia adalah sebanyak RM 8.7 bilion di mana Selangor menyumbang lebih kurang sebanyak RM 3.5 bilion (40%).

Cadangan pembangunan Bandar Perabot ini masih di peringkat awal dan insentif-insentif yang sesuai akan diputuskan setelah perbincangan lanjut dengan pihak yang berkaitan diadakan kelak.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL
(TAMAN TEMPLER)

TAJUK : KEGAWATAN EKONOMI

35. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Apakah status ekonomi Negeri Selangor sehingga kini dan adakah Selangor sudah keluar dari kemelut masalah ekonomi yang melanda?

b) Apakah kesan kegawatan ekonomi ke atas sektor perindustrian dan perdagangan?

JAWAPAN :

a) Status ekonomi Negeri Selangor telah mula memperlihatkan tanda-tanda kecil pemulihan pada suku kedua 2009 sehaluan dengan persekitaran ekonomi negara dan dunia dengan anggaran pertumbuhan KDNK bagi tahun 2009 adalah -3.8%. Berlandaskan kepada tahap rendah beberapa indikator ekonomi makro, keyakinan peniaga dan pengguna yang masih kurang teguh, nilai KDNK negeri pada harga malar tahun 2000 pada suku kedua tahun ini menyusut kepada RM114.3 bilion berbanding RM118.9 bilion pada tahun 2008. Walau bagaimanapun, adalah dijangkakan bahawa KDNK negeri pada tahun 2010 akan meningkat kepada RM116.8 bilion dengan kadar pertumbuhan 4.2% hasil sumbangan daripada sektor perkhidmatan yang dijangka akan menerajui ekonomi negeri Selangor. Pendapatan per kapita rakyat (harga semasa) bagi tahun 2009 menyusut kepada RM29,778 berbanding RM32,772 pada tahun 2008. Namun begitu, ia diramal akan meningkat kepada RM30,479 pada tahun 2010. Ini membawa kepada taraf hidup yang lebih tinggi dengan pendapatan per kapita dalam ukuran pariti kuasa beli dianggarkan meningkat 2.6% ke USD16,286 (2009 : USD15,878). Kerajaan negeri berharap agar pemulihan ekonomi negara dapat dipercepatkan sekali gus membolehkan prestasi ekonomi negeri Selangor pulih kembali dan digunakan di dalam rancangan pembangunan yang memanfaatkan seluruh rakyat.

b) Sektor perindustrian adalah merupakan penyumbang utama kepada pertumbuhan dan kerancakan ekonomi Negeri Selangor serta nadi utama pertumbuhan ekonomi negara. Namun begitu, bagi tahun 2009 ini, nilai tambah sektor perindustrian yang dianggarkan menyumbang sebanyak 37.7% kepada KDNK negeri telah mengalami penguncupan nilai tambah sebanyak 9.7% yang diakibatkan oleh kemerosotan nilai tambah sektor pembuatan. Impak krisis ekonomi global telah mengakibatkan permintaan luar terhadap bahan pengeluaran industri negara menurun sekali gus menyebabkan beberapa syarikat antarabangsa dan domestik memberhentikan operasi. Menurut analisa daripada *Malaysian Institute of Economic Research* (MIER), sektor perindustrian negara telah mula mengalami kemerosotan pada tahun 2008 dan pada tahun 2009 pertumbuhan sektor ini dianggarkan menguncup sebanyak -10% iaitu paling terjejas di antara sektor ekonomi lain.

Sektor perdagangan pula dianggarkan akan menyumbang sebanyak 61.4% kepada KDNK negeri sekali gus menggantikan peranan sektor perindustrian yang selama ini telah menjadi penyumbang utama di dalam KDNK negeri Selangor. Dari sudut pengeluaran ekonomi, sektor perkhidmatan dijangka tumbuh positif bagi keseluruhan tahun 2009. Pertumbuhan sektor ini dianggar akan terhasil daripada prestasi sederhana subsektor komunikasi, kewangan dan insurans serta penginapan dan restoran. Berdasarkan analisis MIER juga, sektor perdagangan negara adalah merupakan sektor yang paling kurang terjejas akibat krisis ekonomi global dan mencatat pertumbuhan sebanyak 6% pada tahun 2008, menurun kepada 3% pada tahun 2009 dan dijangka akan berkembang kepada 5% pertumbuhan pada tahun 2010.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)

TAJUK : KONTRAKTOR ALAM FLORA

36. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Adakah kerajaan berhak untuk menukar kontraktor-kontraktor Alam Flora?

b) Jika terdapat kontraktor yang tidak mengikut jadual perkhidmatan kutipan sampah, apakah tindakan yang boleh ambil?

JAWAPAN :

a) Para kontraktor yang melaksanakan kerja-kerja pengutipan sampah dan pembersihan awam di PBT Selangor merupakan sub kontraktor yang dilantik oleh Alam Flora Sdn. Bhd. (AFSB), oleh itu Kerajaan Negeri tidak mempunyai hak untuk menukarkan kontraktor terbabit.

Walaubagaimanapun, PBT boleh meminta AFSB untuk menukarkan kontraktor yang tidak melaksanakan kerja mengikut spesifikasi kerja yang telah ditetapkan serta telah diberikan beberapa notis amaran oleh pihak PBT.

b) Jika kontraktor yang dilantik tidak dapat melaksanakan kerja mengikut jadual, berikut merupakan tindakan yang boleh diambil:

1) Untuk 3 bulan pertama dari tarikh perlantikan, kontraktor akan melalui tempoh percubaan di mana di dalam tempoh ini kontrak boleh dibatalkan sekiranya:-
   i) Menerima lebih 5 *Notice To Correct* (NTC) dari AFSB/PBT;
   ii) Menerima lebih 5 aduan awam; atau
   iii) Mendapat liputan yang negatif di media cetak atau elektronik.

atau;

2) Selepas tempoh percubaan, sekiranya kontraktor gagal menjalankan mana-mana aktiviti seperti di dalam skop kerja yang telah ditetapkan, AFSB akan mengeluarkan *Notice To Correct* (NTC) dengan menyatakan kegagalan yang telah berlaku beserta lokasi di mana kegagalan telah berlaku dan kontraktor hendaklah mengatasi kegagalan tersebut dalam masa 24 jam dari masa NTC itu diterima atau apa-apa tempoh yang telah dipersetujui oleh AFSB.

   Sekiranya kontraktor gagal mengatasi kegagalan yang telah berlaku di dalam tempoh yang ditetapkan, maka AFSB boleh melantik mana-mana pihak untuk mengambil alih mengatasi masalah yang telah berlaku dan kos tersebut akan ditanggung oleh kontraktor di mana pembayaran bulanan akan dipotong.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)

TAJUK : PROJEK PENYALURAN AIR DARI PAHANG KE SELANGOR

37. Projek penyaluran air dari Negeri Pahang ke Selangor sedang dijalankan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Sejauh manakah *progress* projek ini dilaksanakan?

b) Benarkah dakwaan bahawa projek ini merosakkan alam sekitar dan mencemarkan sungai di Hulu Langat?

c) Berapa banyakkah tanah awam terlibat dengan projek ini dan berapakah pampasan yang terpaksa dibayar?

JAWAPAN :

a) Projek penyaluran air mentah dari Pahang ke Selangor ketika ini sedang dalam proses penyiasatan tanah oleh kontraktor pembinaan terowong penyaluran air mentah.

b) Projek ini pada dasarnya tidak akan merosakkan alam sekitar dan mencemarkan sungai di Hulu Langat kerana aspek pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar amat dititikberatkan di bawah pelan pengurusan alam sekitar (EMP) yang disediakan oleh pasukan projek. Setiap pelaksanaan projek akan dipantau dengan teliti oleh semua jabatan teknikal di bawah jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

c) Pengambilan balik tanah di negeri Selangor yang terlibat adalah sebanyak 311 lot tanah persendirian dengan keluasan sebanyak 250.788 hektar. Anggaran pampasan tanah secara keseluruhannya bagi 311 lot ini adalah sebanyak RM534 juta.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)

TAJUK : PENYELESAIAN KILANG HARAM

38. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Senaraikan kilang-kilang haram yang terdapat di DUN Meru?

b) Senaraikan kilang-kilang haram yang telah berjaya diselesaikan di DUN Meru?

c) Senaraikan kilang-kilang haram yang sedang dalam proses 'pemutihan'?

JAWAPAN :

a) Seperti di lampiran

b) Seperti di lampiran

c) Tiada

PENYELESAIAN KILANG HARAM

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri :

a) Senarai kilang – kilang haram yang terdapat di DUN Meru

Jawapan : 35 buah kilang

BIL.	MUKIM	NO. LOT	NO. HAK MILIK	PEMILIK TANAH	PENGUSAHA / NAMA KILANG / SYARIKAT	JENIS INDUSTRI
1	Kapar	5440	GM 4388	Yong Soon Chon	Crest Builder Sdn. Bhd. (Tel: 0333924051)	Kilang Barang Binaan
2	Kapar	5347		Perumahan Abadi Sdn Bhd & Rakan	Bukit Kapar Concrete Enterprise Sdn Bhd (Tel: 0196499747 Ali)	Membuat Dan Menjual Kolongkong Tiang & Barangan
3	Kapar	4475	GM 2253	Lim Cheong Bin & 5 Rakan	Wei Shen Timber & Hardware	Kilang Kayu / Hardware
4	Kapar	4530	GM 3696	Kong Kwai Fei	Vimix Concreta Sdn Bhd (Tel: 0162106315)	Bancuh Simen
5	Kapar	5346			Bukit Kapar Concrete Enterprise Sdn Bhd (Tel: 0193102902 Ali)	Kerja-Kerja Konkrit
6	Kapar	6659	G 28082	Abdul Halim bin Abd Rahman	Champs Water Sdn Bhd (Tel: 0333928452)	Kilang Air Mineral
7	Kapar	1927		Tumpok Bin Adnan	Bengkel Anda (Tel: 0333929450)	Bahan Binaan
8	Kapar	2071			Khodabash Sdn Bhd (Tel: 0162954999 Azmil)	Bengkel Kimpalan Besi/ Kejuruteraan Grill

9	Kapar	4771		Koh Peng Chor & Li Hua San & Eng Boon Hoo & Muhammad Hussin Bin Alias	Prihatin Urus Enterprise (Tel: 0162293090 Parham bin Morman)	Kilang Papan
10	Kapar	4687			Centinel Enterprise Sdn Bhd (Tel: 0333921207)	Menjual Kayu-kayan dan Barangan Logam
11	Kapar	6938			Perkhidmatran Tayar dan Bateri EC (Tel: 0333507443)	Menjual Tayar, Bateri, Sport Rim dan Alat ganti
12	Kapar	4676		Chia Yu San	Lai Huat Cement & Concrete Sdn Bhd (Tel: 33925789)	Perniagaan Bahan-bahan Binaan
13	Kapar	4676		Chia Yu San	ASC Timber Hardware Sdn Bhd (Tel: -)	Perniagaan Kayu dan Logam
14	Kapar	5128	GM 3420	Maxter Glove Manufacturing Sdn Bhd	Maxtor Glove Manufacturing Sdn Bhd (Tel: 0333929888)	Kilang Sarung Tangan
15	Kapar	5130	GM 3892	Cheng Boon Kaw	Li Lean Wood Tech (M) Sdn Bhd (Tel: 019326397 Dnansha)	Kilang Kayu
16	Kapar	4974			Eng Beng Juantan Manufacturing Sdn Bhd (Tel: 0333923286)	Kilang
17	Kapar	4979			Eng Beng Juantan Manufacturing Sdn Bhd (Steel Racon Industries) (Tel: 0193525958 Foon Fock Cheang)	Kilang Papan
18	Kapar	4930			Ho Chui Sing Sdn Bhd (Ramuna Metal) (Tel: 0166944334 Palani)	Kilang

19	Kapar	4948	GM 1821	Ng Sai Ee @ Ng Kak Cheng	TK Chai Guan Hardware Trading (Tel: -)	Menjual Pelbagai Jenis Bahan
20	Kapar	4948	GM 1821	Ng Sai Ee @ Ng Kak Cheng	Centinel Timber Industries Sdn. Bhd. (Tel:03-33928888)	Memproses Kayu
21	Kapar	5121			Centinal Timber Industry Sdn Bhd (Tel: 0193261397 Cheng)	Kilang Papan
22	Kapar	5126			Universal Corrosion Engineering (M) Sdn Bhd (Tel: 0333921111)	Kilang Mengecat
23	Kapar	4912	GM 2053	Tan Chai Hong & Yeoh Eng Lee	Solid Horizon Sdn Bhd (Tel: 0333924848)	Kilang
24	Kapar	4949			Li Lean Wood Tech (M) Sdn Bhd	Kilang kayu
25	Kapar	12450 (2017)	GRN 52581	Sathivel a/l Ramasamy	(Tel: 0333920437)	
26	Kapar	72352 (6098)	CT 20822	See Chee Bean, See Foo Hong	Hanson Quarry Products Sdn Bhd (Tel: 0333634582/4)	Memproses, Menghasil Barang-barang Bitumen
27	Kapar	6109	GRN 52940		Kentzu Steel Sdn. Bhd. (Tel : 33927273	Menyimpan Barangan Logam
28	Kapar	4958			Chui Sing Sdn Bhd (Tel: 0333929073/68)	Kilang
29	Kapar	2124		Ahmad Yusuf Mahmud	Raiwind Enterprise (Tel: 31221390)	Kilang Membuat Besi

30	Kapar	2687 (2127)	GM 2222	Ramli B. Abu Kasim	Wah Hing Timber Sdn Bhd (Tel: 0333928880)	Pengedar Cat
31	Kapar	PT 59220 (4938)	HSM 69475	Hong Leong Chin	KCS Piau Trading (M) Sdn Bhd (Tel: 0333415288)	Menyimpan Plywood dan Kayu Kayan
32	Kapar	PT 59219 (4938)	HSM 36141	Jiwane Telecommunication Sdn Bhd	Jiwane Telecommunication Sdn Bhd (Tel: 0162205698 Ang Teck Chuan)	Kilang Kejuruteraan
33	Kapar	2120	GM 534	Kasmin bin Kasbi	Bengkel Cemerlang (Tel: 0333924932)	
34	Kapar	4520	3696		Vimix Concreta Sdn. Bhd. (Tel:03-51624531/2)	Ready Mix Concrete
35	Kapar	4960			Top Glove Sdn. Bhd. (Tel : 03-33922568)	Memproses Getah

b) Senarai kilang – kilang haram yang telah berjaya diselesaikan di DUN Meru)

(i) Senarai Permohonan Bagi Tukar Syarat Tanah Di Bawah Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran

BIL.	NAMA PEMOHON	NO. HAKMILIK	NO. FAIL	CATATAN
1.	Cheng Boon Kaw	GM 3892 Lot 5130	PTK 14/82/2007	LULUS MESYUARAT JAWATANKUASA KILANG TANPA KEBENARAN PADA 11.6.2008

(ii) Senarai Pemohonan Permit Khas Bagi Kilang Tanpa Kebenaran .

BIL.	PEMILIK TANAH / PENGUSAHA KILANG	NO. HAKMILIK	NO. FAIL	CATATAN
1.	Crest Builder Sdn. Bhd	GM 4388 LOT 5440	PDTK/T/PT/800-9/6/85/2007	LULUS PERMIT BAGI TAHUN 2007, 2008, 2009
2.	Vimix Concreta Sdn. Bhd	GM 3696 LOT 4530	PDTK/T/PT/800-9/6/98/2007	LULUS PERMIT BAGI TAHUN 2007, 2008, 2009
3.	Champs Water Sdn. Bhd	GRN 28082 LOT 6659	PDTK/T/PT/800-9/6/137/2007	LULUS PERMIT BAGI TAHUN 2007, 2008, 2009
4.	Hanson Quarry Products Sdn. Bhd	CT 20822 LOT 6098	PDTK/T/PT/800-9/6/167/2007	LULUS PERMIT BAGI TAHUN 2007, 2008, 2009
5.	KCS Piau Trading (M) Sdn. Bhd.	HSM 69475 PT 59220	PDTK/T/PT/800-9/6/65/2007	LULUS PERMIT BAGI TAHUN 2007, 2008, 2009

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)

TAJUK : GOLONGAN IBU TUNGGAL

39. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

a) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan Negeri supaya memastikan golongan ibu tunggal yang tidak berpelajaran dapat meningkatkan tahap kemahiran bagi mencari pendapatan sendiri selain memberi bantuan modal untuk berniaga?

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa langkah dalam mengenal pasti apakah keperluan-keperluan untuk ibu tunggal di Selangor. Antaranya seperti berikut:

1) Menjalankan kaji selidik tentang keperluan ibu tunggal;
2) Mengklasifikasikan keperluan mereka;
3) Mengenal pasti jenis bantuan sama ada berbentuk kemahiran, bantuan peralatan atau pendidikan;
4) Menyediakan kursus-kursus kemahiran menjahit yang berpotensi untuk membantu ibu tunggal mempelajari dalam tempoh singkat;
5) Membantu mereka untuk menyambung pelajaran dalam bidang kemahiran seperti dandanan rambut, kosmetik, operator kilang dan sebagainya.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)

TAJUK : PROJEK TERNAKAN KUPANG

40. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Sila nyatakan apakah matlamat utama projek tersebut dilaksanakan dan kemukakan kawasan–kawasan yang dikenal pasti serta berapakah jumlah keluasannya?

b) Sila nyatakan apakah manfaat dan jaminan pendapatan yang bakal diterima oleh para peserta projek tersebut?

c) Sila nyatakan apakah pihak kerajaan sudah menerokai jaringan pemasaran yang secukupnya untuk memasarkan hasil ternakan kupang?

JAWAPAN :

a,b,c) Akuakultur merupakan salah satu industri yang semakin berkembang di Malaysia dan ia telah dikenal pasti mampu meningkatkan pengeluaran protein berasaskan perikanan. Memandangkan negara berpotensi untuk maju dalam industri ini, maka Kerajaan telah menyediakan pelbagai peruntukan bagi merangsang minat penternak/bakal penternak. Secara amnya akuakultur terdiri dari komoditi ikan, udang dan kerang-kerangan yang hidup dalam medium air tawar, air laut (marin) dan air payau. Selain dari ternakan ikan dan udang, antara yang semakin mendapat tempat ialah ternakan kerang-kerangan seperti kerang, siput sudu (kupang), tiram dan siput mentiah (abalone). Kerang merupakan spesies yang biasa dan diternak secara komersial di perairan negara. Manakala bagi kerang-kerangan lain, ternakan masih dibuat secara kecil-kecilan. Namun demikian, kupang berpotensi untuk dibangunkan secara komersial memandangkan pasaran domestik yang semakin meningkat serta pasaran antarabangsa yang luas.

Bagi negeri Selangor, ternakan kupang masih di peringkat percubaan dengan tujuan utama untuk menambah pengeluaran akuakultur di samping meningkatkan pendapatan penduduk sekitar kawasan pantai terutama nelayan. Ia juga merupakan salah-satu 'exit plan' bagi mengurangkan aktiviti pukat tunda tanpa lesen di perairan Selangor.

Antara kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti sesuai untuk aktiviti ternakan kupang ialah:

1) Perairan laut Sungai Sembilang, Kuala Selangor – 30 hektar
2) Perairan laut Sungai Buloh, Kuala Selangor – 30 hektar
3) Perairan laut Sungai Banting, Sabak Bernam – 30 hektar
4) Perairan laut Bagan Lalang (sebelah utara, Sepang – 30 hektar

Aktiviti ini tidak melibatkan kos makanan (yang merupakan 50-60% kos operasi) dan pemberian makanan kerana kupang mendapat makanan terus dari persekitarannya (air). Benih juga diperolehi secara semula jadi. Ini membolehkan penternak menjalankan aktiviti tanpa perbelanjaan yang besar. Penternak hanya perlu menjaga ternakan iaitu pembersihan kawasan/tali ternakan, ini membolehkan aktiviti dijadikan pekerjaan sampingan yang boleh menambah pendapatan. Selain dari menjual kupang segar dengan harga sekitar RM2.50/kg, pendapatan juga boleh ditambah sekiranya penternak mengopek isi kerang untuk dijual segar dengan harga RM9.00/kg. Kawasan ternakan kupang juga boleh dijadikan sebagai salah-satu aktiviti agro-pelancongan dan secara tidak langsung ia boleh membantu dalam penambahan populasi ikan di sesuatu kawasan.

Sehingga kini, kebanyakan kupang dipasarkan dalam bentuk segar di pasar-pasar utama dan restoran-restoran makanan laut. Namun bagi meningkatkan hasil jualan, ia juga ditambah nilai kepada produk seperti isi kupang kering, maruku kupang, keropok perisa kupang dan produk kupang yang ditinkan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)

TAJUK : SPIES

41. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Senarai program-program di bawah SPIES yang telah dijalankan pada tahun 2009 dan setakat manakah peruntukan untuk SPIES telah dibelanjakan pada tahun 2009.

b) Apakah kesan-kesan positif yang dapat dikesan oleh Kerajaan Negeri selepas pelaksanaan program SPIES terhadap kakitangan awam Selangor?


JAWAPAN :


a) Program holistik Pembangunan Modal Insan Selangor SPIES merupakan satu agenda penting kerajaan negeri yang bertujuan untuk melahirkan rakyat yang berkualiti, berdaya maju, berdaya saing dan cemerlang. Selain itu, program ini dapat mencegah dan mengatasi gejala sosial yang telah merebak dan menular di kalangan masyarakat di Selangor. Gagasan pembangunan fizikal yang lestari telah dirancang dan sedang dilaksanakan oleh kerajaan negeri perlu disepadukan dengan pembangunan modal insan yang holistik, sebagai penjana kemajuan dan kejayaan dunia akhirat. Oleh itu, Kerajaan Negeri Selangor telah menyediakan peruntukan yang berpatutan bagi melaksanakan program tersebut.


Bermula Januari sehingga November 2009, sebanyak **225 program** telah berjaya dilaksanakan dengan melibatkan perbelanjaan berjumlah **RM 4,764,920** . Maklumat mengenai program dan perbelanjaan secara terperinci adalah seperti berikut :

PROGRAM SPIES	BILANGAN PROGRAM	JUMLAH PESERTA	KOS(RM)
Masyarakat	1	60	6,000
Belia	71	5939	1,484,750
Alumni SPIES Belia	19	1670	417,500

PROGRAM SPIES	BILANGAN PROGRAM	JUMLAH PESERTA	KOS(RM)
Remaja	37	3733	933,250
Alumni SPIES remaja	9	900	225,000
SPIES Kepimpinan /Penjawat Awam	33	2391	597,750
Ibubapa	10	2000	200,000
Ibu Tunggal	5	397	42,650
Pendidik	11	1085	271,250
Pelajar IPT	3	253	63,250
Alumni SPIES Kepimpinan	1	24	5,520
SPIES Siswa	7	660	165,000
SPIES Siswa 1K	3	132	33,000
SPIES AJK Masjid	4	400	100,000
SPIES Biro Pemuda (JKKK)	11	880	220,000
JUMLAH	**225**	**20,524**	**4,764,920**


BILANGAN PROGRAM MENGIKUT KATEGORI
JANUARI - 1 NOVEMBER 2009
Alumni SPIES Kepimpinan, 1
SPIES Siswa 1K, 3
SPIES AJK Masjid, 4
SPIES Biro Pemuda (JKKK), 11
SPIES Siswa, 7
Masyarakat, 1
Pelajar IPT, 3
Pendidik, 11
Ibu Tunggal, 5
Ibubapa, 10
Belia, 71
SPIES Kepimpinan /Penjawat Awam, 33
Alumni SPIES Belia, 19
Remaja, 37
Alumni SPIES remaja, 9


JUMLAH PESERTA MENGIKUT KATEGORI
JANUARI - 1 NOVEMBER 2009
SPIES Siswa 1K, 132
SPIES Siswa, 660
SPIES AJK Masjid, 400
SPIES Biro Pemuda (JKKK), 880
Alumni SPIES Kepimpinan, 24
Masyarakat, 60
Pelajar IPT, 253
Pendidik, 1085
Belia, 5939
Ibu Tunggal, 397
Ibubapa, 2000
SPIES Kepimpinan /Penjawat Awam, 2391
Remaja, 3733
Alumni SPIES Belia, 1670
Alumni SPIES remaja, 900



b) Kesan – kesan positif terhadap kakitangan awam Selangor selepas pelaksanaan program SPIES adalah seperti berikut:

1) **Penerapan Nilai Murni Keikhlasan dan Kejujuran**
Melalui peningkat nilai spiritual dalam diri, para peserta dapat meningkatkan nilai murni bekerja secara jujur dan ikhlas di tempat kerja masing-masing. Mereka dapat diberikan kesedaran bahawa Tuhan sentiasa melihat dan membalasi apa jua amal baik yang dilakukan. Ini juga dapat mengikis kecintaan materialistik tidak terkawal dan menjurus kepada amalan buruk seperti rasuah dan ketirisan.

2) **Meningkatkan Nilai Prihatin & Silaturrahim.**
Dalam kontek perhubungan dengan rakan sekerja, ketua jabatan, kakitangan bawahan, pelanggan dan masyarakat umumnya, program ini menekankan dan menerapkan nilai prihatin, kasih sayang dan silaturrahim di dalam diri peserta iaitu sentiasa menekankan bahawa kasih sayang adalah aspek penting di dalam kehidupan kerana kasih sayang dapat menghindarkan kebencian dan dendam di dalam diri manusia. Peserta juga dapat merasakan bahawa banyak konflik dan krisis di antara manusia dapat diselesaikan melalui kasih sayang dan silaturrahim.

3) **Meningkatkan semangat kerja berpasukan.**
Aktiviti kerja berkumpulan dan sebagainya yang dijalankan telah dapat menanam semangat kerjasama dan kemahiran bekerja secara berkumpulan. Mereka dapat dilatih untuk meningkatkan mutu kerja dan khidmat kepada pelanggan melalui muafakat, gotong royong dan saling bantu-bantu di antara satu sama lain.

4) Mengukuh semangat dan kemahiran mengamalkan demokrasi.

Dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan, mereka dilatih untuk memberanikan diri memberi idea dan pendapat masing-masing. Oleh itu, mereka juga mendapat keyakinan diri untuk memberi sebarang idea yang bernas untuk diterima oleh ahli kumpulan dan untuk dibentang dan dibahaskan oleh ahli pasukan lain. Ini menggalakkan mereka untuk berani memberi pandangan dan idea ditempat kerja dalam meningkatkan mutu kerja dan memberikan perkhidmatan kepada rakyat.

5) Mendisiplinkan diri

Sesuatu kerja memerlukan disiplin dan etika yang baik untuk membentuk peribadi mulia yang dapat ditonjolkan di dalam sesebuah organisasi. Melalui program para peserta di kehendaki untuk menghadirkan diri dan menepati masa dalam setiap aktiviti yang telah ditetapkan. Secara tidak langsung setiap individu dilatih untuk mendisiplinkan diri masing-masing dalam memenuhi kehendak kursus.

6) Keupayaan Berkomunikasi Dengan Pelanggan.

Peserta juga diajar kemahiran komunikasi dengan berkesan dalam memberi perkhidmatan kepada pelanggan. Mereka dibantu memahami apakah faktor-faktor yang boleh menghalang komunikasi dengan pelanggan di semua peringkat. Mereka dibentuk supaya berfikiran positif dan terbuka. Apabila setiap perbezaan dapat dikikis maka seseorang berkeupayaan untuk menerima dan memberi arahan dengan baik. Jika tidak halangan-halangan komunikasi akan berlaku yang menyebabkan pergerakan sesuatu organisasi menjadi perlahan dan terbantut.

7) Kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis

Salah satu unsur penting untuk menghasilkan sesuatu impak yang paling berkesan dalam kerja adalah intelek. Justeru itu program ini menggalakkan setiap peserta mengkritik secara objektif dan sedia berkongsi idea dan buah fikiran melalui aktiviti berkumpulan yang memerlukan persefahaman di dalam penerimaan dan perkongsian input. Ini menggalakkan penambahbaikan mutu kerja secara kolektif di tempat kerja mereka.

8) Menjadikan Penjawat Awam Lebih Proaktif

Modul SPIES ini sesuai dan mampu menjadikan kakitangan Kerajaan menjadi lebih dinamik dan proaktif dalam memberikan perkhidmatan kepada masyarakat. Ia melatih setiap peserta supaya berani dan berinisiatif untuk memulakan perubahan diri dan cara kerja, agar kerja yang dilakukan sentiasa lebih baik berdasarkan semangat ‘kaizen”. Kesedaran ini jjuga mendorong penjawat awam memberikan khidmat dengan cekap dan pantas kepada rakyat.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)

TAJUK : SKIM MESRA USIA EMAS(SMUE)

42. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Apakah prestasi pendaftaran SMUE bagi setiap kawasan DUN sehingga Sep 2009?

b) Berapakah perbelanjaan yang diperuntukkan untuk SMUE bagi 2008,2009?

c) Apakah rancangan kerajaan dalam usaha mempertingkatkan kualiti hidup Warga Emas di Selangor?

JAWAPAN :

a) Prestasi pendaftaran SMUE sehingga 30hb September 2009 untuk kawasan DUN di Negeri Selangor sahaja adalah seperti Lampiran A.

b) Perbelanjaan yang diperuntukkan untuk SMUE bagi tahun 2008 dan 2009 bagi tempoh **01 Oktober 2008 sehingga 26 Oktober 2009** adalah seperti berikut:

PERBELANJAAN SKIM MESRA USIA EMAS

BAGI TEMPOH 1 OKTOBER 2008 SEHINGGA 26 OKTOBER 2009

Tahun	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)
2008	20,700,000.00	3,574,032.00
2009	20,700,000.00	15,618,123.88
Jumlah	**41,400,000.00**	**19,192,155.88**

c) Kerajaan Negeri Selangor telah merancang program-program yang akan memberi manfaat kesihatan kepada golongan warga emas ke arah meningkatkan kualiti kehidupan mereka.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)

TAJUK : MENARA TELCO

43. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Apakah garis panduan yang diguna pakai oleh Kerajaan Negeri dan PBT untuk pembinaan Menara Telco?

b) Sila senaraikan Menara Telco dan lokasi yang telah diberikan permit untuk tahun 2009 mengikut PBT.

JAWAPAN :

a) Bagi meluluskan sebarang cadangan pembangunan menara telekomunikasi di atas tanah perbekalan air Selangor ataupun di mana jua lokasi, Kerajaan Negeri menggunakan garis panduan berikut:

1) Garis Panduan Pembinaan Sistem Struktur Telekomunikasi 2002 yang dikeluarkan oleh Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan (KPKT);

2) Garis Panduan Pembinaan Struktur Telekomunikasi Negeri Selangor 2008; dan

3) Garis Panduan Pembinaan Menara dan Struktur Sistem Pemancar Telekomunikasi di atas Tanah-tanah Perbekalan Air Negeri Selangor (SYABAS) 2008.

b) Sehingga semasa terdapat sejumlah 2,957 struktur telekomunikasi di seluruh Selangor. Senarai lengkap adalah seperti dilampirkan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)

TAJUK : ADUN DAN PENTADBIRAN PEJABAT DAERAH

44. Kerjasama antara ADUN dan Pejabat Daerah yang mantap akan meningkatkan perkhidmatan Kerajaan kepada rakyat:

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Apakah garis panduan kerja yang telah disediakan oleh kerajaan bagi Pejabat Daerah dalam konteks kerjasama dengan ADUN?

b) Apakah garis panduan yang telah diwujudkan oleh kerajaan bagi membolehkan ADUN memantau pelaksanaan projek-projek pembangunan di DUN menepati bajet yang telah diluluskan oleh Dewan Negeri?

c) Adakah panduan dari kerajaan kepada Pejabat Daerah bagi memberi ruang agar beberapa projek bagi manfaat rakyat didahulukan berdasarkan daripada syor dan cadangan daripada ADUN?

JAWAPAN ;

a) Pejabat Daerah diminta melibatkan ADUN di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah setiap bulan bagi membincangkan isu-isu setempat. Pandangan ADUN sebagai wakil rakyat harus diambil kira.

b) Setakat ini tiada garis panduan khusus bagi membolehkan ADUN memantau projek-projek pembangunan. Pemantauan dibuat oleh Pejabat Audit berdasarkan garis panduan kewangan Kerajaan Negeri.

c) ADUN boleh memberi pandangan menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah dan juga Dialog Bajet.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)

TAJUK : PERUNTUKAN DARI KERAJAAN PUSAT

45. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah jumlah peruntukan Kerajaan Pusat kepada negeri ini dan perincikan setiap jabatan yang menerimanya.

b) Terangkan tindakan Kerajaan Negeri jika peruntukan wajib ini sengaja dilewatkan pemberiannya.

JAWAPAN :

a) Jumlah peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Pusat kepada Agensi/Jabatan dan Kerajaan Negeri sehingga 31 Oktober 2009 adalah sebanyak RM428,458,236.35. Anggaran jumlah keseluruhan Pemberian Kerajaan Persekutuan kepada Negeri Selangor pada akhir tahun adalah sebanyak RM502,270,119.42.

Pemberian Geran Jalan raya Berdasarkan Sistem Maklumat Rekod-rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS) ini merupakan Pemberian yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan secara bulanan dalam jumlah RM25,080,525 setiap bulan. Sehingga 31 Oktober 2009, jumlah yang telah diterima oleh Negeri Selangor adalah sebanyak RM225,724,723.

Pemberian Berdasarkan Tahap Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup (Tahap) adalah bertujuan membantu negeri-negeri khususnya negeri yang tahap pembangunan yang masih rendah berupaya melaksanakan projek-projek pembangunannya dengan matlamat pembangunan sosioekonomi yang seimbang di seluruh negara. Terimaan Pemberian Tahap bagi Negeri Selangor adalah berjumlah RM15,959,000.

Pemberian 5% bagi Projek Kerajaan Persekutuan yang Dijalankan oleh Kerajaan Negeri diberikan selaras dengan peruntukan Perkara 80(5), Perlembagaan Persekutuan membenarkan Kerajaan Negeri menuntut sejumlah bayaran perkhidmatan bagi projek-projek Persekutuan yang dilaksanakan. Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan RM8,922,130 sebagai Pemberian 5% Negeri Selangor.

Pemberian Bagi Perbelanjaan Mengurus (50%) Bagi Jabatan-jabatan Di Bawah Senarai Bersama merupakan bayaran yang membiayai 50% daripada kos pengurusan Jabatan-jabatan di bawah Senarai Bersama di bawah Perlembagaan Persekutuan iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Jabatan Pengaliran dan Saliran. Jumlah terimaan di bawah Pemberian ini bagi tahun 2009 adalah sebanyak RM31,933,253.

Pemberian 50% Peruntukkan Pengurusan Lembaga Muzium Negeri Selangor Dan Perbadanan Perpustakaan Negeri Selangor adalah Pemberian berdasarkan prinsip yang sama seperti Pemberian Bagi Perbelanjaan Mengurus (50%) Bagi Jabatan-jabatan Di Bawah Senarai Bersama tetapi untuk Lembaga Muzium Negeri dan Perbadanan Perpustakaan Negeri . Pemberian ini disalurkan terus kepada kedua Agensi ini melalui KeKWa dan bukan Kerajaan Negeri. Anggaran Pemberian ini bagi tahun 2009 adalah sebanyak RM8,407,528.

Pemberian Khas Negeri Selangor (Pemberian Pampasan Kuala Lumpur Dan Putrajaya) adalah pampasan tahunan Kerajaan Persekutuan kepada Negeri Selangor ke atas kehilangan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Jumlah Pemberian tahunan yang diberikan adalah sebanyak RM25,805,638.

Pemberian Bilangan Penduduk (Capitation Grant) adalah Pemberian yang di buat berdasarkan kepada perkara 109(1)(a), Perlembagaan Persekutuan berpandukan jumlah penduduk sesuatu Negeri. Negeri Selangor telah menerima bagi tahun 2009 sebanyak RM72,762,148.

Pemberian Pertambahan Hasil di buat di bawah Akta Pemberian Pertambahan Hasil 1977 dan Akta Pemberian Pertambahan Hasil (Pindaan)1990 berdasarkan prinsip *"revenue sharing"* iaitu apabila terdapat pertambahan di dalam hasil Kerajaan Persekutuan di dalam sesuatu tahun kewangan. Jumlah terimaan Negeri Selangor bagi Pemberian ini adalah berjumlah RM27,156,465.

Pemberian Bantuan 50% Bil Elektrik Pihak Berkuasa Tempatan adalah merupakan bantuan Kerajaan Persekutuan bagi meringankan tanggungan bil elektrik PBT. Pemberian ini disalurkan terus kepada PBT melalui Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan. Jumlah terimaan bagi tahun 2009 adalah berjumlah RM11,787,351.

Perincian pemberian yang diterima bagi setiap jabatan adalah seperti berikut:

BIL.	JENIS PEMBERIAN	JUMLAH (RM)	JABATAN YANG MENERIMA	STATUS / LAIN-LAIN
1	Pemberian Jalanraya (MARRIS)	225,724,723.00	JKR, PBT, Kerajaan Negeri	Pemberian diterima setiap awal bulan sebanyak RM 25,080,525.00. Telah diterima sehingga bulan September 2009.
2	Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup	15,959,000.00	Kerajaan Negeri	Jumlah terimaan pada tahun 2009 sebanyak RM 15,959,000.00. Diterima pada 3 Ogos 2009.
3	Pemberian Bayaran Perkhidmatan 5% Kerana Penglibatan Kakitangan Kerajaan Negeri Dalam Melaksanakan Projek-projek Persekutuan	8,922,130.00	Kerajaan Negeri	Jumlah terimaan mengikut jumlah keseluruhan data 5% yang dihantar oleh setiap jabatan yang terlibat. Diterima pada 22 Oktober 2009.
4	Pemberian Perbelanjaan Mengurus Jabatan Persekutuan (50%)	31,933,253.00	Kerajaan Negeri	Terimaan adalah bayaran pendahuluan oleh Kerajaan Negeri bagi perbelanjaan pengurusan JKM, JPS dan Jabatan Veterinar Selangor.
5	Pemberian Tahunan Selangor	25,805,638.00	Kerajaan Negeri	Bayaran Pampasan bagi :- Kehilangan wilayah: RM19,305,638.00 Kehilangan Putrajaya : RM 7,500,000.00. Diterima pada 22 Januari 2009.
6	Pemberian Mengikut Bilangan Penduduk (Capitation Grant)	72,762,148.00	Kerajaan Negeri	Pemberian Pertama pada Januari dan Pemberian Kedua pada September 2009.

7	Pemberian Pertambahan Hasil	27,156,465.00	Kerajaan Negeri	Pemberian diterima pada 16 September 2009. Jumlah sebanyak RM 6.35 juta telah ditolak daripada jumlah asal sebanyak RM 33.506 juta sebagai bayaran balik pendahuluan kepada MOF.
8	Pemberian Bantuan 50% Bil Elektrik Pihak Berkuasa Tempatan	11,787,351.00	Pihak Berkuasa Tempatan	Pemberian disalurkan terus kepada setiap PBT.
9	Pemberian 50% Peruntukkan Pengurusan Lembaga Muzium Negeri Selangor Dan Perbadanan Perpustakaan Negeri Selangor	8,407,528.35	Lembaga Muzium dan Perbadanan Perpustakaan Negeri Selangor	Muzium : RM2,908,713.23 Perpustakaan : RM 4,069,123.19 baki sebanyak RM 1,429,691.93 masih belum diterima.
Jumlah Keseluruhan (sehingga 28 Oktober 2009)		**428,458,236.35**		

b) Sehingga kini masih belum ada Peruntukan yang lewat disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Negeri Selangor. Jika terdapat kelewatan dalam penerimaan Peruntukan, Kerajaan Negeri boleh membuat permohonan bertulis kepada Kementerian Kewangan Malaysia untuk menyegerakan penyaluran Peruntukan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN EDWARD LEE POH LIN
(BUKIT GASING)

TAJUK : GETARAN BUMI

46. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai pelan tindakan kecemasan jika berlakunya getaran bumi yang menyebabkan bencana?

b) Adakah agensi-agensi dalam negeri telah diberi taklimat berkenaan perkhidmatan kecemasan dan bantuan bencana?

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri mempunyai pelan tindakan kecemasan jika berlakunya getaran bumi yang menyebabkan bencana. Berpandukan Arahan Majlis Keselamatan Negara(MKN) No. 20 iaitu Dasar dan Mekanisma Pengurusan dan Bantuan Bencana Negara dan juga Panduan Pengurusan Krisis/Bencana Negeri Selangor. Semua agensi-agensi utama sebagai ahli dalam Jawatankuasa Pengurusan Bencana seperti Jabatan Meteorologi Selangor, Jabatan Mineral dan Geosains Selangor, Jabatan Alam Sekitar Selangor akan menyalurkan maklumat kepada Kerajaan Negeri dan Majlis Keselamatan Negara(MKN) Negeri Selangor selaku Urusetia Pengurusan dan Bantuan Bencana di peringkat negeri. Semua agensi di bawah kerajaan Negeri telah ada pelan tindakan kecemasan (Emergency Response Plan) masing-masing bagi menghadapi sebarang jua jenis bencana/krisis sebelum diaktivasikan Arahan MKN No. 20 sama ada di peringkat Daerah mahu pun Negeri apabila keadaan bencana bertambah serius dan kritikal .

b) Semua agensi-agensi/jabatan-jabatan berkenaan sama ada di peringkat daerah dan negeri termasuk NGO/Jawatankuasa Penduduk/Pelajar telah diberi maklumat berkaitan perkhidmatan kecemasan dan bantuan bencana dalam bentuk taklimat/kursus/latih amal/table top/bengkel/diskusi dan mesyuarat bencana. Biasanya,perkara ini diselaraskan oleh MKN Negeri Selangor anjuran bersama agensi-agensi berkenaan dan juga penyampaian maklumat tersebut diuruskan sendiri oleh pihak agensi-agensi/jabatan-jabatan berkenaan di Negeri Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)

TAJUK : PROJEK LRT

47. Cadangan jajaran baharu Transit Aliran Ringan (LRT) Lembah Klang. Pada dasarnya Kerajaan Negeri menyokong pembinaan LRT kerana ia secara keseluruhannya memberikan keselesaan dan juga perkhidmatan untuk masyarakat dan menolong meringankan kesesakan jalan raya yang kita alami sekarang. Amat malang sekali cadangan baru Syarikat Prasana tidak melibatkan kawasan-kawasan perumahan di Cheras dan Kajang.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Apakah usaha yang akan dibuat oleh kerajaan negeri untuk berbincang dengan Syarikat Prasana agar mempertimbangkan pengembangan Transit Aliran Ringan ke Kajang dengan melalui kawasan perumahan Balakong?

b) Apakah insentif-insentif yang akan di berikan oleh kerajaan negeri untuk projek berkenaan kepada syarikat Prasana Berhad?

JAWAPAN :

a) Bagi cadangan pengembangan aliran atau jajaran baru Transit Aliran Ringan (LRT) ke Kajang, ianya masih di peringkat kajian. Beberapa perbincangan dan taklimat ringkas telah diadakan dengan penglibatan Jabatan Perancang Bandar Dan Desa (JPBD) Negeri Selangor, Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) dan Syarikat Prasarana Negara Berhad (Prasarana).

Berdasarkan taklimat ringkas oleh pihak Prasarana, cadangan jajaran tersebut akan bermula dari sempadan Kuala Lumpur melalui Taman Tun Hussein Onn dan berakhir di Cheras Selatan. Walau bagaimanapun Draf Rancangan Tempatan MPKj yang mengaplikasikan konsep '*Transit Oriented Development*' telah mencadangkan **Cadangan Laluan Transit Berasaskan Rel bagi dua (2) laluan utama iaitu laluan Damansara –Pheonix dan laluan Petaling – Alam Damai**. Ini jelas menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri amat peka terhadap keperluan infrastruktur pengangkutan yang lengkap khusus kepada rakyat di Negeri Selangor. Walau bagaimanapun pengembangan aliran LRT ini akan dibuat secara berperingkat mengikut fasa-fasa yang terlibat secara keseluruhannya.

Dalam hal ini, Kerajaan Negeri akan meneliti dan menilai cadangan jajaran laluan yang akan dikemukakan oleh pihak Prasarana berdasarkan Draf Rancangan Tempatan MPKJ yang telah disediakan sebelum sebarang kelulusan diberikan.

b) Kerajaan Negeri sentiasa bersikap terbuka dalam memberikan kerjasama kepada mana-mana pihak yang ingin membangunkan Negeri Selangor demi kebaikan rakyat khasnya. Berhubung cadangan untuk memberikan insentif kepada syarikat Prasarana Berhad bagi sistem pengembangan Transit Aliran Ringan (LRT) ke Kajang dan Balakong, buat masa ini Kerajaan Negeri tidak menetapkan sebarang insentif khas kepada mereka untuk menjayakan projek tersebut. Bantuan yang boleh diberikan oleh Kerajaan Negeri adalah dalam bentuk kerjasama dalam mengenal pasti jajaran yang sesuai serta mempercepatkan proses kelulusan Kebenaran Merancang (KM) serta perkara-perkara yang tertakluk di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)

TAJUK : PELABUR ASING

48. Sejak 2008, kerajaan Negeri Selangor bergiat sangat menarik pelabur asing ke Negeri Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Berapakah projek dan jumlah nilai yang telah dibawa masuk?

b) Berapakah peluang pekerjaan telah diujudkan khasnya kepada golongan graduan?

JAWAPAN :

a) Bagi tempoh tahun 2008 sehingga Julai 2009 sebanyak **440 projek** perkilangan telah diluluskan di negeri Selangor oleh MIDA/MITI dengan nilai pelaburan berjumlah **RM 14,589,065,519.** Daripada jumlah ini sebanyak **RM 4,119,463,150** adalah daripada pelaburan tempatan dan sebanyak **RM 10,469,602,369** daripada pelaburan asing**.**

b) Sebanyak **39,039** peluang pekerjaan telah diwujudkan dalam pelbagai jenis industri.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)

TAJUK : TANAH-TANAH YANG BERKAITAN DENGAN PEJABAT TANAH HULU LANGAT SEJAK TAHUN 2008

49. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Sila nyatakan Lokasi Tanah yang telah disewakan dan Lokasi tanah yang telah di jual oleh Pejabat Tanah Hulu Langat sejak tahun 2008 serta nyatakan dengan terperinci harga sewaan dan harga jualan setiap tanah yang terlibat.

b) Apakah kriteria yang diperlukan untuk memohon atau mendapatkan Lesen Menduduki Sementara(TOL) bagi tanah kerajaan Negeri Selangor.

c) Jelaskan proses dan tempoh masa untuk memohon TOL secara terperinci.

JAWAPAN :

a) Setakat ini, PTD Hulu Langat tiada terlibat dengan penjualan / penyewaan mana-mana tanah di Daerah Hulu Langat sejak tahun 2008. Walau bagaimanapun sebanyak 69 Lesen Menduduki Sementara (TOL) telah di luluskan.

b) Kriteria untuk memohon Lesen Menduduki Sementara (TOL) adalah selaras dengan panduan yang telah ditetapkan oleh Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bil 1/2008 dan Seksyen 65 Kanun Tanah Negara

c) Proses kerja adalah seperti di Lampiran 1 dan tempoh masa yang ditetapkan mengikut Piagam Pelanggan ialah 3 bulan.

PROSES KERJA BAGI MENGURUSKAN PERMOHONAN PROSEDUR LESEN MENDUDUKI SEMENTARA

BIL	PROSES KERJA	PEGAWAI YANG MELULUSKAN / DIRUJUK	SEKSYEN UNDANG-UNDANG / PERATURAN
1	i. Terima dan semak borang permohonan ii. Jika lengkap sedia resit bayaran permohonan dan serah kepada pemohon. iii. Daftar permohonan jika pembayaran telah dibuat. iv. Beri no. fail v. Buka fail dan serah kepada Pelukis Pelan untuk 'charting' dan laporan.		
2.	i. Buat 'Charting'dan sedia laporan	Pelukis Pelan	
3.	i. Dapatkan Ulasan Teknikal	Jabatan Teknikal berkenaan	
4.	i. Hantar fail kepada PPT untuk siasat dan laporan tanah.	PPT (Mukim)	
5.	i. Siasat dan sedia laporan bergambar. ii. Serah laporan kepada PT	PPT (Mukim)	

BIL	PROSES KERJA	PEGAWAI YANG MELULUSKAN / DIRUJUK	SEKSYEN UNDANG-UNDANG / PERATURAN
6.	i. Terima surat ulasan teknikal dan rujuk kepada PPD(T) untuk arahan selanjutnya.		
7.	Sediakan Deraf Kertas Ringkasan		
8.	i. Hantar Kertas Ringkasan kepada KPPD(T) / PPD(T) untuk semakan dan tandatangan.		
9.	Semak dan tandatangan Kertas Ringkasan / Kertas Minit	KPPD(T) / PPD(T)	
10.	i. Serah fail kepada PTD untuk pertimbangan PTD ii. Terima fail-fail dan keputusan permohonan. iii. Keluar surat makluman keputusan (lulus atau tolak) kepada pemohon. iv. Jika lulus, minta pemohon jelaskan bayaran Lesen menduduki sementara mengikut kadar yang telah ditetapkan. v. Sediakan bil bayaran.		

BIL	PROSES KERJA	PEGAWAI YANG MELULUSKAN / DIRUJUK	SEKSYEN UNDANG-UNDANG / PERATURAN
11.	Terima bayaran	Hasil	
12.	i. Daftar dalam buku Lesen Menduduki. ii. Sediakan Lesen Menduduki Sementara (Borang 4A).		
13.	Buat 'Chating' (lulus / tolak)	Pelukis Pelan	

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)

TAJUK : KHIDMAT AHLI MAJLIS PBT

50. Pelantikan Ahli-ahli majlis PBT telah dinilai kembali selepas setahun mereka berkhidmat di bawah kerajaan Pakatan Rakyat.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Bagaimanakah prestasi Ahli-ahli majlis PBT setahun mereka dilantik di bawah Kerajaan Pakatan Rakyat?

b) Berapa dari kalangan mereka yang diberhentikan atau menarik diri?

c) Apakah masalah-masalah utama yang menyebabkan mereka diberhentikan?

JAWAPAN :

a) Majoriti Ahli-ahli Majlis PBT yang dilantik oleh Kerajaan Negeri bagi penggal 2008/2009 telah menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan penuh dedikasi, berkesan serta amat memuaskan. Walau bagaimanapun, terdapat juga beberapa orang Ahli Majlis yang kurang aktif dalam penyampaian perkhidmatannya dan mereka ini akan diberikan pendedahan yang lebih dan dihantar menyertai kursus di Institut Latihan Pihak Berkuasa Tempatan (ILPBT) untuk meningkatkan pengetahuan serta kecekapan agar dapat menjalankan tugas sebagai Ahli Majlis.

b) Berdasarkan rekod bagi Ahli-ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan lantikan penggal 2008/2009, tiada rekod menunjukkan Ahli Majlis diberhentikan. Walau bagaimanapun, bilangan Ahli Majlis yang menarik diri direkodkan seramai 8 orang.

c) Seperti yang telah dimaklumkan, tiada pemberhentian dibuat ke atas mana-mana Ahli Majlis PBT bagi lantikan penggal 2008/2009.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)

TAJUK : KONTRAKTOR PEMBERSIHAN DAN PENYELENGGARAAN

51. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Senaraikan kontraktor-kontraktor pelupusan sampah/sisa pepejal dan pembersihan di DUN Meru dan laporan prestasi kerja mereka?

b) Senaraikan kontraktor-kontraktor penyelenggaraan pokok-pokok dan rumput di DUN Meru dan laporan prestasi kerja mereka?

c) Senaraikan kontraktor-kontraktor kerja-kerja pembinaan dan pembaikan infrastruktur di DUN Meru dan laporan prestasi kerja mereka?

JAWAPAN :

a) Senarai kontraktor-kontraktor pelupusan sampah/sisa pepejal dan pembersihan di DUN Meru dan laporan prestasi kerja adalah seperti lampiran.

b) 1) Majlis tidak melantik kontraktor bagi kerja-kerja penyelenggaraan pokok dan kerja-kerja ini dilaksanakan secara jabatan.

2) Senarai-senarai kontraktor bagi kerja-kerja penyelenggaraan landskap adalah seperti dalam lampiran dan prestasi kerja adalah memuaskan.

c) Longkang - Syarikat Nurfandi - Kerja-kerja penyelenggaraan parit/longkang di Klang utara (termasuk Dun Meru) dan prestasi kerja memuaskan.

DUN MERU

BIL.	NO. FAIL	KAWASAN	MAKLUMAT SYARIKAT
1.	M/65/2008	**Kerja-kerja Penyelenggaraan Padang Permainan Kanak-kanak di Kawasan Klant Utara (PKU 5)** * Jalan Sesenduk 6, Taman Meru Utama * Jalan Sesenduk 3, Taman Meru Utama * Taman Meru Utama * Taman Daya Maju * Taman Meru Utama 5 * Jalan Mempari 1 * Jalan Mempari 10 * Jalan Sri Kenangan 4 * Jalan Abadi 4, Taman Saujana * Jalan Mempari 14	**ZAS MAKMUR ENT.** No. 73, Taman Nakhoda Yusoff 4, Taman Nakhoda Yusof, Kampung Jawa, 41000 Klang. **Wan Amirul** **016-3316002** **RM 6,960.00 (sebulan)**
2.	M/66/2008	**Kerja-kerja Penyelenggaraan Padang Permainan Kanak-kanak di Kawasan Klang Utara (PKU 6)** * Jalan Hikmah 4 / KU 8 * Jalan Khamis * Jalan Puding * Jalan Mahang * Jalan Mulia 5 E * Taman Makmur, Meru * Taman Meru Indah Jaya, Off Jalan Jabar * Jalan Mulia 9 / KU 8 * Taman Meru Aman	**RATUSAN KIBAR SDN. BHD.** Lot 4048, Batu 9, Jalan Bahagia, Bukit Kapar, 42200 Klang. **Aziz Abd. Rahman** **019-6162359** **RM 6,011.50 (sebulan)**

BIL.	NO. FAIL	KAWASAN	MAKLUMAT SYARIKAT
3	M/67/2008	**Kerja-kerja Penyelenggaraan Padang Permainan Kanak-kanak di Kawasan Klang Utara (PKU 7)** * Jalan Meranti Bunga 3 * Jalan Meranti Bunga 5 * Taman Desa Meru * Taman Desa Permai * Lorong Kopi 1 * Jalan Restu 5 * Taman Sri Mewah 5 * Taman Permai 2 * Taman Mewah 8 * Taman Meru Putera * Jalan Abadi 10 D, Off Jalan Teratai, Meru	**TERAS KELANA ENT.** No. 3Q, Jalan SS 7/16, Kelana Jaya, 47301 Petaling Jaya. **Amir b. Alias** **013-2710013** **RM5,720.00 (sebulan)**
4.	M/69/2008	**Kerja-kerja Penyelenggaraan Padang Permainan Kanak-kanak di Kawasan Klang Utara (PKU 9)** * Jalan Raja Nala 19 * Jalan Raja Nala 17 * Jalan Raja Nala 5 * Jalan Raja Nala 30 * Jalan Imam Abd. Aziz 4 * Jalan Dato' Kaya Kecil 4 A, Taman Indah, Pandamaran * Jalan Raja Nala 15 * Jalan Raja Nala 14 B	**JUARAKON CONST. SDN. BHD.** No. 70, Jalan Pengasah 3, Batu 3 3/4, Jalan Kapar, 42100 Rantau Panjang. **Faizal M. Othman** **012-2157507** **RM 4,959.00 (sebulan)**
5.	M/70/2008	**Kerja-kerja Penyelenggaraan Padang Permainan Kanak-kanak di Kawasan Klang Utara (PKU 10)** * Jalan Haji Yaakob 24 * Jalan Bertam 5 E / KU 14 * Jalan Bertam 5 G / KU 14 * Jalan Kiyai Sujak 20 * Jalan Kiyai Sujak 22 * Jalan Kapar Setia 23 * Lintang Kapar Setia 5 * Jalan Haji Yaakob 18 * Taman Sri Wangi * Jalan Imam Ayob 2 C * Taman Sungai Serdang * Jalan Yaakob 5	**CAHAYA** 8C, Lorong Gopeng, Off Jalan Goh Hock Huat, 41400 Klang. **Mohd. Affendi** **012-6911899** **RM 6,650.00 (sebulan)**

DUN MERU

	NO. FAIL	KAWASAN	NAMA SYARIKAT ALAMAT
1.	MPK/TMN/S/29/2009	Kerja-kerja Penyelenggaraan Landskap Di Kawasan Taman Mutiara dan Rumah Pangsa Kos Rendah Bandar Bukit Raja, Klang Utara * Seluruh kawasan Padang Permainan di Taman Mutiara termasuk Jalan Masuk * Seluruh kawasan Persekitaran Landskap di Kawasan Rumah Pangsa Kos Rendah	BUKIT DUSUN ENTERPRISE No. 72, Simpang 3, Batu 8 Bukit Kapar, 42200 Klang. 016 2667442 RM 2,751.85 sebulan
2.	MPK/TMN/S/35/2009	Kerja-kerja Penyelenggaraan Padang Permainan Kanak-kanak Di Kawasan Klang Utara * Taman Meru Jaya 2 * Taman Meru Jaya 3 * Taman Dato' Bandar * Taman Daya Maju (Jalan Beruas 2E) * Taman Sri Mewah (Jalan Meranti Bunga 8) * Jalan Meru Indah 19 * Jalan Meranti Bunga 7, Taman Mewah * Taman Meru Harapan * Jalan Belimbing Besi KU / 10	GAFAMIE ENTERPRISE No. 57, Jalan 12 Pandamaran Jaya 42000 Pelabuhan Klang. 019 3838685 RM 3,256.10 sebulan

	NO. FAIL	KAWASAN	NAMA SYARIKAT ALAMAT
3.	MPK/TMN/S/36/2009	Kerja-kerja Penyelenggaraan Padang Permainan Kanak-kanak Di Kawasan Klang Utara * Jalan Hamzah Alang 25 * Jalan Hamzah Alang 46 * Jalan Hamzah Alang 23 * Jalan Hamzah Alang 61 * Jalan Raja Nala 24 * Jalan Raja Nala 13 * Jalan Raja Nala 9 * Jalan Imam Abd. Aziz 1 * Jalan Haji Yaakob 14	TUAH HARAPAN ENTERPRISE No. 2104, Tingkat Satu Jalan Meru 41050 Klang. 012 3410118 RM 4,599.95 sebulan
4.	MPK/TMN/S/37/2009	Kerja-kerja Penyelenggaraan Padang Permainan Kanak-kanak Dan Landskap Di Kawasan Klang Utara * Taman Meru Damai (Jalan Belimbing Besi KU 10) * Taman Sri Mewah (Jalan Meranti Bunga 7) * Jalan Durian Tembaga * Jalan Durian Belanda (Taman Meru Harapan) * Taman Desa Kencana, Jalan 19 / KU 11 * Taman Desa Permai (Jalan Meranti Putih 1 / KU 10) * Taman Desa Kenanga * Jalan Dato' Kaya Kecil 4 * Jalan Hamzah Alang 63 * Jalan Hamzah Alang 26 * Jalan Kapar Setia 40	SKI MEROO ENTERPRISE P.O. Box 282, Batu 7 Jalan Nenas, Meru 42200 Klang. 013 3553732 RM 4,188.00 sebulan

	NO. FAIL	KAWASAN	NAMA SYARIKAT ALAMAT
5.	MPK/TMN/S/38/2009	Kerja-kerja Penyelenggaraan Padang Permainan Kanak-kanak Dan Landskap Di Kawasan Klang Utara * Taman Meru Mulia (Jalan Khamis 10) * Taman Daya Maju (Jalan Beruas 5) * Taman Sri Mewah (Jalan Meranti Bunga 9) * Jalan Sagu 6 / KU 14 (Tok Muda) * Taman Meru Aman (Jalan Jabar 12) * Taman Meru Makmur (Jalan Kasban 5)	GERGASI MAJU ENTERPRISE Lot 2104, Tingkat 1 Jalan Meru, 41050 Klang. 019 2673122 RM 2,247.00 sebulan
6.	MPK/TMN/S/39/2009	Kerja-kerja Penyelenggaraan Landskap dan Padang Permainan Di Kawasan Klang Utara * Jalan Meranti Putih 1B / K 10, Taman Desa Permai * Jalan Belimbing Besi 9, Taman Meru Damai * Jalan Jambu Air 4 / KU 10 Taman Meru Ria * Jalan Sungai Saim / KU 4, Taman Sri Rantau * Kawasan Landskap Kompleks Sukan Meru	FEZA BINA ENTERPRISE 61A - Bilik 2, Jalan Rengas Southern Park, 41200 Klang. 012 2213789 RM 2,339.00 sebulan

KONTRAK 2008

DUN MERU

BIL.	NO. FAIL	KAWASAN	MAKLUMAT SYARIKAT
1.	M/57/2008	**Kerja-kerja Penyelenggaraan Landskap Bagi Kawasan Klang Utara (KU 9)** * Kawasan Landskap di seluruh kawasan Pasar Besar Meru * Kiri, kanan dan tengah Jalan Pasar Baru	**SAKTI ENT.** No. 48, Jalan Muafakat 5, Taman Meru Jaya 2, 41050 Klang. **Sazlin Ahmad Taufek** **013-2324382** **RM 8,525.00 (sebulan)**
2.	M/65/2008	**Kerja-kerja Penyelenggaraan Padang Permainan Kanak-kanak di Kawasan Klant Utara (PKU 5)** * Jalan Sesenduk 6, Taman Meru Utama * Jalan Sesenduk 3, Taman Meru Utama * Taman Meru Utama * Taman Daya Maju * Taman Meru Utama 5 * Jalan Mempari 1 * Jalan Mempari 10 * Jalan Sri Kenangan 4 * Jalan Abadi 4, Taman Saujana * Jalan Mempari 14	**ZAS MAKMUR ENT.** No. 73, Taman Nakhoda Yusoff 4, Taman Nakhoda Yusof, Kampung Jawa, 41000 Klang. **Wan Amirul** **016-3316002** **RM 6,960.00 (sebulan)**
3.	M/66/2008	**Kerja-kerja Penyelenggaraan Padang Permainan Kanak-kanak di Kawasan Klang Utara (PKU 6)** * Jalan Hikmah 4 / KU 8 * Jalan Khamis * Jalan Puding * Jalan Mahang * Jalan Mulia 5 E * Taman Makmur, Meru * Taman Meru Indah Jaya, Off Jalan Jabar * Jalan Mulia 9 / KU 8 * Taman Meru Aman	**RATUSAN KIBAR SDN. BHD.** Lot 4048, Batu 9, Jalan Bahagia, Bukit Kapar, 42200 Klang. **Aziz Abd. Rahman** **019-6162359** **RM 6,011.50 (sebulan)**

BIL.	NO. FAIL	KAWASAN	MAKLUMAT SYARIKAT
4.	M/67/2008	**Kerja-kerja Penyelenggaraan Padang Permainan Kanak-kanak di Kawasan Klang Utara (PKU 7)** * Jalan Meranti Bunga 3 * Jalan Meranti Bunga 5 * Taman Desa Meru * Taman Desa Permai * Lorong Kopi 1 * Jalan Restu 5 * Taman Sri Mewah 5 * Taman Permai 2 * Taman Mewah 8 * Taman Meru Putera * Jalan Abadi 10 D, Off Jalan Teratai, Meru	**TERAS KELANA ENT.** No. 3Q, Jalan SS 7/16, Kelana Jaya, 47301 Petaling Jaya. **Amir b. Alias** **013-2710013** **RM5,720.00 (sebulan)**
5.	M/69/2008	**Kerja-kerja Penyelenggaraan Padang Permainan Kanak-kanak di Kawasan Klang Utara (PKU 9)** * Jalan Raja Nala 19 * Jalan Raja Nala 17 * Jalan Raja Nala 5 * Jalan Raja Nala 30 * Jalan Imam Abd. Aziz 4 * Jalan Dato' Kaya Kecil 4 A, Taman Indah, Pandamaran * Jalan Raja Nala 15 * Jalan Raja Nala 14 B	**JUARAKON CONST. SDN. BHD.** No. 70, Jalan Pengasah 3, Batu 3 3/4, Jalan Kapar, 42100 Rantau Panjang. **Faizal M. Othman** **012-2157507** **RM 4,959.00 (sebulan)**
6.	M/70/2008	**Kerja-kerja Penyelenggaraan Padang Permainan Kanak-kanak di Kawasan Klang Utara (PKU 10)** * Jalan Haji Yaakob 24 * Jalan Bertam 5 E / KU 14 * Jalan Bertam 5 G / KU 14 * Jalan Kiyai Sujak 20 * Jalan Kiyai Sujak 22 * Jalan Kapar Setia 23 * Lintang Kapar Setia 5 * Jalan Haji Yaakob 18 * Taman Sri Wangi * Jalan Imam Ayob 2 C * Taman Sungai Serdang * Jalan Yaakob 5	**CAHAYA** 8C, Lorong Gopeng, Off Jalan Goh Hock Huat, 41400 Klang. **Mohd. Affendi** **012-6911899** **RM 6,650.00 (sebulan)**

KONTRAK 2009

DUN MERU

	NO. FAIL	KAWASAN	NAMA SYARIKAT ALAMAT
1.	MPK/TMN/S/29/2009	Kerja-kerja Penyelenggaraan Landskap Di Kawasan Taman Mutiara dan Rumah Pangsa Kos Rendah Bandar Bukit Raja, Klang Utara * Seluruh kawasan Padang Permainan di Taman Mutiara termasuk Jalan Masuk * Seluruh kawasan Persekitaran Landskap di Kawasan Rumah Pangsa Kos Rendah	BUKIT DUSUN ENTERPRISE No. 72, Simpang 3, Batu 8 Bukit Kapar, 42200 Klang. 016 2667442 RM 2,751.85 sebulan
2.	MPK/TMN/S/35/2009	Kerja-kerja Penyelenggaraan Padang Permainan Kanak-kanak Di Kawasan Klang Utara * Taman Meru Jaya 2 * Taman Meru Jaya 3 * Taman Dato' Bandar * Taman Daya Maju (Jalan Beruas 2E) * Taman Sri Mewah (Jalan Meranti Bunga 8) * Jalan Meru Indah 19 * Jalan Meranti Bunga 7, Taman Mewah * Taman Meru Harapan * Jalan Belimbing Besi KU / 10	GAFAMIE ENTERPRISE No. 57, Jalan 12 Pandamaran Jaya 42000 Pelabuhan Klang. 019 3838685 RM 3,256.10 sebulan
3.	MPK/TMN/S/36/2009	Kerja-kerja Penyelenggaraan Padang Permainan Kanak-kanak Di Kawasan Klang Utara * Jalan Hamzah Alang 25 * Jalan Hamzah Alang 46 * Jalan Hamzah Alang 23 * Jalan Hamzah Alang 61 * Jalan Raja Nala 24 * Jalan Raja Nala 13 * Jalan Raja Nala 9 * Jalan Imam Abd. Aziz 1 * Jalan Haji Yaakob 14	TUAH HARAPAN ENTERPRISE No. 2104, Tingkat Satu Jalan Meru 41050 Klang. 012 3410118 RM 4,599.95 sebulan
4.	MPK/TMN/S/37/2009	Kerja-kerja Penyelenggaraan Padang Permainan Kanak-kanak Dan Landskap Di Kawasan Klang Utara * Taman Meru Damai (Jalan Belimbing Besi KU 10) * Taman Sri Mewah (Jalan Meranti Bunga 7) * Jalan Durian Tembaga * Jalan Durian Belanda (Taman Meru Harapan) * Taman Desa Kencana, Jalan 19 / KU 11 * Taman Desa Permai (Jalan Meranti Putih 1 / KU 10) * Taman Desa Kenanga * Jalan Dato' Kaya Kecil 4 * Jalan Hamzah Alang 63 * Jalan Hamzah Alang 26 * Jalan Kapar Setia 40	SKI MEROO ENTERPRISE P.O. Box 282, Batu 7 Jalan Nenas, Meru 42200 Klang. 013 3553732 RM 4,188.00 sebulan

	NO. FAIL	KAWASAN	NAMA SYARIKAT ALAMAT
5.	MPK/TMN/S/38/2009	Kerja-kerja Penyelenggaraan Padang Permainan Kanak-kanak Dan Landskap Di Kawasan Klang Utara * Taman Meru Mulia (Jalan Khamis 10) * Taman Daya Maju (Jalan Beruas 5) * Taman Sri Mewah (Jalan Meranti Bunga 9) * Jalan Sagu 6 / KU 14 (Tok Muda) * Taman Meru Aman (Jalan Jabar 12) * Taman Meru Makmur (Jalan Kasban 5)	GERGASI MAJU ENTERPRISE Lot 2104, Tingkat 1 Jalan Meru, 41050 Klang. 019 2673122 RM 2,247.00 sebulan
6.	MPK/TMN/S/39/2009	Kerja-kerja Penyelenggaraan Landskap dan Padang Permainan Di Kawasan Klang Utara * Jalan Meranti Putih 1B / K 10, Taman Desa Permai * Jalan Belimbing Besi 9, Taman Meru Damai * Jalan Jambu Air 4 / KU 10 Taman Meru Ria * Jalan Sungai Saim / KU 4, Taman Sri Rantau * Kawasan Landskap Kompleks Sukan Meru	FEZA BINA ENTERPRISE 61A - Bilik 2, Jalan Rengas Southern Park, 41200 Klang. 012 2213789 RM 2,339.00 sebulan

LAPORAN PRESTASI KONTRAKTOR KAWASAN DUN MERU BAGI TAHUN 2008

BIL	NO.FAIL	NAMA SYARIKAT	LAPORAN NTC	KEDATANGAN MESYUARAT	DENDA	CATATAN
1	M/57/2008	SAKTI ENT	1	11/12	RM 1,000.00	MEMUASKAN
2	M/65/2008	ZAS MAKMUR	-	12/12	-	BAIK
3	M/66/2008	RATUSAN KIBAR S/B	-	12/12	-	BAIK
4	M/67/2008	TERAS KELANA	-	12/12	-	BAIK
5	M/69/2008	JUARAKON CONST	-	12/12	-	BAIK
6	M/70/2008	CAHAYA	1	11/12	RM 800.00	MEMUASKAN

LAPORAN PRESTASI KONTRAKTOR KAWASAN DUN MERU BAGI TAHUN 2009

BIL	NO.FAIL	NAMA SYARIKAT	LAPORAN NTC	KEDATANGAN MESYUARAT	DENDA	CATATAN
1	S/29/2009	BUKIT DUSUN ENT	-	10/12	RM 400.00	MEMUASKAN
2	S/35/2009	GAFAMIE ENT	-	12/12	-	BAIK
3	S/36/2009	TUAH HARAPAN ENT	3	12/12	RM 600.00	MEMUASKAN
4	S/37/2009	SKI MEROO ENT	-	12/12	-	BAIK
5	S/38/2009	GERGASI MAJU ENT	-	12/12	-	BAIK
6	S/39/2009	FEZA BINA ENT	-	12/12	-	BAIK

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)

TAJUK : KILANG-KILANG HARAM DI KAWASAN TELOK GONG

52. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

a) Apakah usaha-usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri yang menangani masalah kilang-kilang haram yang masih lagi beroperasi di kawasan Telok Gong walaupun telah mendapat pelawaan dari pihak Kerajaan Negeri yang ingin membantu mereka beroperasi secara sah?

JAWAPAN :

a) Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri melalui Pejabat Tanah dan Galian Selangor iaitu dengan melaksanakan Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran di mana melalui program tersebut kilang-kilang yang telah dibanci akan diberi kemudahan. Kemudahan ini diberikan kepada kilang-kilang haram yang wujud sebelum 11 September 2007 seperti berikut:-

1) Penurunan kuasa kepada Pegawai Daerah untuk kelulusan permohonan tukar syarat yang berada di dalam zon industri. Di luar zon industri perlu dibawa ke Jawatankuasa Induk Penempatan Kilang-Kilang Tanpa Kebenaran.

2) Pengurangan Premium Tambahan. Pemberian potongan sebanyak 50% bagi bayaran dalam tempoh 3 bulan atau 30% bagi bayaran dibuat dalam tempoh 6 bulan atau 10% bagi bayaran dalam tempoh 9 bulan.

3) Bayaran premium secara ansuran sebanyak 12 kali bayaran dalam tempoh 18 bulan atau 24 bulan dari tarikh Borang 5A atau 7G dikeluarkan bagi permohonan yang baru diluluskan atau mengikut baki tempoh yang ada dalam Borang 5A atau 7G yang dikeluarkan bagi permohonan yang telah diluluskan terdahulu.

4) Pengecualian premium khas atau denda yang telah ditetapkan di bawah kaedah 11(6) Kaedah Tanah Selangor 2003.

5) Pelanjutan tempoh pajakan atas syarat guna tanah pertanian bagi tanah bertempoh pajakan kurang 15 tahun atas kegunaan industri dan premium dikenakan berdasarkan nilaian tanah semasa dan diberi pengurangan sebanyak 50%.

6) Insentif Pihak Berkuasa Tempatan.

7) Pemberian tawaran diskaun sebanyak 50% bagi premium tambahan layak diberikan kepada mana-mana pemohon yang dapat membuktikan bahawa pihaknya telah mengemukakan permohonan pinjaman kepada bank atau mana-mana institusi kewangan dalam masa 3 bulan dari tarikh kelulusan tukar syarat diperolehi.

8) Pihak Berkuasa Tempatan telah diberi mandat untuk menjalankan penguatkuasaan sekiranya kilang-kilang yang baru didirikan tidak memenuhi syarat-syarat yang diberikan oleh Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)

TAJUK : BANGUNAN MASJID DAN SURAU

53. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Sila senaraikan jumlah bilangan masjid dan surau di Negeri Selangor mengikut pecahan daerah?

b) Sila nyatakan berapakah peruntukan tahunan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri untuk membaik pulih masjid dan surau yang didapati dalam keadaan uzur khususnya di daerah Sabak Bernam?

c) Apakah usaha yang dilakukan oleh pihak Kerajaan Negeri untuk menjadikan Masjid dan surau bukan saja tempat bersembahyang malah juga berperanan sebagai tempat mengeratkan hubungan masyarakat setempat?

JAWAPAN :

a) Senarai jumlah bilangan masjid dan surau mengikut pecahan daerah adalah seperti berikut:-

Bil.	Daerah	Masjid	Surau Diberi Kebenaran Solat Jumaat	Surau
01	KUALA SELANGOR	52	4	203
02	SABAK BERNAM	47	1	220
03	HULU SELANGOR	23	6	131
04	GOMBAK	40	15	209
05	PETALING	71 (Termasuk Masjid Negeri)	40	365
06	KLANG	41	12	236
07	KUALA LANGAT	33	5	128
08	SEPANG	23	13	66

09	HULU LANGAT	45	35	390
JUMLAH		375	131	1957

b) Peruntukan tahunan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri untuk membaik pulih masjid seluruh Negeri Selangor adalah berjumlah RM3 juta.

Sebanyak RM 308,000.00 di peruntukkan bagi membaik pulih masjid di daerah Sabak Bernam.

c) Perancangan telah dilaksanakan oleh JAIS untuk menjadikan masjid sebagai wahana transformasi ummah dengan melaksanakan KPI Pengurusan Masjid. Penanda aras tersebut akan dilaksanakan di seluruh masjid bagi memastikan aktiviti umat Islam akan ditumpukan masjid. Masjid, selain untuk sembahyang akan dipastikan mempunyai tahap kebersihan dan keceriaan yang memuaskan serta mempertingkatkan pengurusan pentadbiran dan kewangan di samping melibatkan aktiviti semua golongan termasuk belia.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)

TAJUK : PUSAT KEBUDAYAAN TIONGHUA

54. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar: -

a) Apakah perkembangan terbaru pembinaan Pusat Kebudayaan Tionghua?

b) Bilakah pembinaan pusat kebudayaan ini boleh bermula dan bilakah ianya dijangka siap?

JAWAPAN :

a) Pembinaan Pusat Kebudayaan Cina (PKC) Negeri Selangor telah memasuki fasa pemilihan tapak / lokasi baru bagi pembinaan projek tersebut. Cadangan tapak / lokasi baru telah dibentangkan ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 1 Julai 2009 yang lalu. Ini bagi menggantikan pembinaan di tapak asal projek sebelum ini iaitu di Sungai Kapar Indah II, Klang. Sebanyak 4 lokasi baru telah dikenalpasti namun, pemilihan akhir bagi lokasi sebenar masih belum dibuat sehinggalah perunding yang dilantik selesai membuat kajian terhadap lokasi-lokasi berkenaan. Kajian ini adalah penting untuk menilai dan mengkaji kesesuaian tapak / lokasi daripada aspek kemudahsampaian, kos pengambilan balik tanah (jika ada), penyediaan pelan tapak, struktur tanah dan muka bumi serta pandangan dan respon masyarakat setempat tentang projek berkenaan. Lokasi-lokasi berkenaan ialah:-

1) Lot 19, Seksyen 19, Bandar Klang (berhampiran Bengkel MPK)
   Tanah Hak Milik A&M Development Sdn Bhd

2) Seksyen 21, Bandar Klang (berhampiran Sungai Klang, Pasar Jawa dan Masjid Klang)
   Tanah Tetuan Maseni (belum dikeluarkan hakmilik)

3) Pekan Pandamaran – Bukit Tinggi (berhampiran JUSCO Bukit Tinggi)
   Tanah Hakmilik Gemilang Waras Sdn Bhd

4) Kota Bayumas (Lot 46)
   Tanah Hakmilik I & P Sdn Bhd

b) Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini bahawa fasa pemilihan tapak / lokasi telahpun bermula dan masih di peringkat kajian oleh perunding serta belum terdapat sebarang keputusan berkenaan perkara tersebut sehinggalah kajian selesai dijalankan. Oleh itu, tarikh pelaksanaan bagi kerja-kerja pembinaan PKC tidak dapat dinyatakan sehingga semua perkara terutama laporan akhir kajian berkenaan dibentangkan dan seterusnya dikemukakan ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) untuk pertimbangan dan kelulusan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)

TAJUK : PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

55. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Apakah status pendapatan per kapita penduduk luar bandar seperti Sabak Bernam, Kuala Langat, Kuala Selangor, Hulu Selangor dibandingkan dengan Petaling Jaya, Shah Alam dan Subang Jaya bagi tahun 2008?

b) Apakah rancangan kerajaan dalam mempertingkatkan pendapatan per kapita di kawasan luar Bandar?

JAWAPAN :

a) Pendapatan per kapita adalah di kira pada peringkat negara dan negeri sahaja dan berdasarkan Laporan Ekonomi Malaysia 2009/2010, pendapatan negara nominal pada tahun 2009 dijangka merosot 4.8% kepada RM681.0 bilion berbanding RM715.0 bilion pada tahun 2008. Pendapatan per kapita dari segi pariti kuasa beli (PPP) pula dianggarkan merosot 14.7% kepada USD12,826 berbanding USD15,040 pada tahun 2008. Sehaluan dengan ekonomi negara, pendapatan per kapita negeri bernilai RM22,075 pada harga malar iaitu menguncup sebanyak 5.8% daripada tahun 2008. Dalam harga semasa pula, pendapatan per kapita negeri merosot kepada RM29,778 berbanding RM32,772 pada tahun 2008. Dalam hal ini, ia membawa kepada kemerosotan taraf hidup dengan pendapatan per kapita dalam ukuran pariti kuasa beli merosot 6.6% kepada USD15,878 (2008 : USD19,116).

b) Tumpuan negeri Selangor adalah kepada peningkatan hasil padi dan pembangunan program keusahawanan bagi penduduk luar bandar. Dalam hal ini, kerajaan telah menyediakan Pelan Jangka Panjang 2009-2013 dalam usaha meningkatkan hasil penanaman padi di Daerah Kuala Selangor dan Sabak Bernam seluas 18,355 hektar dengan penglibatan seramai 9322 pesawah. Pada ketika ini, purata hasil yang dicatatkan pada kedua-dua daerah tersebut masing-masing adalah 4.5 tan/hektar dan 5.1 tan/hektar. Dengan pelaksanaan program ini, hasil padi dijangkakan meningkat kepada 7.5 tan/hektar bersamaan RM110 juta/tahun dan pendapatan per kapita pesawah juga dijangka meningkat daripada RM14,475 kepada RM20,475.

Sebagai langkah permulaan, beberapa projek perintis telah di laksanakan di kedua-dua daerah tersebut di samping pemberian bantuan teknikal, latihan dan motivasi kepada pegawai pertanian, petani dan agensi pelaksana. Penggunaan teknologi moden seperti sistem CREST (*Crop Establishment*) atau penapakan tanaman, *Knapsack-Powered Paddy Seed Row Seeder* dan Teknik Satelit merupakan salah satu transformasi pertanian yang dijangka dapat merealisasikan hasrat kerajaan negeri untuk mencapai 37% tanaman padi daripada keseluruhan guna tanah pertanian pada tahun 2010.

Dalam usaha menggalakkan pembangunan usahawan, Kerajaan Negeri berhasrat melaksanakan beberapa program bagi mempertingkatkan hasil pendapatan penduduk, antaranya membina lebih banyak premis dan mewujudkan zon-zon industri kecil dan sederhana (IKS) di seluruh daerah. Usaha memperkasa modal insan akan diwujudkan melalui program inkubator dan menyediakan latihan keusahawanan di seluruh Negeri Selangor. Kerajaan Negeri mula melaksanakan program Satu Kampung, Satu Produk (SKSP) pada pertengahan tahun 2009 dalam usaha memperkenalkan produk-produk keluaran tempatan ke pasaran lebih luas. Melalui peruntukan Kerajaan Negeri, Program Pembangunan Usahawan yang bertujuan memberi bantuan mesin dan peralatan kepada kampung-kampung yang berpotensi dalam membangunkan produk- produk yang berkualiti turut akan diperluaskan. Seluruh daerah akan ditubuhkan *One Stop Center* (OSC) bagi tujuan pusat pengumpulan dan pemasaran produk-produk usahawan setempat. Ini secara tidak langsung dapat menjadikan perusahaan kampung ini lebih efisien.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)

TAJUK : KEBAJIKAN

56. Kerajaan Negeri telah menumpukan perhatian terhadap kebajikan rakyat melalui program merakyatkan ekonomi Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Apakah jenis penumpuan yang mirip kepada kebajikan rakyat?

b) Berapakah peruntukkan Kerajaan Negeri yang disalurkan terhadap kebajikan rakyat?

c) Bagaimanakah cara pengagihan kebajikan ini mengikut kaum dan kedudukan ekonomi?

JAWAPAN :

a) Setelah hampir dua (2) tahun Pakatan Rakyat mengambil alih pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor, kini pelbagai usaha dilaksanakan untuk menjadikan Negeri Selangor sebagai Negeri Berkebajikan. Pelbagai program di bawah agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES). Sebahagian agenda tersebut telah pun di laksana dan selebihnya akan dilaksanakan mengikut beberapa Fasa yang telah ditentukan pelaksanaannya.

Di antara program-program kebajikan yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut :-
Fasa 1 :

1) Bekalan Air Domestik Percuma 20m_3 Kepada Rakyat Selangor
2) Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)
3) Hadiah Anak Masuk Universiti
4) Mesra Usia Emas
5) Tabung Pendidikan Anak Pekerja Ladang
6) Pusat Khidmat Krisis Sehenti(OSCC)

Usaha-usaha dalam menjadikan Negeri Selangor sebagai negeri berkebajikan akan diteruskan dengan pelaksanaan fasa-fasa seterusnya dari semasa ke semasa. Antara lain kebajikan program-program MES yang akan dinikmati oleh rakyat di Selangor adalah seperti berikut :-

Fasa II yang telah bermula pada Januari 2009 :

1) Cuti 90 hari kepada wanita yang melahirkan anak;
2) Cuti 14 hari kepada suami yang isterinya bersalin;
3) Cuti sebulan kepada wanita yang kematian suami;
4) Bantuan kepada peniaga muda;
5) Bimbingan perniagaan kepada belia;
6) Latihan keusahawanan di seluruh Negeri Selangor.

b) Kerajaan Negeri Selangor telah memperuntukkan sebanyak RM56 juta bagi melaksanakan program-program kebajikan di bawah agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES). Program-program ini akan dilaksanakan mengikut fasa yang telah ditetapkan dan akan dibelanjakan secara berhemah kepada rakyat Negeri Selangor dalam usaha menjaga kebajikan serta taraf hidup mereka.

c) Sebagai negeri yang berkebajikan, Kerajaan Negeri telah menyediakan beberapa cara pengagihan kebajikan melalui agensi-agensi yang telah sedia ada. Program-program merakyatkan ekonomi Selangor yang telah dinyatakan sebelum ini, banyak membantu masyarakat di Selangor tanpa mengira kaum dan bangsa, dan ianya telah dilihat sebagai satu anugerah dan usaha untuk membantu keluar dari kelompok garis kemiskinan.

Sebagai contoh, Lembaga Zakat Selangor telah mengeluarkan pelbagai bentuk bantuan kepada masyarakat yang beragama Islam bermula dengan bantuan zakat secara bulanan sehinggalah membantu memberikan kursus kemahiran asas perniagaan kepada penerima bantuan zakat bagi meningkatkan ekonomi dan taraf hidup mereka. Kadar penerima bantuan dari Lembaga Zakat Selangor yang telah berjaya menjadi usahawan kini telah jauh berbeza berbanding dengan yang terdahulu, serta telah meningkat dari tahun ke tahun membuktikan bahawa mereka juga ingin berjaya dan berusaha untuk keluar dari kelompok garis kemiskinan.

Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor pula telah memainkan peranan untuk membantu semua golongan yang memerlukan bantuan. Tiada diskriminasi antara kaum, malah Kerajaan Negeri akan berusaha membantu memastikan tiada lagi masyarakat yang berada di bawah garis kemiskinan yang telah ditetapkan. Bantuan kemahiran juga turut diberikan bagi rakyat yang dilihat berpotensi untuk menjadi usahawan yang berjaya. Secara keseluruhan, segala jenis bentuk bantuan kebajikan yang telah diberikan kepada masyarakat di Negeri Selangor kini telah berjaya dimanfaatkan untuk membantu meningkatkan kedudukan ekonomi dan taraf hidup mereka.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)

TAJUK : PROJEK JKR

57. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Sila berikan senarai kerja yang telah dilakukan atau diluluskan oleh Jabatan Kerja Raya di Negeri Selangor sejak Mac 2008.

b) Sila kemukakan kos dan rasional untuk kelulusan projek tersebut.

c) Sila senaraikan kontraktor yang terlibat.

JAWAPAN :

a) Secara amnya, projek-projek yang dilaksanakan oleh JKR Negeri Selangor merangkumi projek jalan negeri dan jalan persekutuan, projek bangunan, projek pendidikan dan pengajian tinggi dan sebilangan projek pembangunan dari kementerian dan jabatan kerajaan yang lain. Perincian bilangan projek, kos, kontraktor pelaksana dan rasional pelaksanaan projek-projek tersebut adalah sepertimana ditunjukkan di dalam lampiran berkembar.

Bahagian Jalan			
Peruntukan	**Jenis**	**Bilangan**	**Kos**
Negeri	**Jalan**	**7**	**200,931,923.50**
	Jejantas	**2**	**3,219,761.27**
Persekutuan	**Jalan**	**3**	**19,164,600.00**
	PJK	**263**	**14,894,935.86**
	Jejantas	**2**	**3,021,342.25**
	Jumlah		**241,232,562.88**

Bahagian Bangunan			
Peruntukan	**Jenis**	**Bilangan**	**Kos**
Negeri	**Bangunan**	**26**	**112950500.5**
Persekutuan	**Bangunan Am**	**33**	**624,968,450**
	Kesihatan	**9**	**155,005,421**
	Keselamatan	**13**	**138,235,225**
	Pendidikan	**68**	**201,723,664.60**
	Jumlah		**1,232,883,261.90**

b) Rasional untuk kelulusan projek tersebut adalah untuk menyediakan kemudahan kesihatan, keselamatan, pendidikan, pelancongan dan lain-lain kepada masyarakat atau penduduk. Pendekatan dan pelaksanaannya telah dipersetujui oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor bagi projek-projek di bawah pembiayaan Negeri dan Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri bagi projek Persekutuan dan juga senarai RMKe9.

c) Senarai Kontraktor yang terlibat adalah seperti senarai lampiran.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)

TAJUK : KEMISKINAN DI NEGERI SELANGOR

58. Peratus kemiskinan mengikut kaum adalah Melayu (73%), India (20.4%), Cina (5.5%) dan lain-lain (1.1%):

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Apakah kaedah yang digunakan untuk menentukan ukuran peratusan ini?

b) Apakah faktor-faktor yang menyebabkan Orang Melayu menduduki peratus tertinggi di segi kemiskinan?

c) Apakah program-program yang sedang dijalankan untuk membasmi kemiskinan menurut kumpulan kaum ini?

JAWAPAN :

a) Peratus kemiskinan tersebut adalah mengikut jumlah penerima bantuan oleh agensi seperti Lembaga Zakat Selangor dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

b) Umum mengetahui bahawa banyak faktor yang boleh menjadi penyebab kepada kemiskinan. Penghijrahan, kematian ketua isi rumah, keadaan ekonomi, kehilangan pekerjaan dan sumber pendapatan, sikap dan mentaliti individu dan pelbagai faktor lain boleh menjadi penyumbang kepada insiden kemiskinan. Data juga akan berubah apabila garis kemiskinan diubah dan jumlah penduduk mengikut kaum juga memberi kesan kepada peratusan tersebut.

c) Banyak program dirangka ke arah pembasmian kemiskinan di peringkat Kerajaan Negeri. Beberapa langkah telah diambil dengan mewujudkan program bersepadu oleh Kerajaan Negeri seperti Program Kerajaan Prihatin, Program Bantuan Kesihatan (katarak mata, Dialisis buah pinggang dan pembedahan Kecil) dan Program peningkatan pendapatan seperti Program Blueprint yang memberi bantuan peralatan dan mesin untuk membantu golongan yang kurang berkemampuan mengusahakan perniagaan secara kecil-kecilan. Program-program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) turut menitikberatkan segala hal kebajikan rakyat Negeri Selangor tanpa mengira kaum, agama, usia dan fahaman politik. Semua program tersebut merangkumi semua jenis kebajikan seperti pendidikan, faedah kematian, pembelaan kaum wanita dan pelaburan anak kelahiran Selangor. Program ini merupakan satu harapan baru kepada seluruh rakyat Selangor dalam membantu untuk meringankan beban yang ditanggung akibat daripada peningkatan kos sara hidup. Selain itu, tujuan program ini dilaksanakan adalah untuk mengurangkan jurang ekonomi rakyat Selangor.

   Selain program-program yang dinyatakan tersebut, Kerajaan Negeri sentiasa mengambil langkah proaktif dengan mewujudkan program-program baru yang dirasakan relevan untuk membantu dan membela kebajikan rakyat Selangor yang secara amnya memberi banyak faedah dan manfaat kepada penduduk Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN EDWARD LEE POH LIN
(BUKIT GASING)

TAJUK : PEMBANGUNAN LERENG BUKIT

59. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

a) Apakah posisi terkini Kerajaan Negeri berkenaan pembangunan lereng bukit?

b) Bilakah garis panduan akan siap didrafkan dan dikuatkuasakan?

c) Adakah masalah getaran bumi telah diambil kira apabila garis panduan didrafkan?

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri masih mengekalkan keputusan Majlis Mesyuarat kerajaan Negeri Selangor Ke 6 /2008 bertarikh 2 April 2008 iaitu tiada sebarang pembangunan dibenarkan di kawasan bercerun kelas III dan IV.

Walau bagaimanapun, setelah mendapat maklum balas hasil Bengkel Pertama dan Kedua akan dibentangkan ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk mendapat keputusan selanjutnya sama ada kelas III dan IV perlu dikekalkan untuk pemuliharaan.

Garis Panduan Perancangan dan Pembangunan Kawasan Tanah Tinggi dan Lereng Bukit Negeri Selangor yang akan diluluskan oleh MMKN seterusnya menjadi rujukan utama pelaksanaan pembangunan di kawasan tanah tinggi bercerun kelas III dan IV di Negeri Selangor.

b) Selepas mendapat maklum balas daripada Bengkel Pertama dan Kedua dan jika Kerajaan Negeri berpuas hati dan tidak perlu mengadakan Bengkel Ketiga, urus setia akan memuktamadkan Draf Garis Panduan Perancangan dan Pembangunan Kawasan Tanah Tinggi dan Lereng Bukit Negeri Selangor dalam masa 2 bulan. Draf Garis Panduan ini dijangka akan disiapkan pada atau sebelum 31 Januari 2010.

c) Draf Garis Panduan Perancangan dan Pembangunan Kawasan Tanah Tinggi dan Lereng Bukit Negeri Selangor telah disediakan bersama Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor dan Jabatan Mineral dan Geosains Negeri Selangor. Aspek-aspek tersebut sememangnya telah diambil kira semasa penyediaannya oleh Jabatan Mineral dan Geosains Negeri Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)

TAJUK : SELANGOR SCIENCE PARK 1 (SSP1) LONJAK PERTUMBUHAN EKONOMI NEGERI

60. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Berapa banyakkah syarikat-syarikat kecil dan sederhana yang dapat menikmati kemudahan dan pembangunan di Taman Sains Selangor 1 ini sejak penubuhannya?

b) Apakah usaha-usaha kerajaan dalam menjayakan skim ini?

JAWAPAN :

a) Sebanyak 15 Syarikat IKS telah menikmati kemudahan di TSS1 sejak penubuhannya.

b) Peranan kerajaan negeri lebih kepada usaha-usaha promosi dengan menarik pelabur-pelabur dalam dan luar negara mengembangkan aktiviti perniagaan syarikat di TSS1. Sementara itu, pihak MIDA juga telah memberikan taraf perintis dan tempoh pengecualian cukai kepada pelabur-pelabur yang berkelayakan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL
(TAMAN TEMPLER)

TAJUK : TAMAN INDUSTRI

61. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

a) Bagaimanakah status pembangunan dan 'penjualan' lot-lot di semua taman-taman perindustrian Negeri Selangor?

b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang membuka kawasan-kawasan baru untuk taman - taman perindustrian?

JAWAPAN :

a) Status pembangunan dan penjualan lot-lot taman perindustrian di Selangor adalah seperti berikut;-

Bil.	Syarikat / Agensi	Kawasan/Lokasi	Keluasan Pembangunan	Keluasan Telah Dijual /Disewa	Keluasan Belum Dijual /Disewa
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Pusat Perindustrian Zurah, Rasa, Hulu Selangor	197.05 hektar	185.13 hektar	69.18 hektar
	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Selangor Science Park II, Bukit Baja, Sepang	296.00 hektar	0.547 hektar	254.81 hektar
	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Batu 20, Rawang, Gombak	3.79 hektar	3.79 hektar	2.8 hektar
2.	Central Spectrum (M) Sdn Bhd	Pulau Indah Industrial Park	1,221.55 ekar	1,221.55 ekar	-
	Central Spectrum (M) Sdn Bhd	Selangor Halal Hub – Phase 1 (Sebahagian fasa 2B & 2D), Klang	220.19 ekar	217.93 ekar	2.26 ekar
3.	Port Klang Free Zone	Port Klang Free Zone, Klang	404 hektar	-	404 hektar
	Port Klang Free Zone	Port Klang Free Zone-open land plot, Klang	259 hektar	82.960 hektar	176.04 hektar
	Port Klang Free Zone	Port Klang Free Zone – Lights Industrial Units, Klang	66.76 hektar (512 unit)	41.18 hektar (16 unit)	25.28 hektar (496 unit)
4.	Permodalan Negeri Selangor Berhad	Bandar Baru Salak Tinggi – Industrial land, Sepang	16 ekar		16 ekar

5.	Sime Darby Property Berhad	Bandar Bukit Raja – Terrace Factory & Industrial lot, Klang	26.70 ekar	-	26.70 ekar
	Sime Darby Property Berhad	Elmina East, Subang – Semi Detached Factory, Sungai Buloh	28 ekar	-	28 ekar
	Sime Darby Property Berhad	Elmina East, Subang – industrial lot, Sungai Buloh.	49 ekar	-	49 ekar
6.	Tanjung Balai Group	Tanjung Industrial Park, Sepang	300 ekar	-	300 ekar
7.	Worlwide Holdings Berhad	Taman Perindustrian Kapar Bestari	252 ekar	-	252 ekar
8.	UMW – PNSB Development Sdn Bhd	Bandar Serendah	400 ekar	90 ekar	310 ekar
	Tanah Industri Milik UMW Corp.		500 ekar	140 ekar	360 ekar

b) Pada masa ini Kerajaan Negeri melalui anak-anak syarikat tidak merancang untuk membuka kawasan perindustrian baru dalam tempoh terdekat kerana masih terdapat tanah-tanah industri yang masih kosong dan belum dijual.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)

TAJUK : USAHA-USAHA UNTUK MEMBANGUNKAN USAHAWAN DI NEGERI SELANGOR

62. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Apakah rancangan yang telah sedia ada untuk membangunkan usahawan di Negeri Selangor.

b) Apakah program yang telah dan akan dijalankan supaya meningkatkan ilmu atau kemahiran golongan peniaga di Negeri Selangor.

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri telah memperuntukkan dana sebanyak RM1 juta setahun untuk membantu usahawan Negeri Selangor di dalam usaha membantu mereka meningkatkan pengeluaran produk. Selain dari itu juga usaha-usaha dari segi Kursus, Promosi dan Peningkatan Kualiti.

b) Kerajaan Negeri menawarkan kursus dan latihan kepada mereka yang berminat untuk menceburi bidang keusahawanan. Di samping itu juga Kerajaan Negeri menganjurkan secara bersama program-program keusahawanan dengan Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO) bagi memupuk minat di dalam bidang keusahawanan.

Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri telah bekerjasama dengan pihak Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) bagi mewujudkan lebih banyak usahawan berikutan program di bawah AIM banyak mensasarkan peluang-peluang memulakan perniagaan dengan bimbingan dan pemantauan yang lebih dekat. Melalui kerjasama ini Kerajaan Negeri akan menyalurkan peruntukan membina lokasi-lokasi perniagaan yang telah dikenal pasti oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)

TAJUK : PENDIDIKAN SEPANJANG HAYAT

63. Bagi memajukan Negeri Selangor, rakyatnya hendaklah didedahkan dengan berbagai program pendidikan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Adakah program pendidikan sepanjang hayat diwujudkan secara teratur di Selangor?

b) Bagaimanakah mekanisme pengajian sedemikian dilakukan?

c) Adakah sebarang peruntukan bagi projek pendidikan sepanjang hayat ini?

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri Selangor sangat menggalakkan pendidikan sepanjang hayat dilaksanakan di seluruh Negeri Selangor. Namun begitu untuk sepanjang tahun 2008 dan 2009 program pendidikan sepanjang hayat ini telah dilaksankan melalui pelaksanaan program-program tertentu seperti program Jelajah Ilmuwan. Di mana penglibatan masyarakat di dalam program-program ini adalah melibatkan pelbagai lapisan masyarakat samada pelajar sekolah mahupun JKK kampung.

   Namun begitu, program pendidikan sepanjang hayat masih belum dilaksanakan di peringkat Kerajaan Negeri secara teratur ini dilaksanakan melalui penerapan unsur tersebut di dalam program-program Pendidikan di Neggeri Selangor.

b) Mekanisme pengajian tersebut dilaksanakan adalah dengan melibatkan semua lapisan masyarakat di dalam program-program ilmu yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri

c) Pada tahun 2009, tiada sebarang peruntukan khas bagi projek pendidikan sepanjang hayat ini.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)

TAJUK : KEJADIAN BENCANA ALAM

64. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

a) Apakah tindakan yang diambil oleh pihak Kerajaan Negeri bagi mengelakkan kejadian bencana alam di kawasan-kawasan tertentu terus berlaku selain mewujudkan kumpulan yang bertanggungjawab menyelia kawasan sasaran?

JAWAPAN :

a) Kawasan-kawasan yang tertentu yang kerap berlaku di negeri ini telah pun dikenal pasti oleh Kerajaan Negeri melalui agensi-agensi seperti Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN), Jabatan Pengairan dan Saliran, JKR, Pejabat Daerah/Tanah, Pihak Berkuasa Tempatan dan lain-lain agensi untuk memantau dan mengambil tindakan susulan bagi jangka pendek, sederhana dan panjang yang melibatkan kos dan sebagainya. Sebagai contoh salah satu kejadian bencana alam ialah kejadian tanah runtuh di Selangor berlaku kebanyakannya pada cerun tambakan, cerun potongan dan cerun semula jadi yang melibatkan kerosakan harta benda dan kehilangan nyawa berlaku. Statistik menunjukkan kebanyakan kejadian kegagalan cerun berlaku dalam musim yang secara relatifnya lebih lembap di dalam satu-satu tempoh dan dicetuskan oleh fenomena hujan yang lebat dengan paras hujan kurang lebih 300 mm/bulan. Kejadian kegagalan cerun juga ditambahkan burukkan lagi oleh faktor-faktor sekunder/aktiviti manusia sendiri. Di samping itu program kesedaran kepada masyarakat (Public awareness) / Komuniti masyarakat berkaitan apa jua bencana alam yang terdapat di negeri ini telah dilaksanakan dan diteruskan oleh semua agensi-agensi/ jabatan-jabatan yang berkenaan sama ada di peringkat daerah mahu pun negeri dan juga ada juga agensi wujudkan'Task Force" untuk memantau dari masa ke semasa.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)

TAJUK : KONSEP KETELUSAN

65. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Sila nyatakan berapakah jumlah wang rakyat yang telah dijimatkan dalam tempoh setahun sejak pihak Kerajaan Negeri mengamalkan konsep ketelusan dalam pengurusan dan pembangunan?

b) Adakah menerusi perlaksanaan konsep ketelusan tersebut dapat mengurangkan impak kemelesetan pertumbuhan ekonomi Negeri Selangor khususnya dalam suasana kemelesetan ekonomi global?

c) Apakah kelemahan-kelemahan yang telah dikenal pasti dalam perlaksanaan konsep ketelusan dan langkah–langkah penambahbaikan demi untuk melicinkan pengurusan dan memantapkan pembangunan Negeri Selangor?

JAWAPAN :

a) Jumlah wang tersebut sukar dinilai secara tepat tanpa kajian menyeluruh.

b) Dengan menekankan aspek ketelusan dan mengarahkan penyelewengan, ini sekali gus mengurangkan ketirisan daripada dana kerajaan kepada sektor-sektor tidak produktif. Dengan ini lebih banyak dana kerajaan tertumpu dalam membangunkan ekonomi Selangor.

c) Antara kelemahan yang wujud ialah kekangan Akta Rahsia Rasmi di peringkat Persekutuan dan juga mengubah budaya lama yang tidak menyenangi ketelusan. Proses membawa budaya baru dan mencari jalan keluar dari Akta Rahsia Rasmi akan memakan masa.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)

TAJUK : PROJEK TERBENGKALAI

66. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar: -

a) Senaraikan projek-projek terbengkalai di Selangor dan statusnya pada masa sekarang sama ada terdapat mana-mana projek terbengkalai yang telah dipulihkan.

b) Siapakah pemaju-pemaju yang telah dipertanggungjawabkan untuk memulihkan projek-projek ini.

JAWAPAN :

a) Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat sebanyak 134 projek terbengkalai yang dikenal pasti di seluruh Negeri Selangor sehingga 30 Jun 2009 melibatkan 48,360 pembeli. Senarai projek terbengkalai di Negeri Selangor mengikut PBT adalah seperti berikut :

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM					
BIL	**NAMA PROJEK**	**NAMA PEMAJU**	**BILANGAN UNIT**	**PERATUS SIAP PEMBINAAN**	**STATUS**
1	Projek Perumahan **Taman Alam Indah**, 200 Unit Rumah Kos Sederhana, Shah Alam	Tetuan DCA (M) Reality Sdn. Bhd	200 Unit	75%	~Projek Masih Terbengkalai - Bayaran Belum Dijelaskan Kepada PNSB
2	Projek Perumahan 116 Unit Rumah di **The Sanctuary Taman Cahaya Country**, Shah Alam	Tetuan Bukit Cahaya Country Resorts Sdn. Bhd.	116 Unit	10%	Pemaju **Telah Digulung** (Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur Pada 17.8.2004 Telah Melantik Mak Kam Choon & Ng Meng Kwai **Dari Tetuan Deloitte Corporate Solution Sdn. Bhd.** Sebagai "Liquidator") ~Tanah : DANAHARTA Pada Ogos 2004
3	Projek Perumahan 600 Unit Rumah di **Taman Subang Impian**, Shah Alam	Tetuan Carol Land Corp. Sdn. Bhd.	600 Unit	25%	~Kewangan (Masih Dalam Tindakan Mahkamah Di Bawah Seksyen 176, Akta Syarikat. ~Pemaju Memaklumkan Pada 16.12.2004 Penstrukturan Syarikat Telah Disambung Sehingga 16.1.2005)
4	**Projek Taman Setia Warisan**, Mukim Sungai Buloh, Daerah Petaling, Seksyen U6, Shah Alam	Tetuan Sri Rambai Sdn. Bhd.	194 Unit	80%	~Projek Akan Diambil Alih Oleh SPNB Namun Tiada Peruntukan Daripada Menteri Kewangan Untuk Pemulihan Projek Ini

5	Cadangan Pembinaan Rumah Kos Rendah, Jalan Plot O U5/158, Seksyen U5, Shah Alam	Tetuan Unique Creation Sdn. Bhd.	840 Unit	30%	~Jualan Tidak Mencukupi & Kewangan (514 Unit Rumah & 10 Unit Kedai Sahaja Yang Terjual). ~ RSS PMC Sdn Bhd bersedia menjalinkan kerjasama dgn pemaju dalam memulihkan projek ini
6	Usaha Pemulihan Semula 182 Unit Industri Teres Di atas Sebahagian Lot 1595, Bukit Kemuning, Seksyen 34, Shah Alam	Tetuan Alphine Industries Sdn. Bhd. (In Liquidator - **Tetuan HLB Ler Lum Sdn. Bhd**.)	182 Unit	50%	~Pemaju **Telah Digulung** ~Projek ini telah diambil alih oleh pihak **HLB Ler Lum Sdn Bhd** yang mana ketika ini masih belum dapat menyambung kerja-kerja kerana ketiadaan pihak bank yang sanggup membiayai syarikat ini.
7	Cadangan Pembangunan Apartment Seri Putri 15 Tingkat ,**Jalan Rama-Rama 20/2**, Bandar Shah Alam, Daerah Petaling	Majlis Bandaraya Shah Alam Tetuan Khidmat Makmur Sdn. Bhd.	312 Unit Pangsapuri & 67 Unit Kedai/ Pejabat.	60%	~ Telah melantik kontraktor baru iaitu **Semangat Ulung Sdn Bhd** dan disahkan oleh MMKN 35/08 ~ Akan memulakan kerja pembinaan pada Bulan Ogos 09
8	**Projek Taman Bukit Impian** Di, Mukim Bukit Raja, Seksyen U10, Shah Alam	Tetuan Reap & Rich Worldwide Holding Sdn. Bhd.	121 Unit	—	~Hakmilik belum dikeluarkan tetapi jualan rumah telah dibuat dan tanah telah dicagarkan kepada pihak Bank
9	Cadangan Membina Bangunan Kedai Pejabat Jalan Ke Sungai Buloh, Seksyen U3, Shah Alam	Tetuan Bumi Khelas Sdn. Bhd. (Winding Up)	1 Unit	85%	Projek Masih Terbengkalai

10	Cadangan Pembangunan Untuk Penempatan Semula **Jalan Gram U19/16**, Seksyen U19, Shah Alam	Tetuan Atlaw Housing Sdn. Bhd.	153 Unit Pangsapuri & 6 Unit Kedai 6 Pejabat	70%	Syarikat **Telah Digulung** Rimbun Capital Sdn Bhd dalam peringkat kajian lanjutan pemulihan projek.
11	Cadangan Perumahan **Subang 2, Bandar Pinggiran Subang**, , Mukim Sungai Buloh, Daerah Petaling	Tetuan Juta Permai Sdn. Bhd. Anak syarikat Merge Housing Berhad	1760 Unit	10%	~Pembeli dalam proses memfailkan penggulungan syarikat kepada pemaju di atas kegagalan menyiapkan projek ~Rimbun Capital Sdn Bhd dalam peringkat kajian lanjutan ~Cukai Tanah Tertunggak RM 1.10 juta
12	Projek Perumahan **Taman Khalid Al-Walid**, Mukim Klang, Daerah Klang	Tetuan Kelland Development Sdn. Bhd.	48 Unit	80%	~SPNB Telah Mengambilalih Projek Dalam Preringkat Memulakan Kerja Pembinaan Pada Bulan Jun 2009
13	Pangsapuri **Rimau Indah**, , Mukim Klang, Daerah Klang	Tetuan Bukit Rimau Development Sdn. Bhd. Tetuan Rimau Indah Sdn. Bhd.	—	—	~KPKT memaklumkan pemaju akan memulangkan semula wang yang telah dibayar kepada pembeli-pembeli Fasa 3 disebabkan pembatalan projek ini dan pemaju dikehendaki mengiklankan pembatalan projek Fasa 3 ini. ~KPKT minta pemaju mengadakan perjumpaan semula dengan pembeli memandangkan pembeli tidak bersetuju dengan cadangan pembayaran semula 50 % kepada pembeli. ~Fasa 4 akan dimajukan semula

					pada bulan Mac 2009
14	Cadangan Projek Di U10 Height, Seksyen U10, Mukim Bukit Raja, Daerah Petaling	Tetuan Restige Group Sdn. Bhd. Tetuan Tudong Emas (M) Sdn. Bhd.	—	Tiada Pembinaan	~Pemaju dalam proses memperbaharui kelulusan Kebenaran Merancang daripada MBSA dan akan memulakan kerja binaan setelah diluluskan. Pemaju diberi tempoh sehingga Disember 2008 untuk mengemukakan pembaikan pelan susunatur yang perlu dipatuhi kepada MBSA.
15	**Bandar Pinggiran Shah Alam** Di atas Lot 4185, Geran Mukim 5343, Mukim Klang, Dearah Klang	Tetuan Tyss-Ain Sdn. Bhd.	62 Unit	—	—
16	Projek Pangsapuri Kos Sederhana, Shah Alam	Tetuan Juta Permai Sdn. Bhd.	760 Unit	10%	~Kes ini telah di bawa ke Mahkamah bagi menyelesaikan isu pampasan tanah kepada peserta setinggan ini.
17	**Pangsapuri Andorra**, Taman Sri Muda, Shah Alam	Tetuan Newacres Sdn. Bhd.	160	90%	Dalam usaha mendapatkan sumber kewangan.

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA					
BIL	**NAMA PROJEK**	**NAMA PEMAJU**	**BILANGAN UNIT**	**PERATUS SIAP PEMBINAAN**	**STATUS**
1	Cadangan Membina Bazar 2 Tingkat (Fasa 5B)	Tetuan TD Management Sdn. Bhd.	173 Unit	80%	**In Liquidator** - **SC Discovery** (Dilaksanakan oleh **Masteron Sdn Bhd**) Dalam proses melantik kontraktor setelah tawaran tender ditutup pada April 2009
2	Cadangan Membina 1053 Unit Rumah Pangsa Kos Sederhana 1 Blok Tempat Letak Kereta di atas Lot PT 9195, Jalan PJS 2, Mukim Petaling, Daerah Petaling	Tetuan TD Management Sdn. Bhd.	1053 Unit	80%	**In Liquidator** - **SC Discovery** (Dilaksanakan oleh **Masteron Sdn Bhd**) Dalam proses melantik kontraktor setelah tawaran tender ditutup pada April 2009
3	Cadangan Membina 140 Unit Kedai 1 Tingkat dan Tandas Awam di atas Lot 9194, Jalan PJS 2, Mukim Petaling, Daerah Petaling	Tetuan TD Management Sdn. Bhd.	140 Unit	80%	**In Liquidator** - **SC Discovery** (Dilaksanakan oleh **Masteron Sdn Bhd**) Dalam proses melantik kontraktor setelah tawaran tender ditutup pada April 2009

4	Cadangan Pembangunan 7 Tingkat pejabat Termasuk 2 Tingkat Tempat Letak Kereta di Bandar Damansara di atas Lot PT 21533, Mukim Sungai Buloh, Daerah Petaling	Tetuan Sri Damansara Sdn. Bhd.	1 Unit	35%	Masih Terbengkalai
5	Cadangan pembangunan 300 Unit Pangsapuri Kos Sederhana (Fasa 2 di **Kampung Sungai Kayu Ara**, Mukim Petaling, Daerah Petaling	Tetuan Antara Vista Sdn. Bhd.	300 Unit	35%	Masih Terbengkalai
6	Cadangan Pembangunan Satu Blok Kompleks Perniagaan 7 Tingkat Mukim Petaling, Daerah Petaling	Tetuan Peter Brickworks Sdn. Bhd.	1 Unit	5%	Masih Terbengkalai
7	**Plantinium Damansara** Diatas Lot PT 1428, Seksyen PJU 1, Petaling Jaya.	Tetuan Dataran Mantin Sdn. Bhd	1328	80%	Di bawah **"Receivership"** iaitu **Pricewaterhouse Coopers Sdn Bhd.** Tawaran Tender Telah Ditutup Pada April 2009 Dalam Proses Pelantikan Kontraktor Baru.

MAJLIS PERBANDARAN KLANG					
BIL	**NAMA PROJEK**	**NAMA PEMAJU**	**BILANGAN UNIT**	**PERATUS SIAP PEMBINAAN**	**STATUS**
1	Cadangan Membina Skim Perumahan dan Perniagaan Fasa 1, Di Sebahagian Lot PT 68739 Mukim Klang	Tetuan Perkasa Indera Sdn. Bhd.	522 Unit	40%	~ 52 Unit, Siap 40%. ~ Pelan belum diluluskan oleh Majlis. ~ Arahan Majlis kpd pemaju supaya memulihkan tanah seperti dlm keadaan asal. MPK Dalam Proses Mengambil Tindakan Undang-Undang Ke Atas Pemaju
2	**Sebuah Hotel 24 Tingkat** Persiaran Bukit Raja 2, Bukit Raja, Mukim Kapar	Tetuan PNSB Acmar Sdn. Bhd.	440 Unit	50%	~ Pembinaan siap 50%. ~ Perunding masih berunding dgn pihak Bank untuk menyambung bantuan pinjaman kewangan.
3	Pusat Perubatan 6 Tkt dan 2 Tkt Basement Persiaran Rajawali, Bukit Raja, Klang	Tetuan PNSB Acmar Sdn. Bhd.	1 Unit	80%	~ Pembinaan siap 80%. ~ Pemaju memaklumkan kerja masih dilakukan dgn perlahan. Usaha Dalam Mendapatkan Rakan Kongsi
4	1 Blok Bangunan Perniagaan di Atas Lot 21330, **Jalan Tiara 4**, Bukit Raja, Mukim Kapar, Klang	Tetuan PNSB Acmar Sdn. Bhd.	1 Unit	50%	~ Tindakan terkini, sedang membuat kerja-kerja M&E.
5	13 Unit Rumah Deret 1 Tingkat, Taman Bukit Kapar, Klang	Tetuan Décor Mewah Sdn. Bhd. Tetuan OISB Construction Sdn. Bhd.	13 Unit	50%	~ 13 Unit, Siap 50%. ~ Pelan belum diluluskan oleh Majlis. Masalah : Bayaran Perunding Belum Dijelaskan

6	15 Tingkat Pangsapuri Mukim Klang, Klang	Tetuan Bakti Suci Properties Sdn. Bhd.- *pemaju dan perunding lama* Tetuan Mais Construction& Properties sdn.bhd- *pemaju dan perunding baru*	164 Unit	22%	~ Pembinaan siap 22%. ~ Pelan lulus pada 30/1/1997. ~ Pemaju akan membatalkan permohonan dan dlm proses mengemukakan pelan baru. ~ Tiada kaitan dengan pembeli.
7	**(Taman Hijrah 2)** Mukim Kapar, Klang	Tetuan Lembah Jejak Sdn. Bhd.	19 Unit	50% - 90%	~ Kerja-kerja binaan telah dihentikan ~ Permohonan Bangunan Tiada Permohonan ~14 Unit Telah Diduduki
8	**(Taman Sri Aman)** Kampung Idaman, Mukim Klang	Tetuan Integrated Land Recources Sdn. Bhd. Tetuan Teng Kong Enterprise Sdn. Bhd.(Winding Up)	63 Unit	90%	~ 18 unit rumah telah diduduki ~ tiada permohonan kepada Majlis ~ Penduduk usahakan sendiri pemasangan air dan elektrik.
9	**(Taman Mutiara),** pulau Indah, Klang	Tetuan Simpulan Cemerlang Sdn. Bhd.	109 Unit	90%	~Tiada kelulusan Majlis ~Pemaju **telah digulung** ~JIM Maklum Rimbun Capital Sdn Bhd sbg Agen Penyelesaian ~Tahun 2009 Rimbun telah ditamatkan sbg Agen Penyelesaian oleh JIM
10	**(Pangsapuri Yamin Height)** Pulau Indah, Daerah Klang	Tetuan Simpulan Cemerlang Sdn. Bhd.	227 Unit	10%	~ Tiada permohonan pelan bangunan dikemukakan kpd Majlis ~ Pemaju **telah digulung**.

11	**(Indah Height)** Pulau Indah, Daerah Klang	Tetuan Simpulan Cemerlang Sdn. Bhd.	420 Unit	0%	~ Pemaju **telah Digulung** ~ Tiada Permohonan Pelan Bangunan dikemukakan Kepada Majlis. Tiada Sebarang Kerja Binaan ditapak
12	**Desa Bukit Delima**, Mukim Kapar, Daerah Klang	Tetuan Atlaw Housing Sdn. Bhd.	___	35%	~ Kebenaran Merancang lulus 2/12/2003. ~ Tiada permohonan pelan bangunan dikemuka kpd Majlis.
13	**Jalan Dusun Meru**4, Mukim Kapar, Daerah Klang	Tetuan Ikhtiar Corporation Sdn. Bhd.	24 Unit = 12 telah diduduki, 12 terbengkalai	30%	~ 12 unit telah diduduki dan 12 unit terbengkalai. ~ tiada kelulusan Kebenaran Merancang
14	**Taman Desa Sri Nilam**, Pulau Indah, Mukim Klang, Daerah Klang	Tetuan Rhid Development Sdn. Bhd.	30 Unit	___	~Kerja-kerja tanah telah dilakukan namun tiada sebarang pembinaan dibuat dan tapak terbiar. Kelulusan Kebenaran Merancang diluluskan pada 28 April 2005
15	**Taman Desa Sri Siantan**, Mukim Kapar, Daerah Klang	Tetuan Rhid Development Sdn. Bhd.	66 Unit	—	~ Majlis tidak dapat menjalankan siasatan, maklumat tidak lengkap.
16	**(Taman Tradisi Indah)** Mukim Klang, Daerah Klang	Tetuan Fifth Marine Development Sdn. Bhd.	50 Unit	80%	~ Pembinaan siap 80%. ~ Pelan lulus pada 24/7/2003. ~ Kerja-kerja ditapak terhenti. ~ 41 unit terjual, 5 unit untuk pemilik tanah, 4 unit tiada pembeli.

17	Pembinaan Rumah Teres 1,Telok Gadong, Klang (Sungai Pinang)	Tetuan Lurah Pantas Sdn. Bhd. Tetuan Menang Murni Sdn. Bhd. Tetuan Reap & Rich Worldwide Holding Sdn. Bhd.	160 Unit	—	~ Majlis tidak dapat menjalankan siasatan, maklumat tidak lengkap.
18	**Projek Perumahan Andaman 2**, Mukim Klang, Daerah Klang	Tetuan Andaman Timor Sdn. Bhd.	30 Unit	—	~ Majlis tidak dapat menjalankan siasatan, maklumat tidak lengkap.
19	**Taman Sri Nelayan**, Mukim Klang	Tetuan Sheikh Mah Development Sdn. Bhd. Tetuan Pesaka Intisari(M)Sdn. Bhd.	470 Unit	90%	~ Pelan lulus 24/11/1999 ~ Pemaju memaklumkan kerja-kerja ditapak masih dijalankan secara perlahan kerana unit kediaman tidak dapat dijual.
20	**Taman Meru Ria 2** Meru, Mukim Kapar, Klang	Hyrax Property & Dev. Sdn. Bhd.*(pemaju lama)* Binalif Bina Sdn. Bhd.*(pemaju baru)*	38 Unit	80%	~ Pembinaan siap 80%. ~ Pelan lulus pada 26/4/2006. ~ Kerja-kerja binaan tidak berjalan
21	Kompleks Komersil 10 Tkt dan 4 Blok Pangsapuri 20 Tkt di Seksyen 1, Jalan Tengku Badar, Jalan Pelabuhan Klang *(cadangan lama)* Kompleks Perniagaan 8 Tkt	Tetuan Megamall Development Sdn. Bhd.*(pemaju dan perunding lama)* Tetuan Mega 2 Sdn. Bhd.*(pemaju dan perunding baru)*	Kompleks Komersial 10 Tkt & 4 Blok Pangsapuri 20 Tkt	5 % Kerja Cerucuk	~ Kebenaran khas memulakan kerja-kerja cerucuk telah diluluskan pada 31/10/07. ~ Pembinaan tidak berjalan semula (lawatan tapak LPHS pada April 2009)

22	Pangsapuri 6 Tingkat dengan Tempat Letak Kereta di Tingkat Bawah, di atas Lot 79 (Geran 4963), Jalan Dato' Amar, Klang	Tetuan Y.B Dato' Chong Eng Teng	44 Unit	70%	~ Pembinaan siap 70%. Pelan lulus 19/12/2000 ~ Kerja ditapak masih dijalankan dgn kadar perlahan
23	2 Blok Pangsapuri Anggerik 5 Tkt, Jalan Sungai Udang KS 3, Mukim Klang, Daerah Klang	Tetuan FSK Development Sdn. Bhd.	155 Unit	65%	~ Pelan lulus 26/6/02. ~ Kerja binaan masih berjalan dengan perlahan.
24	Pembangunan Bercampur **Kawasan Industri @ Industri Ringan** 783 unit di Lot 7215 Mukim Kapar, Klang	Tetuan Farbina Sdn. Bhd. Tetuan Tiara Etika Development (M) Sdn. Bhd.	783 Unit	70%	~ Projek sedang berjalan semula dengan perlahan ~ diambilalih oleh pemaju baru
25	**(Taman Muhammad 2)** Projek Perumahan, Rumah Berkembar Setingkat, , Mukim Klang, Daerah Klang,	Tetuan SPS Setia Sdn. Bhd.	30 Unit	___	___
26	**Taman Cahaya**, Mukim Kapar, Klang	Simpulan Cemerlang Sdn Bhd **(Telah Digulung)**	154 unit	—	Dmajukan dengan keluasan 3 ekar

27	Projek Perumahan Di Atas No GM 2509, Lot 3809, Kampung Delek, Mukim Klang, Klang	Menang Murni Sdn Bhd **(Telah Digulung)**	28 Unit	—	Perjanjian Usahasama Di Antara tuan Tanah dan Pemaju telah terbatal dan tamat Tempoh iaitu pada Disember 2006. Diambilalih oleh pemaju baru iaitu Wilayah Wawasan Sdn Bhd.. Pemaju baru maklum telah mendapat kelulusan KM, Pelan Bangunan dan Susunatur serta Lesen Pemajuan dan Permit Pengiklaan Daripada KPKT Projek Sedang Berjalan Semula
28	Projek Fortuna Apartment, Mukim Kapar, Klang	Brisdale Holding Sdn Bhd	—	—	Jabatan Perumahan Negara mengesahkan projek ini terbengkalai.

MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA					
BIL	**NAMA PROJEK**	**NAMA PEMAJU**	**BILANGAN UNIT**	**PERATUS SIAP PEMBINAAN**	**STATUS**
1	**Taman Sri Angsana Hilir**	Tetuan Kabra Holdings Sdn. Bhd.	165 Unit	60%	~ Pemaju **Telah Digulung** Pada 3.3.2000 **~Tetuan HLB Ler Lum** Bercadang Membentangkan Cadangan Kos Tambahan Yang Perlu Ditanggung Oleh Pembeli Untuk Memulihkan Projek Ini.
2	**Kampung Pasir Tambahan,** Mukim Hulu Klang, Daerah Gombak	Tetuan Skarf Narko Sdn. Bhd.	426 Unit	30%	Tiada perubahan di tapak
3	**Taman Kencana Fasa 3**, Ampang	Tetuan Syarikat Jaya Kencana Sdn. Bhd.	48 Unit	20%	Pemaju **Telah Digulung** Pada 16.3.1999
4	Cadangan Pembangunan, 22 Unit Rumah Teres & 1 Unit Rumah Kelab Mukim Hulu Klang, Daerah Gombak	Tetuan Superview Sdn. Bhd.	22 Unit Rumah & 1 Rumah Kelab	75%	~Tiada perubahan di tapak ~Pemaju mohon merobohkan struktur bangunan tersebut. ~Pembeli Ada Tetapi Tiada Aduan Dan Telibat Dengan Kejadian Tanah Runtuh Bkt Antarabangsa
5	Cadangan Pembinaan, 1 Unit Rumah Kelab, Mukim Hulu Klang, Daerah Gombak	Tetuan Zed Enterprise Sdn. Bhd. (Projek Usahasama Kerajaan Negeri Selangor)	1 Unit	95%	Tiada perubahan di tapak
6	**Ukay Bistari,** Mukim Hulu Klang	Tetuan Y-Talis Housing Sdn. Bhd & **Damai Bistari** Sdn Bhd	1609	30%	Pangsapuri Kos Rendah Telah Berjalan Semula Oleh RSS PMC Sdn Bhd

7	**Estana Court Condominium**	Tetuan Promista Development Sdn. Bhd	335 Unit	30%	~ Pemaju **Telah Digulung** Pada 25.06.2003 ~Blok A telah perolehi CF manakala lain-lain Fasa masih belum ada kemajuan.
8	**Nusa Mewah Villa Kondominium,** Mukim Ampang, Daerah Ulu Langat	Tetuan Mudi Angkasa Sdn. Bhd.	360 Unit	70%	Pembinaan sedang di jalankan dan diambilalih oleh IJM Cons. Dijangka siap Sept. 2009
9	**Saga Suria**, Taman Saga Ampang, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat	Tetuan Tegas Sejati Sdn. Bhd.	400 Unit	—	Pembinaan sedang di jalankan
10	**Servis Apartment**, Mukim Hulu Klang, Daerah Gombak	Tetuan Ukayland Sdn. Bhd. (Projek Usahasama Kerajaan Negeri Selangor)	779 Apartment, 1 Pasaraya, 155 Kedai/ Pejabat	40%	~Pembinaan sedang berjalankan pada bulan Jun 2007 dan dijangka siap pada Feb 2009
11	**Spring Ville**, , Mukim Hulu Klang, Daerah Gombak	Tetuan Ukayland Sdn. Bhd.	—	—	~Pembinaan sedang di jalankan Oleh IJM

MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA					
BIL	**NAMA PROJEK**	**NAMA PEMAJU**	**BILANGAN UNIT**	**PERATUS SIAP PEMBINAAN**	**STATUS**
1	Cadangan Pembangunan Bercampur **(Belvedere Service Condo & Lagoon Perdana)** (Projek Talam Corporation Berhad)	Tetuan Tenaga Gagah Sdn. Bhd. Tetuan Honest Prestige Sdn. Bhd.	1401 Unit	85%	~IJM telah ambilalih dan projek berjalan semula ~3 Blok Siap 85 % dan 1 Blok Masih Belum Berjalan
2	Cadangan Pembinaan Kompleks Perdagangan di, Mukim Damansara, Daerah Petaling	Tetuan Perumahan Chianion Sdn. Bhd.	—	10%	**Telah Digulung** Tiada kerja pembinaan.
3	Cadangan Pembinaan Pusat **Projek Pembangunan Newgate Avenue**, Mukim Damansara, Daerah Petaling	Tetuan Solarglow Sdn. Bhd.	—	40%	Dibawah **"Receivership"** iaitu **Pricewaterhouse Coopers Sdn Bhd.** Iklan Tawaran Tender Telah Ditutup Pada Akhir April 2009 dan Dalam Pemilihan Kontraktor Memulihkan Projek
4	Projek Perumahan **Saujana Puchong** (Mukim Petaling, Daerah Petaling	Tetuan Expand Faxtor Sdn. Bhd.	—	65%	Telah Berjalan Semula (Lawatan Bersama Y.B Tuan Iskandar Pada 07 Mei 2009)
5	Projek **Lestari Putra** Dahulu Dikenali Sebagai Lestari Puchong	Tetuan Lestari Puchong Sdn. Bhd. Tetuan Talam Corporation Sdn. Bhd.	244 Unit	55%	Tiada kerja pembinaan. Pemaju memaklumkan dalam proses perlantikan kontraktor baru.

6	**Taman Puncak Jalil**, Mukim Petaling, Daerah Petaling	Tetuan Maxisegar Sdn. Bhd.	7041 Unit	70%	Fasa 19 (260 unit) - dalam pembinaan 50%. Fasa 9F - dalam proses mendapatkan Sijil Layak Menduduki. Fasa 9B, 9E, 9C dan 9D - Sijil Layak Menduduki telah dikeluarkan pada 18 Disember 2007. Fasa 16 - dalam pembinaan 20%. Fasa 21 - Tiada perubahan. Fasa 10C (11 Blok) - dalam pembinaan 50%. Fasa 21 - dalam pembinaan 60%
7	**Services Kondominium Kinrara** Cadangan Pusat Perdagangan , Mukim Petaling, Daerah Petaling	Tetuan Sentosa Restu Sdn. Bhd.	1131 unit	15%	~Kerja pembinaan disambung semula.

MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG					
BIL	**NAMA PROJEK**	**NAMA PEMAJU**	**BILANGAN UNIT**	**PERATUS SIAP PEMBINAAN**	**STATUS**
1	Projek Pembinaan **Pangsapuri Gombak Perdana Villa** 10 Tingkat, Mukim Setapak, Daerah Gombak	Tetuan Aga Development Sdn. Bhd.	222 Unit	90%	~Pengurus projek baru iaitu Pertiwi Prestij Sdn. Bhd telah dilantik oleh Tuan tanah. ~111 unit masih belum dijual
2	Projek Pembangunan **Kampung Tengah** Mukim Setapak, Daerah Gombak	Tetuan Kemuncak Laksana Sdn. Bhd.	246 Unit	10%	~Projek telah berjalan semula
3	Projek Pembinaan **Taman Selayang Mutiara** (Rancangan Semula Kawasan **Setinggan Bukit Botak**), Mukim Batu, Daerah Gombak	Tetuan Delpuri Corporation Sdn. Bhd.	498 Unit	50%	~RSS PMC Sdn bhd sedang berusaha untuk menjalinkan kerjasama dengan Delpuri Corporation Sdn bhd.
4	Projek Pembinaan **Pangsapuri Taman Hijau,** , Mukim Rawang, Daerah Gombak	Tetuan Lim Chin Hin & Sons Industries Sdn. Bhd.	384 Unit	50%	Keadaan tapak projek terbiar tanpa penyelenggaran
5	Projek **Pembesaran Kampung Baru Kundang**, Mukim Kundang, Daerah Gombak	Tetuan JKK Kampung Kundang Tetuan Pembangunan Serendah Sdn. Bhd.	109 Unit	50%	Permohonan masih belum diluluskan kerana terdapat pindaan masih belum dipatuhi iaitu salinan resit bayaran preminium & caruman parit masih belum dikemukakan
6	Projek Pembinaan **Pangsapuri Bandar Baru Kundang**, Mukim Rawang, Daerah Gombak	Tetuan Nilai Idaman Sdn. Bhd.	192 Unit	79%	Kontrak dengan jurutiara Sdn.Bhd (kontraktor) telah dibatalkan & Pihaknya melantik Tripex (M) Sdn.Bhd sebagai kontraktor baru.

7	Pangsapuri Kos Rendah **(Taman Bayu)**, Mukim Setapak, Daerah Gombak	Tetuan Tegoh Timber & Properties Sdn. Bhd.	—	—	Tapak projek berada diatas bukit & kenderaan tidak dapat naik ketapak projek kerana laluan curam dan rosak.
8	Pemberimilikan Tanah Kerajaan J Mukim Rawang, Daerah Gombak (Rancangan Perkampungan Secara Berkelompok & Tersusun **Kampung Kiai Hj. Arshad**)	Tetuan Juta Rasmi Sdn. Bhd. Tetuan Aramin Sdn. Bhd.	359 Unit	0%	Projek Masih Terbengkalai dan Hanya Rumah Contoh Sahaja Disiapkan Tidak Mendapat Kelulusan Majlis Perbandaran Selayang
9	**Casa Gemilang Service Apartment**, Lot 4982, Mukim Setapak, Daerah Gombak.	Tetuan Capital Lane Sdn. Bhd	300 Unit	10%	Tiada Perkembangan
10	Astana Square Service Apartment	Tetuan Sedaya Sdn. Bhd	—	90%	Tiada Kelulusan Pelan (CF) dan telah mengadakan mesyuarat pada 7 Julai 2008 di LPHS
11	Taman Jasa Murni Selayang	Tetuan Intelligent Mission Sdn. Bhd	—		
12	Rumah Teres 1 Tingkat, Mukim Setapak, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan.	Tetuan Q-Vista Sdn. Bhd	—		Menurut MPS tiada sebarang permohonan kelulusan pelan bangunan

MAJLIS PERBANDARAN SEPANG					
BIL	**NAMA PROJEK**	**NAMA PEMAJU**	**BILANGAN UNIT**	**PERATUS SIAP PEMBINAAN**	**STATUS**
1	Cadangan Pembangunan Bercampur, **Taman Kenanga**, Bandar Baru Salak tinggi, Mukim Dengkil, Daerah Sepang	Tetuan Kumpulan Sepang Utama Sdn. Bhd. (In Liquidator - Tetuan Ernst & Young Sdn. Bhd.)	1904 Unit	0% -80 %	~ Kump. Sepang Utama **telah digulung** pada 23.7.2003 ~ Tetuan Ernst & Young S/B masih lagi meneliti dan menyemak rekod projek Tmn Kenanga. ~ Projek masih terbengkalai sehingg kini Mei 2009. ~Dalam Pemantauan SPNB di peringkat kajian lanjutan.
2	Cadangan Membina 527 Unit Rumah Pangsa Kos Sederhana 7 Tingkat, Seluas 5 ekar, **Taman Topaz**, Dengkil	Tetuan Peransang Tin Consulidated Sdn. Bhd. (In Liquidator - Tetuan Hals & Associates Sdn. Bhd.)	527 Unit	80%	~ **Telah digulung** pada 11.10.2004 ~ Kelulusan pelan pada 24 Ogos 2000. ~ Peratus pembinaan 80%. ~ Blok A, 177 unit, siap 80%, unit terjual 124 unit. ~ Blok B, 182 unit, siap 80%, unit terjual 163 ~ Blok C, 168 unit, siap 10%, tiada pembeli. O&M Corporate Advisory Masih Menunggu Keputusan Mahkamah Pembuburan Hals & Associates Sdn Bhd bagi membolehkan pihaknya melaksanakan pemulihan projek ini.
3	Projek Perumahan **Putra Perdana(La Cottage)**,, Mukim Dengkil, Daerah Sepang	Tetuan Intel Vest Sdn. Bhd. Tetuan Metro Tegas Sdn. Bhd. (syarikat	187 Unit	89%	~Pemaju Dalam Proses Mendapatkan Perintah Mahkamah di Bawah Seksyen 176, Akta Syarikat (Pemaju Proses Mendapatkan

		Induk) Tetuan Continental Heights Development Sdn. Bhd.			Persetujuan Pembeli) ~ JIM akan mengadakan mesyuarat dalam 2 bulan akan datang bagi menenhtukan samada HLB Ler Lum atau Rimbun Advisory sebagai Liquidator.
4	Cadangan Pembangunan Perumahan (**Putra Intan Kondominium**) Mukim Dengkil, Daerah Sepang	Tetuan Lembah Kerjaya Sdn. Bhd.	300 Unit	83.40%	~**Telah Digulung** dan di bawah Rimbun Capital Sdn Bhd ~ Pemaju Mohon Kebenaran Kepada Lembaga Jurutera Malaysian Pada Nov 2008 Bagi Melantik Jururunding M&E Yang Baru Supaya Dapat Menyelenggara dan Menyiapkan Projek Ini.
5	Taman Lestari Permai	Tetuan Talam Corporation Sdn. Bhd.	568 Unit	77%	~ Projek diserahkan kepada IJM & akan memulakan kerja dalam tempoh 3 minggu.
6	**Bandar Pinggiran Cyber, Cyberjaya** Mukim Dengkil, Daerah Sepang	Tetuan Perspektif Perkasa Sdn. Bhd. Tetuan Expand Gain Sdn. Bhd.	404 Unit	87%	~ kelulusan plan 20/5/2003 ~ Pemaju hanya membina 319 unit rumah daripada 404 unit dan 288 unit sahaja terjual. ~ Projek dijangka siap pada Mei 2009 ~ KPKT memaklumkan cawangan Pemantauan Kewangan Dalam Penyediaan Kerta Pensyiran Pembekuan HDA Pemaju.

MAJLIS PERBANDARAN KAJANG					
BIL	**NAMA PROJEK**	**NAMA PEMAJU**	**BILANGAN UNIT**	**PERATUS SIAP PEMBINAAN**	**STATUS**
1	Cadangan Pembangunan Perumahan 110 unit pangsapuri kos rendah 12 tkt, 24 unit rumah kos sederhana 2 tkt, 240 unit pangsapuri 16 tkt, tadika & surau diatas Lot 4454 & 1297, Mukim Kajang, Hulu Langat.	Tetuan Serosa Resources Sdn. Bhd.	413 Unit	10%	~ Syarikat **Telah Digulung** ~ JIM Telah Melantik Howarth sebagai Pelikuidasi pada 20 Nov. 2004
2	Projek Perumahan **Bandar Puncak Damai Semenyih** (Bandar Putri Jaya),	Tetuan Duta Nilai Sdn. Bhd. (Anak Syarikat : Antara Vista Sdn Bhd- terlibat dengan projek terbengkalai di MBPJ)	2658 Unit	10%	~Syarikat **Telah Digulung** Pada 17 Dis 2005 oleh Mahkamah Tinggi Ipoh ~ JIM Dilantik Sebagai Pegawai Penerima (OR)
3	Projek Perumahan di Taman Padang Tembak Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat	Tetuan Happy Home Development Sdn. Bhd.	29 Unit	90%	~Pemaju tidak dapat dihubungi. ~11 unit telah didiami penduduk ~Tanah Masih Berstatus Pertanian
4	Projek Perumahan di Taman Semenyih Jaya Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat	Tetuan Ample Development Sdn. Bhd.	36 Unit	100%	Pemaju telah tiada (Projek pernah dikendalikan oleh kontraktor bagi tujuan permohonan CF.

5	Projek Perumahan di atas Lot 1640 Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat	Tetuan ZM Development Sdn. Bhd.	70 Unit	30%	~Kelulusan pelan bangunan diperolehi pada 11/5/2006. ~2008-MZ Dev telah menandatangani MoU bersama Rimbun Capital Sdn Bhd untuk memulihkan projek ~18.6.2009-Rimbun Capital telah menarik diri disebabkan defisit kos berlaku ke atas projek ini.
6	Projek Perumahan Taman Berhampiran Taman Titiwangsa Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat	Tetuan Imbuhan Murni Sdn. Bhd.	87 Unit	—	Pemaju sukar mendapat persetujuan pembeli menjelaskan bayaran tertunggak.
7	Projek Perumahan di **Taman Sri Raya** Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat	Tetuan Kausar Corporation Sdn. Bhd.	408 Unit	—	RSS PMC Sdn Bhd Dalam Perbincangan Dengan Kausar Corporation Sdn Bhd.
8	Projek Perumahan Di **Taman Kajang Villa** Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat.	Villaraya Management Sdn Bhd	660 Unit	5 % - 95 %	~ Pemaju **Telah Digulung** 95 % - Blok B dalam proses melantik White Knight. Memerlukan persetujuan pembeli melebihi 75 % terlebih dahulu. ~ Telah 6 Tahun Terbengkalai

MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT					
BIL	**NAMA PROJEK**	**NAMA PEMAJU**	**BILANGAN UNIT**	**PERATUS SIAP PEMBINAAN**	**STATUS**
1	Rumah Teres 1 Tingkat Mukim Tanjung 12, Bukit Changgang, Daerah Kuala Langat	Tetuan Konsortium Nuri Sdn. Bhd.	54 unit	65%	~Pemaju **Telah Digulung** ~SPNB Telah Mengambilalih Projek Ini Dan Dalam Proses Memulakan Kerja Pembinaan.
2	Projek Perumahan Teres Satu Tingkat, Mukim Tanjung Dua Belas, Daerah Kuala Langat	Tetuan Aghniyak Builders Sdn. Bhd.	70 Unit	___	Tiada sebarang kerja pembinaan. Hanya kerja tanah telah disiapkan (tiada permohonan kelulusan pelan bangunan dan kerja tanah).
3	Pembinaan Kedai 3 Tingkat di, Pekan Telok Panglima Garang, Daerah Kuala Langat	Tetuan C.K. Lee Development Sdn. Bhd.	9 Unit	10%	Tiada sebarang kerja-kerja pembinaan dilakukan
4	**Taman Desa Sri Jentayu 1**, Mukim Telok Panglima Garang, Daerah Kuala Langat	Tetuan Rhid Development Sdn. Bhd.	—	—	Kerja-kerja pembinaan telah dihentikan Dalam Proses Memohon Kebenaran Merancang Semula Setelah Tamat Tempoh Kepada MDKL
5	Rumah Sesebuah 1 , Mukim Tanjung 12, Bukit Changgang, Daerah Kuala Langat	Tetuan Visi Nusa Corporation Sdn. Bhd.	25 Unit	83%	1. Rumah telah diduduki: 3 unit 2. Rumah yang telah siap dan tidak diduduki : 5 unit 3. Rumah yang hampir siap dalam 90% pembinaan : 14 unit 4. Rumah dalam lingkungan 40 % pembinaan : 3 unit
6	(**Bandar Saujana Putra**, Mukim Tanjung 12, Daerah Kuala Langat	Tetuan Galian Juta Sdn. Bhd.	531 Unit	15%	—

7	**Taman** Mukim Batu, Daerah Kuala Langat, Tanjung Sepat)	Tetuan Sri Palmar Development & Construction Sdn. Bhd. (Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor)	1 Unit	60%	Tiada Pembeli
8	**Bandar** (Projek Talam Corporation Berhad)	Tetuan Sanjung Hemat Sdn. Bhd.	237 Unit	85%	Projek telah berjalan semula dengan perlahan SYABAS Akan Meluluskan Permohonan Pemaju Setelah Mematuhi Keputusan Yang Dibuat Oleh KPKT Pada 24 Fab 2009 Antara Pemaju, KPKT dan SPAN.

MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR					
BIL	**NAMA PROJEK**	**NAMA PEMAJU**	**BILANGAN UNIT**	**PERATUS SIAP PEMBINAAN**	**STATUS**
1	Projek Perumahan **Desa Beruntung**,	Tetuan Prospell Development Sdn. Bhd.	913 Unit	50%	~Telah Digulung Pada Tahun 18.02.2002 ~ Sebahagian bangunan dibina, jalan masuk belum dibina.
2	Projek Perumahan **Lembah Beringin**, Mukim Sungai Gumut, Daerah Hulu Selangor	Tetuan Lembah Beringin Sdn.	902 Unit	40% - 65%	~Telah Digulung Pada 17.3.2006 ~Ferrier Hodgson MH Sdn Bhd sebagai Pengurus dan Penerima SPNB Ambilalih dan Bercadang Memindahkan Pembeli-Pembeli Ke Satu Fasa Sahaja Tetapi Pembeli Tidak Bersetuju.
3	Projek Kedai Pejabat HS(D)10770, Lot 3244, Mukim Ulu Yam, Daerah Hulu Selangor	Tetuan Perwira Indra Sakti Sdn. Bhd.	148 Unit	50 % - 95 %	~Mesyuarat di MDHS 25/2/08 - Fasa 1 telah siap, Fasa 2 hanya 60% siap. ~Isu : Jalan Masuk Ke Tapak Projek Untuk Mendapatkan CF dan Pemindahan Pembeli Ke Unit Yang Telah Siap.
4	Projek Pembesaran Kampung **Desa Beringin** Jawa Mukim Kerling, Daerah Hulu Selangor	Tetuan Modulex Sistem (M) Sdn. Bhd.	200 Unit	40%	~Pemaju Tidak Dapat Dikesan dan Tanah Telah DiCagarkan Ke Bank Menyebabkan Sukar Untuk Melantik Kontraktor Baru.
5	Projek **Pembesaran Kampung Melayu Rasa** Mukim Rasa, Daerah Hulu Selangor	Tetuan Litar Jaya Sdn. Bhd.	109 Unit	55%	Projek Berjalan Amat Perlahan

6	Projek Pembesaran **Kampung Desa Bukit Bujang** (Fasa 2 - 461 unit)	Tetuan Rampai Budi Jaya Sdn. Bhd.(Nama Lama) & ARK Development Sdn.Bhd (Nama Baru)	461 Unit	30%	Fasa 1 - 254 telah dikeluarkan TCF. Fasa 2 - tiada perkembangan
7	**Projek The Genting Valley)**, Mukim Batang Kali, Daerah Hulu Selangor	Tetuan Jade San Reality Sdn. Bhd.	680 Unit	0%	Syarikat Telah Digulung - HLB Ler Lum Sdn Bhd Sbg Liquidator Pelikuidasi Dalam Permohonan Membuat Pecah Tanah Ladang Bagi Tujuan Mendapatkan Hakmilik Pembeli-Pembeli
8	Cadangan Membina 131 Unit Rumah Teres Kos Sederhana 1½ Tingkat dan 16 Unit Rumah Teres Kos Rendah 2 Tingkat Dengan 1 Pencawang Elektrik di atas Lot 484 & 487, Mikim Hulu Bernam Dalam Daerah Hulu Selangor **(Taman Malim Mas)**, Mukim Hulu Bernam, Daerah Hulu Selangor	Tetuan JK-NBA Ventures Sdn. Bhd.	147 Unit	80%	~Pembeli Memfailkan Permohonan Menggulung Syarikat Pemaju ~Rimbun Capital Sdn Bhd Masih Menunggu Keputusan Mahkamah.
9	Projek **Pembesaran Kampung Koskan**, Sungai Choh, Mukim Serendah, Daerah Hulu Selangor	Tetuan Ehsanibu Sdn. Bhd.	43 Unit	60%	Mesyuarat di MDHS 25/2/08 - Projek Berjalan Semula Melibatkan Kerja Longkang Dan Batu Baur bagi Pembinaan Jalan.

10	Projek **Pembesaran Kampung Desa Alam Ria**, JKKK Sg Masin Genting Malek Di Atas Lot 2268, 711 & 713, Mukim Btg Kali, Daerah Hulu Selangor	Tetuan JKKK Sg Masin & Gerak Utusan Corp. Sdn Bhd.	252 Unit	65%	Berjalan Mengikut Jadual Projek
11	Cadangan Projek Perumahan Dibawah Skim Pemilikan Secara Terancang **(Serendah Perdana)**	Tetuan Kamsu Sdn. Bhd.	550 Unit	0%	~Kertas Pertimbangan MMKN Telah Menolak Permohonan Kamsu Meneruskan Semula Projek Ini Hanya ~Kerja-Kerja Tanah Sahaja Dibuat Tanpa Ada Pembinaan Cadangan Untuk Diambilalih oleh PKNS
12	Cadangan Membina 400 Unit Rumah Teres Setingkat Di Fasa 16A, **Bukit Sentosa 3**	Tetuan Maxisegar Sdn. Bhd.	—	—	—

MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR					
BIL	**NAMA PROJEK**	**NAMA PEMAJU**	**BILANGAN UNIT**	**PERATUS SIAP PEMBINAAN**	**STATUS**
1	(**Taman Damai II**), Tanjung Karang	Tetuan Koperasi Seri Kota Bukit Cherakah Sdn. Bhd.	154 Unit	80%	~Kes ini telah di bawa Ke Mahkamah
2	Projek Pembesaran Kampung , **Desa Bukit Kerayon**g, Mukim Jeram, Daerah Kuala Selangor	Tetuan JKK Bukit Kerayong Tetuan Bumi Circle Sdn. Bhd.	1282 Unit	45%	~Majlis Taklimat oleh LPHS telah diadakan pada 27 Februari 2008. 200 Pembeli Telah Membawa Kes ini Ke Mahkamah Pada April 2007 ~Isu : Kos Infra Untuk Dibangunkan RM 44 Juta
3	Projek Perumahan **Taman Kelisa** (Tambahan), Mukim Jeram, Daerah Kuala Selangor	Tetuan Simpulan Cemerlang Sdn. Bhd.	46 Unit	80%	~Syarikat **telah digulung** dan pelikuidasi iaitu Tetuan Rimbun Capital Sdn. Bhd. ~Indah Damai Sdn Bhd Dipilih Melalui Tawaran Tender Yang Diiklankan Untuk Memulihkan Projek Ini. ~Rimbun Capital Dalam Peringkat Perbincangan Terakhir Dengan Pihak Bank Untuk Membolehkan Pembinaan Disambung Semula.
4	Projek Perumahan **Bandar Alam Perdana** (Fasa 1), Mukim Ijok, Daerah Kuala Selangor	Tetuan LBCN Development Sdn. Bhd.	3819 Unit	61%	~Diambil alih oleh SPNB bagi 2,500 unit RPKR sahaja. Manakala perumahan lain Dalam Pemantauan SPNB. ~ Premium Tambahan Belum Dijelaskan

5	Projek Pembangunan Bercampur (Fasa 1 **Alam Mutiara**), Mukim Ijok, Daerah Kuala Selangor	Tetuan Mujur Zaman Development Sdn. Bhd.	924 Unit	40%	~Bayaran Pampasan Peserta dan Cukai Tanah Tertunggak Serta Premium Tambahan Belum Dijelaskan
6	**(Tmn Seri Wangi).** Jln Sungai Tengi Kiri Bandar Tanjong Karang Mkm Tanjong Karang, ,	Tetuan K.A Resources Sdn. Bhd. (Lama) & Tetuan Mentera Dagang Sdn.Bhd.	72 Unit	10%	Projek dimulakan pada Feb. 2006 dan telah terhenti. Hanya 48 unit sahaja yang telah siap diperingkat kerangka tetulang (rc. Roof beam).
7	Cadangan Membina 44 Unit R/Teres 1 tkt, 30unit R/Teres 1 tkt & 10 unit R/Kedai 2, Mkm Ujung Permatang, Daerah Kuala Selangor(Taman Nilam).	Tetuan Richmall Sdn. Bhd.	117 Unit	—	~Pembinaan berjalan semula. ~ 40 unit telah perolehi CF, 30 Unit dalam permohonan CF dan 10 unit kedai 80 % siap.
8	Projek Perumahan Di bawah Program Khas Perumahan Kos Rendah Di Taman Sungai Yu Indah, Sungai Yu, Mukim Ujung Permatang, Daerah Kuala Selangor (499 unit RKR 1 tkt & 11 Kedai 1 tkt)	Tetuan Syarikat Serambi Padu Sdn. Bhd.	499 Unit	30%	kemajuan projek terlalu perlahan. Fasa 1 - Mula Dis 2008 dan Siap Sept 2009 Fasa 2 - Ditangguhkan Dan Pembeli Dipindahkan Ke Fasa 1 Kedai - Mula Jun 2009 Dan Siap Dis 2009
9	**Projek Taman Cahaya 2)** Mukim Batang Berjuntai, Daerah Kuala Selangor	Tetuan Rui Development Sdn. Bhd.	151 Unit	RKSR - 20% RKR - 35%	SPNB jangka akan memulakan kerja dalam masa terdekat dan Masih Menunggu Keputusan Kementerian Kewangan (April 2009)
10	Program Pembesaran Kampung, **Taman Desa Mawar**, **Kampung Sungai Yu**, Mukim Ujong Permatang, Daerah Kuala Selangor	Tetuan JKK Sungai Yu Tetuan Fokus Perkasa Sdn. Bhd. Tetuan Lian Feng Constraction Sdn. Bhd.	499 Unit	—	~ Fasa 1 : Sijil Layak Menduduki Tetap telah dikeluarkan pada 7 Mac 2008 ~ Fasa 2 : Belum DiBangunkan ~14 unit Terbengkalai

Daripada 134 projek terbengkalai, terdapat sebanyak 18 projek yang telah berjalan semula manakala baki 116 masih dalam kajian kaedah penyelesaian. Projek yang berjalan semula terdiri daripada 9 projek yang dilaksanakan oleh pemaju asal, 2 projek diambil alih oleh SPNB manakala baki 7 projek diambilalih oleh pemaju baru. Pecahan status projek terbengkalai mengikut kategori adalah seperti berikut :

KATEGORI PROJEK TERBENGKALAI	**MASIH TERBENGKALAI SEHINGGA 30 JUN 2009**	**MASIH BERJALAN SEHINGGA 30 JUN 2009**
PROJEK PERUMAHAN	88	12
PROJEK KOMERSIAL	20	2
PROJEK INDUSTRI	1	1
PROJEK PEMBESARAN KAMPUNG	6	3
JUMLAH	116	18

b) Berdasarkan status sehingga 30 Jun 2009, terdapat 18 projek terbengkalai yang telah dipulihkan semula oleh pihak yang bertanggungjawab seperti berikut ;

BIL	NAMA PROJEK	NAMA PEMAJU ASAL	BIL. UNIT	PBT	PEMAJU / KONTRAKTOR YANG MEMULIHKAN PROJEK
1	Ukay Bistari	Tetuan Y-Talis Housing Sdn. Bhd & Damai Bistari Sdn Bhd Jumlah Keseluruhan = 1,432Unit	146 Unit- Pangsapuri Kos Rendah 16 Tingkat, 120 Unit - Pangsapuri Kos Sederhana Rendah 12 Tingkat, 60 Unit - Kos Sederhana 8 Tingkat, 1027 Unit – Service Apartment 6 Blok, 79 Unit Kedai Dan Pejabat	MPAJ	Pertiwi Prestij Sdn. Bhd. -Syarqiah Holdings Sdn. Bhd. -NBH Standard Links Enterprise Sdn. Bhd. -Raih Zaman (M) Sdn.Bhd. -Sama Sejati Sdn. Bhd -Pertiwi Prestij Sdn. Bhd.
2	Projek Perumahan Spring Ville, Ulu Klang	Tetuan Ukayland Sdn. Bhd.	420 Unit	MPAJ	Tetuan Ukayland Sdn. Bhd.
3	Cadangan Membina Rumah Teres Di Bandar Saujana Putra	Tetuan Galian Juta Sdn. Bhd.	531 Unit	MDKlgt	Tetuan Galian Juta Sdn. Bhd.

4	Projek Perumahan Di Bandar Saujana Putra	Tetuan Sanjung Hemat Sdn. Bhd.	237 Unit	MDKlgt	Tetuan Sanjung Hemat Sdn. Bhd.
5	Belvedere Service Condo & Lagoon Perdana	Tetuan Tenaga Gagah Sdn. Bhd.	1401 Unit	MPSJ	IJM Construction Sdn Bhd
6	Projek Perumahan Saujana Puchong, Mukim Petaling	Tetuan Expand Faxtor Sdn. Bhd.	203 UNIT	MPSJ	IJM Construction Sdn Bhd
7	Taman Puncak Jalil, Mukim Petaling	Tetuan Maxisegar Sdn. Bhd.	7,041 Unit	MPSJ	IJM Construction Sdn Bhd
8	Services Kondominium Kinrara	Tetuan Sentosa Restu Sdn. Bhd.	1131 unit	MPSJ	IJM Construction Sdn Bhd
9	Bandar Pinggiran Cyber, Cyberjaya	Tetuan Perspektif Perkasa Sdn. Bhd.	404 Unit	MPSp	Tetuan Perspektif Perkasa Sdn. Bhd.
10	Projek Perumahan Taman Khalid Al-Walid	Tetuan Kelland Development Sdn. Bhd.	48 Unit	MBSA	Syarikat Perumahan Negara (SPNB)
11	Cadangan Membina Rumah Teres 1 Tingkat di atas Lot 5341,Olak Lempit-Dengkil	Tetuan Konsortium Nuri Sdn. Bhd.	54 unit	MDKlgt	Syarikat Perumahan Negara (SPNB)

BIL	NAMA PROJEK	NAMA PEMAJU	BIL. UNIT	KWSN PBT	PEMAJU YANG MEMULIHKAN PROJEK
12	Projek Pembangunan Kampung Tengah, Mukim Setapak	Tetuan Kemuncak Laksana Sdn. Bhd.	246 Unit	MPS	Tetuan Kemuncak Laksana Sdn. Bhd.
13	Taman Nilam, Mukim Ujung Permatang, Daerah Kuala Selangor	Tetuan Richmall Sdn. Bhd.	117 Unit	MDKS	Tetuan Richmall Sdn. Bhd.
14	Projek Perumahan Taman Sungai Yu Indah	Tetuan Syarikat Serambi Padu Sdn. Bhd.	499 Unit	MDKS	Tetuan Syarikat Serambi Padu Sdn. Bhd.
15	Pembangunan Kawasan Industri @ Industri Ringan, Mukim Kapar	Tetuan Farbina S/B Tetuan Tiara Etika Development (M) S/B	783 Unit	MPK	Tetuan Farbina S/B
16	Program Pembesaran Kampung Melayu Rasa	Tetuan Litar Jaya Sdn. Bhd.	109 Unit	MDHS	Syarikat Bernas Vista Sdn. Bhd
17	Projek Pembesaran Kampung Desa Alam Ria	Tetuan JKKK Sg Masin & Gerak Utusan Corp. S/B	252 Unit	MDHS	Gerak Utusan Corp. S/B
18	Projek Pembesaran Kampung Koskan, Sungai Choh	Tetuan Ehsanibu Sdn. Bhd.	43 Unit	MDHS	Tetuan Ehsanibu Sdn. Bhd.
JUMLAH		**14,951 UNIT**			

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)

TAJUK : HAL EHWAL ORANG ASLI

67. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Apakah sasaran dan pencapaian kerajaan dalam rancangan penempatan perkampungan orang asli di kawasan-kawasan yang telah diwartakan untuk pembangunan?

b) Berapakah jumlah keluasan tanah dilupuskan untuk penempatan semula dan perbelanjaan yang terlibat dalam pembangunan masyarakat orang asli di Selangor bagi tahun 2008-2009?

c) Apakah rancangan untuk mempertingkatkan status sosio-ekonomi dan pemeliharaan warisan masyarakat Orang Asli?

JAWAPAN :

a) Kerajaan Persekutuan mensasarkan semua penempatan perkampungan Orang Asli menikmati arus pembangunan. Pada RMK9 Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Negeri Selangor telah diperuntukkan sebanyak RM6,477,897.00 bagi pembangunan Insfrastruktur dan kemudahan awam seperti membina balai raya, membina jalan premix, membina jalan crusher-run, bekalan air, bekalan elektrik dan pembinaan perumahan PPRT di penempatan Orang Asli Negeri Selangor. Dengan adanya kemudahan Insfrastruktur yang baik Jabatan mensasarkan dapat mengurangkan kadar miskin dan miskin tegar serta masyarakat Orang Asli dapat menikmati kehidupan yang sempurna.

b) Bagi tahun 2008 hingga 2009 tiada tanah yang dilupuskan untuk penempatan semula dan tiada perbelanjaan yang di sediakan.

c) Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan peruntukan Projek Satu Daerah Satu Industri (SDSI). Di perkampung Orang Asli Sg. Bumbun Kuala Langat Selangor telah diwujudkan sebuah pusat kraf bagi meningkatkan produktiviti dan kualiti hasil kraf yang telah dirancang pembinaanya pada tahun 2005 oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) melalui Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) dengan kerjasama Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia.

Warisan Masyarakat Orang Asli tetap dipelihara melalui persembahan kebudayaan disamping hasil-hasil Kraf seperti ukiran patung, ukiran topeng dan lain-lain produk berasaskan kayu melalui kepercayaan, imaginasi, sesuatu objek berasaskan ciri-ciri kehidupan, budaya dan kepercayaan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)

TAJUK : PADI

68. Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk mengutamakan penanaman padi yang berhasil tinggi.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Berapakah jenis baka padi yang ditanam?

b) Apakah masalah yang timbul apabila menanam jenis padi yang baru ini?

c) Adakah padi ini digunakan untuk kegunaan tempatan ataupun untuk dieksport?

JAWAPAN :

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)

TAJUK : GERAN MARRIS

69. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Sila jelaskan bagaimana geran MARRIS diberikan kepada setiap PBT dan rasional,formula ataupun garis panduan yang diguna pakai untuk pemberian geran tersebut. Berikan butir-butir.

JAWAPAN :

a) Geran MARRIS adalah pemberian tahunan Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri yang akan digunakan untuk menyelenggara jalan-jalan negeri di bawah penyelenggaraan Jabatan Kerja Raya (JKR), jalan-jalan Majlis Bandaraya /Perbandaran/Daerah di bawah penyelenggaraan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan jalan-jalan kampung.

Pada tahun 2009 sebanyak RM96 juta di peruntukan bagi tujuan menaik taraf jalan dan jambatan di bawah Belanja Pembangunan JKR dan sejumlah RM25 juta di peruntukan untuk menyelenggara jalan raya di bawah belanja mengurus JKR. Pembahagian geran MARRIS kepada PBT pula, adalah berdasarkan kepada panjang jalan dan parit yang di selenggara dan kos penyelenggaraan yang ditanggung oleh PBT yang berkaitan.

Sejumlah RM76 juta telah di peruntukan oleh Kerajaan Negeri kepada PBT pada tahun 2009. Pembahagian geran terdiri daripada dua (2) perkara iaitu kos penyelenggaraan jalan dan kos penyelenggaraan parit Monsoon. JADUAL 1 menunjukkan lapan (8) PBT menerima peruntukan sebanyak RM 7juta iaitu MBSA, MBPJ, MPSJ, MPAJ, MPKj, MPK, MPS dan MPSp. Selebihnya menerima peruntukan sebanyak RM5 juta iaitu MDKS, MDKL, MDHS dan MDSB.

JADUAL 1

BIL	PBT	KOS PENYELENGGARAAN	
		Jalan	**Parit Monsoon**
1	MBSA	RM5,000,000.00	RM2,000,000.00
2	MBPJ	RM5,000,000.00	RM2,000,000.00
3	MPSJ	RM5,000,000.00	RM2,000,000.00
4	MPAJ	RM5,000,000.00	RM2,000,000.00
5	MPKj	RM5,000,000.00	RM2,000,000.00
6	MPS	RM5,000,000.00	RM2,000,000.00
7	MPK	RM5,000,000.00	RM2,000,000.00
8	MPSp	RM5,000,000.00	RM2,000,000.00
9	MDKS	RM4,000,000.00	RM1,000,000.00
10	MDKL	RM4,000,000.00	RM1,000,000.00
11	MDHS	RM4,000,000.00	RM1,000,000.00
12	MDSB	RM4,000,000.00	RM1,000,000.00
JUMLAH		**RM56,000,000.00**	**RM20,000,000.00**
JUMLAH KESELURUHAN		**RM76,000,000.00**	

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)

TAJUK : GERAI DAN PREMIS-PREMIS PERNIAGAAN KOSONG DI PBT

70. Kerajaan mengamalkan dasar tidak merobohkan gerai-gerai tidak sah sewenang-wenangnya. Sebaliknya kerajaan menawarkan gerai-gerai PBT yang masih kosong:

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Berapakah bilangan gerai-gerai masih kosong di setiap PBT?

b) Apakah faktor-faktor yang menyebabkan gerai-gerai sah di PBT ini masih kosong?

c) Adakah Kerajaan Negeri akan memberikan insentif secara langsung kepada peniagapeniaga agar mengisi gerai-gerai PBT yang masih kosong?

JAWAPAN :

a) Berikut bilangan gerai–gerai dan pengisian di setiap PBT Selangor:

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	JUMLAH GERAI	PENGISIAN	KOSONG
1.	Majlis Bandaraya Shah Alam	500	445	55
2.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	1680	1598	82
3.	Majlis Perbandaran Klang	2707	2368	339
4.	Majlis Perbandaran Ampang jaya	678	627	60
5.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	320	226	94
6.	Majlis Perbandaran Selayang	128	24	104
7.	Majlis Perbandaran Kajang	616	532	84
8.	Majlis Perbandaran Sepang	265	245	20
9.	Majlis Daerah Kuala Selangor	238	211	27
10.	Majlis Daerah Kuala Langat	1468	1292	176
11.	Majlis Daerah Hulu Selangor	599	520	79
12.	Majlis Daerah Sabak Bernam	1430	1170	260
JUMLAH		**10638**	**9258**	**1380**

b) Di antara faktor–faktor yang dikenal pasti gerai–gerai sah di PBT masih kosong adalah kerana lot gerai yang berada di hujung premis dan kurang mendapat sambutan serta lokasi premis yang kurang menjadi tumpuan. Majlis menghadapi kesukaran dalam pengisian gerai–gerai tersebut berikutan tiada permohonan yang diterima. Pihak Majlis telah menempatkan semula pengusaha –pengusaha gerai tanpa lesen ke gerai tersebut namun sambutan kurang mengalakan.

c) Kerajaan Negeri belum bercadang untuk memberikan insentif secara langsung kepada peniaga–peniaga untuk mengisi gerai–gerai PBT yang masih kosong. Walaubagaimanapun Y.B Pengerusi Kerajaan Tempatan telah mengarahkan semua PBT mengadakan lawatan ke gerai tersebut bersama dengan pemimipin-pemimpin persatuan penjaja dan peniaga di tempat PBT terlibat sebagai satu usaha untuk mengisi kekosongan gerai yang masih kosong.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN EDWARD LEE POH LIN
(BUKIT GASING)

TAJUK : PERANAN PEGAWAI KESIHATAN PERUBATAN DAERAH

71. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

a) Apakah peranan Pegawai Kesihatan Perubatan Daerah (District Medical Health Officer)?

JAWAPAN :

a)

A. PERANAN

Pegawai Kesihatan adalah seorang profesional berlandaskan kelulusan MD dan MPH (atau yang setaraf) dan mempunyai pengalaman dalam bidang kesihatan awam. Beliau bertanggungjawab dalam menjayakan perlaksanaan semua aktiviti kesihatan awam di peringkat daerah serta memberi bimbingan profesional dan nasihat teknikal ke arah pencapaian matlamat Kementerian Kesihatan Malaysia.

B. TUGAS

1. Am

- Bertanggungjawab kepada Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri terhadap pentadbiran Perkhidmatan Kesihatan Awam Daerah keseluruhannya.
- Mewakili Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri ke mesyuarat atau majlis rasmi apabila diperlukan / diadakan.

2. Aktiviti Kesihatan Awam

- Pengurusan Kesihatan Awam
- Perkhidmatan Kesihatan Ibu, Penyiasatan Kematian Ibu Bersalin dan Kanak-Kanak, Kesihatan Sekolah, Perancangan Keluarga dan Perbidanan di rumah.
- Perkhidmatan Pesakit Luar di Klinik-klinik Kesihatan Daerah.
- Menguruskan Penyakit-penyakit Berjangkit Daerah.
- Pengawalan penyakit-penyakit termasuk wabak.
- Kesihatan Alam Sekitar termasuk Kawalan Mutu Air.
- Meningkatkan Program Pemakanan bagi komuniti.
- Pendidikan Kesihatan / Kem Kesihatan bagi komuniti.
- Perkhidmatan Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar.
- Kawalan Mutu Makanan termasuk kebersihan makanan.
- Program mengawal penyakit-penyakit bawaan vektor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)

TAJUK : PROGRAM BELIA

72. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Apakah program yang telah dijalankan pada tahun ini oleh Kerajaan Negeri Selangor?

b) Berapakah perbelanjaan yang telah di biayai oleh Kerajaan Negeri?

c) Bagaimanakah sambutan belia-belia antara kaum?

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri begitu komited dalam usaha membangunkan belia di negeri Selangor melalui program-program yang dianjurkan. Antara program yang telah dilaksanakan sepanjang tahun ini ialah:

1) Karnival Sukan Belia dan Beliawanis Kapar
2) Program Pembangunan Belia (anjuran bersama Yayasan Selangor)
3) Konvensyen Agenda Pembangunan Belia
4) Karnival Street Soccer
5) Program Belia Tani (penternakan Ikan Air Tawar)
6) Program Klinik Frisbee
7) Program Menjana Ekonomi Kelab Belia
8) Program Jalinan Semarak Budi
9) Kursus Video Shooting "Ampang Speaks Through Video"
10) Persidangan Meja Bulat Siri I dan II
11) Sesi Percambahan Idea Pembangunan Belia
12) Program Tautan Bakti
13) Retreat Garis Panduan Penggerak Belia Tempatan
14) Karnival Sukan Jalanan dan Bazar Belia SUKSES
15) Majlis Pelantikan Pengerusi Penggerak Belia Tempatan peringkat Zon
16) Festival of Youth 2009
17) Kursus Kepimpinan Penggerak Belia Tempatan Siri I, II dan III

18) Youth In Community di Sijangkang, Ampang dan Sabak Bernam

19) Kejohanan Jelajah Futsal Gen-S 2009 di seluruh PBT serta peringkat Negeri.

b) Sehingga 31 Oktober 2009, sebanyak RM 3,082,000.00 atau 88% daripada RM 3.5 juta yang diperuntukkan telah dibelanjakan bagi program pembangunan belia. Sejumlah besar RM 2,030,000.00 daripada jumlah tersebut telah dibelanjakan bagi perlaksanaan program Penggerak Belia Tempatan di seluruh Selangor bermula Ogos yang lalu. Lebihan peruntukan yang tinggal akan digunakan bagi program yang telah dirancang sehingga akhir 31 Disember 2009.

c) Kerajaan Negeri tidak mengehadkan sesuatu program hanya untuk satu kaum sahaja dan Kerajaan Negeri bersyukur kerana sentiasa menerima penglibatan pelbagai kaum bagi setiap kali program yang diadakan.

Sebagai contoh, Program Berbuka Puasa dan Belia Dalam Masyarakat Bersama YAB Dato' Menteri Besar Selangor yang diadakan di Masjid Saidiah, Pasir Panjang pada bulan Ramadhan yang lalu. Untuk pengetahuan Ahli Dewan, pengisian bagi program ini adalah gotong royong memasak bubur lambuk, membersihkan kawasan dan mengecat pagar masjid. Apa yang mengharukan ialah belia-belia kaum lain selain daripada Islam telah sama turun menyumbang tenaga dengan melakukan aktiviti gotong-royong yang dinyatakan tadi bagi memastikan program ini berjalan dengan jayanya.

Antara contoh yang lain lagi ialah Konvensyen Agenda Pembangunan Belia Negeri Selangor yang telah diadakan di Hotel Hilton pada bulan Jun yang lepas. Penerimaan program ini daripada pelbagai kaum adalah sangat menggalakkan yang mana peratusan kedatangan seperti berikut :

1) Kaum Melayu sebanyak 49 peratus;

2) Kaum India sebanyak 37 peratus; dan

3) Kaum Cina sebanyak 14 peratus.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(SEMENYIH)

TAJUK : LESEN HIBURAN

73. Pusat-pusat hiburan yang tidak terkawal antara sebab kewujudan masalah sosial.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

a) Berapakah bilangan lesen dan premis hiburan yang diluluskan mengikut PBT-PBT?

b) Apakah bilangan pusat-pusat hiburan tanpa lesen yang dapat dikesan mengikut PBT PBT dan apakah langkah untuk menghapuskan pusat-pusat tersebut.

JAWAPAN :

a) Berikut jumlah lesen dan premis hiburan yang diluluskan mengikut PBT .

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	BILANGAN LESEN
1.	Majlis Bandaraya Shah Alam	27
2.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	131
3.	Majlis Perbandaran Klang	67
4.	Majlis Perbandaran Ampang jaya	84
5.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	106
6.	Majlis Perbandaran Selayang	43
7.	Majlis Perbandaran Kajang	39
8.	Majlis Perbandaran Sepang	14
9.	Majlis Daerah Kuala Selangor	3
10.	Majlis Daerah Kuala Langat	16
11.	Majlis Daerah Hulu Selangor	9
12.	Majlis Daerah Sabak Bernam	15
JUMLAH		**554**

b) Kerajaan Negeri sentiasa memantau lesen-lesen yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan Selangor. Sebanyak 28 premis pusat hiburan tanpa lesen yang dapat dikesan di Negeri Selangor. Pemberian lesen untuk aktiviti tersebut telah dibekukan dalam Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan berikutan bilangan sedia ada telah mencukupi. Kerajaan Negeri dalam peringkat kajian menambah baik Undang-undang Kecil bagi memastikan penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan berkesan selain pemantauan yang kerap oleh PBT. Kerajaan Negeri juga meminta pihak PDRM mengambil tindakan terhadap pusat hiburan tanpa lesen kerana pihak polis memiliki kuasa untuk menahan atau membawa operator hiburan tanpa lesen ke mahkamah.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)

TAJUK : PERBADANAN PERPUSTAKAAN NEGERI

74. Negeri Selangor sebagai negeri yang mementingkan pendidikan memberi perhatian kepada pembangunan perpustakaan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Apakah usaha yang dijalankan bagi memajukan perpustakaan di Negeri Selangor?

b) Bagaimanakah sambutan pelajar dan masyarakat di Negeri Selangor?

c) Berapakah peruntukan kerajaan secara tahunan bagi perpustakaan di Negeri Selangor?

JAWAPAN :

a) Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor telah menjangkau usia 38 tahun. PPAS telah banyak menyumbang jasa kepada rakyat negeri Selangor di dalam menyediakan serta menyalurkan ilmu kepada masyarakat khususnya kepada rakyat negeri Selangor. Pada tahun 2009, PPAS telah mencipta sejarah baru di mana PPAS telah menjalani proses *'Rebranding'* (penjanamaan semula) dan program ini mendapat sokongan yang penuh dari kerajaan Negeri Selangor.

***Rebranding* (pilot project) : Perpustakaan –perpustakaan dipilih**
Sebanyak 14 buah perpustakaan telah dipilih sebagai ***'pilot project'*** bagi program *rebranding* ini dan lawatan telah dilakukan ke perpustakaan–perpustakaan berkenaan. Senarai perpustakaan tersebut adalah seperti di bawah:-

1) Perpustakaan Raja Tun Uda, Shah Alam	- Ibu Pejabat
2) Perpustakaan Daerah Klang	-Zon 1
3) Perpustakaan Daerah Banting	- Zon 1
4) Perpustakaan Cawangan Pelabuhan Klang	- Zon 1
5) Perpustakaan Pekan Dataran Sabak Bernam	- Zon 1
6) Perpustakaan Desa Ijok	- Zon 1
7) Perpustakaan Desa Pulau Indah	- Zon 1
8) Perpustakaan Daerah Bandar Baru Bangi	- Zon 2
9) Perpustakaan Daerah Kuala Kubu Baru	- Zon 2
10) Perpustakaan Cawangan Rawang	- Zon 2
11) Perpustakaan Pekan Hulu Bernam	- Zon 2
12) Perpustakaan Pekan Sg Pelek	- Zon 2
13) Perpustakaan Desa Pandan Jaya	- Zon 2
14) Perpustakaan Waterfront , Ampang	- Zon 2

Pelaksanaan '*rebranding'* ke semua pusat-pusat perkhidmatan di seluruh Negeri Selangor akan dijalankan secara berperingkat.

Pelancaran Logo baru PPAS

Pada tanggal 22 Februari (Ahad) Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) telah melakar sejarah baru iaitu di mana logo baru PPAS telah dilancarkan dengan rasminya. Pelancaran logo telah dirasmikan oleh Y.B Dr. Hjh. Halimah Binti Ali, Exco Pendidikan, Pendidikan Tinggi & Pembangunan Modal Insan *Merangkap* Pengerusi Lembaga Pengarah, Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor semasa program *Team Building* PPAS.

Berikut perkara-perkara yang diambil perhatian yang serius semasa pelaksanaan *rebranding* di Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor:-

1) Penyelenggaraan bangunan dan sekitar kawasan perpustakaan
2) Penyediaan prasarana seperti kafeteria, surau, tandas, bidai (blind) , PA sistem, kerusi/ meja, rak buku, hiasan bahagian kanak-kanak
3) Lantai: seragam untuk semua perpustakaan
4) *Signage* yang seragam
5) Cat bangunan : seragam
6) Tempat buang sampah yang teratur.
7) Kemudahan pengangkutan awam
8) Promosi dan pemasaran perkhidmatan
9) Penghawa dingin
10) Penambahbaikan koleksi

Penyediaan Kafeteria yang selesa

Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) telah memulakan langkah membangunkan kafeteria di perkarangan ruang lobi Perpustakaan Raja Tun Uda, Shah Alam. Ianya adalah bertujuan menyediakan kemudahan dan keselesaan kepada kakitangan dan pelanggan ke Perpustakaan khususnya sesuai dengan tag *line* PPAS iaitu *PPAS rumah kedua ku.* Kakitangan dan pelanggan mudah mendapatkan makanan dan ianya sangat dipersetujui dari kalangan ibu bapa kerana ianya menjamin keselamatan anak-anak mereka yang tidak perlu ke tempat yang jauh untuk mendapatkan makanan.

Penyediaan WIFI percuma

Selaras dengan *rebranding* ini Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) telah menyediakan perkhidmatan WIFI secara percuma kepada pelanggannya dan mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dari kalangan masyarakat.

Ubahsuai keceriaan luaran dan dalaman perpustakaan

Seksyen Perkhidmatan Perpustakaan Raja Tun Uda, Shah Alam telah mengalami banyak perubahan dari segi hiasan keceriaan luaran dan dalaman perpustakaan. Tiang-tiang dan dinding bahagian hadapan perpustakaan telah dicat dengan warna-warna ceria. Pintu masuk utama ditukar kepada suasana yang mengalu-alukan kedatangan pelanggan, ruang pameran buku baru yang lebih menarik, dinding-dinding dihiasi dengan mural dan poster-poster menampilkan kata-kata perangsang dan gambar-gambar yang memperlihatkan membaca itu adalah suatu perkara yang sangat penting dan menarik dan ditambah dengan kehadiran sofa yang begitu menarik dan selesa untuk pelanggan perpustakaan membaca sambil bersantai. Bahagian kanak-kanak telah

dipisahkan dengan memasang pintu kaca yang ditampal dengan poster yang cantik. Permaidani di tingkat bawah (GF) juga telah ditukar kepada corak yang lebih menarik dan ceria.

Pelancaran *rebranding* PPAS
Pelancaran *rebranding* Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) telah dilaksanakan dengan jayanya pada 26 Mei 2009 (Selasa) dan telah disempurnakan oleh YAB Tan Sri Dato' Abdul Khalid Ibrahim, Dato' Menteri Besar Selangor bertempat di perkarangan bangunan Perpustakaan Raja Tun Uda, Shah Alam. Seramai 300 orang jemputan telah menghadiri majlis pelancaran tersebut.

Pelancaran maskot baru PPAS
Pada 25 Julai 2009 (Sabtu), Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) telah melakar satu lagi sejarah baru apabila telah melancarkan maskot terbarunya yang diberi nama 'Aliff'. Pelancaran ini telah disempurnakan oleh YAB Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, Dato' Menteri Besar Selangor bersempena dengan Majlis Perasmian Pesta Buku Selangor 2009.

Pemantapan Koleksi Perpustakaan
Langkah selanjutnya bagi menjayakan proses *rebranding* adalah memantapkan koleksi bahan bacaan perpustakaan. Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) sedang berusaha dengan gigih bagi menambahkan bahan bacaan seiring dengan apa yang diperlukan oleh masyarakat pada masa kini. Bahan bacaan adalah merupakan satu daya penarik yang sangat kuat kepada masyarakat untuk berkunjung dan memanfaatkan perpustakaan hingga ke tahap maksima. Ianya menjadi pelengkap bagi perpustakaan untuk sentiasa dikunjungi oleh pelanggannya tanpa henti. Bukan sahaja hanya bangunan dan kemudahan infrastruktur perlu kondusif tetapi kandungannya *(content)* juga perlu sentiasa menepati kehendak dan keperluan masyarakat. Jika elemen-elemen ini dapat dibangunkan maka PPAS akan berjaya di dalam misi utamanya iaitu membantu kerajaan menurunkan kadar jenayah.

Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor sedang gigih bagi meneruskan '*rebranding'* ke Perpustakaan-perpustakaan cawangannya di seluruh negeri Selangor. Ianya tidak mungkin dapat dilakukan dalam sekelip mata tetapi ianya perlu diteruskan bagi memastikan semua perpustakaan awam di Negeri Selangor mampu menarik lebih ramai pengunjungnya terutamanya *untapped market* dengan perubahan-perubahan kemajuan yang telah dan akan dilakukan.

Perbelanjaan Penjenamaan Semula PPAS (*Rebranding of PPAS*)

1.	Membina Kafeteria dan Mengubahsuai Reka bentuk dalaman	RM 145,000.00
2.	Pembentukan Imej Baru PPAS	RM 54,500.00
	JUMLAH	**RM 199,500.00**

b)

STATISTIK PENGUNJUNG PPAS JANUARI – SEPTEMBER 2009

BIL	PERPUSTAKAAN	JUMLAH PENGUNJUNG
1	Perpustakaan RATU	**111,599**
2	Perpustakaan Daerah	**124,667**
3	Perpustakaan Cawangan	**31,612**
4	Perpustakaan Pekan	**53,261**
5	Perpustakaan Desa Zon 1	**187,138**
6	Perpustakaan Desa Zon 2	**84,135**
7	Perpustakaan Bergerak	**16,830**
	JUMLAH	**609,242**

c)

PERUNTUKAN TAHUNAN BAGI TAHUN 2008-2009 DI PERPUSTAKAAN SELANGOR

TAHUN	KERAJAAN NEGERI	KERAJAAN PUSAT
2008	**RM 7 JUTA DITERIMA**	**RM 5,498,815.12**
2009	**RM 6 JUTA DITERIMA**	**RM 5,498,815.12**
2009	**TAMBAHAN RM 1 JUTA DITERIMA**	**RM 1,429,691.93 BELUM DITERIMA**



LOGO LAMA



LOGO BARU



MASKOT LAMA



MASKOT BARU



Sebelum Rebranding



Selepas Rebranding



Sebelum Rebranding



Selepas Rebranding

Sebelum Rebranding



Selepas Rebranding









PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)

TAJUK : RUMAH-RUMAH IBADAT

75. Isu pembinaan rumah-rumah ibadat bagi setiap kaum di Selangor akhir-akhir ini.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

a) Adakah prosedur, kajian secara rapi dan menyeluruh telah diadakan sebelum projek pembinaan rumah ibadat diluluskan di peringkat agensi kerajaan? Turut mengambil kira faktor kontraktor dan pendapat penduduk berdekatan sekiranya perlu.

JAWAPAN :

a) Setiap pembinaan rumah-rumah ibadat dikaji secara menyeluruh dari segala aspek. Semua permohonan untuk mendirikan rumah-rumah ibadat di Negeri Selangor perlu mendapatkan Kebenaran Merancang dan Kelulusan Pelan Bangunan daripada PBT untuk memastikan pembinaan rumah ibadat tersebut mematuhi segala peraturan yang ditetapkan oleh PBT. Selain itu, setiap permohonan juga akan dipertimbangkan melalui laporan teknikal daripada Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Selangor.

Manakala urusan pelantikan kontraktor adalah di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri atau PBT. Kontraktor adalah dilantik terus oleh Jawatankuasa/Persatuan rumah ibadat terlibat.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)

TAJUK : PELABURAN NEGERI SELANGOR

76. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Sila senaraikan jumlah pelaburan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri mengikut pecahan daerah pada setengah tahun pertama 2009?

b) Sila senaraikan jumlah pelaburan yang diperoleh oleh negeri-negeri lain secara bandingan dengan Negeri Selangor pada setengah tahun pertama 2009?

c) Sila nyatakan apakah perancangan dan promosi yang dilakukan untuk melipatgandakan pelaburan Negeri Selangor?

JAWAPAN :

a) Jumlah pelaburan bagi tempoh Januari hingga Julai 2009 mengikut pecahan daerah adalah seperti jadual di bawah;-

Daerah	Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
Petaling	**58**	**2,752**	**507,888,595**	**667,152,070**	**1,175,040,665**
Klang	**39**	**2,138**	**490,571,440**	**567,725,130**	**1,058,296,570**
Hulu Langat	**17**	**1,194**	**63,733,387**	**145,538,260**	**209,271,647**
Gombak	**5**	**647**	**46,605,814**	**37,206,924**	**83,812,738**
Kuala Langat	**7**	**715**	**77,306,828**	**2,321,200**	**79,628,028**
Kuala Selangor	**6**	**435**	**33,887,058**	**43,936,000**	**77,823,058**
Hulu Selangor	**3**	**98**	**17,406,240**	**803,760**	**18,210,000**
Sabak Bernam	**1**	**66**	**9,500,000**	**0**	**9,500,000**
Sepang	**0**	**0**	**0**	**0**	**0**
Lain-Lain Kawasan	**2**	**14**	**6,400,000**	**172,800**	**6,572,800**
Jumlah Keseluruhan	**138**	**8,059**	**1,253,299,362**	**1,464,856,144**	**2,718,155,506**

* Sumber : MIDA

b) Jumlah pelaburan yang diperoleh oleh negeri-negeri lain secara bandingan dengan Negeri Selangor bagi tempoh Januari hingga Julai 2009 adalah seperti jadual berikut;-

Negeri	Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
Sarawak	12	4,976	1,786,697,238	5,710,260,928	**7,496,958,166**
Johor	86	6,976	1,079,121,858	1,813,076,879	**2,892,198,737**
Selangor	**138**	**8,059**	**1,253,299,362**	**1,464,856,144**	**2,718,155,506**
Pulau Pinang	67	3,983	400,473,741	961,622,883	**1,362,096,624**
Kedah	22	2,214	142,020,380	491,744,949	**633,765,329**
Perak	24	1,657	268,817,449	353,248,800	**622,066,249**
Terengganu	5	314	166,358,230	296,824,738	**463,182,968**
Melaka	11	1,565	376,990,958	60,765,900	**437,756,858**
Sabah	15	1,070	212,485,800	36,097,400	**248,583,200**
Pahang	8	537	158,787,397	30,926,251	**189,713,648**
W. P. Kuala Lumpur	10	417	102,339,808	32,985,353	**135,325,161**
Kelantan	3	657	8,179,000	110,700,000	**118,879,000**
Negeri Sembilan	14	605	35,399,960	76,905,872	**112,305,832**
W. P. Labuan					**0**
Perlis					**0**
Belum ditentukan	1	0	0	0	**0**
Jumlah Keseluruhan	**416**	**33,030**	**5,990,971,181**	**11,440,016,097**	**17,430,987,278**

* Sumber : MIDA

c) Perancangan dan promosi yang dilakukan untuk melipatgandakan pelaburan Negeri Selangor adalah seperti berikut;-

1) Antara langkah-langkah dan perancangan kerajaan untuk melipat gandakan pelaburan Negeri Selangor;

i) Memastikan iklim pelaburan yang kondusif melalui pelaksanaan dasar pelaburan yang pragmatik dan telus untuk memberi keyakinan kepada pelabur asing.

ii) Konsep Mesra Pelabur yang diterapkan dengan mengadakan lawatan dan perjumpaan dengan pihak industri secara berkala bagi mendapatkan maklum balas mengenai permasalahan yang dihadapi oleh pihak industri/pelabur di Selangor.

iii) Menaik taraf infrastruktur di kawasan-kawasan industri serta menyediakan kawasan perindustrian yang selesa seperti Selangor Science Park.

iv) Mempercepatkan proses penyelesaian masalah yang dihadapi pihak industri.
v) Mempercepatkan proses kelulusan permohonan seperti Permohonan Sijil Layak menduduki, Permohonan Kelulusan Pelan Bangunan dan lain-lain kelulusan yang diperlukan pihak industri/pelabur menerusi One Stop Centre (OSC) yang ditubuhkan di setiap PBT.
vi) Penubuhan Jawatankuasa Pelaburan Peringkat Negeri dan Daerah bagi memantau perlaksanaan projek-projek pelaburan di setiap daerah serta mempromosikan peluang-peluang pelaburan di setiap daerah.
vii) Penubuhan Industrial Park Management Committee (IPMC) di setiap kawasan perindustrian yang kawasan Pihak Berkuasa Tempatan.
viii) Mempertingkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan di semua peringkat, termasuk di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.
ix) Penambahbaikan fungsi SSIC bagi memantapkan keupayaan dalam memberi perkhidmatan.
x) Pemantauan yang lebih kerap untuk projek-projek yang sedang dilaksanakan.
xi) "Hand hold" program.
xii) Meningkatkan program dialog bersama industri bagi mengenal pasti isu/permasalahan yang dihadapi bagi mencari jalan penyelesaian agar pihak industri terus beroperasi
xiii) Penubuhan jawatankuasa PEMUDAH Negeri Selangor bagi menambahbaikkan sistem penyampaian di Negeri Selangor

2) Antara program-program promosi pelaburan yang dilaksanakan:-

i) Penyertaan dalam program-program misi penggalakan pelaburan anjuran MIDA atau Matrade ke luar Negara.

ii) Mengadakan misi penggalakan pelaburan serta lawatan-lawatan teknikal ke luar Negara.

iii) Mengadakan program seminar pelaburan dan persidangan peringkat antarabangsa seperti EAES 2009.

iv) Mengadakan program pertemuan dan dialog bersama kedutaan-kedutaan dan Persatuan Perniagaan Luar Negara yang ada di Malaysia.

v) Menjalin hubungan atau *networking* bersama persatuan perniagaan di luar negara.

vi) Menjalinkan hubungan baik dengan syarikat-syarikat multinasional yang sedia ada beroperasi di Selangor dan mendapatkan kerjasama mereka untuk membawa masuk pelaburan syarikat-syarikat yang berkaitan dengan mereka ke Negeri Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)

TAJUK : PULANGAN PELABURAN OLEH ANAK SYARIKAT KERAJAAN

77. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar: -

a) Senaraikan dividen, bonus dan sebagainya yang diberi oleh anak-anak syarikat Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Selangor sebagai pulangan pelaburan mengikut tahun mulai tahun 2004 hingga 2009.

JAWAPAN :

a) Dividen yang diterima daripada anak-anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor sebagai pulangan pelaburan mulai tahun 2004 sehingga 2009 adalah seperti berikut:

Bil	Tahun	Anak Syarikat	Jumlah Dividen (RM)
1	2004	Petronas Dagang	144,000.00
2	2005	-	-
3	2006	-	-
4	2007	Perbadanan Nasional Berhad (PNS) Perbadanan Nasional Berhad (PNS)	2,372.50 4,927.50
5	2008	Perbadanan Nasional Berhad (PNS) Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB)	7,300.00 6,539,365.90
6	2009	-	-
Jumlah Keseluruhan			**6,697,965.90**

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)

TAJUK : SELCAT

78. SELCAT berjaya mendedahkan penyelewengan yang berlaku pada masa-masa yang sudah.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri apabila SPRM tidak siasat pihak-pihak yang berkenaan?

b) Apakah peranan SELCAT untuk mematangkan Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Undangan Negeri?

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri cuma boleh perbaiki tadbir urus kerajaan dan agensi-agensi kerajaan apabila SPRM tidak ambil tindakan terhadap pendedahan SELCAT.

b) SELCAT merupakan Jawatankuasa Terpilih yang merupakan amalan biasa demokrasi yang maju. Kerajaan Negeri berhasrat belajar dari pengalaman tersebut bagi memperkasakan Dewan Negeri sebagai institusi legislatif Negeri.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)

TAJUK : PENGURUSAN SURAU

79. Pengurusan surau juga adalah di bawah agensi Kerajaan Negeri:

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Bilakah surau-surau di seluruh Negeri Selangor akan mengadakan pencalonan dan pelantikan jawatankuasa bagi penggal baru?

b) Apakah garis panduan bagi proses pencalonan dan pelantikan jawatankuasa surau?

c) Adakah kerajaan mengeluarkan garis panduan kerjasama dan sinergi antara surau-surau dengan masjid di dalam kariah yang sama?

JAWAPAN :

a) Pelantikan pegawai dan jawatankuasa surau akan diadakan pada 16 Jun 2010. Sehubungan itu, proses pencalonan akan bermula pada bulan Jun 2010 yang melibatkan 1,888 buah surau. Pelantikan ini melibatkan Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Imam, Bilal, Siak dan jawatankuasa surau.

b) Pelantikan tersebut akan dilaksanakan berdasarkan kepada Garis Panduan Pencalonan dan Kaedah-Kaedah Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah (Negeri Selangor) (Pindaan) 2001.

c) Masjid mempunyai hubungan yang rapat dengan surau-surau di bawah kariahnya kerana pentadbiran surau-surau adalah di bawah kariah masjid. Setiap surau perlu memaklumkan kepada Nazir Masjid program dan aktiviti yang dilaksanakan. Hubungan itu perlu dilaksanakan bagi meningkatkan kerjasama dan penyelarasan program agar tidak berlaku pertembungan antara masjid dan surau.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN EDWARD LEE POH LIN
(BUKIT GASING)

TAJUK : JAGAAN KESIHATAN

80. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

a) Apakah Kerajaan Negeri sedang lakukan untuk menambahkan hospital-hospital dan klinik-klinik daerah tempatan?

b) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai dana bagi tujuan ini?

c) Kalau ya, berapa (dana) banyak yang telah dibekalkan untuk penambahan hospital-hospital dan klinik-klinik daerah tempatan?

JAWAPAN :

a) Pihak Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kesihatan sentiasa memantau keperluan perkhidmatan kesihatan di Negeri Selangor terutamanya di daerah-daerah untuk memastikan rakyat mendapat perkhidmatan kesihatan yang terbaik. Pelbagai projek dirancangkan untuk perkhidmatan hospital dan ditambah baik dari semasa ke semasa di dalam Rancangan 5 Tahun Kerajaan Melalui Rancangan Malaysia Ke 9. Antara yang telah dijalankan oleh Kerajaan Persekutuan di Negeri Selangor melalui Kementerian Kesihatan ialah projek pembinaan yang sedang dijalankan ialah Pembinaan Hospital Shah Alam, Unit Forensik di Hospital Kuala Kubu Baru, Klinik Kesihatan di daerah seperti di Berjuntai Bestari (Kuala Selangor), Seksyen 19 Shah Alam (Petaling),Simpang 5 (Sabak Bernam), Sungai Ramal Luar (Hulu Langat) dan Bandar Botanik (Klang).

b) Tidak Berkenaan

c) Tidak Berkenaan

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL
(TAMAN TEMPLER)

TAJUK : PELABURAN

81. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

a) Sehingga kini berapakah jumlah pelaburan yang diterima oleh Negeri Selangor dan berapakah anggaran pelaburan yang bakal diraih oleh Selangor untuk tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan sehingga tahun 2010?

b) Adakah akibat demonstrasi jalanan yang berlaku di Selangor memberi kesan terdapat perkembangan sektor pelaburan, perindustrian dan perdagangan?

c) Negara manakah yang telah dilawati untuk misi pelaburan dan berapakah belanja yang dikeluarkan untuk semua misi - misi pelaburan dan perdagangan tersebut?

JAWAPAN :

a) Bagi tempoh tahun 2006 hingga Julai 2009, sebanyak **1,070 projek perkilangan** telah diluluskan di Negeri Selangor oleh MIDA/MITI dengan nilai pelaburan berjumlah **RM 31,099,100,206.** Daripada jumlah ini sebanyak **RM 14,163,443,650** adalah daripada pelaburan tempatan dan sebanyak **RM 16,935,656,556** daripada pelaburan asing. Sebanyak **89,313 peluang pekerjaan** telah diwujudkan**.**

Bagi tempoh Rancangan Malaysia Ke 9 (2006 – 2010), Kerajaan Negeri Selangor mensasarkan pelaburan berjumlah RM 25 bilion dengan sasaran tahunan sebanyak RM 5 bilion setahun.

b) Hasil daripada program-program pertemuan dan dialog bersama pelabur dan pihak industri yang telah diadakan oleh Kerajaan Negeri Selangor, isu keselamatan seperti demonstrasi jalanan yang berlaku di Selangor tidak memberi kesan terhadap perkembangan sektor pelaburan, perindustrian dan perdagangan di Negeri Selangor. Para pelabur tetap yakin bahawa Selangor merupakan destinasi pelaburan yang terbaik serta lengkap dengan kemudahan infrastruktur dan sistem sokongan perniagaan.

c) Antara misi-misi penggalakan pelaburan yang telah diadakan dan perbelanjaan bagi setiap misi tersebut adalah seperti berikut;-

Bil.	Misi Lawatan Penggalakkan Pelaburan	Perbelanjaan (RM)
1.	Selangor State Government Trade & Investment Mission to Taiwan	RM 71,177.56
2.	Penyertaan Kerajaan Negeri Selangor Ke Pravasi Bharatiya Divas 2009 Dan Vibrant Gujarat : Global Investors' Summit 2009 Di India	RM 66,309.23
3.	Lawatan Penggalakkan Pelaburan Ke Negara China (Hefei Dan Beijing)	RM 90,911.93
4.	Lawatan Penggalakkan Pelaburan Ke Negara China (Kunming, Xian & Guangzhou)	RM 99,280.36
5.	Lawatan Delegasi Selangor Ke Banda Acheh, Indonesia Pada 16 Hingga 19 Ogos 2009	RM 21,050.00
	Jumlah	**RM 348,729.08**

Nota : Kos lawatan ke China adalah agak tinggi berbanding lain-lain negara seperti Taiwan dan India kerana terdapat kos sewa bilik seminar di hotel dan penterjemah di China. Manakala di Taiwan dan India, kos-kos tersebut ditanggung oleh pihak tuan rumah.

Bagi menarik pelaburan daripada Negara-negara Eropah, Kerajaan Negeri melalui SSIC Berhad merancang untuk mengadakan misi penggalakan pelaburan dan kunjungan hormat ke syarikat-syarikat Eropah yang beroperasi di Negeri Selangor. Misi penggalakan pelaburan ini dijadualkan akan diadakan pada pertengahan bulan Disember 2009. Misi penggalakan pelaburan bertujuan untuk menarik pelaburan dalam industri solar dan *aviation Industry* ke Negeri Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)

TAJUK : BANTUAN ZAKAT KEPADA RAKYAT

82. Kerajaan Negeri Selangor melalui Lembaga Zakat telah mengeluarkan bantuan kepada fakir miskin menjelang Ramadan dan Hari Raya 1430/2009.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Berapakah jumlah Zakat Fitrah yang diterima Lembaga Zakat bagi tahun 1430/2009?

b) Berapa jumlah fakir miskin dan peruntukan yang dikeluarkan pada tahun 1430/2009?

c) Selain dari peruntukan kepada fakir miskin, kepada pihak mana lagikah digunakan hasil pungutan zakat fitrah tersebut?

JAWAPAN :

a) Jumlah Zakat Fitrah adalah sebanyak RM14 Juta

b) Jumlah fakir dan miskin 21, 621 keluarga, agihan untuk bantuan Ramadan dan Aidilfitri pada tahun ini adalah sebanyak RM15.9 juta.

c) Pengamalan di negeri Selangor seperti yang telah diputuskan oleh Majlis Fatwa Negeri Selangor, kutipan zakat fitrah dan zakat harta adalah di jumlah sekali untuk diagihkan kepada 8 asnaf yang wajib.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)

TAJUK : PEMANSUHAN PPSMI

83. Sistem pendidikan negeri bagi mata pelajaran Sains dan Matematik walaupun PPSMI telah dimansuhkan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

a) Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan golongan pelajar Bumiputera (terutama penduduk kawasan kampung dan pedalaman) supaya dapat menguasai pelajaran Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains dengan cemerlang di masa akan datang?

b) Tiadakah insentif yang disediakan oleh pihak Kerajaan Negeri bagi menggalakkan setiap pelajar menguasai bahasa ketiga (Mandarin/Tamil) untuk kemajuan bahasa di Negeri Selangor sekali gus menjadi individu yang berpotensi.

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri Selangor telah menganjurkan program Tuisyen Rakyat Negeri Selangor bagi membantu golongan sasar menguasai pelajaran Bahasa Inggeris dan Matematik ini kerana sasaran peserta untuk program ini adalah mereka yang berasal dari keluarga yang berpendapatan rendah.

b) Setakat tahun 2009 Kerajaan Negeri tidak menyediakan sebarang insentif bagi tujuan tersebut.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)

TAJUK : HOSPITAL SHAH ALAM

84. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Sila nyatakan bilakah tarikh sebenar kerja-kerja pembinaan hospital tersebut dimulakan dan tarikh dijangkakan siap sepenuhnya?

b) Sila nyatakan berapakah jumlah keseluruhan kos pembinaan hospital tersebut?

c) Apakah dengan pembinaan hospital tersebut dapat menampung permintaan seluruh warga Bandaraya Shah Alam?

JAWAPAN :

a) Tarikh sebenar bagi kerja-kerja pembinaan hospital tersebut bermula dari tarikh milik tapak iaitu pada 8 Februari 2007 dan tarikh ia dijangka akan siap sepenuhnya adalah pada 25 Jun 2011.

b) Jumlah keseluruhan kos bagi pembinaan hospital tersebut adalah sebanyak RM 491,600,000.00

c) Berdasarkan analisa situasi serta unjuran keperluan perkhidmatan untuk 10 tahun dari RMK 8, pihak Kementerian Kesihatan berpendapat bahawa hospital ini dengan 300 buah katil serta pelbagai disiplin rawatan sekunder, mampu menampung keperluan permintaan seluruh warga Bandaraya Shah Alam.

Pembangunan ini adalah dengan mengambil kira kewujudan 3 buah hospital kerajaan utama yang berdekatan iaitu Pusat Perubatan Universiti Malaya, Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang serta Hospital Sungai Buloh yang menyediakan 2,387 katil pesakit dalam dengan pelbagai rawatan sekunder dan tertiary.

Selain itu, pada masa ini terdapat tujuh buah hospital swasta dengan 348 buah jumlah katil; 161 buah klinik perubatan swasta dan 40 buah klinik pergigian swasta di Bandaraya Shah Alam.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)

TAJUK : RIZAB SIMPANAN WANG PBT

85. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar: -

a) Meminta satu senarai rizab simpanan wang setiap PBT sejak tahun 2007 hingga sekarang.

JAWAPAN :

a) Rizab simpanan wang di Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor dari tahun 2007 sehingga 2008 berdasarkan Penyata Kewangan yang telah diaudit adalah seperti di Jadual 1. Manakala kedudukan terkini rizab simpanan wang Pihak Berkuasa Tempatan sehingga 30 September 2009 berdasarkan maklumat yang dikemukakan oleh PBT adalah seperti di Jadual 2.

JADUAL 1

NILAI RIZAB PIHAK BERKUASA TEMPATAN SELANGOR TAHUN 2007 DAN 2008

PBT	TAHUN 2007		TAHUN 2008	
	SIMPANAN TETAP	PELABURAN	SIMPANAN TETAP	PELABURAN
MBSA	20,117,475.00	0.00	20,117,475.00	0.00
MBPJ	15,000,000.00	120,000,000.00	15,000,000.00	121,000,000.00
MPK	6,073,008.00	0.00	8,125,936.00	0.00
MPAJ	37,343,691.00	0.00	27,351,004.00	0.00
MPSJ	58,099,579.00	2,053,480.00	55,949,579.00	1,156,800.00
MPS	7,909,789.00	0.00	11,010,042.00	0.00
MPKJ	8,067,140.00	0.00	8,332,973.00	0.00
MPSP	29,407,063.00	0.00	29,407,063.00	0.00
MDKS	1,206,377.00	0.00	1,206,377.00	0.00
MDHS	0.00	0.00	0.00	0.00
MDKL	18,000,000.00	250,000.00	17,700,000.00	350,000.00
MDSB	3,723,753.00	0.00	5,873,754.00	0.00
JUMLAH	204,947,875.00	122,303,480.00	200,074,203.00	122,506,800.00

* Data adalah berdasarkan Penyata Kewangan yang telah diaudit.

JADUAL 2

PBT	SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2009	
	SIMPANAN TETAP (RM JUTA)	TUNAI DI TANGAN DAN DI BANK (RM JUTA)
MBSA	20.11	81.07
MBPJ	136.00	65.00
MPK	8.15	14.17
MPAJ	2.00	5.94
MPSJ	57.95	33.02
MPS	12.20	13.47
MPKJ	8.00	18.26
MPSP	19.40	14.70
MDKS	3.24	3.49
MDHS	3.00	7.47
MDKL	15.00	1.80
MDSB	0.55	5.17

** Data berdasarkan laporan bulanan yang dikemukakan oleh PBT.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)

TAJUK : METER AIR INDIVIDU

86. Pada pertengahan tahun ini, Kerajaan Negeri telah menggubal polisi yang mewajibkan meter air pukal di semua rumah pangsa kos rendah ditukarkan ke meter air individu.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Berapakah meter air pukal yang sudah pun ditukarkan ke meter air individu?

b) Jika belum dilaksanakan, apakah sebabnya?

JAWAPAN :

a) Bagi Negeri Selangor, sehingga 15 Oktober 2009, terdapat hanya 98 permohonan yang telah diaktifkan bacaan meter individu dan ia melibatkan sebanyak 20,312 akaun. Manakala bagi keseluruhan Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan jumlah permohonan adalah sebanyak 842 permohonan dengan jumlah akaun sebanyak 166,543 akaun.

b) Pemegang akaun meter pukal bagi kondominium/ pangsapuri/rumah pangsa adalah di atas nama pengurusan bangunan (MC). Dari segi perundangan, pihak MC sendiri boleh mengemukakan permohonan kepada SYABAS untuk migrasi dari akaun meter pukal ke akaun meter individu. Dalam pada hal ini, SYABAS tidak boleh memaksa MC berbuat demikian.

MC dikehendaki menutup akaun meter pukal yang sedia ada dan membuka satu lagi akaun meter pukal yang baru dengan bayaran deposit serta menandatangani persetujuan terma-terma dan syarat-syarat yang berkaitan.

Setiap akaun meter individu juga perlu membuat bayaran deposit berasingan serta menandatangani persetujuan terma-terma dan syarat-syarat yang berkenaan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)

TAJUK : KONTRAKTOR

87. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Sila berikan senarai kontraktor yang mendapat kontrak (tanpa mengira amaun kontrak) di MPSJ dan MBPJ semenjak Mac 2008 dan butir-butir kerja yang terlibat, kos, tarikh pendaftaran syarikat dan sebab kontraktor tersebut dipilih.

JAWAPAN :

JAWAPAN DARIPADA MBPJ

a) Senarai kontraktor yang mendapat kontrak di Majlis Bandaraya Petaling Jaya adalah seperti di Lampiran A.

JAWAPAN DARIPADA MPSJ

JUMLAH KONTRAKTOR YANG MENDAPAT KONTRAK (SEBUTHARGA/TENDER)
DI MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA
DARI MAC 2008 SEHINGGA SEPTEMBER 2009

TENDER 2008		**SEBUTHARGA 2008**	
SUBANG JAYA	8	SUBANG JAYA	49
SRI SERDANG	6	SRI SERDANG	50
SERI KEMBANGAN	3	SERI KEMBANGAN	31
KINRARA	3	KINRARA	27
JUMLAH	**20**	**JUMLAH**	**157**

TENDER 2009		**SEBUTHARGA 2009**	
SUBANG JAYA	1	SUBANG JAYA	35
SRI SERDANG	1	SRI SERDANG	31
SERI KEMBANGAN	1	SERI KEMBANGAN	18
KINRARA	3	KINRARA	7
JUMLAH	**6**	**JUMLAH**	**91**

JUMLAH KESELURUHAN MAC 2008 SEHINGGA DISEMBER 2008
TENDER = 20
SEBUTHARGA=157

JUMLAH KESELURUHAN JANUARI 2009 SEHINGGA SEPTEMBER 2009
TENDER = 6
SEBUTHARGA=91

Bersama ini disertakan senarai kontraktor yang mendapat kontrak (tanpa mengira amaun kontrak) di MPSJ dan MBPJ semenjak Mac 2008 dan butir-butir kerja yang terlibat, kos, tarikh pendaftaran syarikat dan sebab kontraktor dipilih.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)

TAJUK : PENGGERAK BELIA TEMPATAN

88. Kerajaan telah meluluskan pada 17 Jun 2009 peruntukan sebanyak RM2,822,400 setahun bagi tujuan PeBT

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Berapa banyakkah dari peruntukan ini akan diagihkan untuk menjalankan program dan berapa banyak pula untuk membayar elaun?

b) Berapakah agihan peruntukan ini menurut PBT di seluruh Negeri Selangor?

c) Apakah halangan-halangan yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri dalam menggerakkan PeBT?

JAWAPAN :

a) Tujuan penubuhan Penggerak Belia Tempatan adalah untuk menjalankan program-program pembangunan belia di peringkat akar umbi di seluruh negeri Selangor. Oleh yang demikian setiap zon diperuntukkan sebanyak RM 5,000 setahun bagi penganjuran program yang berskala kecil. Manakala dari segi bayaran elaun, kerajaan negeri telah memperuntukkan sebanyak RM 400 sebulan, yang mana RM 300 adalah elaun perjalanan serta menghadiri mesyuarat, dan RM 100 adalah elaun mengurus yang mana ia digunakan untuk urusan pengurusan ahli jawatankuasa PeBT zon tersebut. RM 400 ini diberikan secara bulanan kepada setiap zon.

b) Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM2,842,000.00 setahun untuk disalurkan di 290 Zon seluruh Selangor. Sehubungan dengan itu setiap PBT akan menerima sebanyak RM235,200.00 untuk diagihkan kepada 24 Zon. Walau bagaimanapun, Majlis Perbandaran Klang menerima peruntukan sebanyak RM254,800.00 memandangkan PBT tersebut mempunyai 26 Zon. **Perincian adalah seperti di Lampiran.**

c) Halangan utama yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri dalam menggerak belia ialah semangat para belia di zon tersebut. Semangat dan motivasi adalah penting bagi ahli Penggerak Belia Tempatan ini dalam membangunkan program tersebut.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif untuk mengadakan Kursus Kepimpinan Penggerak Belia Tempatan di setiap PBT Selangor. Kursus ini diadakan secara tiga (3) peringkat yang mana setiap peringkat ini berdasarkan kawasan seliaan para Pembantu EXCO Jawatankuasa Tetap Belia. Kursus bagi kawasan seliaan YB Dr Ahmad Yunus Bin Hairi telah diadakan pada 24 & 25 Oktober 2009 di Empress Hotel Sepang, YB Jenice Lee Ying Ha diadakan pada 31 Oktober dan 1 November 2009 di Kem Bina Semangat Ampang Pecah dan YB Amirudin bin Shari diadakan pada 7 dan 8 November 2009 yang turut diadakan di Kem Bina Semangat Ampang Pecah, Kuala Kubu Bharu.

LAMPIRAN

BIL	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	BUTIRAN PERUNTUKAN	JUMLAH (RM)
1.	Majlis Bandaraya Shah Alam	*RM400 x 24 x 12 Bln :+120,000.00	235,200.00
2.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	*RM400 x 24 x 12 Bln :+120,000.00	235,200.00
3.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	*RM400 x 24 x 12 Bln .+120,000.00	235,200.00
4.	Majlis Perbandaran Klang	*RM400 x 26 x 12 Bln :+130,000.00	254,800.00
5.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	*RM400 x 24 x 12 Bln :+120,000.00	235,200.00
6.	Majlis Perbandaran Kajang	*RM400 x 24 x 12 Bln :+120,000.00	235,200.00
7.	Majlis Perbandaran Selayang	*RM400 x 24 x 12 Bln :+120,000.00	235,200.00
8.	Majlis Perbandaran Sepang	*RM400 x 24 x 12 Bln :+120,000.00	235,200.00
9.	Majlis Daerah Kuala Langat	*RM400 x 24 x 12 Bln :+120,000.00	235,200.00
10.	Majlis Daerah Kuala Selangor	*RM400 x 24 x 12 Bln :+120,000.00	235,200.00
11.	Majlis Daerah Hulu Selangor	*RM400 x 24 x 12 Bln :+120,000.00	235,200.00
12.	Majis Daerah Sabak Bernam	*RM400 x 24 x 12 Bln :+120,000.00	235,200.00
	Jumlah Keseluruhan		**2,842,000.00**

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN EDWARD LEE POH LIN
(BUKIT GASING)

TAJUK : KAWASAN KHAS BAGI PENGEDAR-PENGEDAR KERETA TERPAKAI DAN BENGKEL-BENGKEL KERETA

89. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

a) Adakah Kerajaan Negeri sedang mencari tapak tanah atau kawasan khas untuk tujuan dijadikan satu tempat bagi pengedar-pengedar kereta terpakai dan bengkel-bengkel kereta sepertimana yang telah dilakukan bagi pengendali-pengendali operasi besi buruk?

b) Adakah kawasan-kawasan seperti seksyen 51 dan 51A Petaling Jaya telah dikenal pasti sebagai kawasan yang mungkin boleh digunakan untuk tujuan ini?

JAWAPAN :

a) Pihak Majlis tidak menyediakan tapak - tapak khas bagi tujuan aktiviti - aktiviti jualan kereta terpakai dan bengkel kereta. Ini adalah kerana aktiviti kereta terpakai boleh dibenarkan dalam kawasan yang dizonkan sebagai kawasan perdagangan / perniagaan sama ada dalam bangunan perdagangan/ kedai pejabat serta tapak - tapak perniagaan yang belum dibangunkan. Manakala aktiviti bengkel boleh dibenarkan dalam kawasan zon perindustrian.

b) Dalam kawasan Seksyen 51 dan 51A, aktiviti - aktiviti berkenaan boleh dibenarkan dalam kawasan yang telah di zon sebagai Kawasan Perdagangan dan Kawasan Perindustrian seperti mana mengikut Pelan Gunatanah Rancangan Tempatan Petaling Jaya 1.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)

TAJUK : PENINGKATAN HARGA RUMAH

90. Berlaku peningkatan harga rumah agak melampau di Bandar-bandar dan taman-taman perumahan. Sebuah rumah teres kalau dulu dalam lingkungan RM100,000 kini meningkat melebihi RM200.000 hingga dirasakan generasi anak-anak kita tidak lagi mampu membeli rumah kediaman, apa lagi bangunan komersil.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Bagaimanakah kaedah penetapan harga rumah PKNS?

b) Tidak adakah polisi Kerajaan Negeri tentang pengawalan harga rumah?

c) Bagaimanakah polisi Kerajaan Negeri terhadap harga rumah swasta di Negeri Selangor?

JAWAPAN :

a) Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 22 Oktober 2009 telah menolak soalan ini

b) Dalam mengawal harga rumah supaya setiap golongan rakyat berpeluang memiliki rumah kediaman berdasarkan pendapatan mereka, Kerajaan Negeri telah mengekalkan dasar di mana setiap pembangunan yang dijalankan di Negeri Selangor yang melebihi keluasan 10 ekar, pemaju diwajibkan menyediakan rumah mampu milik yang mana jenis dan harga jualannya adalah seperti berikut:

Kawasan Dalam Lembah Klang	Harga (RM)	Kawasan Luar Lembah Klang	Harga (RM)
20% rumah kos rendah	42,000.00	20% rumah kos rendah	35,000.00
20% rumah kos sederhana rendah	72,000.00	10% rumah kos sederhana rendah	60,000.00
10% rumah kos sederhana	100,000.00	10% rumah kos sederhana	85,000.00
Lain-lain jenis bangunan kediaman	Bebas	Lain-lain jenis bangunan kediaman	Bebas

Tujuan pengenalan dasar ini adalah untuk memastikan keperluan golongan berpendapatan rendah dan sederhana dalam pemilikan rumah tidak diabaikan oleh pihak pemaju sebagai tanggungjawab sosial di samping penyediaan rumah harga tinggi. Penetapan komposisi penyediaan rumah dan penentuan harga akan ditentukan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) semasa peringkat kelulusan pemberimilikan dan pembangunan tanah yang meliputi tukar syarat dan pecah sempadan. Semua syarat yang ditetapkan oleh MMKN ini perlu dipatuhi oleh pemaju termasuklah dalam penentuan harga. Sebarang pelanggaran syarat yang dibuat oleh MMKN akan mengakibatkan proses kelulusan pindah milik daripada pemaju kepada pembeli pertama akan terhalang.

c) Dasar Pembangunan Tanah yang diguna pakai oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam mengawal harga rumah yang dibangunkan oleh pihak swasta adalah sama seperti yang dinyatakan di atas.

Di samping penetapan jenis kediaman, Kerajaan juga telah menetapkan harga rumah-rumah mampu milik ini dijual pada harga kawalan yang mana pecahannya seperti berikut:

Bil.	Kawasan	Jenis Bangunan	Harga (RM)	Potongan Harga Bumiputera
1.	Dalam kawasan Majlis Perbandaran (Lembah Klang)	20% rumah kos rendah	42,000.00	-
		20% rumah kos sederhana rendah	72,000.00	7%
		10% rumah kos sederhana	100,000.00	7%
		Lain-lain jenis bangunan kediaman	Bebas	7%
2.	Dalam kawasan Majlis Daerah	20% rumah kos rendah	35,000.00	-
		20% rumah kos sederhana rendah	60,000.00	7%
		10% rumah kos sederhana	85,000.00	7%
		Lain-lain jenis bangunan kediaman	Bebas	7%
3.	Luar kawasan Majlis Daerah / Majlis Perbandaran	20% rumah kos rendah	30,000.00	-
		10% rumah kos sederhana rendah	50,000.00	7%
		10% rumah kos sederhana	70,000.00	7%
		Lain-lain jenis bangunan kediaman	Bebas	7%

Bagi pembangunan yang kurang 10 ekar (2 – 10 ekar) pula, syarat penyediaan 30% rumah kos sederhana akan dikenakan ke atas pemaju yang mana harga jualan yang ditetapkan adalah RM100,000 seunit dengan potongan 7% kepada pembeli bumiputera.

Walaupun bagi kategori lain-lain jenis bangunan kediaman pemaju bebas untuk menetapkan harga jualannya, namun kelulusan daripada Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) masih diperlukan dalam penentuan harga dan sebarang pindaan harga jualan yang hendak dibuat juga perlu dibawa ke pertimbangkan MMKN sebelum ia diluluskan. Penetapan harga rumah seperti yang dinyatakan di atas merangkumi semua pembangunan sama ada dimajukan oleh anak syarikat Kerajaan Negeri mahupun dimajukan oleh pihak swasta.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)

TAJUK : PERPUSTAKAAN NEGERI DAN KEMPEN MEMBACA

91. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

a) Apakah inisiatif dan strategi terbaru yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi menggalakkan budaya membaca di kalangan rakyat Selangor selain menggalakkan mereka membaca buku di perpustakaan?

b) Apakah strategi terkini perpustakaan bagi menawarkan perkhidmatan terbaik sekali gus meningkatkan mutu perkhidmatan kerana kemunculan teknologi kini lebih menarik minat pembaca untuk membaca menerusi internat?

JAWAPAN :

a) Melaksanakan penjenamaan semula Perbadanan perpustakaan Awam Selangor adalah inisiatif dan strategi terbaru oleh Kerajaan Negeri bagi menggalakkan budaya membaca di kalangan rakyat Selangor. Bukan sahaja Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor telah menjalani proses ***'Rebranding'*** (penjenamaan semula) tetapi bermula daripada warga PPAS yang perlu mengubah hati, minda dan sikap mereka supaya dapat bersama-sama bersungguh-sungguh menjayakan *rebranding* tersebut. *Rebranding* Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor sangatlah diharapkan agar dapat memberi nafas baru dan wajah baru kepada PPAS agar dapat meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan kepada rakyat.

Salah satu agenda *rebranding* PPAS adalah mengadakan Program *Team Building* PPAS. PPAS telah memperkenalkan ***Big Picture PPAS*** kepada semua staf iaitu mereka hendaklah membina kepimpinan dan keupayaan dengan mengubah hati, minda (*mindset*) dan sikap mereka ke arah yang positif, proaktif dan berilmu supaya PPAS dapat bersama–sama melangkah ke hadapan dan bekerja keras menjayakan *rebranding* PPAS.

Dengan ini, Bahagian Pentadbiran & Pengurusan dapat menghasilkan kos yang efektif serta berkualiti dan Bahagian Sokongan dan Teknikal menghasilkan kerja yang cekap, mesra dan berteknologi tinggi. Semua bahagian mestilah berganding bahu, barulah menjadi *crew PPAS ownership* yang tinggi, berintegrasi dan bersatu padu, di samping PPAS berusaha menyediakan kemudahan infrastruktur yang lebih kondusif dan ceria.

PPAS dapat membantu semua pengunjung/ pembaca ke perpustakaan dengan ilmu dan memberi keyakinan diri kepada masyarakat. Dan dengan ini, ia akan mengubah persepsi masyarakat terhadap perpustakaan, sekali gus menjadikannya sebagai tempat lepak dengan kemudahan yang lengkap dan selesa seperti kafeteria, WIFI, koleksi yang *best* dan bilik multimedia yang percuma, bersesuaian dengan konsep *Perpustakaan Rumah Kedua Ku* ***(Library My Second Home)***.

Kerajaan Negeri mahukan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor dijadikan sebagai ***hub ilmuan***, di mana semua masyarakat akan berilmu dan dapat memberi keyakinan diri serta dapat berfikir dan membezakan di antara perkara baik dan buruk, serta merta dapat membantu kerajaan menurunkan kadar jenayah dan gejala sosial.

Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor sedang dalam usaha mengesan lokasi-lokasi yang berpotensi bagi sasaran baru pengunjung/pembaca ***(untapped market/user)***, contoh di kawasan-kawasan pekan kecil, pinggir bandar, kompleks perniagaan, taman perumahan yang masih belum mempunyai perpustakaan. Di samping menukar konsep reka bentuk perpustakaan contoh, perpustakaan di dalam Kompleks membeli belah, sudut perpustakaan di jabatan, perpustakaan mini di setiap rumah. Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor sedang berusaha mengenal pasti sasaran khusus seperti warga emas, pesara dan bekas guru.

Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor sedang menambah baik aktiviti Gerakan Membaca supaya lebih menyeluruh sehingga ke peringkat mukim dan desa. Dalam usaha memasyarakatkan perpustakaan , program Jejak Ilmuwan bersama PPAS diwujudkan.

Perpustakaan juga akan memperhebatkan ***program outreach*** sedia ada dan mengambil inisiatif dengan mengadakan kempen keahlian secara percuma di Kompleks membeli-belah, Summit, Karnival , jabatan-jabatan kerajaan dan lain-lain. Program ini berteraskan perpaduan dan nilai-nilai murni untuk membangun modal insan serta menyokong pembelajaran sepanjang hayat.


b) Strategi terkini Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor dalam usaha menjadi sebuah perpustakaan yang *'**user friendly'*** iaitu dengan mengekalkan keahlian secara percuma **tanpa penjamin** serta menawarkan keahlian bermula dari bayi.

Semua mutu perkhidmatan ditingkatkan lagi dengan tawaran perkhidmatan akses internat dan WIFI secara percuma di semua Bilik-bilik Multimedia Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor.

Untuk terus menjadikan buku masih relevan, pembangunan koleksi lebih menarik dan ***up to date*** dan **mantap** akan dilaksanakan. Justeru itu, jalinan kerjasama/pakatan pintar dengan penggiat industri buku bagi memperoleh bahan yang sesuai untuk perpustakaan bakal diwujudkan.

Penyertaan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor di dalam Projek rintis ***(pilot)*** *Ubiquitous Library* di mana, perkhidmatan perpustakaan boleh di terima di mana-mana tempat, pada bila-bila masa ianya bakal memberi impak yang sangat memberi manfaat kepada pengguna di luar Negeri Selangor.

Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor juga dalam usaha menambah baik serta menaik taraf perkhidmatan portal/digital sedia ada bagi memudahkan pencarian maklumat di atas talian.


BIG PICTURE
PPAS
Hub Ilmuan Selangor
yang
membantu kerajaan menurunkan
kadar jenayah & gejala sosial
Sikap Mulia
Crew PPAS
Library my second home
Bantu org dgn ilmu n beri keyakinan diri pd mrk
Library yg selesa, bersih, cantik, lengkap & koleksi best
Crew PPAS ownership tinggi, prihatin, ceria, positif & berintegriti
Pentadbiran & Pengurusan yang kos efektif & berkualiti .
Sokongan & Teknikal yang cekap, mesra & berteknologi tinggi.
Perkhidmatan RATU yang mesra, & professional
Rangkaian Perpustakaan yang prihatin, ceria & efisyen
Perubahan,Hati , Minda & Sikap
Heartset, Mindset & Behavior Change
Pembinaan Kepimpinan
Leadership Development
Pembinaan Keupayaan
Capability Building

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)

TAJUK : BENTENG PENGHALANG PASIR

92. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Sila nyatakan bilakah pihak Kerajaan Negeri akan memanjangkan lagi benteng penghalang pasir di pantai Bagan Sekinchan demi untuk lebih berkesan menghalang pasir daripada masuk ke muara Sungai Sekinchan?

b) Sila nyatakan apakah kaedah jangka panjang yang lebih berkesan bagi menghalang pasir daripada terus masuk ke muara Sungai Sekinchan?

JAWAPAN :

a) Berdasarkan peruntukan yang disalurkan kepada pihak JPS, pembinaan groin atau benteng penghalang pasir telah mula dibina pada 12 Ogos 2009 dan siap dilaksanakan sepanjang 50 meter pada 7 Oktober 2009 dengan kos RM145,050.00. Pembinaan struktur groin ini adalah untuk menghalang pasir laut daripada masuk ke muara Sungai Sekinchan yang akan menyebabkan pemendapan dan kawasan muara ini cetek. Keadaan ini boleh mengganggu laluan kapal-kapal nelayan.

   Cadangan untuk memanjangkan benteng penghalang pasir (groin) tidak boleh dilaksanakan dengan sewenang-wenangnya tanpa kajian hidraulik yang terperinci. Sekiranya tiada kajian hidraulik dibuat dan pembinaan struktur groin dipanjangkan ia boleh mengancam perseimbangan proses semula jadi di kawasan pantai serta menyebabkan masalah hakisan/pemendapan di muara sungai, kerosakan kepada sistem ekologi laut serta sistem akuakultur dan pencemaran air. Oleh yang demikian, penilaian impak yang terperinci ke atas projek memanjangkan benteng penghalang pasir (groin) harus dijalankan setara dengan bentuk dan saiz projek (groin) tersebut terlebih dahulu.

b) Bagi jangka masa panjang, terdapat beberapa kaedah yang boleh dilaksanakan berdasarkan keadaan kawasan pantai di Sekinchan. Untuk menentukan kaedah yang paling berkesan, pihak Jabatan akan menjalankan kajian yang lebih terperinci.

MAKLUMAT TAMBAHAN

SOALAN SESI PERBAHASAN BAJET PEMBANGUNAN DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)

Bagi langkah jangka pendek, projek bagi menyambung lagi 50 meter groin sedia ada yang telah dibina pada tahun 2009 ini telah dirancang untuk dijalankan dalam bulan April 2010 dengan anggaran kos RM150,000.00, dan ini menjadikan panjang groin tersebut adalah 100 meter. Kerja-kerja ini akan dapat membantu mengurangkan dan memperlahankan jumlah pemendapan pasir di muara Sg. Sekinchan.

Bagi langkah jangka panjang, dan menjadikan projek tersebut mendapat impak yang lebih berkesan, satu kajian hidraulik akan dijalankan yang mana cadangan kajian ini telah dimasukkan di dalam permohonan bajet bagi Rancangan Malaysia Ke-10. Skop kerja bagi permohonan ini merangkumi kerja-kerja ukur dan kejuruteraan, reka bentuk dan pembinaan groin dan pengorekan muara sungai yang mana anggaran kos adalah RM3.0 juta. Projek ini dijangka akan dilaksanakan dalam tahun 2011 hingga 2013.

Antara permohonan lain yang melibat pembangunan dan pengurusan di kawasan pantai dan muara sungai adalah Kajian ISMP (Integrated Shoreline Management Plan) yang mana kajian ini merangkumi keseluruhan kawasan pesisiran pantai Negeri Selangor dan cadangan pembangunan berdasarkan keadaan sedia ada pantai.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)

TAJUK : MESRA USIA EMAS

93. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar: -

a) Apakah statistik pendaftaran Skim Mesra Usia Emas sehingga sekarang?

b) Apakah strategi yang ada pada Kerajaan Negeri untuk menggiatkan dan menggerakkan pendaftaran skim Mesra Usia Emas di seluruh Selangor?

c) Berapa banyak wang telah dibelanjakan/dibayar oleh kerajaan Selangor melalui program-program di bawah Merakyatkan Ekonomi Selangor?

JAWAPAN :

a) Sehingga 30 September 2009 seramai 104,819 orang Warga Emas telah berjaya didaftarkan ke dalam sistem Skim Mesra Usia Emas bagi seluruh Negeri Selangor (Sila rujuk Lampiran A). Sementara bagi keseluruhan keahlian terkini termasuk dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah berjumlah 114, 699 orang.

b) Strategi pemasaran dan promosi bersepadu akan digunakan di seluruh Negeri Selangor. Ia akan turut melibatkan semua Pusat-pusat Khidmat sedia ada, Pejabat Tanah/Daerah dan juga Pihak-pihak Berkuasa Tempatan. Antara lain adalah seperti berikut:

1) Pembukaan Kaunter Pendaftaran dan Penerangan di semua Pejabat Tanah/Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan.
2) Mengadakan publisiti bergerak yang juga turut dilakukan secara bersepadu oleh Pusat-pusat Khidmat DUN, Pejabat Tanah/Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan dan RMSB sendiri.
3) Hebahan maklumat turut dibuat melalui media-media cetak kerajaan dan tempatan.
4) Bahan-bahan promosi bercetak disebarkan secara lebih khusus kepada kumpulan sasaran termasuklah rumah-rumah penjagaan dan kebajikan orang-orang tua dan orang kurang upaya, rumah-rumah ibadat dan sebagainya.
5) Penggunaan billboard juga sedang dirancang di beberapa tempat strategik di setiap daerah bagi meningkatkan kesedaran rakyat terhadap kewujudan skim ini.

c) Wang yang dibelanjakan/dibayar oleh Kerajaan Selangor melalui program-program dibawah program 'Merakyatkan Ekonomi Selangor' bagi tahun 2008 adalah RM 69,272,509.35 dan RM 125,394,209.87 bagi tahun 2009. Jumlah keseluruhan bagi tahun 2008 dan 2009 adalah sebanyak RM 194,666,719.22.

Perbelanjaan tertinggi yang dibelanjakan/dibayar oleh Kerajaan Selangor adalah program Bekalan Air Percuma bagi $20m^3$ iaitu RM 150,000,000.00 yang diberikan secara pinjaman kepada KDEB.

Perincian perbelanjaan yang dibayar oleh Kerajaan Selangor adalah seperti **Jadual 1.**

PROGRAM	2008	2009	Jumlah Perbelanjaan (RM)
	Belanja (RM)	Belanja (RM)	
Program Peningkatan Hasil Batuan & Mineral	2,500,000.00	-	2,500,000.00
Bekalan Air Percuma bagi 20m^3	50,000,000.00	100,000,000.00	*150,000,000.00
Hadiah Anak Masuk Universiti	3,567,000.00	4,028,000.00	7,595,000.00
Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)	9,031,477.35	4,468,522.65	13,500,000.00
Skim Mesra Usia Emas	3,574,032.00	15,618,123.88	19,192,155.88
Pusat Khidmat Krisis Sehenti (OSCC)	100,000.00	430,600.00	530,600.00
Tabung Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang	500,000.00	848,963.34	1,348,963.34
Jumlah	**69,272,509.35**	**125,394,209.87**	**194,666,719.22**

** Dalam bentuk pinjaman kepada KDEB*

Jadual 1: Perbelanjaan Kerajaan Negeri dalam melaksanakan program-program di bawah Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) bagi tahun 2008 dan 2009.

Statistik Pendaftaran Terkini Ahli mengikut DUN Mengikut Kadar Penembusan - Negeri Selangor
Pada 30/09/2009

			JUMLAH
BIL	DUN	Nama DUN	Jumlah
1	N01	SUNGAI AIR TAWAR	2226
2	N02	SABAK	2466
3	N03	SUNGAI PANJANG	2639
4	N04	SEKINCHAN	1713
5	N05	HULU BERNAM	1257
6	N06	KUALA KUBU BAHARU	1395
7	N07	BATANG KALI	1272
8	N08	SUNGAI BURONG	2206
9	N09	PERMATANG	1626
10	N10	BUKIT MELAWATI	1059
11	N11	IJOK	1979
12	N12	JERAM	1754
13	N13	KUANG	1623
14	N14	RAWANG	2263
15	N15	TAMAN TEMPLER	2753
16	N16	BATU CAVES	1569
17	N17	GOMBAK SETIA	2079
18	N18	HULU KELANG	2710
19	N19	BUKIT ANTARABANGSA	716
20	N20	LEMBAH JAYA	3201
21	N21	CHEMPAKA	1534
22	N22	TERATAI	2307
23	N23	DUSUN TUA	2210
24	N24	SEMENYIH	2438
25	N25	KAJANG	3033
26	N26	BANGI	1051
27	N27	BALAKONG	1854
28	N28	SERI KEMBANGAN	2866
29	N29	SERI SERDANG	1942
30	N30	KINRARA	1972
31	N31	SUBANG JAYA	801
32	N32	SERI SETIA	1054
33	N33	TAMAN MEDAN	2093
34	N34	BUKIT GASING	780
35	N35	KAMPUNG TUNKU	2365
36	N36	DAMANSARA UTAMA	4012
37	N37	BUKIT LANJAN	1199
38	N38	PAYA JARAS	1484
39	N39	KOTA DAMANSARA	945
40	N40	KOTA ANGGERIK	1060
41	N41	BATU TIGA	1171
42	N42	MERU	1866
43	N43	SEMENTA	1737
44	N44	SUNGAI PINANG	3741
45	N45	SELAT KLANG	2205
46	N46	PELABUHAN KLANG	748
47	N47	PANDAMARAN	2419
48	N48	KOTA ALAM SHAH	1297
49	N49	SERI ANDALAS	2313
50	N50	SRI MUDA	1393
51	N51	SIJANGKANG	1720
52	N52	TELUK DATUK	2201
53	N53	MORIB	2003
54	N54	TANJUNG SEPAT	1951
55	N55	DENGKIL	1145
56	N56	SUNGAI PELEK	1403
		JUMLAH	104,819

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)

TAJUK : PILIHANRAYA KERAJAAN TEMPATAN

94. Dewan Undangan Negeri telah pun meluluskan usul Pilihan Raya Kerajaan Tempatan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Apakah tindakan yang telah dilaksanakan untuk merealisasikan matlamat ini.

b) Adakah Kerajaan Negeri melibatkan badan-badan bukan kerajaan tentang perkara ini.

c) Adakah tujuan menghadapi tentangan dari Kerajaan Pusat

JAWAPAN :

a) Demi merealisasikan matlamat ini Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Kajian dan Penyelidikan telah melantik satu pasukan penyelidik yang terdiri daripada Peguam, Ahli Akademik dan NGO untuk melaksanakan kajian bagi melaksanakan Pilihan raya Kerajaan Tempatan. Kajian ini telah dibentangkan kepada Kerajaan Negeri. Beberapa cadangan telah dikemukakan oleh pasukan penyelidik ini untuk dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri.

b) Ya. Kerajaan Negeri telah memastikan penglibatan badan-badan bukan kerajaan seperti Peguam, Ahli Akademik dan NGO yang telah menjalankan kajian dari pelbagai aspek demi merealisasikan pelaksanaan Pilihan raya Kerajaan Tempatan

c) Memandangkan cadangan ini masih di peringkat kajian dan belum dilaksanakan, maka tiada tentangan yang jelas diterima setakat ini. Mungkin apabila ia mula dilaksanakan, tentangan bakal diterima kerana wujud kekangan dari segi undang-undang seperti yang termaktub di bawah **Seksyen 15(1) Akta Kerajaan Tempatan 1976 yang memperuntukkan walau apa pun yang berlawanan yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis, semua peruntukan berhubungan dengan pilihan raya kerajaan tempatan hendaklah terhenti berkuat kuasa atau mempunyai kesan.** Secara jelas ia tidak memberi ruang untuk melaksanakan Pilihan raya Kerajaan Tempatan. Sekiranya pilihan raya ini ingin dilaksanakan, pihak Suruhanjaya Pilihan raya (SPR) merupakan agensi yang berhak dan bertanggungjawab melaksanakannya. Pihak Kerajaan Negeri sedang dalam proses dengan SPR mengenai perkara ini dan juga membawa usul ini ke Dewan Rakyat agar Akta Kerajaan Tempatan 1976 dapat dipinda.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)

TAJUK : PROGRAM BANTUAN OKU

95. Seramai 39,613 OKU telah berdaftar di seluruh Negeri Selangor dari tahun 1990 hingga 2009 (Mac).

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Berapa pantaskah sesuatu permohonan kad OKU diproses?

b) Berapakah jumlah bantuan kewangan yang telah diagihkan bagi setiap tahun dari 2004 hingga 2008?

c) Berapakah kenaikan bantuan kewangan OKU yang akan ditambah memandangkan kerajaan telah meningkatkan Garis Kadar Kemiskinan kepada RM1,500 sebulan bagi seisi keluarga?

JAWAPAN :

a) Kad Kenal Diri OKU boleh diproses dalam tempoh 3 hari hingga ke 5 hari bekerja dan 14 hari adalah ketetapan mengikut Piagam Pelanggan Jabatan sekiranya permohonan yang diterima adalah lengkap.

b) Berikut adalah Peruntukkan Persekutuan bagi perkhidmatan OKU yang disalurkan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor dari tahun 2005 hingga 2008.

BIL.	JUMLAH PERUNTUKAN MENGIKUT OBJEK	2005 RM	2006 RM	2007 RM	2008 RM
1	Bantuan Pekerja Cacat	2,191,200.00	3,417,000.00	1,953,415.00	5,371,200.00
2	Bantuan Pelancaran	46,000.00	82,400.00	105,800.00	139,290.00
3	Bantuan Alat Tiruan/Sokongan	282,683.00	210,798.00	451,291.00	553,647.00
	JUMLAH	**2,473,883.00**	**3,710,198.00**	**2,510,506.00**	**6,064,137.00**

c) Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor menyalurkan bantuan kewangan untuk golongan OKU yang diterima dari peruntukan Kerajaan Persekutuan. Oleh yang demikian, JKMN Selangor mengikut Garis Kadar Kemiskinan yang telah ditetapkan oleh kerajaan persekutuan iaitu RM 720.00.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN EDWARD LEE POH LIN
(BUKIT GASING)

TAJUK : PAPAN-PAPAN IKLAN

96. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

a) Apakah kedudukan atau status terkini berkenaan kemajuan garis panduan baru papan-papan iklan?

b) Bilakah garis panduan baru akan siap didrafkan?

c) Bilakah garis panduan baru akan mula dikuatkuasakan?

JAWAPAN :

a,b,c) Garis panduan baru papan –papan iklan luaran telah diluluskan pada 4 Mac 2009 dan berkuat kuasa pada 31 Mac 2009 melalui Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan(PBT: SPBT BIL. 3/2009) . Semua PBT telah dimaklumkan melalui surat Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan (UPEN) bertarikh 7 April 2009 dan diminta mematuhi semua ketetapan yang terkandung dalam garis panduan yang merangkumi aspek –aspek berikut:

1) Penentuan lokasi;
2) Saiz dan anjakan;
3) Reka bentuk paparan;
4) Visual pengiklanan;
5) Kelulusan Kebenaran Merancang;
6) Senarai semak permohonan;
7) Kelulusan Struktur Bangunan;
8) Bayaran deposit kepada Majlis;
9) Kelulusan Lesen Iklan; dan
10) Kadar bayaran sewaan tapak Majlis.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)

TAJUK : SISTEM PENGURUSAN SAMPAH

97. Sistem pengurusan sampah yang masih lagi tidak mencerminkan kebersihan kawasan komersil setempat.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

a) Apakah usaha-usaha dan tindakan penguatkuasaan yang dijalankan oleh pihak PBT selain menyaman / menyita premis-premis perniagaan yang kotor?

JAWAPAN :

a) Pihak PBT sentiasa menjalankan penguatkuasaan kebersihan premis di kawasan pentadbiran mereka demi memastikan ianya selaras dengan undang-undang kecil yang terpakai di setiap PBT serta Akta Makanan 1983. Justeru itu , laporan bulanan penguatkuasaan di lapor dan dibentangkan di Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan. Kerajaan Negeri sedar akan permasalahan ini, namun demikian berapa-berapa langkah telah diambil dengan menggredkan premis yang beroperasi seperti gred 'A','B','C' dan 'D' sebagai panduan kepada pelanggan tahap kebersihan yang telah diperiksa selain dari penguatkuasaan yang di lakukan . Premis yang mendapat gred 'C' dan 'D' akan berikan notis supaya melakukan penambahbaikan dan sekiranya gagal kompaun dan notis tutup akan di keluarkan. Penetapan jadual pembersihan premis juga dikenakan sebagai syarat-syarat pemberian lesen. Selain itu, penambahbaikan Undang –undang kecil akan dilaksanakan dari masa ke semasa dalam memastikan dasar Kerajaan Negeri tercapai.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)

TAJUK : KOLEJ INPENS

98. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Sila senaraikan jumlah bilangan pelajar kolej tersebut pada tahun 2009 mengikut pecahan kaum?

b) Sila nyatakan apakah kriteria minima yang dikenakan untuk memasuki kolej tersebut?

c) Sila huraikan sehingga setakat ini apakah pencapaian cemerlang kolej tersebut sejak ditubuhkan untuk membantu pelajar-pelajar tempatan?

JAWAPAN :

a) Jumlah bilangan pelajar Kolej INPENS pada tahun 2009 mengikut pecahan kaum:-

Melayu	:	391 orang
India	:	72 orang
Cina	:	24 orang
Jumlah	:	487 orang

b) Kriteria minima untuk memasuki Kolej INPENS ialah :

1) Lulus peperiksaan SPM/SPMV atau setaraf dengannya seperti "O" level.
2) Sihat tubuh badan.
3) Berumur 1 tahun dan ke atas.
4) Warganegara Malaysia dan Negara luar yang diiktiraf oleh kerajaan.
5) Minat dalam bidang yang dipelajari.

c) Kolej telah banyak membantu pelajar terutamanya membantu pelajar miskin.
Bagi Negeri Selangor penajaan adalah daripada :

1) Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)
2) Lembaga Zakat Selangor
3) Kementerian Kewangan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)

TAJUK : TRAGEDI JAYA SUPERMARKET SEKSYEN 14 PJ

99. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar: -

a) Apakah perkembangan terbaru terhadap tragedi Jaya Supermarket di Seksyen 14, Petaling Jaya.

JAWAPAN :

a) Mesyuarat Khas Majlis yang telah di adakan pada 28 Oktober 2009, telah membincangkan mengenai jumlah kompaun yang dikenakan serta lain-lain isu berkaitan. Mesyuarat telah memutuskan kompaun dikenakan sebanyak RM 250,000.00 kepada kontraktor pembinaan Tetuan CW Yap Sdn. Bhd. serta RM 200,000.00 kepada perunding arkitek Tetuan DP Architects Sdn. Bhd. selaku orang utama yang mengemukakan.

Notis Berhenti Kerja hanya boleh ditarik balik sekiranya pembayaran serta lain-lain syarat yang dikenakan seperti surat akujanji, method statement (Peringkat 2) dan kebenaran daripada Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) telah diluluskan.

Tawaran kompaun telah dikeluarkan dan setakat ini arkitek telah membuat pembayaran kompaun tersebut.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)

TAJUK : PILIHANRAYA KERAJAAN TEMPATAN

100. Dewan Negeri telah meluluskan usul memulihkan Pilihan raya Kerajaan Tempatan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Apakah langkah-langkah yang sedang dilakukan oleh kerajaan ke arah ini?

b) Adakah kerajaan sudah mewujudkan jawatankuasa khas untuk meneliti Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)?

c) Apakah faktor-faktor selain Akta 171 yang boleh menghalang proses ini?

JAWAPAN :

a) Langkah-langkah yang sedang dilakukan demi merealisasikan matlamat ini oleh Kerajaan Negeri ialah dengan melaksanakan kajian dasar pelaksanaan Pilihanraya Kerajaan Tempatan melalui Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Kajian dan Penyelidikan. Satu Pasukan Penyelidik telah dilantik yang terdiri daripada Peguam, Ahli Akademik dan NGO untuk melaksanakan kajian ini dan telah dibentangkan kepada Kerajaan Negeri. Beberapa cadangan telah dikemukakan oleh pasukan penyelidik ini untuk dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri.

b) Buat masa ini Kerajaan Negeri belum menubuhkan Jawatankuasa Khas untuk meneliti Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) memandangkan perkara ini telah termasuk di dalam skop kajian yang dijalankan oleh Pasukan Penyelidik yang telah dilantik oleh Kerajaan Negeri. Hasil kajian yang dicadangkan oleh Pasukan Penyelidik masih dalam kajian dan penelitian Kerajaan Negeri dan setakat ini belum ada keputusan muktamad yang diputuskan oleh Kerajaan Negeri.

c) Berdasarkan kajian yang telah dilaksanakan setakat ini, didapati tiada faktor-faktor lain yang boleh dianggap sebagai utama selain Akta 171.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN EDWARD LEE POH LIN
(BUKIT GASING)

TAJUK : PAJAKAN DAN PEMBANGUNAN TANAH

101. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

a) Apakah Kerajaan Negeri sedang lakukan untuk memastikan bahawa kepentingan rakyat adalah dilindungi dan diberikan kedudukan atau status hak milik kekal atau selamanya untuk tanah mereka tanpa apa-apa bayaran premium di mana ia adalah hak mereka?

b) Adakah Kerajaan Negeri akan menggunakan isu pajakan tanah sebagai satu alat untuk pembangunan atau pembangunan semula Bandaraya Petaling Jaya?

c) Jika akan berlakunya pembangunan atau pembangunan semula di Bandaraya Petaling Jaya, bagaimanakah ini akan dilakukan?

JAWAPAN :

a) Berhubung pemberimilikan tanah kerajaan, Pihak Berkuasa Negeri mengamalkan dasar Kerajaan Berkebajikan di mana pemberimilikan tanah-tanah baru dan perlanjutan tempoh pajakan diberikan kepada pemohon yang layak khususnya bagi tujuan bangunan kediaman.

Dalam pelaksanaan dasar ini, Pihak Berkuasa Negeri terikat dengan peruntukan undang-undang di bawah Kanun Tanah Negara (KTN) di mana bawah peruntukan Seksyen 42 Kanun Tanah Negara, pemberimilikan tanah kerajaan boleh diluluskan secara pajakan tidak melebihi tempoh 99 tahun. Sebagai balasan kepada Pihak Berkuasa Negeri secara "win-win situation", individu yang diluluskan pemberimilikan tanah kerajaan dikehendaki menjelaskan pembayaran premium tanah yang mana merupakan hasil kepada Kerajaan Negeri yang kemudiannya disalurkan untuk tujuan pembangunan negeri dan kebajikan rakyat.

b) Cadangan pembangunan semula di kawasan Rancangan Tempatan Petaling Jaya 1 (Seksyen) adalah bertujuan untuk meningkatkan kualiti persekitaran dimana ianya melibatkan kawasan yang usang, agak sesak dan tidak teratur serta kawasan yang berusia melebihi 30 tahun dan mempunyai tahap keupayaan infrastruktur yang rendah.

c) **Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 22 Oktober 2009 telah menolak soalan ini**

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)

TAJUK : PELANTIKAN KETUA KAMPUNG

102. Setelah setahun melalui tempoh percubaan, prestasi ketua-ketua kampung dinilai untuk dilanjutkan pelantikan atau sebaliknya.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Sejauh manakah prestasi ketua-ketua kampung yang dilantik secara keseluruhan?

b) Berapa orangkah di kalangan mereka diberhentikan? Mengapa?

c) Adakah ruang yang dapat ditingkatkan prestasi mereka?

JAWAPAN :

a) Prestasi Ketua-ketua Kampung telah dinilai mengikut proses penilaian prestasi Ketua Kampung Negeri Selangor yang telah dirancang dan ditetapkan berdasarkan kriteria-kriteria dan prosedur penilaian. Berdasarkan penilaian prestasi Ketua Kampung Negeri Selangor yang dinilai, hampir semua Ketua Kampung Negeri Selangor melaksanakan tugas dengan cemerlang dan baik. Mereka juga memberikan kerjasama dan komitmen yang sangat tinggi dalam tugas harian ataupun tugas semasa ke semasa selain mempunyai rekod peribadi yang baik dan bersih.

b) Seramai tiga (3) orang daripada tiga ratus enam puluh lapan (368) Ketua Kampung yang diberhentikan dari menjawat jawatan Ketua Kampung yang disebabkan oleh tidak lulus lapisan keselamatan, tidak aktif dan tidak memberi kerjasama yang baik dengan Y.B ADUN kawasan.

c) Prestasi Ketua-ketua Kampung dapat dipertingkatkan serta memenuhi ruang-ruang kelemahan yang dimiliki oleh mereka melalui kursus-kursus dan seminar-seminar yang akan dianjurkan oleh Kerajaan Negeri mengikut keperluan semasa untuk memperbaiki dan mempertingkatkan mutu kerja mereka.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)

TAJUK : NAHAS JALAN RAYA DI MUSIM PERAYAAN

103. Setiap kali musim perayaan, banyak kejadian nahas jalan raya yang berlaku walaupun terdapat banyak kempen dan OPS yang dijalankan oleh pihak yang terlibat.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

a) Apakah kempen keselamatan atau langkah penguatkuasaan yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah ini?

b) Sejauh manakah peranan Kerajaan Negeri bagi memastikan infrastruktur jalan raya yang tidak baik supaya dapat diperbaiki segera dan di selenggara dengan baik sepanjang masa terutama pada waktu puncak dan waktu perayaan?

JAWAPAN :

a) Setiap tahun semasa musim perayaan seperti Hari Raya Aidilfitri dan Tahun Baru Cina, Kerajaan Negeri akan melaksanakan kempen keselamatan jalan raya bagi memberi kesedaran kepada pengguna jalan raya berhubung pentingnya mengutamakan aspek keselamatan jalan raya semasa memandu di musim perayaan. Antara bentuk kempen yang dilaksanakan adalah seperti ceramah keselamatan jalan raya, pameran, kempen khidmat nasihat serta mengedarkan risalah-risalah keselamatan jalan raya di plaza-plaza tol sekitar negeri Selangor. Kempen ini dilaksanakan di peringkat negeri dan juga peringkat daerah.

   Bagi aspek penguatkuasaan, pihak Polis dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) akan melaksanakan Ops Sikap setiap kali musim perayaan. Ops Sikap ini diadakan selama empat belas (14) hari iaitu tujuh (7) hari sebelum dan tujuh (7) hari selepas sesuatu perayaan tersebut. Tujuan Ops Sikap adalah bagi mewujudkan persekitaran selamat kepada pengguna jalan raya semasa musim perayaan.

b) Bagi memastikan infrastruktur jalan raya berada dalam keadaan baik dan diselenggara dengan sempurna, beberapa langkah telah diambil. Namun, ia adalah tertakluk di bawah syarat-syarat berikut:

   - Penyelenggaraan Jalan Negeri di Negeri Selangor adalah di bawah bidang kuasa JKR Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.

   - Kerajaan Negeri bertanggungjawab sepenuhnya terhadap peruntukan bagi kerja-kerja membaik pilih dan penyelenggaraan jalan ini.

Antara langkah tindakan yang diambil bagi memastikan infrastruktur jalan raya berkeadaan baik:

- Pada musim perayaan, JKR telah menubuhkan pasukan pemantau bagi memantau keadaan infrastruktur jalan raya.

- Kerajaan Negeri telah melantik syarikat konsesi bagi menyelenggara dan membaik pulih jalan.

- Pemantauan dan pemeriksaan dari semasa ke semasa dan setiap aduan kerosakan diambil tindakan segera.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)

TAJUK : PROJEK PERINTIS TANAMAN PADI

104. Bertanya kepada Y.A.B Dato Menteri Besar :

a) Sila nyatakan latar belakang dan perkembangan terkini projek tersebut?

b) Sila nyatakan berapakah jumlah peruntukan tahunan yang disalurkan untuk menjayakan projek tersebut?

c) Sila nyatakan adakah terdapat perubahan sikap dan disiplin kerja para petani ke arah yang lebih positif selepas menyertai projek tersebut?

JAWAPAN :

a) Program Meningkatkan Hasil Padi Negeri Selangor menetapkan matlamat peningkatan hasil ke tahap 7.5 tan sehektar menjelang tahun 2012 melalui pembangunan sumber manusia, kecekapan pengurusan air dan pemindahan teknologi. Keluasan padi yang terlibat berjumlah 18,355 hektar (ha) dan melibatkan 9,332 orang petani. Pendekatan pelaksanaan akan dibuat berperingkat mengikut fasa dalam tempoh 5 tahun (2009 - 2013). Projek perintis meliputi 3 kawasan berdasarkan tali air. Kawasan yang terlibat seluas 445 hektar iaitu:

1) Kuala Selangor Utara di kawasan Sawah Sempadan (159 lot)
2) Sabak Bernam Tengah di kawasan Bagan Terap (192 lot)
3) Sabak Bernam Selatan di kawasan Pasir Panjang (102 lot)

Matlamat ditetapkan ialah:

1) Projek perintis akan menjadi kawasan rujukan bagi para pegawai dan petani dalam usaha mempertingkatkan pengeluaran padi dari 5.1 tan/ha/musim kepada 7.5 tan/ha/musim menjelang tahun 2012

2) Mempertingkatkan pendapatan per kapita isi rumah pesawah padi daripada RM 14,475 kepada RM 20,475 (Ini adalah dengan mengambil andaian bahawa seorang petani mengusahakan kawasan seluas 2.4 ha)

Hasil purata yang dicapai selepas penuaian hasil pada musim 1 tahun 2009:

- Kuala Selangor Utara telah meningkat dari 5.74m t/ha kepada 6.16 mt/ha. Ini menunjukkan peningkatan hasil sebanyak 6.8%.

- Sabak Bernam Tengah telah meningkat dari 4.33 mt/ha kepada 5.25 mt/ha. Ini menunjukkan peningkatan hasil sebanyak 19.7%.

- Kawasan Sabak Bernam Selatan telah meningkat dari 4.64 mt/ha kepada 5.59 mt/ha. Ini menunjukkan peningkatan hasil sebanyak 17.03%

Pada masa kini ketiga-tiga projek perintis tersebut berada dalam musim 2 penanaman, dan untuk fasa kedua, 17 projek lagi ditambah ke dalam program ini dimana jumlah keseluruhan projek pagi tahun 2009 adalah 20 projek. Fasa- fasa seterusnya adalah seperti jadual berikut:

TAHUN	**2009**		**2010**		**2011**		**2012**		**2013**	
MUSIM	**M1**	**M2**	**M1**	**M2**	**M1**	**M2**	**M1**	**M2**	**M1**	**M2**
KUALA SELANGOR UTARA	1	3	3	3	4	4	4	4	2	-
SABAK BERNAM SELATAN	1	7	3	6	6	6	6	6	5	2
SABAK BERNAM SELATAN	1	7	4	6	5	5	5	5	5	2
JUMLAH	**3**	**17**	**10**	**15**	**15**	**15**	**15**	**15**	**12**	**4**
Liputan Kawasan dari keluasan 18,355 ha	**16.5%**		**37.2%**		**61.9%**		**86.8%**		**100%**	

b) Peruntukan tahun 2009 yang disalurkan kepada projek perintis adalah sebanyak RM1,076,000

c) Melalui program latihan yang diberi, petani-petani telah sedar betapa pentingnya disiplin kerja dalam usaha meningkatkan hasil padi mereka. Kefahaman tentang masa yang tepat bagi sesuatu aktiviti seperti peringkat pembajaan peringkat umur padi 55 hari adalah sangat penting bagi memastikan hasil padi yang tinggi telah dapat diterapkan kepada para petani.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)

TAJUK : HARTANAH KERAJAAN DI PUTRAJAYA DAN KUALA LUMPUR

105. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar: -

a) Senaraikan hartanah-hartanah yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri, anak-anak syarikat serta badan-badan berkanunnya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya?

b) Apakah nilai semasa hartanah-hartanah ini?

JAWAPAN :

a) Pihak Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor tidak mempunyai maklumat berkenaan hartanah yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri Selangor di luar Negeri Selangor.

b) Pihak Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor tidak mempunyai maklumat berkenaan hartanah yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri Selangor di luar Negeri Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)

TAJUK : JUDI HARAM

106. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Berapakah pusat judi haram yang ada di Kota Damansara?

b) Apakah tindakan yang sudah diambil?

JAWAPAN :

a) Hasil siasatan yang dijalankan mendapati tiada premis yang menjalankan aktiviti pusat judi haram di Kota Damansara. Walau bagaimanapun terdapat sebanyak 22 premis Pusat Siber Kafe dan Kafe Siber di Kota Damansara yang tidak mempunyai lesen daripada pihak Majlis.

b) Pihak Majlis telah menjalankan operasi di Pusat Siber Kafe dan Kafe Siber di Kota Damansara yang turut melibatkan pihak Polis Di Raja Malaysia di dalam menangani masalah Pusat Siber Kafe dan Kafe Siber yang dipercayai mempunyai unsur perjudian. Tindakan di buat di bawah Undang – undang Kecil 28 (1) Undang – undang Kecil Pusat Siber dan Kafe Siber (Majlis Bandaraya Petaling Jaya) 2007 di mana sebanyak 5 kompaun dan 23 tindakan sitaan telah diambil di bawah undang – undang kecil yang sama dan sebanyak 325 CPU dan 383 monitor juga turut dirampas. Manakala 2 lelaki dan 2 wanita telah ditahan untuk siasatan lanjut.

Bagi tempoh yang sama sebanyak 348 operasi telah dijalankan di seluruh Petaling Jaya, manakala 9 operasi daripada jumlah tersebut turut melibatkan pihak Polis Di Raja Malaysia Bagi tempoh yang sama. Sebanyak 177 kompaun di bawah Undang – undang Kecil 3 Undang – Undang Kecil Pusat Siber dan Kafe Siber (Majlis Bandaraya Petaling Jaya) 2007 dan 273 tindakan sitaan juga turut diambil di bawah Undang-undang Kecil 28 (1) Undang-undang Kecil Pusat Siber dan Kafe Siber (Majlis Bandaraya Petaling Jaya) 2007 dan sebanyak 3,094 monitor dan 2,767 CPU telah dirampas. Manakala 18 lelaki dan 4 wanita telah ditahan untuk siasatan lanjut. Daripada jumlah tersebut pihak Majlis telah berjaya menutup 92 buah premis Pusat Siber Kafe dan Kafe Siber yang menjalankan perniagaan tanpa lesen hasil daripada serbuan yang dilaksanakan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)

TAJUK : KLORR DAN HAK KERAJAAN NEGERI

107. Kuala Lumpur Outer Ring Road (KLORR) yang akan merentasi dan melalui kawasan-kawasan Negeri Selangor di Hulu Langat dan Gombak:

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Bilakah projek ini akan dimulakan?

b) Apakah ada kuasa dan hak Kerajaan Negeri Selangor dalam pemantauan perjalanan projek khasnya di segi pembelian tanah-tanah persendirian hak rakyat?

c) Apakah kaedah yang digunakan oleh Kerajaan Negeri bagi menentukan jumlah bayaran bagi penggunaan tanah sekiranya projek ini dijalankan?

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri pada dasarnya bersetuju dan menyokong cadangan Pembinaan Lebuh Raya *Kuala Lumpur Outer Ring Road* (KLORR) memandangkan ia adalah projek infrastruktur yang akan memberi kemudahan kepada rakyat. Namun demikian, kajian semula perlu dilakukan oleh pihak syarikat konsesi yang dilantik berhubung jajaran lebuh raya tersebut. Ini adalah kerana jajaran yang dikemukakan kepada Kerajaan Negeri melibatkan kawasan tadahan air Ampang yang dianggap kawasan sensitif alam sekitar, kawasan empangan Klang Gate serta kawasan hutan simpan Hulu Langat dan Ampang yang diwartakan sebagai Taman Warisan Negeri.

   Dalam hal ini, pihak syarikat memerlukan sedikit masa untuk mengkaji kesesuaian jajaran serta menyiapkan *Detail Environment Impact Analysis* (DEIA) khususnya bagi kawasan yang melibatkan kawasan tadahan air, Taman Warisan Negeri, empangan Klang Gate dan lain-lain.. Kesesuaian jajaran ini boleh memberi impak positif dari segi sosio ekonomi, sosio politik serta kesan terhadap alam sekitar. Oleh yang demikian, projek ini akan dimulakan sejurus selepas Kerajaan Negeri bersetuju dengan jajaran baru yang akan dikemukakan oleh pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan syarikat konsesi yang dilantik oleh Kerajaan Persekutuan.

b) Pada ketika ini, secara keseluruhan, projek Kuala Lumpur Outer Ring Road (KLORR) adalah di bawah pemantauan dan bidang kuasa Kerajaan Persekutuan di bawah Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM). Namun demikian, sesi perbincangan dan mesyuarat tetap diadakan, di antara kedua-dua pihak untuk mendapatkan keputusan-keputusan yang memberikan kemudahan kepada rakyat secara keseluruhannya.

Dalam hal ini, Kerajaan Negeri memantau perkara–perkara yang melibatkan hal-hal berkaitan tanah. Dari aspek pengambilan balik tanah, sekiranya melibatkan tanah individu, proses pengambilan akan dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) dan pampasan akan dibayar oleh Kerajaan Persekutuan kepada pemilik tanah berdasarkan nilaian oleh Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta (JPPH), sebuah agensi di bawah Kementerian Kewangan (MOF). Bagi pelaksanaan yang melibatkan tanah kerajaan, pada ketika ini Kerajaan Negeri tiada memperuntukkan dasar untuk mengenakan bayaran memandangkan projek ini akan memberi impak terhadap kemudahan rakyat secara keseluruhan. Namun demikian, Kerajaan Negeri tetap akan memberikan pandangan terhadap isu-isu berkaitan undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa dari segi jajaran serta pengambilan balik tanah-tanah yang terlibat di dalam projek ini berdasarkan Kanun Tanah Negara 1965 dan Akta Pengambilan Tanah 1960.

c) Proses pengambilan tanah akan dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) dan pampasan akan dibayar oleh Kerajaan Persekutuan kepada pemilik tanah berdasarkan nilaian oleh Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta (JPPH), sebuah agensi di bawah Kementerian Kewangan (MOF).

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri akan meneliti dan menilai kembali jajaran lebuh raya yang dicadangkan oleh pihak syarikat konsesi yang dilantik. Dalam hal ini, pertimbangan akan dibuat berdasarkan aspek-aspek tertentu khususnya dalam menilai jajaran yang lebih sesuai bagi mengurangkan pengambilan tanah milik individu

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)

TAJUK : PENYELENGARAAN SAMPAH

108. Di kebanyakan projek pembangunan PKNS, Alam Flora ditugaskan untuk menyelenggarakan sampah. Apakah prestasi :

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Kutipan sampah?

b) Pemotongan rumput?

c) Pembersihan parit?

JAWAPAN :

Di kebanyakan projek PKNS, pihak Syarikat Alam Flora Sdn Bhd ditugaskan menyelenggara kutipan sampah sarap di mana prestasinya adalah seperti berikut:

a) Prestasi bagi kutipan sampah keseluruhan di kawasan rumah, kedai dan sekolah adalah sebanyak 75%.

b&c) Prestasi bagi pemotongan rumput dan cucian longkang serta pembersihan pasar malam adalah sebanyak 75%.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(KUANG)

TAJUK : PERPINDAHAN SETINGGAN

109. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Apakah status dan perkembangan perpindahan setinggan di Kg Bunga Raya, Kuang oleh pihak PKNS?

JAWAPAN :

a) PKNS sedang membina rumah pangsa kos rendah di atas lot 10190 dan lot 1022 di pekan kuang bagi tujuan pemindahan setinggan Kampung Bunga Raya, Kuang. Status pembinaan telah mencapai 38 peratus siap dan di jangkakan siap pada Disember 2010. Sebanyak 180 unit dengan harga RM 35,000 seunit melibat 2 blok akan dibina bagi menempatkan semua pemindahan setinggan di Kampung Bunga Raya.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(SEMENYIH)

TAJUK : PROJEK TERBENGKALAI

110. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

a) Berapakah bilangan projek perumahan yang terbengkalai dan bermasalah mengikut PBT dan apakah tindakan yang telah dilakukan untuk mengatasinya?

JAWAPAN :

a) Sehingga 30 Jun 2009, terdapat sebanyak 134 projek terbengkalai yang dikenal pasti di seluruh Negeri Selangor melibatkan 48,360 pembeli. Pecahan projek terbengkalai mengikut Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah seperti berikut :

BIL	KAWASAN PBT	PROJEK PERUMAHAN	PROJEK KOMERSIAL	PROJEK INDUSTRI	PROJEK PEMBESARAN KAMPUNG	JUMLAH PROJEK SEHINGGA 30 JUN 2009	JUMLAH UNIT SEHINGGA 30 JUN 2009
1	Majlis Perbandaran Klang	20	6	1	-	28	4,143
2	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	3	4	-	-	7	2,996
3	Majlis Bandaraya Shah Alam	15	1	1	-	17	5,165
4	Majlis Perbandaran Subang Jaya	3	4	-	-	7	7,830
5	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	10	1	-	-	11	2,924
6	Majlis Perbandaran Kajang	11	-	-	-	11	4,672
7	Majlis Perbandaran Selayang	7	3	-	2	12	2,504

8	Majlis Perbandaran Sepang	9	-	-	-	9	4,004
9	Majlis Daerah Kuala Selangor	10	-	-	2	12	7,205
10	Majlis Daerah Hulu Selangor	6	1	-	5	12	5,955
11	Majlis Daerah Kuala Langat	6	2	-	-	8	962
Jumlah		**100**	**22**	**2**	**9**	**134**	**48,360**

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa langkah dalam mengatasi masalah projek terbengkalai. Ini telah dilaksanakan melalui sistem pemantauan sedia ada yang telah diperuntukkan di bawah Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118).

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri melalui kerjasama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah meningkatkan penguatkuasaan di bawah Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118) bagi memantau 6 bulan sekali ke atas pemaju dengan mewajibkan mereka menghantar Borang 7F untuk memaklumkan status terkini kedudukan projek yang sedang dibina.

Di samping itu, Kerajaan Negeri telah mengarahkan PBT memantau secara dekat melalui Jadual Kedua Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 yang menghendaki pemaju mengemukakan Borang-borang A, B, C, D dan E kepada PBT dan salinan kepada LPHS bagi tujuan pemantauan. Melalui salinan borang-borang tersebut LPHS akan dapat mengenal pasti sekiranya berlaku masalah terhadap sesebuah projek dan tindakan awal akan dapat dijalankan.

LPHS juga melalui sistem pendaftaran pemaju akan membuat pemantauan terus projek-projek yang berdaftar dengan LPHS. Pemaju diwajibkan berdaftar sekiranya ingin menjalankan pembangunan perumahan dalam tempoh 30 hari dari tarikh Kebenaran Merancang diluluskan oleh PBT. Laporan status projek berserta jadual kerja bagi setiap projek pembangunan di Selangor juga dikemukakan secara berkala bagi memastikan projek berjalan mengikut jadual. Melalui sistem pendaftaran ini LPHS bertindak sebagai *'one stop centre'* di mana semua maklumat dikumpulkan dan diedarkan kepada semua Bank, PBT dan KPKT sebagai sistem amaran awalan sekiranya berlaku projek terbengkalai. Lawatan ke tapak projek akan dijalankan dari masa ke semasa bersama pihak perunding projek, bank-bank berkaitan dan PBT sekiranya projek tersebut menunjukkan ciri-ciri akan bermasalah.

Pada masa ini, semua nama pengarah syarikat pemaju yang terlibat dengan projek terbengkalai akan diperoleh melalui Suruhanjaya Syarikat Malaysia untuk disenaraihitamkan dan diedarkan kepada semua PBT dan Pejabat Daerah dan Tanah seluruh Selangor selain dicadangkan untuk dipaparkan dalam laman web sebagai panduan kepada bakal pembeli rumah. Nama-nama yang telah disenaraihitamkan tersebut tidak akan dibenarkan menjalankan sebarang projek di Negeri Selangor walaupun memiliki syer di bawah nama syarikat yang lain.

PROJEK-PROJEK JABATAN KERJA RAYA NEGERI SELANGOR (PROJEK NEGERI) SEJAK MAC 2008

BIL	SENARAI PROJEK	HARGA KONTRAK (RM)	KONTRAKTOR	TARIKH MILIK TAPAK / TARIKH SIAP	TUJUAN PELAKSANAAN
1	Projek Jalan Bangi Ke KISDAR, Daerah Hulu Langat	51,641,532.10	Twinity Enterprise	Tarikh Mula : 18 Mac 2008 Tarikh Siap : 17 Mac 2010	Projek diluluskan di dalam RMK9
2	Cadangan Menaiktaraf Jln Monfort (B9) Dari Persimpangan Politeknik Shah Alam Ke Jalan Masuk TUDM, Shah Alam, Selangor	46,650,000.00	Cekal Tulin Dev Sdn Bhd	Tarikh Mula : 18 Mac 2008 Tarikh Siap : 17 Sept 2010	Laluan ke TUDM Subang. Keperluan pembesaran jalan disebabkan pertambahan trafik dan masalah banjir
3	Pembinaan 'Culvert' Baru Lintasan Di Batu 7 1/2, Jalan Puchong, Daerah Petaling, Selangor.	3,900,000.00	Shazdif Management	Tarikh Mula : 18 Mac 2008 Tarikh Siap : 23 Mac 2009	Projek diluluskan di dalam RMK9
4	Menaiktaraf dan Melebarkan Jalan Sungai Air Tawar Daeeah Sabak Bernam, Selangor.	7,500,000.00	Asas Kasturi Sdn Bhd	Tarikh Mula : 18 Mac 2008 Tarikh Siap : 10 Julai 2009	Projek diluluskan di dalam RMK9
5	Pembinaan Jln Rinching Tengah Ke Kg Rinching Hilir Dan Jln Kg Rinching Hulu Ke Kg Batu 3,Jln Bangi Semenyih,Daerah Hulu Langat	1,875,000.00	Zafirah Enterprise	Tarikh Mula : 1 April 2008 Tarikh Siap : 21 Julai 2008	Missing Link' dan menaiktaraf jalan sedia ada
6	Cadangan Melaksanakan Kerja-Kerja Pembukaan Di Ladang Sg Sedu Ke Bangunan Baru Pejabat Tanah/Daerah Kuala Langat	430,000.00	Pertubuhan Peladang Kawasan Kuala Langat	Tarikh Mula : 1 Mac 2008 Tarikh Siap : 17 April 2008	Keperluan jalan masuk ke Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Langat
7	Membina Jalan Masuk Ke Tapak Cadangan Sanitary Landfill Di Tanjung Dua Belas Daerah Kuala Langat	15,989,850.00	Mindar Enterprises Sdn Bhd.	Tarikh Mula : 16 April 2009 Tarikh Siap : 29 Oct 2009	Keperluan jalan masuk ke Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Tanjung 12

PROJEK-PROJEK JABATAN KERJA RAYA NEGERI SELANGOR (PROJEK PERSEKUTUAN) SEJAK MAC 2008 HINGGA KINI

BIL	SENARAI PROJEK	HARGA KONTRAK(RM)	KONTRAKTOR	TARIKH MILIK TAPAK TARIKH SIAP	TUJUAN PELAKSANAAN
1	CADANGAN KERJA-KERJA MEREKABENTUK,MEMBINA DAN MENYIAPKAN 3 BUAH MENARA (IKEKAL, 2 SEMENTARA) 132 KV TALIAN ATAS TENAGA NASIONAL BERHAD DAERAH KLANG.	8,164,600.00	FACC ENGINEERING SDN.BHD	Jun-08 20/10/2008	PROJEK DILULUSKAN DALAM RMK9
2	MENGGANTIKAN JAMBATAN NO FT 005/344/50 DI ATAS SG.SEPANG SELANGOR.	4,500,000.00	NUSANTARA ASIA (M) SDN.BHD	1/7/2009 30/12/2009	PROJEK DILULUSKAN DALAM RMK9
3	CADANGAN MENGGANTI JAMBATAN STRUKTUR FT3216/3/70 DI ATAS SG.RASA, KLANG SELANGOR DARUL EHSAN.	6,500,000.00	POTENSI CEKAL SDN.BHD	17/8/2009 16/4/2010	KERJA-KECEMASAN BAGI MENGATASI BANJIR DI TAMAN RASHNA DAN KAWASAN PERINDUSTRIAN BERHAMPIRAN.



BAHAGIAN JALAN

LAPORAN PRESTASI FIZIKAL DAN KEWANGAN

PROJEK JALAN KAMPUNG

PAKEJ RANGSANGAN

SEHINGGA

30-Sep-09

PERUNTUKAN : B11-231-010100-021901-42000

Disediakan Oleh :-
SITI SURAIYA BINTI SH HAMID
JURUTEKNIK AWAM J17

RINGKASAN PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK JALAN KAMPUNG (PJK)
KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR & WILAYAH SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2009 (PAKEJ RANGSANGAN)

BIL	DAERAH	PARLIMEN	BIL PROJEK	PANJANG JALAN (KM)	STATUS FIZIKAL						STATUS KEWANGAN			CATATAN/ULASAN		BAKI PRUNTUKN
					BM		DP		SIAP		PERUNTUKAN DITERIMA (RM)	BELANJA		% PROJEK SIAP	% BELANJA	
					BIL PROJEK	TARIKH JANGKA SIAP	BIL PROJEK	TARIKH JANGKA SIAP	BIL PROJEK	TARIKH JANGKA SIAP		TANGGUNGAN (RM)	SELESAI BAYAR (RM)			
1	HULU LANGAT	Semenyih	11	4.02					11		732,210.00		735,789.00	100.00	100.49	
		Kajang	3	0.38					3		197,790.00		193,473.00	100.00	97.82	
			14	**4.40**	0		0		14		**930,000.00**	**0.00**	**929,262.00**	**100.00**	**99.92**	738.00
2	SABAK BERNAM	Sabak Bernam	5	1.97					5		520,000.00	0.00	520,021.50	100.00	100.00	
		Sungai Besar	2	1.27					2		330,000.00	0.00	329,866.00	100.00	99.96	
			7	**3.24**	**0**		**0**		**7**		**850,000.00**	**0.00**	**849,887.50**	**100.00**	**99.99**	112.50
3	KUALA SELANGOR	Kuala Selangor	3	1.9		-			3		300,000.00	0.00	309,954.20	100.00	103.32	
		Tg Karang	5	3.9					5		550,000.00	0.00	540,038.62	100.00	98.19	
			8	**5.80**			**0**		8		**850,000.00**	**0.00**	**849,992.82**	**100.00**	**100.00**	7.18
4	SEPANG	Sepang	8	3.45					8		850,000.00		**849,975.48**	100.00	100.00	
			8	**3.45**	**0**		0		8		**850,000.00**	**0.00**	**849,975.48**	**100.00**	**100.00**	24.52
5	GOMBAK	Gombak	5	1.39					5	-	180,000.00		434,943.40	100.00	241.64	
		Selayang	6	1.62					6		670,000.00		414,924.15	100.00	61.93	
			11	**3.01**	**0**		**0**		**11**		**850,000.00**	**0.00**	**849,867.55**	**100.00**	**99.98**	132.45
6	KLANG	Kota Raja	3	0.645		-			3	-	140,000.00	0.00	138,674.00	100.00	99.05	
		Kapar	2	2.5					2		400,000.00	0.00	399,375.00	100.00	99.84	
		Klang	6	0.31					6		540,000.00		541,382.05	100.00	100.26	
			11	**3.455**	**0**		**0**		**11**		**1,080,000.00**	**0.00**	**1,079,431.05**	**100.00**	**99.95**	568.95
7	HULU SELANGOR	Hulu Selangor	19	8.331			2		17		850,000.00	26,960.00	822,675.00	89.47	96.79	
			19	**8.331**	**0**		2		17		**850,000.00**	**26,960.00**	**822,675.00**	**89.47**	**96.79**	365.00
8	KUALA LANGAT	Kuala Langat	11	8.74					11		860,000.00		859,993.00	100.00	100.00	
			11	**8.74**		**0**	**0**		**11**		**860,000.00**	0.00	**859,993.00**	**100.00**	**100.00**	7.00
9	PETALING	Petaling	6	4.35					6	-	760,000.00		758,933.30	100.00	99.86	
			6	**4.35**	**0**		**0**		**6**		**760,000.00**	0.00	**758,933.30**	**100.00**	**99.86**	1,066.70
	JUMLAH		**95**	**44.776**	**0**		**2**		**93**		**7,880,000.00**	**26,960.00**	**7,850,017.70**	**97.89**	**99.62**	**3,022.30**

PERUNTUKAN : B11-231-010100-021901-42000

Jumlah Perbelanjaan	**7,876,977.70**	99.96
Baki Perbelanjaan	**3,022.30**	

RM 3,870,000.00 Terima pada 21 Januari 2009
RM 4,010,000.00 Terima pada 5 Mac 2009
JUMLAH PERUNTUKAN RM 7,880,000.00 YANG TELAH DITERIMA DI JKR SELANGOR

PROJEK JALAN KAMPONG (PJK)
KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR & WILAYAH (PAKEJ RANSANGAN)

BIL	NAMA PROJEK	DAERAH	PARLIMEN	KEPERLUAN NAIK TARAF				ANGGARAN KOS (RM)	KOS SEBENAR (RM)	PERBELANJAAN (RM)	NAMA KONTRAKTOR	T.MULA	T. SIAP	CATATAN
				PANJANG JALAN	LEBAR MUKA JALAN	LONGKANG								
				(KM)	(M)	PJG	LEBAR							
	HULU LANGAT													
1	Kerja-kerja menurap Jalan Ke Desa Mahkota, Beranang	Hulu Langat	Semenyih	1.200	3.00			170,000.00	124,408.50	**124,408.50**	Falah Global (M) SB	28.04.09	27.05.09	Siap
2	Kerja-kerja Menurap Jalan Tan Sri Rashid, Beranang	Hulu Langat	Semenyih					70,000.00	65,087.00	**65,087.00**	Batu papan Entrp	13.04.09	27.05.09	Siap
3	Kerja-kerja Menurap Jalan Rinching Hulu 2 Beranang	Hulu Langat	Semenyih					170,000.00	129,730.00	**129,730.00**	WS Maju Enterprise	26.04.09	15.05.09	Siap
4	Jalan Sekamat, Belakang SMKA Kajang	Hulu Langat	Kajang	0.380	3.90			50,000.00	107,790.00	**107,790.00**	Syarikat Mutiara	18.04.09	27.05.09	Siap
5	Kerja-kerja Membina Dan Menurap Semula Jalan Bunga Raya Batu 3, Bangi, Semenyih	Hulu Langat	Semenyih	0.380	3.00			60,000.00	61,924.00	**61,924.00**	OFFA Enterprise	16.04.09	30.04.09	Siap
6	Kerja-kerja Menurap Semula Jalan 1 & 2, Kg. Sentosa, Semenyih	Hulu Langat	Semenyih	0.650	3.50			65,000.00	65,200.00	**65,000.00**	Senibina Aramis Ent.	20.04.09	27.05.09	Siap
7	Kerja-kerja Membina Semula Jalan Kg Sg Buloh, Semenyih.	Hulu Langat	Semenyih	0.720	3.50			120,000.00	101,190.00	**101,190.00**	Balun Bidai Enterprise	23.04.09	25.05.09	Siap
8	Kerja-kerja Membina Semula jalan Kg. Sg. Purun, Semenyih	Hulu Langat	Semenyih	0.770	3.60			85,000.00	80,446.50	**80,446.50**	Syarikat Edasu	21.04.09	27.05.09	Siap
9	Kerja-kerja Menurap Semula Jalan Ke Sekolah Tamil Ladang Semenyih Di Mukim Semenyih.	Hulu Langat	Semenyih	0.300	6.50			50,000.00	47,851.00	**47,851.00**	Kenanga Rsetu Entp	04.05.09	27.05.09	Siap
10	Sambungan jalan Sekamat, Belakang SMKA Kajang	Hulu Langat	Kajang	0.192	4.00			90,000.00	65,690.00	**65,890.00**	Syarikat Nami	10.07.09	06.08.09	Siap
11	Kerja-kerja Menaiktaraf Jalan Lorong Kaki SRK Seri Sekamat, Kg Sekamat, Cheras, Kajang	Hulu Langat	Kajang	0.011	3.00			19,963.00	19,963.00	**19,963.00**	Zaar Usaha Enterprise	19.06.09	14.07.09	Siap
12	Kerja-kerja Membaiki Kerosakan Jalan Kg Puyuh Dalam Batu 10 Cheras, kajang	Hulu Langat						19,995.00	19,995.00	**19,995.00**	Omar Bin Sidoal	12.08.09	14.08.09	Siap
13	kerja-kerja menurap semula Jalan Di Lorong Madrasah Kg batu 13, Cheras, Kajang	Hulu Langat						19,990.00	19,990.00	**19,990.00**	Kelisa Teguh Resources	12.08.09	14.08.09	Siap
14	Kerja-kerja membaiki dan menurap jalan Di jalan Hj. Idris Kg. Rinching Hilir Semenyih	Hulu Langat						19,997.00	19,997.00	**19,997.00**	Desa Ceria Sdn. Bhd.	20.08.09		
	JUMLAH			4.603	34.00			**1,009,945.00**	929,262.00	**929,262.00**				*Baki 738.00*

PROJEK JALAN KAMPONG (PJK)
KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR & WILAYAH (PAKEJ RANSANGAN)

BIL	NAMA PROJEK	DAERAH	PARLIMEN	KEPERLUAN NAIK TARAF				ANGGARAN KOS (RM)	KOS SEBENAR (RM)	PERBELANJAAN (RM)	NAMA KONTRAKTOR	T.MULA	T. SIAP	CATATAN
				PANJANG JALAN	LEBAR MUKA JALAN	LONGKANG								
				(KM)	(M)	PJG	LEBAR							
	PARLIMEN SABAK BERNAM													
1	Baikpulih Jalan Kubur	Sabak Bernam	Sabak Bernam	0.450	4.20			100,000.00	85,625.00	**101,875.00**	Pembinaan dan Kimpalan Misnun	22.06.09	20.07.09	Siap
2	Baikpulih Jalan Tamimi	Sabak Bernam	Sabak Bernam	0.420	4.50			60,000.00	45,650.00	**45,650.00**	Serasi Padu Ent	27.05.09	24.06.09	Siap
3	Baikpulih Jalan Jupri Tebuk Mufrad	Sabak Bernam	Sabak Bernam	0.320	2.50			50,000.00	58,082.00	**69,058.00**	Syarikat Makmur Jaya	13.07.09	03.08.09	Siap
4	Baikpulih Jalan Sapari Selatan	Sabak Bernam	Sabak Bernam	0.370	4.20			150,000.00	138,860.00	**164,757.60**	Syarikat Muda Jaya	13.07.09	03.08.09	Siap
5	Baikpulih Jalan Sapri Utara	Sabak Bernam	Sabak Bernam	0.410	3.50			160,000.00	129,543.00	**138,680.90**	Sinar Faizie	27.05.09	24.06.09	Siap
6	Jalan Sentosa Taliair 10	Sabak Bernam	Sungai Besar	0.800	3.70			200,000.00	199,940.00	**199,940.00**	Pembinaan Putih Kanan	6.05.09	3.06.09	Siap
7	Jalan Tengah Taliair 11 Sungai Nibong	Sabak Bernam	Sungai Besar	0.470	4.50			120,000.00	129,926.00	**129,926.00**	Kamsa Construction	6.05.09	3.06.09	Siap
	JUMLAH			3.240				**840,000.00**	787,626.00	**849,887.50**				*Baki 112.50*

PROJEK JALAN KAMPONG (PJK)
KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR & WILAYAH (PAKEJ RANSANGAN)

BIL	NAMA PROJEK	DAERAH	PARLIMEN	KEPERLUAN NAIK TARAF				ANGGARAN KOS (RM)	KOS SEBENAR (RM)	PERBELANJAAN (RM)	NAMA KONTRAKTOR	T.MULA	T. SIAP	CATATAN
				PANJANG JALAN	LEBAR MUKA JALAN	LONGKANG								
				(KM)	(M)	PJG	LEBAR							
	KUALA SELANGOR													
1	Naik taraf Jalan Kenangan Kg. Teluk Penyamun	Kuala Selangor	Kuala Selangor	0.300	3.50			90,000.00	80,153.20	**80,153.20**	Suhaidi Const	77.04.09	27.04.09	Siap
2	Naiktaraf Jalan Rizab balai Khidmat Masyarakat Seri Sepakat, Kg. Kuantan.	Kuala Selangor	Kuala Selangor	0.300	3.50			50,000.00	47,631.00	**47,631.00**	Genius Techtic Ent.	7.04.09	27.04.09	Siap
3	Menaiktaraf Jalan Cenderawasih Kg Bkt Kuching	Kuala Selangor	Kuala Selangor	1.300	4.20			160,000.00	182,170.00	**182,170.00**	Rif Sepakat Entp	23.04.09	20.05.09	Siap
4	Menurap jalan ban 3 dari Taliair 3 ke parit 4	Kuala Selangor	Tg Karang	0.600	4.20			90,000.00	77,742.00	**77,742.00**	Rabiah Hasan Entp	7.04.09	04.05.09	Siap
5	Membina Sebahagian Jalan Mat Rojak, Kg Hj Razali	Kuala Selangor	Tg Karang	1.300	3.00			200,000.00	169,456.00	**169,456.00**	Syt Pembekal Pembinaan Tiga	7.04.09	04.05.09	Siap
6	Menurap jalan ban 3 Dari Parit 3 Ke Parit 3, Sg. Burong	Kuala Selangor	Tg Karang	1.000	4.20			200,000.00	199,314.30	**199,314.30**	Anakku Enterprise	23.04.09	13.05.09	Siap
7	Membaikpulih Jalan Haji Musa.	Kuala Selangor	Tg Karang	0.400	3.30			60,000.00	43,741.32	**43,741.32**	Raden Bina Entp	23.04.09	20.05.09	Siap
8	Menyenggara Jalan Surau 2, Kg. Sg. Yu	Kuala Selangor	Tg Karang	0.500	3.30					**49,785.00**	Genius			Siap
	JUMLAH			5.200				**850,000.00**	800,207.82	**849,992.82**				*Baki* ***7.18***

PROJEK JALAN KAMPONG (PJK)
KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR & WILAYAH (PAKEJ RANSANGAN)

BIL	NAMA PROJEK	DAERAH	PARLIMEN	KEPERLUAN NAIK TARAF				ANGGARAN KOS (RM)	KOS SEBENAR (RM)	PERBELANJAAN (RM)	NAMA KONTRAKTOR	T.MULA	T. SIAP	CATATAN
				PANJANG JALAN	LEBAR MUKA JALAN	LONGKANG								
				(KM)	(M)	PJG	LEBAR							
	SEPANG													
1	Menaiktaraf Jalan Raya Untuk Rancangan Tanah Pertanian Berkelompok Di Kg. Pulau Meranti	Sepang	Sepang	0.6	4.00			200,000.00	170,906.50	**193,051.50**	PL Wasi Enterprise	24.04.09	10.06.09	Siap
2	Menaiktaraf jalan 5 serta kerja lain berkaitan untuk Rancangan Tanah Pertanian Berkelompok di Kg Pulau Meranti Mukim Dengkil	Sepang	Sepang	0.55	4.00			160,000.00	136,026.00	**136,025.00**	Ahmad Tohirim	01.06.09	29.06.09	Siap
3	Menaiktaraf jalan masuk ke Kg. Bukit Damar serta Kerja lain berkaitan di Mukim Dengkil	Sepang	Sepang	0.8	5.00			150,000.00	141,461.00	**141,461.00**	Anuar bin Md Ali Piah	01.06.09	29.06.09	Siap
4	Menurap semula jalan serta kerja-kerja berkaitan di lorong Melor 1, Jenderam Hilir	Sepang	Sepang	0.6	4.20			150,000.00	141,505.00	**143,009.48**	Hikmat Semua Entp	01.06.09	29.06.09	Siap
5	Menurap semula jalan sedia ada serta kerja-kerja berkaitan di jalan Jenderam, Jenderam Hilir	Sepang	Sepang	0.9	5.50			190,000.00	189,508.00	**189,568.50**	UG Damai Enterp	01.06.09	29.06.09	Siap
6	Membina lorong baru Jalan Batin Sira Ke Jalan Batin Pulu Serta kerja berkaitan di Kg Bukit Bakong (A) Sepang	Sepang	Sepang	0.1	3.00			18,660.00		18,660.00	Muzir Enterprise			Siap
7	Menaiktaraf Jalan Batin Pulu Serta kerja Berkaitan di Kg Bukit Bangkong (A) Sepang	Sepang	Sepang	0.1	4.00			14,900.00		14,900.00	Azelah Enterprise			Siap
8	Membekal dan Memasang Papan Tanda (PJK) dan kerja berkaitan di dalam Daerah Sepang	Sepang	Sg Pelek & Dengkil					13,300.00		13,300.00	Bangkong Jaya Enterp.			Siap
	JUMLAH			3.650	22.70			**896,860.00**	**779,406.50**	**849,975.48**				*Baki 24.52*

PROJEK JALAN KAMPONG (PJK)
KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR & WILAYAH (PAKEJ RANSANGAN)

BIL	NAMA PROJEK	DAERAH	PARLIMEN	KEPERLUAN NAIK TARAF				ANGGARAN KOS (RM)	KOS SEBENAR (RM)	PERBELANJAAN (RM)	NAMA KONTRAKTOR	T.MULA	T. SIAP	CATATAN
				PANJANG JALAN	LEBAR MUKA JALAN	LONGKANG								
				(KM)	(M)	PJG	LEBAR							
	GOMBAK													
1	Kerja-kerja Naiktaraf Jalan dan Lain--lain Kerja Yang Berkaitan Di Batu 12, jalan Gombak.	Gombak	Gombak	0.140	3.20			155,000.00	58,450.80	**58,450.80**	Ahmad Bakir b Jasmo	21.04.09	18.05.09	Siap
2	Kerja-kerja membaiki jalan dan lain-lain kerja berkaitan di Hadapan Tanah Perkuburan, di Jalan Hospital, Daerah Gombak	Gombak	Selayang	0.120	3.00			25,000.00	38,200.00	**38,200.00**	Business Class Entrp	21.04.09	18.05.09	Siap
3	Membina jalan baru dan lain-lain kerja berkaitan di Lorong A 6 dan A 8, Kg. Melayu Seri Kundang, Rawang, Daerah Gombak	Gombak	Selayang	0.100	3.50			100,000.00	37,880.00	**38,760.00**	Junika Entp	12.06.09	25.06.09	Siap
4	Menaiktaraf jalan dan lain-lain kerja berkaitan di Lorong C 4 dan C 5, Kg. Seri Kundang, Daerah Gombak	Gombak	Selayang	0.600	3.60			150,000.00	84,550.00	**88,056.40**	Cahaya Bina	12.06.09	9.07.09	Siap
5	Menaiktaraf jalan dan lain-lain kerja berkaitan di Jalan Kenanga, Rawang, Daerah Gombak	Gombak	Selayang	0.800	4.25			100,000.00	93,194.00	**97,694.00**	Zabina Business	12.06.09	09.07.09	Siap
6	Menaiktaraf jalan dan lain-lain kerja berkaitan di Jalan Kunci Air, Simpang Tiga, Batu 6 3/4, Jalan Gombak, Daerah Gombak	Gombak	Gombak	0.450	3.50			100,000.00	91,112.00	**101,182.60**	Perniagaan Fajar Timuran	12.06.09	25.06.09	Siap
7	Membina baru jalan dan lain-lain kerja berkaitan di Kg Batu 12 3/4 diantara lot 9367 hingga lot 9372, Daerah Gombak	Gombak	Gombak	0.450	4.00			180,000.00	162,750.00	**175,410.00**	Mutiara Indah Lanscaping	12.06.09	09.07.09	Siap
8	Menurap semula jalan dan lain-lain kerja berkaitan di Lorong Nakhoda 8, 9 dan 11, Batu Caves, Daerah Gombak	Gombak	Gombak	0.350	4.00			40,000.00	41,000.00	**41,000.00**	Min Nigam	12.06.09	02.07.09	Siap
9	Menaiktaraf jalan dan lain-lain kerja berkaitan di jalan Matang Pagar 29,30 & 36 Sg Buloh	Gombak	Selayang					84,900.00	84,900.00	**84,900.00**	Ilham Kualiti Entp	12.06.09	09.07.09	Siap
10	Menaiktaraf jalan dan lain-lain kerja berkaitan di Lorong A9, 3C, 4B, 6C & C7, Kg Melayu Seri Kundabg, Kuang	Gombak	Selayang					67,313.75	67,313.75	**67,313.75**	Alaf Kualiti	21.07.09	27.07.09	Siap
11	Menurap semula jalan dan lain-lain kerja berkaitan dilorong Sering 1,2,3,4, & 5 di Kg Melayu Sg Sering.	Gombak	Gombak					58,900.00	58,900.00	**58,900.00**	Sungai Kertas Const	21.07.09	27.07.09	Siap
	JUMLAH			3.010	29.05			**1,061,113.75**	818,250.55	**849,867.55**				*Baki 132.45*

PROJEK JALAN KAMPONG (PJK)
KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR & WILAYAH (PAKEJ RANSANGAN)

BIL	NAMA PROJEK	DAERAH	PARLIMEN	KEPERLUAN NAIK TARAF				ANGGARAN KOS (RM)	KOS SEBENAR (RM)	PERBELANJAAN (RM)	NAMA KONTRAKTOR	T.MULA	T. SIAP	CATATAN
				PANJANG JALAN	LEBAR MUKA JALAN	LONGKANG								
				(KM)	(M)	PJG	LEBAR							
	KLANG													
1	Membina Dan Menurap Semula Jalan Tar Di Lot 6260 A', Jalan Kota Raja	Klang	Kota Raja	0.145	4.00			45,000.00	43,752.00	**44,824.00**	D Rizz Resources	11.05.09	25.05.09	Siap
2	Membina Dan Menurap Semula Jalan Tar Di Lorong Hj. Bohari 'A', Jalan Bukit Jati.	Klang	Kota Raja	0.200	3.20			45,000.00	42,752.00	**43,782.00**	Wan Nazri Hj Zainial Abidin	11.05.09	01.06.09	Siap
3	Melebar Dan Menurap Semula Jalan Di Jalan Sg Gelama	Klang	Kapar	1.200	5.00			200,000.00	186,525.00	**199,450.00**	Bakti Suci Construction	18.05.09	01.06.09	Siap
4	Melebar dan Menurap Semula jalan Di Sg Banting Kanan	Klang	Kapar	1.300	5.00			200,000.00	188,900.00	**199,925.00**	Izhana Enterprise	18.05.09	01.06.09	Siap
5	Membina dan menyiapkan 'Catwalk" di Jalan Sungai Dalan dan Jalan Selatan Kg. Sg. Lima. Pulau Ketam, Pelabuhan Klang	Klang	Klang	0.170				200,000.00	191,700.00	**199,740.00**	Zuly Enterprise	21.05.09	09.07.09	Siap
6	Jalan Baru Di Lot 3760 Lorong Hj Said, Jalan Kebun	Klang	Kota Raja	0.300	4.30			50,000.00	49,956.00	**50,068.00**	Bukit Dusun	11.05.09	25.05.09	Siap
7	Membina Jalan dari Lot 11529 dan 11533 Kampung Telok Nipah, Pulau Indah, Pelabuhan Klang	Klang	Klang	0.140	4.00			100,000.00	90,895.00	**89,783.45**	Supkhi Jaya	27.05.09	24.06.09	Siap
8	Membina Jalan dari Lot 4896 - 4897 Kampung Telok Nipah, Pualau Indah, Pelabuhan Klang	Klang	Klang					40,000.00	32,090.00	**23,710.00**	Kiambang Biru Enterp	27.05.09	24.06.09	Siap
9	Membina dan Menyiapkan 'Catwalk' Di Jalan Selatan Kampung Sungai Lima, Pulau Ketam, Pelabuhan Klang	Klang	Klang					200,000.00	194,900.00	**199,898.60**	PP Century Entp	27.05.09	22.07.09	Siap
10	Kerja-kerja menurap Jalan di Lot 15281,15223 dan 15410, Jalan Telok Gong,Klang	Klang	Klang					23,000.00	23,000.00	23,000.00	Titian Baiduri Entpr	12.08.09	25.08.09	Siap
11	Kerja-kerja Membekal dan memasang Papan Tanda Projek Jalan Kampung, Daerah Klang	Klang	Klang					5,250.00	5,250.00	**5,250.00**	BNK Vision Entp	24.07.09	06.08.09	Siap
	JUMLAH			3.455				**1,080,000.00**	1,049,720.00	**1,079,431.05**				*Baki 568.95*

PROJEK JALAN KAMPONG (PJK)
KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR & WILAYAH (PAKEJ RANSANGAN)

BIL	NAMA PROJEK	DAERAH	PARLIMEN	KEPERLUAN NAIK TARAF				ANGGARAN KOS (RM)	KOS SEBENAR (RM)	PERBELANJAAN (RM)	NAMA KONTRAKTOR	T.MULA	T. SIAP	CATATAN
				PANJANG JALAN	LEBAR MUKA JALAN	LONGKANG								
				(KM)	(M)	PJG	LEBAR							
	HULU SELANGOR													
